
DENGAN KARYA INI AKU MENGHADAP ALLAH



MESEJ
kepada
MINDA MUSLIM

OLEH : DR. HASSAN HATHOUT
KATA PENGANTAR OLEH DR. MUSTAFA MAHMOUD

BIBLIOGRAFI

Mukadimah

Ya Allah, kurniakan hidayah-Mu kepada kami dan orang yang bersama kami

dan jadikan usaha kami ikhlas kepada-Mu.

Ya Allah, mudahkanlah kami sewaktu hidup kami di dunia,

Mudahkan juga kami sewaktu kami keluar meninggalkan dunia ini,

dan jadikan hari terbaik kami hari kami bertemu dengan-Mu .

Kata Pengantar

Oleh : Dr. Mustafa Mohmoud

Dr. Hassan Hathout pemikir Islam yang unggul. Beliau merupakan seorang doktor perubatan, cendekiawan Islam, pengembara dan penjana transformasi masyarakat. Beliau telah meniti pahit manis kehidupan dan bergaul dengan pelbagai lapisan masyarakat. Karya beliau penuh dengan hikmah dan pengalaman yang bermanfaat kepada khalayak pembaca.

Dr. Hassan berkata, "Dakwah Islam bukan hanya dengan berkhutbah dan melantunkan suara di mikrofon...bahkan setiap tindak-tanduk, akhlak dan suri tauladan yang menghapuskan kejahatan nafsu, lalu menerangi serta menghidupkan kembali jiwa juga ialah dakwah. Seolah-olah jiwa itu melihat dunia buat kali pertama.

Dr. Hassan berkata, " Sesungguhnya orang Islamlah yang menyempitkan ajaran Islam. Mereka mengehadkan Islam kepada janggut dan hijab. Mereka juga menyempitkan syariat Islam dan hanya memfokuskan perundangan. Sedangkan mereka tidak memahami bahawa perundangan Islam pada hakikatnya ialah rahmat sebelum ia menjadi hukuman. Perundangan Islam membina jiwa sebelum menjatuhkan hukuman, menyemarakkan rasa takut akan Allah, bukan takut akan hudud atau sebatan.

Islam merupakan kesedaran intrinsik yang mengawal manusia. Islam juga merupakan mata hati yang mengawal perilaku manusia.

Dr. Hassan berkata, "Aku pendukung hijab, tetapi tidak mengehadkan Islam hanya kepada hijab, sehingga menganggap bahawa sesiapa yang memakainya maka dia penganut Islam dan sesiapa yang tidak memakainya maka dia bukan penganut Islam. Mungkin ada wanita yang berhijab tetapi suka mengumpat dan menipu dalam kehidupan mereka. Pastinya wanita yang tidak berhijab tetapi memiliki sifat belas kasihan, benar dan amanah lebih baik daripada wanita berhijab yang tidak memiliki sifat itu. Beliau juga telah menceritakan kepada kita tragedi pembantaian muslim Bosnia Herzegovina. Ketika rakyat Bosnia diselubungi kelaparan, pembunuhan, rampasan harta benda...dan golongan wanita Islam dari negara Arab Muslim berhasrat

menghulurkan bantuan. Apakah bantuan yang dihulurkan? Sejumlah besar hijab... kerana wanita Bosnia tidak wajar tidak berhijab.

Dr. Hassan memberi respons kepada lelaki Eropah yang mengatakan bahawa Islam telah menyulitkan wanita dan menganiayai hak mereka. Beliau berkata, " Mengapakah kamu berkata begitu, sedangkan Islam memperuntukkan harta pusaka kepada wanita dan memberikan kebebasan pemilikan harta?" Mengapakah kamu berkata begitu, sedangkan wanita Islam pun berhijrah, berjihad dan berjuang bersama lelaki (Nasibah binti Ka^{c}ab berjuang dalam peperangan Uhud)?" Mengapakah kamu berkata begitu, sedangkan seorang wanita pernah membantah Saidina Umar ketika beliau berkhutbah di mimbar sehingga Saidina Umar berkata, "Wanita itu betul dan Umar yang salah?". Mengapakah kamu berkata begitu, sedangkan penyair al-Khansā' pernah mendeklamasikan puisinya di hadapan Rasulullah SAW dan baginda SAW tidak menyatakan bahawa suaranya aurat, bahkan baginda SAW bersabda, "Deklamasikan lagi wahai Khansā!". Inilah wanita Islam dan inilah ajaran Islam.

Jika kita memaksa wanita berhijab, kita hanya mewujudkan kemunafikan dalam Islam.

Dalam isu berkhatan anak perempuan pula, Dr. Hassan berkata, "Amalan ini ialah adat tradisi dan tiada kaitan dengan Islam. Aku dapati ketika menjalankan tugas sebagai doktor sakit puan, beberapa wanita Kristian Habsyah berkhatan...seandainya ini amalan Islam, maka pastinya wanita di Najd dan Hijaz juga telah berkhatan".

Pada pandangan Dr. Hassan, dosa pertama dalam Islam ialah takabbur...ketika iblis berkata kepada Allah tentang Adam...Aku lebih baik daripadanya...Engkau menjadikan aku daripada api dan Adam daripada tanah. Dosa pertama bukanlah dosa memakan buah terlarang. Ini ialah kefahaman yang tuntas dalam Islam. Takabbur ialah punca segala dosa. Orang yang memiliki sekelumit takabbur tidak akan memasuki syurga. Bahkan sesungguhnya perbuatan memakan buah terlarang hanyalah tindak balas daripada sifat egoistik iblis.

Dalam isu komplot Israel dan Barat untuk memusnahkan Islam dengan mewujudkan sifat ekstrem dan fanatik dalam kalangan umat Islam dan Kristian di Mesir, Dr. Hassan berkata, "Pergolakan antara agama di Mesir tidak berlaku seperti

tragedi Paris. Dalam tragedi itu, penganut Kristian Katolik telah menyembelih 40 ribu penganut Kristian Protestan".

Mengapakah kamu mentohmah kami dengan sifat fanatik sedangkan dalam al-Quran, Allah SWT berfirman yang bermaksud : "dan janganlah kamu berbahas dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik".

Dalam sejarah Islam, ketika Saidina Umar berjaya membuka Palestin, beliau tidak bersolat di dalam gereja al-Quds, bahkan beliau bersolat di luar gereja supaya gereja itu dihormati. Hanya penganut Kristian yang beribadat di dalam gereja itu. Beliau juga menjamin keamanan kepada ruhban yang berada di dalam gereja mereka ketika peperangan.

Dalam isu yang tersebar di Barat yang mengatakan Islam agama teroris, Dr. Hassan berkata, "Sebenarnya Israellah teroris . Sejarah menunjukkan bahawa sebenarnya Israel yang memulakan keganasan dan serangan oleh organisasi ketenteraan Israel seperti *Haganah* (Organisasi Separa Tentera Yahudi), *Stern* (Organisasi Pejuang Kebebasan israel) dan *Irgun* (Organisasi Ketenteraan Israel). Seorang yahudi bernama Yuri Labrani, penasihat Ben Gurion, Perdana Menteri Israel pertama pernah berkata, "kita akan terus berperang sehingga orang Arab menjadi buruh dan pelayan restoran."

Menurut Dr. Hassan, penyelesaian perlu dimulakan dengan memperbaharu diri sendiri. Jangan terima kekalahan dalam diri sendiri walaupun apa jua yang terjadi.. Jangan kecewa dan yakin akan pertolongan Allah. Allah berfirman yang bermaksud : "Sesungguhnya Allah membela orang yang beriman" dan "sememangnya menjadi tanggungjawab Kami menolong orang yang beriman".

Oleh itu, kita perlu menjadi seorang mukmin terlebih dahulu. Jangan kita pisahkan sesuatu isu daripada kaca mata Islam tetapi pisahkan isu itu daripada kaca mata Arab. Isu yang tinggal hanyalah isu Palestin. Kita cuba menanganinya walaupun agak terlewat dan walaupun kita telah mengalami kerugian dalam banyak perkara.

Dr. Hassan berpandangan bahawa kebebasan kepada bangsa Arab umpama antibodi dalam badan mereka, tanpa antibodi ini mereka akan mati dalam perselisihan faham dan perpecahan.

Dr. Hassan juga berpendapat bahawa Amerika ialah pembantu Israel untuk menentang kita. Meskipun demikian, Amerika juga mempunyai kepentingan tersendiri. Pastinya kamu akan merasakan bahawa perkara ini akan mengancam kepentingan Amerika. Beliau bertanya: Apakah yang akan berlaku jika orang Islam di dunia ini tidak menghisap rokok Amerika, meminum Coca Cola Amerika, memakai jeans Amerika, makan Mc Donald, Kentucky dan Hamburger? Dia meneruskan, "Ghandi telah melakukannya sebelum ini hingga menyebabkan Inggeris keluar dari India".

Seterusnya, isu Zon Perdagangan Bebas Arab (Arab Common Market)... Di manakan zon itu dan bilakah zon itu diwujudkan? Selain itu, isu satelit Arab yang menyiarkan rancangannya kepada rakyat Amerika...Di manakah suara politiknya? Di manakah rancangan politik yang disajikan kepada penduduknya dengan menggunakan bahasa mereka. Amerika negara yang terbuka kepada segala jenis oposisi.

Dr. Hassan berkata, "Sesungguhnya negara-negara maju telah merangka pelan untuk abad ke-21 yang bentuknya seumpama sistem perladangan. Mereka ialah pemiliknya dan negara-negara lain umpama binatang ternakan yang diperlukan oleh petani dan hamba ketika zaman feudalisme."

Inilah cabarannya. Adakah kita mengerti?

Inilah karya Dr. Hassan. Beberapa kupasan dalam buku ini sesungguhnya amat bernilai.

Sesungguhnya Dr. Hassan cuba mengeluarkan Islam dari kepompong golongan ekstrem dan fanatik. Beliau juga berusaha membiarkan Islam berinteraksi secara terbuka supaya khazanah dan rahsia dapat dipamerkan pada era globalisasi, era pengabaian maslahat dan era krisis Arab-Israel.

Beliau dan kita semua mengimpikan agar suatu hari nanti orang Islam dan Arab bersolidariti selain bertindak secara anak jantan dalam menghadapi agenda pembantaian umat Islam dan juga komplot untuk menghapuskan Islam di muka bumi.

Selamat membaca karya Dr. Hassan Hathout

Dr. Mustafa Mahmoud

Sekilas Pandang

Aku mencari pewaris.

Pusakaku bukanlah duit, bangunan, kilang dan perniagaan yang merupakan debu dunia. Pun demikian, aku tidak mengeji orang yang memperoleh rezeki itu. Sesungguhnya Allah yang memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya tanpa berkira. Sebaik-baik harta yang elok ialah harta yang berada di tangan insan soleh.

Pusakaku yang amat aku caknakan ialah pusaka yang akan lenyap dengan kematianku dan tidak bermanfaat lagi jika tidak diwarisi. Pusakaku ialah idea dan pengalamanku yang telah matang setelah melalui liku-liku kehidupan. Aku bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana menjadikan kehidupanku kehidupan yang tidak mempunyai rasa jemu dan leka. Apabila ada yang menghulurkan tangan meminta pusakaku, pasti aku akan memberikannya, tetapi dengan syarat; Aku mewariskan pusakaku sebelum kematianku. Adakah sesiapa yang sanggup menerimanya?!

Aku dilahirkan di Syibin el-Kawm di dataran Nil. Aku membesar dalam suasana dan budaya kampung. Dahan pokok yang berjuntaian ke laut Syibin seolah-olah pengantin yang menguraikan rambutnya yang panjang. Di kampungku, ladang terbentang luas menghijau dan terdapat juga terusan serta jentera menuai. Sangkaanku bahawa Sungai Syibin adalah yang paling besar, rupa-rupanya meleset. Apabila aku ke Kaherah, kudapati Sungai Nil lebih besar lagi. Apabila aku melawat Iskandariah, kudapati lautan yang lebih besar. Ufuk itu terus meluas sepanjang hayatku.

Bapaku penyair yang puitis dan sasterawan yang unggul serta ahli falsafah yang sentiasa tenang. Beliau memiliki kespontanan, kelucuan dan keriangan yang menyebabkan kehadirannya menarik sedemikian ramai manusia.

Ibuku pula srikandi berjiwa patriotik. Beliau memberikan sumbangan dalam mempertahankan negara selain memulakan dan mengetuai demonstrasi wanita di daerah kami demi membantah penjajahan Inggeris. Mereka bermula di Masjid ‘Abbasiyy dan berjalan ke Gereja Koptik. Apabila ibuku berkahwin, melahirkan dan menyusui dua orang cahaya matanya. Dia mendidik anak-anaknya supaya mencintai Allah dan negara.

Allah telah melimpahi aku taufik dalam pembelajaranku sehingga aku menjadi profesor dan ketua jabatan dalam bidang pengkhususanku.

Seterusnya, aku berkahwin dengan wanita pilihanku. Ketika kali pertama aku melihatnya, aku terus menyampaikan hasratku untuk mengahwininya.

Aku juga telah kehilangan anak perempuan sulung kerana terlibat dalam kemalangan jalan raya. Ketika aku membaca telegram, aku terus berdoa "Ya Allah, aku tahu Engkau dan para malaikat-Mu memandangku...Ya Allah, aku tahu Engkau sedang mengujiku dan aku harapkan agar aku mampu menghadapi ujian-Mu ini. Ya Allah, aku tahu bahawa manusia akan dapat menerima hakikat ujian itu setelah masa berlalu, tetapi ujian sebenar dirasai adalah pada saat menerima takdirmu. Ya Allah, jika Engkau meredai aku dengan ujian ini, sesungguhnya aku reda menerima ujian ini...aku reda. Ya Allah sesungguhnya anak perempuanku ini pemberianmu kepadaku, maka aku pulangkan kembali pemberianmu ini".

Selain itu, aku juga telah menyaksikan peperangan dan aku juga menyaksikan kekasaran sesama manusia. Aku pernah merasakan kematian begitu hampir denganku tatkala dihujani peluru. Namun aku yakin, peluru-peluru itu tidak akan mengena kecuali pada orang yang telah ditakdirkan Allah. Tawanan musuh pernah dibawa kepadaku, maka aku pun merawat mereka dengan cara yang terbaik.

Peperangan telah menyebabkan aku menjadi tawanan. Aku pun berasa pelik atas pembalasan ini. Namun, aku belajar sesuatu. Kezaliman yang dilakukan oleh saudara mara lebih menyakitkan daripada tikaman pedang. Ibu dan insan-insan kesayangan menangis tatkala melihat gari di tanganku. Ibuku berteriak," Gari di tanganmu hanyalah hiasan, wahai Hassan!".

Aku diuji dengan penyakit kanser perut. Walaupun begitu, aku tidak mempersoalkan, "Mengapakah aku?"Aku rasakan aku terlalu mementingkan diri sendiri, jika kita tenang melihat orang menghidap kanser, tetapi takut apabila diri sendiri menghidapnya. Bayangan kematian telah menjelma di hadapanku, lantas aku berkata, " Siapakah yang tidak mati? Hanya Allah yang Maha Hidup sahaja yang tidak mati."

Aku berusaha merawat penyakitku dan aku berasa tertekan. Aku pun menghilangkan kerunsinganku dengan mengarang sebuah buku dalam bahasa Inggeris berjudul "*Reading The Muslim Mind*". Buku ini telah berjaya menjadi media dakwah Islam sebenar yang dibaca oleh bukan muslim dan juga muslim.

Aku masih lagi sakit tetapi rawatan itu meninggalkan kesan kepadaku. Walau bagaimanapun, selagi jantung berdenyut, hidup masih perlu diteruskan. Jihad masih perlu dilestarikan. Aku telah mengambil keputusan untuk tidak mati sebelum aku mati.

Aku telah berjumpa dengan ramai tokoh dalam hidupku. Orang lain mungkin tidak berkesempatan berjumpa dengan mereka. Aku telah berjumpa dengan guru, mursyid dan insan pujaan yang beriman, mithali, berhati suci dan yang berkhidmat untuk manusia. Semoga Allah merahmati mereka semua.

Aku bermastautin di Kuwait dalam tempoh yang lama. Kuwait berjasa kepadaku, bukan kerana jawatan dan gaji yang diberikan, tetapi budi dan kebaikan yang hanya diketahui oleh beberapa warga Kuwait sahaja. Dalam kalangan mereka ada yang telah meninggal dunia dan ada yang masih menunggu dan Allah tidak sekali-kali akan mengubahnya.

Allah telah menggantikan aku dengan kebaikan demi kebaikan. Sesungguhnya kurniaan Allah kepadaku amat hebat sekali.

Cinta kepada Islam sentiasa tersemat dalam diriku sepanjang hayat. Aku sentiasa membawa nama dan misi Islam serta beramal dengan ajarannya. Siri lawatanku ke Amerika menunjukkan agama ini mempunyai peluang yang cerah dan bersejarah di sana. Jika kita lepaskan peluang ini, maka ia satu kerugian. Banyak perkara kita telah terlepas. Jika kita memanfaatkan peluang ini, berkemungkinan akan menjadi catatan sejarah kepada Amerika, dunia dan umat Islam serta isu-isu yang berkaitan dengannya.

Aku pun meletakkan jawatan di Kuwait dan menamatkan perkhidmatanku dalam bidang kedoktoran yang kucintai, lalu berhijrah ke Amerika. Aku berkata, "Aku akan menghabiskan usiaku untuk berkhidmat kepada Islam. Aku akan memanfaatkan peluang ini selagi aku masih terdaya. Empat puluh tahun dalam perkhidmatan kedoktoran sudah cukup. Syukur kepada Allah.

Khidmat Islam yang terbaik di Amerika (dan negara-negara lain sama ada negara Islam atau tidak) ialah mendidik keikhlasan dan kehidupan serta menunjukkan contoh yang terbaik kepada manusia.

Aku suka akan Amerika walaupun banyak kerosakan di dalamnya sama ada dalam aspek akhlak mahupun politik. Walaupun begitu, Amerika memberi kebebasan untuk khidmat Islam yang tidak terdapat di kebanyakan negara Islam. Walaupun kedua-dua kebebasan, sama ada untuk membuat kebajikan atau kerosakan dibenarkan tetapi Islam tetap meraih keuntungan bagi jangka masa panjang. Apabila tiada kebebasan, Islam akan rugi.

Aku memerhatikan Islam di peta dunia, lalu aku dapati ada yang menggembirakan dan ada pula yang mendukacitakan. Aku merenung golongan aktivis Islam, aku mendapati sebahagian daripada mereka berkhidmat untuk Islam dan sebahagian yang lain sebenarnya merosakkan Islam itu sendiri.

Suatu ketika dahulu, kita mendengar cerita beruang yang menghalau lalat daripada muka tuannya dengan batu sehingga tuannya mati. Kemungkinan aku melihat orang yang berteriak dengan penuh semangat tetapi gerakan mereka dijana oleh kebencian dan kemarahan. Kemungkinan juga mereka telah menganiayai orang yang tidak bersalah begitu lama, bahkan telah membunuh kanak-kanak dan wanita...namun mereka menyangka mereka berjihad. Sebenarnya mereka tidak sekali-kali berjihad. Allah berfirman yang bermaksud : “Katakanlah (Wahai Muhammad): "Mahukah Kami khabarkan kepada kamu akan orang yang paling rugi amal perbuatannya? (Iaitu) orang yang telah sia-sia amal usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang dilakukan mereka".

Secara zahirnya, musuh yang berakal lebih baik daripada sahabat yang jahil. Antara kelompok Islam yang wujud kini, aku benar-benar berasa takut jika mereka memerintah atau menyokong pemerintah.

Kita melaungkan bahawa sesungguhnya kita hidup pada era kebangkitan Islam, tetapi keperluan kepada pendidikan dan bimbingan amat mendesak. Buku ini merupakan salah satu sumbangan ke arah itu. Aku menulis buku ini ketika usia telah mencecah tujuh puluh tahun. Aku pula telah berkecimpung dalam pelbagai isu Islam di

timur dan barat. Aku mengharapkan khalayak pembaca tidak memandang serong terhadap idea yang aku kemukakan. Aku menulis dengan jiwa yang ikhlas. Semoga karya ini menjadi sokongan kepada usaha ulama' mukmin dan pendakwah yang menazarkan diri mereka untuk berkhidmat kepada Islam dan mempertahankannya dari luar dan dalam. Aku berkeyakinan bahawa usaha mereka akan mencapai kejayaan. Sesungguhnya kesudahan yang baik kepada orang yang bertakwa dan Allah akan mengilhamkan mereka jawapan yang tepat pada hari pembalasan kelak. Allah bertanya, "Aku berikan Islam kepada kamu, maka apakah sumbangan kamu kepadanya dan apakah yang kamu amalkan daripadanya?

Aku membahagikan buku ini kepada bab-bab. Setiap bab akan membicarakan isu yang berkaitan dengan umat Islam kini ataupun yang perlu diambil peduli oleh umat Islam secara rawak. Ini kerana falsafahku dalam mendidik: "Pendidikan ialah mencetuskan rasa dan bukannya menyuap semua maklumat."

Sesungguhnya, kadangkala hatiku berasa tertekan kerana menempuh laluan sukar dalam menyebarkan Islam tetapi hasilnya, alhamdulillah - masa depan Islam semakin cerah dan terserlah petunjuk bahawa Allah mengampunkan dosa yang lalu dan memperbaik keadaan dan situasi sekarang. In sya Allah.

Pada zaman Rasulullah SAW, baginda SAW berkhutbah tanpa mikrofon dan radio, maka baginda SAW pun berdoa, "Ya Allah, perdengarkanlah dakwahku kepada hamba-Mu". Itu juga yang aku doakan ketika aku menyajikan buku ini kepada khalayak. " Ya Allah, perdengarkanlah dakwahku ini kepada hamba-Mu".

Aku persembahkan buku ini yang merupakan sudut pandangku, wasiatku kepada pewarisku dan pusaka yang boleh diambil oleh sesiapa yang menghendakinya dari apa jua aspek yang dikehendakinya.

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.

Hassan Hathout

101 N Grand Ave., Apt. 2

Pasadena,

Carlifonia 91103

Amerika Syarikat

Allah yang Maha Pencipta

Segala sesuatu perlu bermula daripada asasnya...

Jika tidak, jadilah kita seperti tukang rumah yang membina rumah tanpa menggali tanah untuk meletakkan asas binaan. Ternyata golongan manusia seperti ini banyak sekali!

Aku pernah bertanya kepada cucuku, “Adakah cucunda percaya akan kewujudan Allah?” Cucuku lantas menjawab, “Pastilah nenda!” Cucuku menghela nafas seraya berkata, “Nenda, bonda juga berkata begitu!”Aku mengambil sebuah buku kecil cucuku dan aku lalu bertanya, “Siapakah pengarang buku ini?” Cucuku lantas membacakan nama pengarang yang tercatat pada kulit buku itu. Aku berkata lagi, “Andai nenda mengoyakkan kulit buku ini dan mendakwa buku ini tertulis sendiri tanpa pengarang, apakah yang akan cucunda katakan?” Cucuku menjawab, “Mustahillah nenda!” Aku pun menjelaskan, “Jika buku ini merupakan bukti kewujudan pengarangnya, maka makhluk ini tanda kewujudan apa?”Cucuku lantas menjawab, “Kewujudan penciptanya.”

Analogi yang jelas dan mudah tetapi tuntas dan cukup meyakinkan. Atas dasar ini, Nabi Ibrahim AS berfikir tentang pencipta-Nya seperti yang difirmankan oleh Allah SWT dalam Surah al-Anᶜam :75-79 yang bermaksud : “Dan Demikianlah Kami perlihatkan kepada Nabi Ibrahim kebesaran dan kekuasaan (Kami) di langit dan di bumi, dan supaya jadilah ia daripada orang yang percaya dengan sepenuh keyakinan. Maka ketika Ibrahim berada pada waktu malam yang gelap, dia melihat sebiji bintang (bersinar-sinar), lalu dia berkata: "Inikah Tuhanku?" kemudian apabila bintang itu terbenam, dia berkata pula: "Aku tidak suka kepada yang terbenam yang hilang".Kemudian apabila dilihatnya bulan terbit (menyinarkan cahayanya), Ibrahim berkata: "Inikah Tuhanku?". Maka setelah bulan itu terbenam, berkatalah dia: "Demi sesungguhnya, jika aku tidak diberi petunjuk oleh Tuhanku, nescaya jadilah aku daripada kaum yang sesat."

Sudah menjadi keunikan kitab al-Quran menyampaikan mesej yang mendalam dengan hanya beberapa kalimah sahaja. Jika ayat ini hanya bertujuan menggambarkan bahawa Nabi Ibrahim AS melihat bintang, bulan dan matahari semata-mata, maka itu ialah perkara biasa dan bukan sesuatu yang pelik. Nabi Ibrahim AS dan sekalian manusia melihat fenomena itu setiap hari

dalam kehidupan mereka. Walau bagaimanapun, firman Allah dalam ayat ini yang menyatakan bahawa Allah memperlihatkan kepada Nabi Ibrahim AS kehebatan dan kekuasaan-Nya di langit dan di bumi menunjukkan bahawa Allah sedang membimbing mata hati dan pemikiran Ibrahim AS. Pastinya, dalam pemerhatian Nabi Ibrahim AS yang begitu lama, baginda meyakini bahawa bintang, bulan dan matahari mengikut satu sistem yang rinci dan tertakluk pada aturan yang rapi. Pastinya juga, di benak fikirannya berlegar-legar soalan: Siapakah yang mencipta sistem dan aturan yang amat rapi ini?

Oleh yang demikian, semestinyalah di sebalik kewujudan ini ada penciptanya.

Dahulu kala, masyarakat Badwi yang tidak pernah melalui arus pendidikan mengungkapkan bahawa najis unta bukti wujudnya unta dan kesan tapak kaki pula bukti wujudnya pejalan kaki. Justeru, kewujudan alam ini pastinya menunjukkan wujudnya pencipta yang maha berkuasa, maha bijaksana dan maha mengetahui.

Ketika zaman remajaku, aku cuba untuk menjadi orang yang berfahaman ateis. Pada waktu itu, perang dunia kedua sedang meletus. Benteng yang memisahkan negara Rusia yang berfahaman komunis dengan kebanyakan negara lain termasuklah negaraku Mesir telahpun lenyap. Rusia bersama-sama Britain dalam blok perikatan telah menakluki Mesir. Fahaman Komunis menjadi ideologi semasa para cendekiawan dan penuntut universiti. Ramai sahabatku yang bijak dan intelek telah menganut fahaman komunis. Aku berkata kepada diriku, jika para intelektual berpandangan bahawa ideologi ini adalah benar, berkemungkinan pemikirankulah yang lemah dan salah. Aku pun cuba untuk memahami kewujudan alam ini tanpa pencipta dengan sedaya upayaku, namun yang kutemukan hanyalah kegagalan. Pada suatu malam ketika aku menelaah sebuah kamus, aku terkesima dengan satu idea: Jika seseorang berkata kepadaku, “Kamus ini tersusun sejurus ledakan berlaku di kilang percetakan yang menyebabkan huruf-huruf berterbangan di udara dan apabila huruf-huruf itu jatuh, aku dapati huruf-huruf itu tersusun elok seperti susunan asal kamus ini. Adakah perkara ini dapat diterima akal? Pastinya mustahil dan tidak dapat diterima sama sekali. Aku pun lalu mengabaikan isu ini buat selama-lamanya.

Namun begitu, timbul pula persoalan baharu. Persoalan yang sukar dirungkaikan oleh logik akal manusia. Andai setiap sesuatu dicipta oleh pencipta, siapakah pula yang mencipta pencipta pertama?

Andai wujud sesuatu zat sebelum pencipta pertama, pastinya zat itu ialah tuhan yang maha mencipta. Tuhan yang tiada awalan dan akhiran. Kewujudan tuhan yang tiada awalan dan akhiran dapat dibuktikan dengan logik matematik. Bertunjangkan ilmu matematik, jangka hayat zat yang tiada awalan dan akhiran dikenali sebagai infiniti. Seseorang mungkin bertanya, “Apakah maksud infiniti?” Kita pun menjawab, “Kita pun tidak pasti. Kita semua makhluk yang tertakluk pada konsep permulaan dan pengakhiran. Oleh itu, kita semua sukar untuk memahami hakikat itu”. Walaupun begitu, infiniti ialah fakta ilmiah yang dipelajari oleh penuntut disiplin ilmu matematik. Istilah “Infiniti” ditandakan dengan simbol “∞“. Justeru, persoalan ini sewajarnya tidak membingungkan akal fikiran kita kerana sememangnya akal manusia terbatas. Akal yang terbatas pastinya tidak dapat memahami zat pencipta yang infiniti.

Setelah itu, persoalan kedua pula akan muncul. Kita mengakui bahawa pencipta itu wujud. Lalu apakah kaitannya dengan kita? Mengapakah kita perlu peduli sama ada pencipta itu wujud atau tidak?

Sesiapa yang percaya akan kewujudan pencipta, maka dia hendaklah merenung makhluk ciptaannya. Apabila kita perhatikan secara jujur, kita akan mendapati bahawa spesies manusia berbeza daripada ciptaan-ciptaan lain. Ketika di bangku sekolah, pelajar dimomokkan dengan fakta bahawa manusia ini berevolusi daripada spesies haiwan. Kini, kita telah mengetahui hakikat sebenar lantas kita pun menolak fakta tersebut.

Berdasarkan kajian empirikal, kita bersetuju bahawa komponen zarah yang membentuk badan kita dan universal ini serupa. Kita juga mengetahui bahawa ciri-ciri biologi kita dan spesies haiwan seperti anggota badan, fungsi anggota, nafsu dan naluri juga serupa. Meskipun demikian, kita bukan daripada spesies haiwan. Sistem biologi bukanlah parameternya.

Kita dinamai manusia bukan kerana sistem biologi, tetapi berdasarkan domain nilai dan kerohanian. Sekiranya kita merenung hakikat manusia, pasti kita akan mendapati bahawa Allah telah mengurniai manusia empat ciri yang membezakannya daripada spesies lain. Ciri pertama, ilmu, kecintaan terhadapnya serta iltizam untuk memperoleh dan menambahnya. Ciri kedua, kebaikan dan kejahatan, hak dan batil serta larangan dan suruhan. Ciri ketiga, kebebasan memilih dan melaksanakan keputusan yang telah dipilih. Ciri keempat, kebertanggungjawaban terhadap pilihan yang telah diambil. Ciri keempat ini berkaitan dengan ciri ketiga.

Kita bukanlah spesies makhluk yang telah diprogramkan. Makhluk yang bertindak balas terhadap sesuatu perkara dengan aturan yang telah ditetapkan. Jika diteliti kehidupan haiwan, haiwan bertindak balas berdasarkan keperluan biologinya, sebaliknya manusia tidak begitu. Walaupun manusia juga memiliki keperluan biologi tetapi mereka tidak bertindak balas terhadap sesuatu perkara secara spontan dan membuta tuli. Bahkan manusia meneliti situasi dan menilai baik buruk perkara tersebut terlebih dahulu. Kemudian, hati dan kemahuannya akan membuat keputusan. Sebahagian daripada mereka memilih kebaikan dan sebaliknya, terdapat juga yang memilih kejahatan. Setiap keputusan dan tindakan yang diambil akan dipertanggungjawabkan. Sesungguhnya Allah telah mencipta manusia dengan fitrah ini dan memberi manusia kebebasan untuk membuat keputusan.

Analoginya, jika seekor kuda berasa lapar dan menjumpai makanan, lantas kuda itu pun makan. Perilaku kuda ini pastinya tidak janggal dan kita pun pasti tidak terfikir kuda ini akan bertanya sama ada makanan yang dijumpainya itu milik kuda lain atau tidak? Sebaliknya, perilaku manusia tidak seperti kuda ini. Andai kita menjumpai sebalang gula-gula yang amat digemari, lalu kita pun mengambil dan memakannya, nescaya kita akan dimarahi kerana mengambil sesuatu yang bukan hak kita. Sepatutnya kita menyedari bahawa kita tidak boleh mengambil sesuatu yang bukan milik kita.

Kita juga berbeza dengan para malaikat. Para malaikat merupakan makhluk yang telah diprogramkan oleh Allah. Malaikat diciptakan dalam kondisi sentiasa taat kepada Allah kerana mereka tidak tahu untuk melakukan kejahatan. Malaikat juga makhluk yang tidak diruntun oleh hawa nafsu. Sebaliknya, manusia pula sentiasa digoda oleh keinginan dan kemahuan.

Prinsip tabiat manusia dan makhluk lain pun berbeza. Bagi manusia, mereka berprinsipkan “jadilah seperti yang sewajarnya kamu perlu jadi” sedangkan makhluk berdasarkan prinsip “jadilah seadanya kamu”.

Mungkin, inilah kehebatan penciptaan manusia yang menyebabkan Allah menyuruh para malaikat supaya sujud kepada Adam walaupun hakikatnya manusia ini mampu untuk melakukan kerosakan dan menumpahkan darah di muka bumi.

Namun demikian, kita juga perlu jelas bahawa kemampuan kita untuk membuat keputusan dan memilih sesuatu perbuatan bukanlah kemampuan mutlak. Banyak perkara yang berlaku di sekeliling dan kita tidak mampu menghalangnya ataupun mencegahnya. Ini dinamai qadar. Perkara tersebut berlaku bukan pilihan kita dan kita tidak dipertanggungjawabkan oleh Allah. Pastinya, kita perlu menerimanya dan tidak terus menghukumnya. Mengeluh terhadap qadar Allah hanya menambah pedih di hati. Sering terjadi, musibah yang menimpa sebenarnya pendahuluan kebaikan yang ingin diberikan Allah. Oleh itu, orang yang beriman akan sentiasa yakin bahawa Allah hanya mengurniakan kebaikan kepada hamba-Nya walaupun kita tidak mengerti apakah hikmah musibah yang menimpa pada awalnya. Andai keyakinan ini tiada dalam diri, apa ertinya iman dan sifat bersangka baik kepada Allah!

Kita kembali semula kepada isu "tanggungjawab yang dipikul oleh manusia". Kita dapati bahawa tanggungjawab merupakan sebahagian daripada komponen asas peribadi manusia. Tanggungjawab ini termasuk dalam fitrah manusia sebelum ia dijadikan perkara agama dan syariat. Buktinya, jika kita berada dalam masyarakat ateis sekalipun, kita tetap akan dihukum jika kita melakukan kesalahan seperti mencuri ataupun melanggar lampu isyarat. Oleh itu, aku ingin menegaskan satu pengajaran utama dalam agama Islam: "Kelayakan dan kemampuan manusia untuk memikul tanggungjawab ialah asas dan fitrah kemanusiaan". Ingin sekali aku hebohkan pengajaran ini, tapi apakan daya, tulisan tidak bersuara.

Selagi manusia bertanggungjawab atas setiap perilakunya, dia dianggap bebas merdeka. Ironinya, jika manusia tidak bebas merdeka, pastinya dia tidak wajar dipertanggungjawabkan atas perilaku dan tidak perlulah kepada hitungan amal dan hari pembalasan. Dengan erti kata lain, sesungguhnya Allah yang telah mencipta makhluk yang disoal dan dihitung amalannya ialah Allah yang menciptakan makhluk yang bebas merdeka. Ini ialah ajaran Islam yang asas. Sesiapa yang menyekat kebebasan manusia, sesungguhnya dia telah menyekat insaniah manusia kerana kebebasan itu merupakan salah satu prinsip kemanusiaan.

Pemerintah juga tidak mampu merampas kebebasan rakyat walaupun mereka diberi kemewahan hidup. Kenyataan bahawa rakyat belum bersedia untuk menerima kebebasan merupakan kenyataan yang tidak boleh diterima kerana kebebasan sudah menjadi fitrah kemanusiaan. Andainya pemerintah menafikan kebebasan rakyat, seolah-olah mereka

memperlakukan rakyat seperti ternakan dengan rasional “aku akan melayan rakyat seperti ternakan kerana mereka belum bersedia untuk menjadi manusia”. Ingatlah, tujuan tidak akan menghalalkan cara. Tiada kemanusiaan tanpa kebebasan.

Kita kembali pula kepada isu “manusia tertakluk pada undang-undang tanggungjawab”. Kita dapati sebahagian manusia menikmati keseronokan hidup dan bergelumang dengan dosa dan noda. Apabila ajalnya tiba dia pun meninggal dunia. Mereka telah berjaya mengelakkan undang-undang dunia atau kemungkinan dia mengatasi undang-undang dunia sehingga tidak dapat dihukum. Sebaliknya, kita dapati sebahagian manusia yang lain pula berusaha sedaya upaya untuk menegakkan kebenaran sehinggakan terkadang mereka menderita dan hidup susah. Apabila sampai ajalnya, dia pun meninggal dunia. Persoalannya, “Adakah kedua-dua situasi ini sama?” “Di manakah letaknya isu yang kita bincangkan?” “Adakah kedua-duanya akan kembali ke tempat yang sama?” Fitrah kita akan menjawab, “Mustahil! Pastinya, kematian itu bukan akhiran. Semestinya selepas kematian itu terdapat fasa yang lain. Fasa yang akan membalas segala tanggungjawab. Setiap perilaku akan ditimbang, dihisab dan diberi ganjaran.”

Jika kematian itu ialah kesudahan segala-galanya, maka ini merupakan lesen kepada pendosa untuk melakukan apa sahaja. Orang yang bijak ialah yang mampu menyembunyikan jenayahnya daripada undang-undang dunia. Namun begitu, manusia dikurniai hati yang kecil. Manusia tanpa hati yang kecil umpama haiwan, bahkan lebih sesat daripadanya. Hati yang kecil pasti akan berkata, “Andai kata kematian ialah penamat, maka ini pasti bertentangan dengan sistem alam ciptaan Allah yang begitu teliti dan hebat”. Kita semua hidup di alam yang begitu sempurna dan bersistematik. Lumrahnya, kerosakan yang kecil pada sistem alam ini akan membawa kepada bencana pada waktu akan datang. Andai kita faham perkara ini, tentulah kita yakin bahawa jenayah dan dosa yang dilakukan di dunia ini pasti ada pembalasannya. Pastinya juga kita yakin bahawa selepas fasa kehidupan dunia ini akan ada fasa yang lain. Fasa yang dinamai alam akhirat.

Kita beralih pula kepada isu “Tingkah laku manusia sepanjang hidup”. Setiap tindak-tanduk manusia merupakan amanah Allah. Allah telah menciptakan jiwa manusia dan mengilhamkannya jalan yang membawa kepada kesesatan dan ketakwaan. Allah memberikan hidayah kepada manusia. Pada masa yang sama, Allah juga memberikan kebebasan memilih kepada mereka. Allah telah berfirman dengan maksud “Tiada paksaan dalam beragama”, “ Sesiapa

yang ingin beriman, maka hendaklah dia beriman dan sesiapa yang mahukan kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya". Setiap manusia memiliki jiwa. "Sebahagian daripada mereka telah menyucikannya dan sebaliknya, ada juga yang mengotorinya".

Kadangkala kita mendapati segolongan manusia memilih jalan kebaikan dan kebenaran yang terbentang di hadapan mereka. Walaupun begitu, terdapat juga golongan yang mengelakkannya. Apabila pintu kejahatan terpampang di hadapan mereka, segolongan daripada mereka berusaha mengelaknya walaupun dengan penuh kepayahan. Namun begitu, terdapat juga golongan yang memilih jalan itu. Mungkin, kesilapannya kerana cepat tergoda dengan nafsu yang melonjak-lonjak. Perkara ini tidak pelik, terutamanya apabila berkaitan dengan keperluan biologi manusia.

Manusia dan Allah mempunyai hubungan yang erat, seperti yang dinyatakan dalam firman Allah, Surah al-Hijr :29 yang bermaksud : "serta Aku tiupkan padanya roh daripada (ciptaan) Ku".

Begitu juga, manusia juga mempunyai hubungan erat dengan tanah. Manusia dicipta daripada tanah dan akan kembali ke tanah. Oleh itu, manusia sentiasa teragak-agak antara hubungannya dengan Allah dan hubungannya dengan tanah.

Kadangkala manusia berusaha melakukan kebaikan atau mengelakkan kejahatan sehingga mengalir peluh di dahinya. Itulah fitrah manusia, makhluk yang sentiasa berusaha. Kehidupannya umpama peperangan di lapangan jiwanya. Hari-harinya ialah jihad yang teragung. Mereka hidup berdasarkan usaha mereka. Andai beginilah hakikat kehidupan manusia, adakah pelik jika manusia ini mulia dan menjadi kekasih Allah? Adakah pelik Allah memuliakan manusia daripada sekalian makhluk-Nya?

Andai kata, Allah menjadikan kehidupan manusia sebagai satu ujian, maka pastinya Allah menyukai manusia berjaya dalam ujian ini. Pada masa yang sama, Allah juga mencipta manusia berjiwa bebas dan mempunyai pilihan sendiri. Allah menghendaki manusia berjaya tanpa campur tangan terus daripada-Nya. Oleh itu, Allah membantu manusia dengan sentiasa mengingatkannya supaya tidak lupa, mengingatkannya kepada penciptanya, kepada kebaikan dan kejahatan berdasarkan neraca-Nya, kepada tanggungjawab dan hitungan amalan yang menantinya di akhirat. Manusia mungkin boleh melepaskan diri daripada hukuman dunia, tetapi tidak di akhirat.

Persoalannya, “Bagaimanakah Allah menyampaikan peringatan ini?”

Cara yang paling mudah ialah Allah memilih beberapa individu dalam kalangan manusia, lantas Allah menurunkan wahyu kepada mereka atau mengutus makhluk lain seperti para malaikat sebagai rasul kepada umat manusia. Utusan-utusan ini dipertanggungjawabkan untuk mentransformasikan manusia dengan memberi peringatan, memberi khabar gembira dan amaran serta menjadi suri tauladan kepada umat manusia. Pilihan kedua mungkin tidak sesuai kerana jika individu yang dipilih ini bukan daripada kalangan manusia, manusia akan mengelakkan diri daripada mengikuti dan mencontohinya.

Inilah hakikat kenabian dan kerasulan. Oleh sebab iman manusia kepada Allah sering terpesong dan hilang apabila ditelan zaman dan manusia sentiasa berpindah-randah di pelosok dunia, maka Allah telah mengutus para nabi dan rasul dalam sejarah manusia. Sebahagian daripada mereka disebut dalam kitab-kitab samawi dan sebahagian yang lain tidak dinyatakan. Antara mereka juga, Allah menurunkan kitab tetapi semuanya telah diselewengkan kecuali al-Quran. Al-Quran merupakan kitab yang sempurna, lengkap dan kekal hingga akhir zaman.

Salasilah kenabian dan ajaran mereka ini berkesinambungan antara satu sama lain. Tiga salasilah ajaran yang terakhir dikenali sebagai agama Ibrahimik (agama samawi); Yahudi, Kristian dan Islam.

Kita berhenti seketika di sini.

Wahai saudaraku, renungi semula pembacaannya setakat ini! Tidakkah tulisan ini telah menjelaskan inti pati hadis Rasulullah SAW berkaitan dengan rukun Iman?

Daripada Umar al-Khattab RA, malaikat Jibrail meminta Rasulullah SAW supaya menjelaskan Iman. Rasulullah SAW pun bersabda :Kamu beriman kepada Allah, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para rasul-Nya dan hari akhirat dan kamu beriman kepada qada’ dan qadar-Nya.

Kewujudan Allah dan rukun Iman bukanlah hipotesis yang perlu dipertikaikan. Kita sepatutnya menerima perkara ini secara spontan tanpa berfikir panjang. Umat terdahulu telah

terpesong kerana mereka berbolak-balik dengan asas agama dan menyelewengkan kebenaran yang dibawa oleh nabi-nabi mereka.

Kewujudan Allah dan rukun iman ini juga merupakan perkara yang diterima oleh logik akal kerana ia selari dengan fitrah manusia yang suci. Allah menganugerahkan fitrah yang suci ini kepada hati yang tenang. Sebaliknya, insan yang bergelojak hatinya, memberontak dan bersikap takabbur hanya dengan menggunakan akalnya semata-mata, untuk memahami sesuatu perkara. Akal..akal...akal.

Akal

Mutakhir ini, kenyataan bahawa "akal lawannya iman" telah tersebar luas. Kenyataan ini tidak muncul tanpa rasional dari aspek sejarah.

Untuk menjelaskan perkara ini, kita perlu merujuk sejarah Eropah sebelum kemunculan dan selepas kemunculan agama Kristian. Agama Kristian tidak muncul di Eropah tetapi di Palestin.

Kita semua maklum bahawa Nabi Isa AS telah lahir daripada seorang ibu yang suci bernama Maryam tanpa bapa. Al-Quran merakamkan peristiwa ini dalam firman Allah SWT yang bermaksud : "dan (ingatlah Wahai Muhammad) ketika malaikat berkata: "Wahai Maryam! Sesungguhnya Allah telah memilihmu, dan mensucikanmu, dan telah memilihmu (beroleh kemuliaan) melebihi wanita-wanita seluruh alam (yang sezaman denganmu)".

Kita hanya mengetahui beberapa kisah zaman kanak-kanak Nabi Isa AS. Selepas itu, kisah baginda tidak dirakamkan lagi oleh ali sejarah sehinggalah Nabi Isa diangkat menjadi rasul kepada Bani Israel. Nabi Isa seorang Yahudi seperti juga umatnya. Baginda diutus untuk mengislahkan umatnya yang telah terpesong. Ini telah dinyatakan dalam kitab Injil : "Aku diutus untuk memberikan petunjuk kepada Bani Israel yang sesat". Sesiapa yang beriman dengan ajaran Nabi Isa, maka dia akan menjadi seorang Kristian, sebaliknya sesiapa yang mendustainya, maka dia kekal sebagai seorang Yahudi. Gelaran ini kekal hingga hari ini.

Apabila Nabi Isa AS diangkat ke langit, para pengikutnya meneruskan dakwah baginda AS dan telah menjangkaui bumi Palestin. Ajaran Nabi Isa AS telah sampai ke Roma, ibu kota Empayar Rom. Ajaran ini telah diterima oleh golongan miskin dan tertindas oleh sistem pemerintahan Rom. Namun demikian, mereka telah menyembunyikan agama Kristian yang dianuti mereka. Empayar Rom menganggap Nabi Isa AS dan agama yang dibawanya sebagai pemberontakan kepada negara. Menurut tradisinya, rakyat Rom menganggap maharajanya sebagai tuhan, sesiapa yang tidak mengiktirafnya sebagai tuhan, maka dia dianggap telah melakukan syirik. (Perkara ini nampak pelik, tetapi situasi ini berlaku dalam sistem pemerintahan hari ini, bahkan di sebahagian negara Islam. Walaupun mereka tidak menggunakan nama "tuhan", tetapi dari aspek praktikalnya, perkara itu sama sahaja).

Golongan penganut agama Kristian di Rom ialah kumpulan rahsia. Mereka saling berjumpa dan beribadat di gua-gua. Mereka saling berinteraksi antara satu sama lain dengan menggunakan simbol yang tidak difahami oleh golongan lain. Apabila seseorang itu diketahui menganut ajaran Kristian, mereka akan berhadapan dengan hukuman berat. Kita juga telah melihat hukuman berat ini dalam tayangan filem di pawagam. Mereka dicampakkan di dalam kandang binatang buas yang lapar.

Empayar Rom diperintah oleh seorang maharaja dan di bawahnya terdapat majlis senat yang terdiri daripada tujuh orang ahli. Menurut peraturannya, apabila salah seorang daripada ahli majlis senat meninggal dunia, dia akan digantikan oleh anak sulungnya. Constantius, salah seorang daripada ahli senat telah meninggal dunia dan dia mempunyai anak sulung yang bernama Constantine, seorang komander askar. Ketika Constantius meninggal dunia, anak sulungnya sedang mengetuai misi ketenteraan ke Eropah Utara. Maharaja dan ahli majlis senat ingin mengambil peluang ini untuk menyingkirkan Constantine dan melantik calon lain sebagai senat. Namun begitu, berita kematian Constantius telah diketahui oleh anaknya. Beliau pun segera pulang untuk menuntut haknya dan berlakulah perang saudara. Apabila sampai berhampiran dengan Roma, beliau telah ternampak simbol rahsia agama Kristian yang tertulis di bawahnya "Hanya dengan slogan ini kita akan menang". Constantine tertarik dan berasa yakin dengan slogan itu. Beliau bersumpah, jika beliau menang, beliau akan mendekati dan membantu golongan ini. Tepat sekali, Constantine telah menang!.

Dalam masa yang singkat, golongan Kristian yang dahulunya bersembunyi kini diiktiraf oleh pemerintah. Pihak gereja dan Kaisar Contantine telah memeterai perjanjian baharu untuk menjaga kemaslahatan kedua-dua pihak. Golongan paderi bebas menyebarkan agama Kristian. Agama ini amat diminati oleh rakyat.

Pemerintahan gereja telah berkembang luas. Gereja merupakan pusat yang mengendalikan urusan iman. Malangnya, pihak gereja telah menguruskannya sesuka hati. Semua urusan manusia diletakkan di bawah "payung iman" dan iman ditentukan oleh pihak gereja sehingga paderi mampu mengampunkan dosa dan menghumbankan penganutnya ke neraka.

Rakyat tidak lagi bebas membaca sumber bacaan yang diingini mereka. Buku-buku disita dan senarai buku yang diharamkan dikeluarkan. Para penulis dan bukunya telah dibakar dan warisan ilmu seperti ilmu falsafah Yunani telah dihapuskan. Jika orang Arab muslim tidak berusaha bersungguh-sungguh mencari khazanah ini daripada pihak yang menyembunyikannya dan menterjemahkannya ke bahasa Arab, nescaya Eropah terus tidak mengenali tokoh-tokoh seperti Socrates dan Aristotle. Mereka hanya mengetahui tokoh-tokoh ini setelah membaca karya Arab yang diterjemahkan ke bahasa mereka. Ketika percetakan di Leyden, Holland dibina, hampir

80% daripada terbitannya merupakan karya-karya Arab yang diterjemahkan ke bahasa-bahasa Eropah.

Buku-buku dalam bidang perubatan disita dengan dakwaan bidang perubatan mencampuri urusan keimanan. Pihak gereja telah menyediakan penawar-penawar yang pelik untuk menyembuhkan pelbagai penyakit, antaranya dengan menjilat makam pendeta Kristian, memakan tanah kubur pendeta Kristian, mantera-mantera dan sebagainya. Seorang doktor bernama Sarpius menulis sebuah buku perubatan dengan memplagiat penemuan Ibn Nafis yang menyatakan bahawa darah mengalir daripada bahagian kanan ke bahagian kiri menerusi jantung melalui peredaran darah dalam jantung dan bukan melalui lubang kecil yang terdapat dalam jantung seperti yang dinyatakan oleh Galenus sebelumnya. Oleh sebab gereja mendukung pandangan Galenus, Sarpius dan bukunya telah dibakar.

Ketika itu, ramai sarjana telah dibunuh dan dibakar. Ketika Galileo mengeluarkan pandangan bahawa bumi ini bukan pusat jirim tetapi beredar mengelilingi matahari, beliau telah dihukum sebagai tawanan rumah sehingga mati.

Zaman beredar dan kebencian terhadap gereja membuak-buak. Natijahnya, agama dan gereja telah dipisahkan dalam kehidupan. Ketika itu, akal akan menjadi tuhan yang disembah dan ilmu dianggap sebagai agama baharu.

Inilah bibit-bibit awal kemunculan tamadun barat yang dikenali sebagai zaman *Renaissance*. Pada zaman ini, fahaman ateis mulai muncul. Ketika itu, tuhan hanya wujud dan diziarahi di gereja pada hujung minggu. Urusan agama tidak boleh lagi dicampuradukkan dengan urusan peribadi, sosial, ekonomi, politik dan ketenteraan. Fahaman yang memisahkan akal dengan iman telah mendominasi pemikiran. Ilmu dan agama telah menjadi musuh ketat.

Persoalannya; “Apakah hubungan antara akal dengan agama menurut perspektif Islam?”

Hubungan antara kedua-duanya ternyata adalah jelas. Hanya golongan ego sahaja yang buta akan hakikat ini. Golongan ini ialah orang yang mengikut idealisme Barat secara membuta tuli tanpa melihat pandangan lain. Akal mereka dicapkan dengan “produk dari Barat”. Mereka mengikut setiap inci jejak langkah barat hingga lubang cacing. Pelik sekali, mereka mengaku sebagai pendukung logik akal sedangkan pada masa yang sama mereka mengongkong akal mereka

dengan pendirian tertentu, lalu mereka berusaha mengaplikasikan pendirian mereka dalam semua konteks walaupun situasi dan konsep adalah berbeza. Pelik sekali mereka menjadi hamba ilmu, sedangkan ilmu pun tidak sempurna. Ilmu sentiasa berkembang umpama kanak-kanak yang sedang merangkak. Selepas berlalu 50 tahun, kita akan mendapati ilmu yang dimiliki sekarang sudah tidak boleh diterima pakai lagi. Andai ilmu yang ada sekarang sudah lengkap, maka pusat penyelidikan tidak diperlukan lagi dan peruntukan belanjawan tidak perlu diperuntukkan. Namun demikian, setiap penemuan baharu pada hari ini merupakan bukti kejahilan kita pada masa lampau.

Setelah aku mendapati akal ini diabaikan oleh gereja dan iman pula dipinggirkan oleh tamadun Barat, aku yakin isu akal dan iman ini perlu dilihat berdasarkan pandangan Islam. Apakah rumusan yang dapat kucapai?

Aku mendapati bahawa syariat menghormati akal dan menjadikannya salah satu daripada lima *maqasid syariah* (matlamat syariah); menjaga agama, diri, akal, harta dan keturunan. Aku terfikir-fikir akan kepentingan akal sehingga dijadikan salah satu daripada *maqasid syariah*. Aku dapati jawapannya sangat jelas dan tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun.

Akal merupakan salah satu cara untuk mengenal Allah seperti yang dijelaskan dalam bab terdahulu. Al-Quran menyeru manusia supaya menggunakan akal dengan meneliti kejadian manusia dan alam sekeliling sambil menghitung bukti-bukti kewujudan Allah. Allah juga mencabar akal manusia dengan persoalan, “Adakah makhluk ini boleh wujud tanpa penciptanya?” Jika kita beriman kepada pencipta kita, kita pasti akan menyoal diri kita, “Apakah yang dimahukan pencipta daripada kita?”

Akal menurut syariah Islam ialah syarat mukalaf dan kelayakan untuk dipertanggungjawabkan segala pilihannya. Orang gila tidak termasuk dalam golongan mukalaf.

Menurut syariat Islam juga, akal sumber perundangan selepas al-Quran dan Hadis Nabi SAW. Rasulullah SAW bertanya Muaz bin Jabal ketika mengutusnya ke Yaman, “Bagaimanakah kamu berhukum?” Beliau berkata, “Aku akan merujuk al-Quran”. Rasulullah SAW bertanya lagi; “Andainya tiada dalam al-Quran?” Beliau pun menjawab: “Aku akan merujuk Hadis Nabi”. Rasulullah SAW bertanya lagi, “Andai kamu tidak menjumpainya dalam Hadis Nabi SAW?” Beliau pun menjawab lagi, “Aku akan berijtihad dengan menggunakan akalku”. Rasulullah berasa

gembira lantas mengucapkan, “Syukur kepada Allah yang memberi taufik kepada utusan Rasulullah sehingga menyenangkan hati rasul-Nya”.

Aktiviti akal yang berlandaskan al-Quran dan Hadis ini telah mewariskan kita warisan ilmu Fikah yang begitu banyak. Warisan ilmu ini telah diterima pakai dan berkembang di seluruh pelosok dunia. Namun demikian, apabila aktiviti akal ini tidak dipraktikkan lagi dan pintu ijtihad ditutup, maka umat Islam pasti akan mundur.

Akal juga merupakan wasilah untuk mengetahui kebenaran dan kebatilan.

Aku teringat ketika aku bersiaran dalam radio di Amerika Syarikat. Pengacara telah mengemukakan soalan kepadaku, “Mengapakah Islam mengharamkan arak!?” Aku pun menjelaskan, “Cuba bayangkan seekor keldai yang tidak dapat menahan kencingnya masuk ke studio ini, lantas keldai itu pun kencing, adakah saudara akan mengherdiknya?” Pengacara itu pun menjawab, “Tidak”. Aku bertanya lagi, “Andai anda berada dalam situasi keldai tersebut, adakah saudara akan melakukan seperti itu juga”? Pengacara itu pun menjawab lagi : “Tidak”. Aku pun menjelaskan, “Perbezaan antara saudara dengan keldai ialah akal”. Akal menunjukkan kita tindakan yang wajar dilakukan dan yang tidak wajar. Jika fungsi akal kita dijejaskan dengan minuman yang memabukkan, pastinya tindak laku kita sama seperti haiwan. Sebenarnya, akal ini yang mengawal sifat kemanusiaan saudara.

Selain itu, akal juga merupakan mekanisme untuk melaksanakan perintah Allah dengan melakukan kajian ilmiah terhadap ciptaan Allah. Akal manusia yang dapat mengenali Islam walaupun sedikit, pasti dapat merasakan bahawa Allah sebenarnya membekalkan kepada manusia dua kitab panduan; iaitu kitab al-Quran dan kitab “alam”.

Jika al-Quran menjelaskan kepada kita tuhan, iman, ibadat, muamalat dan akhlak, pada masa yang sama juga al-Quran berulang kali menyuruh kita meneliti dan mengkaji alam ini dan segala ciptaannya. Pembaca al-Quran pasti dapat merasakan bahawa al-Quran menyuruh kita menggali ilmu-ilmu berkaitan dengan alam ini. Pada era pemerintahan Islam, umat Islam telah menyahut cabaran ini dan menyebarluaskan kajian-kajian mereka.

Fahaman yang memisahkan akal dengan iman tidak wujud dalam Islam. Perkataan pertama yang diwahyukan ialah “*iqra’*” yang bermaksud : “bacalah” dan Allah pun telah bersumpah

dengan pena. Allah juga telah berfirman yang bermaksud : “Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?" Allah juga menegaskan dalam al-Quran yang bermaksud : “Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dalam kalangan hamba-Nya hanyalah orang yang berilmu”.

Allah juga mendorong kita supaya memohon kepada Allah supaya ditambahkan ilmu. Ini ialah sebahagian daripada firman Allah yang menunjukkan bahawa Islam mementingkan akal, tidak termasuk lagi bukti-bukti daripada Hadis Nabi SAW. Ilmu ini ialah lafaz umum dan tidak dikhususkan kepada ilmu syariat sahaja. Buktinya, kata-kata “Tuntutlah ilmu hingga negeri China”. Firman Allah yang paling jelas yang menyeru manusia menggunakan akalnya ialah dalam Surah al-ᶜAnkabūt:20 yang bermaksud : “Katakanlah: "Mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah telah memulakan ciptaan makhluk-makhluk daripada permulaannya”

Inilah martabat akal di sisi syariat Islam. Berteraskan martabat ini, kita memiliki dua tanggungjawab terhadap akal, iaitu menjaga dan menggunakannya dengan sebaik-baiknya.

Penjagaan akal membawa maksud yang mencakup pengharaman arak dan perkara yang memabukkan, jaminan kebebasan berfikir, kebebasan mengkaji, larangan pengongkongan akal dan pencegahan faktor-faktor yang menyempitkan akal.

Penggunaan akal pula merupakan kewajipan syarak dan tidak menggunakan akal merupakan satu maksiat yang besar berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Aᶜrāf : 176 yang bermaksud : “Sesungguhnya Kami menjadikan penghuni neraka jahanam banyak daripada jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang yang lalai”.

Di sini terdapat satu isu yang tidak wajar aku pinggirkan. Sesungguhnya aku telah membentangkan isu ini kepada umat Islam berdasarkan neraca Islam dan aku berusaha menjelaskan isu ini kepada umat Islam tetapi aku gagal dan berasa bingung. Umat Islam diciptakan dengan paksi agama Islam, namun peranan akal telah lenyap dalam kehidupan mereka. Akal bukan

lagi umpama cahaya yang menerangi kehidupan mereka. Aku tidak menyalahkan sifat ikhlas, tetapi ikhlas sahaja tidak mencukupi.

Situasi akan menjadi lebih dahsyat lagi, apabila perkara ini berlaku kepada pemimpin-pemimpin agama kerana kata-kata mereka diikuti dan mereka mampu mempengaruhi khalayak.

Ketika kilang percetakan dibina, umat Islam bergembira dengan berita kebenaran mencetak al-Quran supaya dapat dimiliki oleh khalayak umat Islam. Ulama' Kerajaan Islam di Istanbul memfatwakan pengharaman mencetak al-Quran. Fatwa seperti ini telah merugikan umat Islam.

Ketika Raja Abdul Aziz Āl Saᶜud ingin membawa masuk perkhidmatan telefon ke negaranya, ulama' membantah dan memfatwakannya haram. Namun begitu, seorang lelaki yang bijak telah memperdengarkan bacaan al-Quran daripada telefon kepada ulama', lalu ulama pun menarik balik fatwa itu dan lantas membenarkannya.

Ketika Raja Faisal menjadi gabenor di Hijaz, di sana terdapat Sekolah al-Biᶜthāt (sekolah yang mendidik pelajar yang akan dihantar belajar ke luar negara). Pada suatu hari sekolah ini dikejutkan dengan kehadiran rombongan lawatan yang terdiri daripada ulama'. Ahli rombongan ini telah mempertikaikan pengajaran ilmu biologi dan kimia dengan rasional bahawa ilmu-ilmu ini akan mencemarkan pemikiran pelajar Islam. Raja Faisal merupakan seorang yang berhikmah tinggi. Baginda tidak terus berdialog dengan rombongan tersebut, sebaliknya memanggil Pengarah Pendidikan. Baginda telah menghamburkan kemarahannya kepada Pengarah Pendidikan itu sehingga tidak sanggup didengar lagi oleh ahli rombongan tersebut. Raja Faisal bertitah, " Beta ingin semua perkataan " Biologi" dan "Kimia" ditukar dengan "Sunnah Ciptaan Allah". Kedua-dua perkataan tersebut ditukar tetapi kandungan buku kekal sama. Isu ini dapat diselesaikan. Peliknya, ahli rombongan itu seolah-olah tidak pernah mengenali tokoh-tokoh Islam dalam bidang ini seperti Ibnu haitham, Jabir bin Hayyan, al-Khawarizmi dan al-Biruni.

Kita pastinya masih teringat berita gempar tentang saintis yang menjejaki bulan. Bagaimana Barat telah memperbesar isu ini di muka akhbar dan memperkecil keupayaan umat Islam, sarjana Islam dan agama Islam.

Beberapa tahun lalu, seorang paderi daripada salah sebuah penjara telah memohon bantuan daripada Pusat Islam di Los Angeles. Peraturan penjara tersebut memberi kebajikan agama kepada

penghuni penjara tersebut. Beliau membawa sebuah buku dalam bahasa Inggeris. Buku tersebut mengandungi himpunan fatwa daripada seorang tokoh di negara Islam. Buku itu telah diagihkan secara percuma di penjara tersebut. Namun begitu, buku itu mengandungi fatwa yang sangat pelik, iaitu Islam akan mengajak orang Kristian supaya memeluk Islam sebanyak tiga kali. Jika orang Kristian itu enggan, maka dia halal dibunuh! Paderi itu berkata, "Buku ini berada di tangan penghuni penjara yang beragama Islam". Beliau bimbang fatwa ini akan menyebabkan berlaku pertumpahan darah.

Aku teringat lagi tentang seorang syeikh yang mengajar Islam di salah sebuah Pusat Islam di Amerika. Inti pati pengajaran awalnya tentang Islam ialah supaya membenci Kristian dan fahaman Syiah. Selain itu, dia juga mengatakan bahawa apabila seseorang perempuan telah bangkit daripada kerusinya, maka kanak-kanak tidak boleh terus duduk di kerusi itu sehingga kerusi itu sejuk. Hal ini demikian kerana perpindahan haba badan perempuan kepada orang lain itu haram. Natijahnya, kanak-kanak tidak berminat kepada pengajian Islam dan mereka datang hanya kerana terpaksa.

Ini ialah sebahagian daripada contoh sahaja. Pengalaman peribadi mungkin masih banyak lagi. Aku bukan ingin mencaci ulama'. Aku merupakan insan pertama yang mengiktiraf dan menyanjung golongan yang benar. Mereka tidak bersifat fanatik. Mereka juga mengkritik secara terang-terangan golongan yang tidak memanfaatkan akal, menyempitkan Islam dan seolah-olah menyatakan bahawa asas sesuatu hukum ialah haram bukan harus.

Perkara ini tidak terbatas pada golongan ulama' seperti itu sahaja tetapi perkara ini amat menjengkelkan aku. Islam bukan agama yang bersumberkan ramalan dan tukang tilik. Jika perkara ini berlaku, kita akan berhadapan dengan kemusnahan seperti tragedi kemusnahan pemerintahan gereja di Eropah suatu masa dahulu.

Aku tidak menyalahkan sifat ikhlas, tetapi masalahnya pada penggunaan akal. Kita dikurniai rasa ghairah yang bertunjangkan pandangan akal yang kritis. Jiwa yang murni pula ibarat neraca yang mengimbangi rasa ghairah dengan akal. Sesiapa yang dikuasai oleh rasa ghairah akan terjerumus ke dalam kejahatan dan dijauhi daripada hikmah. Allah berfirman dalam Surah al-Baqarah:269 yang bermaksud : "dan sesiapa yang diberi hikmat, maka sesungguhnya dia telah diberi kebaikan yang banyak".

Terdapat juga rasa ghairah yang murni. Contohnya, aku pernah dibawa melawat Pusat Islam di Kanada. Pegawai Pusat Islam menjelaskan bahawa kami membeli gereja dan menukarkannya kepada masjid. Di masjid ini kami dapat melaungkan azan, mengerjakan solat lima waktu dan meningkatkan syiar Islam. Pada wajah mereka terserlah rasa bangga. Di negara lain pula, aku kagum. Pusat Islam dahulunya sebuah gereja. Gereja ini telah dibeli oleh orang Islam lantas ditukarkan menjadi Pusat Islam. Pada wajah mereka terpancar cahaya kemenangan, kegembiraan dan kebahagiaan. Mereka hampir-hampir berteriak kegembiraan ketika bertanya, "Apakah perasaanmu, wahai Doktor"? Aku menjawab, "Takut, bimbang dan kasihan".

Aku berkata, "Fikiranku dihujani oleh persoalan; Mengapakah orang Kristian menjual gereja-gereja mereka kepada pihak muslim?" Jawapannya jelas. Generasi yang mengimarahkan gereja telah hilang. Yang tinggal hanyalah generasi yang mengikut hawa nafsu dan mereka tidak lagi mengharapkan gereja. Adakah perkara ini mungkin berlaku kepada umat Islam?

Terus terang jawapannya boleh berlaku. Kita sekarang bukan berada di negara-negara Islam. Negara yang dikelilingi oleh bi'ah Islamiah. Kita sekarang di Amerika. Orang yang beramal dengan Islam umpama orang yang menggenggam bara api. Pengamal Islam umpama penentang arus perdana. Siaran yang menggoda hawa nafsu ditayangkan sewenang-wenangnya di media massa.

Oleh itu, cabaran utama umat Islam di sini ialah memfokuskan tarbiah, menyemai kesedaran Islam dan mengekalkan teladan yang baik kepada anak-anak. Pembinaan generasi akan datang ialah isu utama. Bersedekah untuk membina sekolah agama lebih utama daripada bersedekah kepada masjid dan Pusat Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana sekolah boleh menjadi masjid dan tidak sebaliknya. Jika tidak, kesedaran Islam akan terhakis dari satu generasi ke satu generasi. Berkemungkinan juga, masjid-masjid dan pusat-pusat Islam akan dijual. Pastinya, peristiwa ini akan memeranjatkan orang yang beriman.

Beberapa tahun dahulu, Salman Rushdi telah mengarang buku "*Satanic Verses*". Buku ini telah mendapat tentangan hebat. Demonstrasi demi demonstrasi dilakukan untuk membantah karya ini. Sebaliknya, karya ini menjadi popular. Majalah di Amerika mendedahkan bahawa broker antara Salman Rushdi dengan Syarikat Penerbitan bukunya telah menuntut sejumlah wang yang banyak untuk menterjemahkan karya ini ke bahasa Parsi dan mengirimkan buku ini kepada

Imam Khomeini. Mereka percaya bahawa buku ini akan menimbulkan kontroversi sekali lagi dan ini pasti akan meningkatkan penjualan buku ini. Republik Iran telah menjatuhkan hukuman bunuh kepada Salman, namun hukuman ini dibantah oleh sebahagian pemimpin negara Islam lain. Ternyata, umat Islam tidak mengamalkan syura sesama mereka. Salman Rushdi terselamat dan yang dibunuh ialah 20 orang Islam yang sedang berdemonstrasi di Karachi. Andai kata, peristiwa seumpama ini berlaku kepada Yahudi, pasti tindakannya berbeza. Buku ini pasti akan diharamkan di pasaran walaupun ditentang hebat. Tekanan akan diberikan kepada pihak-pihak berkenaan. Mereka juga mempunyai kemampuan seperti ini tetapi tidak dilaksanakan. Tindakan kita berpaksikan rasa ghairah. Apabila hawa nafsu menguasai hati kita, kita tidak lagi menggunakan akal fikiran kita.

Cara sebegini telah menjadi darah daging kita, sehingga kita tidak mampu menjadikan akal sebagai sumber menangani sesuai isu.

Kita cuba untuk memaafkan umat Islam atas kesilapan ini. Sayangnya, sejak kejatuhan khalifah Islam dan umat Islam dikuasai oleh pemerintahan diktator, umat Islam tidak lagi memikirkan diri mereka, meminggirkan akal fikiran dan tidak lagi menggunakannya.

Sesungguhnya tugas utama orang yang amanah dan ikhlas ialah berusaha untuk memberi kesedaran tentang perkara ini, bukan mementingkan perkara yang remeh temeh. Andai aku mempunyai slogan untuk dicadangkan kepada umat Islam, pasti aku akan memilih : “ Wahai Umat Islam! Aktifkan akalmu!” Sesungguhnya setiap masalah tidak dapat diselesaikan tanpa menggunakan akal...akal...akal.

Islam

Aku tidak terlintas untuk berceramah kepada khalayak pembaca tentang Islam kerana pastinya semua telah mengetahuinya. Namun, aku hanya ingin berkongsi beberapa pandangan dan idea berkaitan dengan Islam kerana buku ini santapan minda buat semua.

Islam bermaksud tunduk dan kepatuhan seorang hamba kepada tuhannya tanpa syirik. Oleh itu, al-Quran menjelaskan bahawa para nabi dan pengikutnya ialah muslim. Ini dirakamkan oleh Allah ketika menceritakan tentang Nabi Ibrahim AS dalam Surah al-Baqarah:131-132 yang bermaksud : “(ingatlah) ketika Tuhannya berfirman kepadanya: "Serahkanlah diri (kepada-Ku wahai Ibrahim)!" Nabi Ibrahim menjawab: "Aku serahkan diri (tunduk taat) kepada Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam". Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan agama itu kepada anak-anaknya, dan (demikian juga) Nabi Yaakub (berwasiat kepada anak-anaknya)

katanya: "Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam".

Allah juga merakamkan kata-kata Maharani Saba’ dalam Surah al-Naml:44 yang bermaksud : “(Sekarang Aku menegaskan bahawa) Aku berserah diri memeluk Islam bersama-sama Nabi Sulaiman, kepada Allah Tuhan sekalian alam".

Nabi Yusuf AS pun pernah berdoa kepada Allah seperti firman-Nya dalam Surah Yūsuf :101 yang bermaksud “Sempurnakanlah ajalku (ketika mati) dalam keadaan Islam, dan hubungkanlah daku dengan orang yang soleh".

Pengikut Nabi Isa AS pernah berkata seperti dinyatakan oleh Allah dalam Surah Āl-ᶜImrān:52 yang bermaksud : “Kami telah beriman kepada Allah, dan saksikanlah (Wahai Nabi Allah) Sesungguhnya kami ialah orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)”.

Jin-jin juga mengucapkannya seperti firman Allah dalam Surah al-Jin:14 yang bermaksud : “Dan bahawa sesungguhnya (dengan datangnya Al-Quran, nyatalah) ada antara kita golongan yang beragama Islam, dan ada pula golongan yang (kufur derhaka dengan) menyeleweng daripada jalan yang benar”.

Apabila risalah para nabi dan rasul telah disempurnakan, ajarannya yang komprehensif telah disampaikan, kemanusiaan telah matang dan bersedia untuk menerima ajaran terlengkap yang meliputi dunia dan akhirat, maka Allah utus Nabi Muhammad SAW. Allah bekalkan kepadanya al-Quran yang menjadi sumber ajaran dan ditafsirkan dengan Hadis Nabi SAW. Ajaran ini dinamai agama Islam. Allah menjelaskan kesempurnaan ajaran ini dengan firman-Nya dalam Surah al-Mā’idah:3 yang bermaksud : “Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu”.

Kita meredai Islam sebagai agama dan cara hidup. Kita semua wajib menjadi muslim terbaik. Oleh itu, di manakah harus kita bermula?

Tidak dapat dinafikan bahawa kita harus bermula dengan memahami Hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Saidina Umar al-Khattab yang bermaksud : ﴾Suatu ketika, kami (para

sahabat) duduk dekat dengan Rasulullah SAW. Tiba-tiba muncul seorang lelaki memakai pakaian yang sangat putih dan rambutnya amat hitam. Tidak terlihat padanya tanda-tanda bermusafir, dan tiada seorang pun antara kami yang mengenalnya. Lelaki itu segera duduk di hadapan Nabi SAW, lalu lututnya disandarkan kepada lutut Nabi SAW dan kedua tangannya diletakkan di atas kedua paha Nabi SAW, kemudian dia berkata : “Hai, Muhammad! Beritahu daku tentang Islam.” Rasulullah SAW menjawab,”Islam ialah, engkau bersaksi tidak ada yang berhak disembah melainkan hanya Allah, dan sesungguhnya Muhammad Rasul Allah; mendirikan solat; menunaikan zakat; berpuasa pada bulan Ramadan, dan engkau menunaikan haji ke Makkah, jika engkau telah mampu melakukannya).

Jika kita berhasrat untuk menjadi muslim terbaik, kita perlu faham bahawa setiap binaan yang kukuh bermula dengan asas yang utuh. Asas yang dimaksudkan ialah iman yang sempurna kepada Allah, para malaikat, kitab-kitab, para rasul, hari akhirat dan beriman dengan dan qada’ serta qadar serta beramal berdasarkan rukun iman. Kita berlindung dengan Allah daripada menjadi golongan yang dinyatakan oleh Allah dalam Surah al-Hujurāt:14 “Orang "A'rāb" berkata: "Kami telah beriman". Katakanlah (Wahai Muhammad): "Kamu belum beriman, (janganlah berkata demikian), tetapi sementara iman belum lagi meresap masuk ke dalam hati kamu.”

Kita juga hendaklah faham bahawa penjelasan Nabi SAW tentang rukun Islam dan iman merupakan sebahagian daripada tujuan perutusan Nabi Muhammad SAW. Secara umumnya, Allah SWT telah menjelaskan tujuan perutusan baginda SAW dengan firman-Nya dalam Surah al-Anbiya’ 107 yang bermaksud : “dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”.

Ayat ini menjelaskan bahawa Nabi SAW diutus semata-mata sebagai rahmat kepada sekalian alam. Inilah inti pati ajaran Islam.

Aku mengenali beberapa orang sarjana Islam yang mempunyai pengetahuan ilmu Islam yang amat luas, menghafal buku-buku dan memiliki sanad-sanad ilmu, tetapi apabila aku bergaul dengannya, inti pati ajaran Islam ini tidak terserlah dalam dirinya.

Aku juga mengenali sebahagian ulama’ yang amat kedekut untuk senyum, padahal senyum sesama muslim ialah sedekah. Hal ini turut mempengaruhi pengikut-pengikut mereka. Ketika aku

memegang jawatan pensyarah di Kuliah Perubatan di Universiti Kuwait, aku sering mengingatkan para pelajarku bahawa "gigi bukanlah aurat". Aku juga sering berdoa pada waktu pagi selepas membaca Surah Yāsin dengan doa " Ya Allah, jadikanlah kami golongan yang berkasih sayang dan janganlah Engkau jauhkan kami daripada keberkatan senyuman".

Golongan yang menguasai ilmu agama tetapi tidak memahami konsep "Nabi Muhammad SAW pembawa rahmat" amat menjengkelkan aku. Lumrahnya, pandangan dan sikap golongan ini adalah keras dan kasar. Mereka lebih cenderung untuk memilih pandangan yang ekstrem apabila berhadapan dengan dua pilihan. Padahal, mereka tahu Rasulullah SAW sentiasa memilih pandangan yang memudahkan apabila berhadapan dengan dua pilihan, selagi mana pandangan tersebut tidak haram.

Aku pernah bertemu dengan seorang agamawan yang tersohor di seminar yang diadakan di Kuwait. Ikon agama ini mempunyai ramai pengikut sama ada dalam kalangan orang ramai mahupun cendekiawan. Ketika aku berbual dengannya dan aku sempat bertanya, "Apakah pandangan tuan tentang anak zina?" Ikon agama tersebut menjawab spontan, "Dia wajib dibunuh". Aku pun berkata, "Tuan, anak itu tidak bersalah, dia tidak terlibat dengan perzinaan. Bayangkan, jika sekarang ini si anak itu yang berumur empat atau lima tahun, berwajah ceria datang ke sini dan kita masih sedang berdiri di sini. Anak itu membawa sebiji bola lalu dilontarkan kepada kita. Dia merenung kita dengan harapan kita akan melontar kembali bola itu kepadanya. Adakah kita sanggup membunuhnya, semata-mata kerana dia anak si pembunuh?

Agamawan itu kaget lalu berkata, "Tidak...kita tidak wajib membunuhnya". Aku lega kerana dapat membetulkan pandangannya itu. Cuma, aku masih terfikir-fikir akan jawapan spontannya tadi. Mengapakah pandangannya begitu ekstrem?

Aku ingin beralih pula kepada isu lain berkaitan dengan rukun Islam. Rasulullah SAW bersabda dalam Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim: "Islam terbina daripada lima rukun, iaitu bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad pesuruh Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji di Makkah dan puasa pada bulan Ramadan".

Kebanyakan umat Islam keliru. Mereka menyangka bahawa rukun Islam merupakan keseluruhan agama Islam. Mereka terlupa bahawa rukun ini sebenarnya asas sesuatu binaan supaya binaan itu dapat berfungsi. Aku mengenali beberapa individu muslim yang menikmati kemanisan bersolat lalu mereka banyak mendirikan solat sunat. Aku juga mengenali beberapa individu yang menikmati kemanisan berpuasa lalu mereka sering melakukan puasa sunat. Aku juga mengenali golongan yang gemar melakukan haji dan umrah setiap tahun.

Sesungguhnya golongan yang mengehadkan Islam hanya kepada ibadah sebenarnya tidak sedar bahawa mereka telah menyempitkan ajaran Islam. Pastinya, ini dilakukan dengan niat baik. Hakikatnya, Islam melampaui aspek ibadah. Niat baik bukanlah pembela kepada kejahilan seseorang muslim tentang agamanya. Aku mempunyai seorang kawan. Dia telah mengerjakan umrah dan haji berulang kali, tetapi saudara maranya miskin, jiran tetangganya kelaparan dan kawannya yang dikelilingi hutang kerana kerugian dalam perniagaannya meminta bantuan daripadanya. Andai dia menyedekahkan harta untuk membantu mereka ini, maka tindakan itu lebih dituntut oleh Islam dan disayangi oleh Allah. Aku juga mengenali seorang doktor. Dia menolak untuk menguruskan kes kecemasan semata-mata kerana ingin bersolat pada awal waktu. Padahal pesakit itu sedang bertarung antara hidup dengan mati...Semoga Allah SWT merahmatinya.

Kebanyakan umat Islam tidak prihatin kepada saudara seislam lain yang sedang menghadapi kesusahan, peperangan dan kezaliman sama ada di dalam atau luar negara. Mereka tidak merasakan isu ini berkaitan dengan mereka dan salah satu daripada tuntutan Islam. Mereka berpendapat selagi mana mereka menunaikan rukun Islam, maka mereka telah menunaikan semua tuntutan Islam.

Dari aspek ibadah pula, terdapat golongan yang mementingkan diri sendiri ketika menunaikan ibadah. Saudara pasti pernah melihat jemaah haji tolak menolak ketika ingin mencium Hajarul Aswad sehingga ada yang terjatuh. Berkemungkinan dosa yang diperoleh lebih banyak daripada pahala. Bagi aku, aku tidak akan bersesak-sesak untuk mencium Hajarul Aswad, bahkan mendoakan mereka ‘Ya Allah, Aku ingin mencium Hajarul Aswad kerana mencontohi Rasulullah S.A.W.., namun begitu, saudara seislamku pun juga bersesak-sesak untuk menciumnya. Ya Allah, aku tidak sekali-kali mahu menyulitkan lagi usaha mereka, bahkan Aku berdoa kehadrat-Mu agar

Engkau memudahkan mereka untuk mencium Hajarul Aswad'. Oleh itu, aku hanya melambaikan tangan apabila melewati Hajarul Aswad.

Komponen Islam

Syari'ah ialah himpunan ketetapan Allah kepada para mukalaf yang bertujuan menjaga kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Sumber utama syariat Islam ialah al-Quran, Hadis, ijmak ulama' dan qiyas. Sesetengah ulama' menggunakan sumber sekunder yang dibenarkan. Ulama' juga dibenarkan berijtihad apabila sesuatu isu tidak dapat diistinbatkan hukum dengan menggunakan sumber-sumber hukum yang dinyatakan dengan syarat ijtihad itu tidak bertentangan dengan al-Quran dan Hadis Nabi SAW. Sejak dahulu dikatakan, "Jika terdapat kemaslahatan, maka akan ada syariat Allah."

Ilmu usul fikah membincangkan kaedah mengistinbatkan hukum. Ilmu fikah pula membincangkan hukum-hakam. Maqasid Syarᶜiyyah pula ialah menjaga agama, diri, akal, harta dan keturunan. Pelbagai cabang ilmu telah muncul berdasarkan tiga disiplin ilmu ini. Kemaslahatan manusia terbahagi kepada tiga; perkara *dharuriyyat*, perkara *hajiyyat* dan perkara *tahsiniyyat*. Kemaslahatan ini dipenuhi berdasarkan turutan. Dari aspek hukum pula, kemaslahatan manusia terbahagi kepada lima; wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Domain yang paling luas ialah harus kerana kaedah fikah menyatakan : "Asas sesuatu perkara ialah harus".

Setiap peri laku manusia sama ada secara individu ataupun berjemaah tertakluk pada hukum hakam dalam syariat Islam.

Hukum hakam dalam aspek ibadah adalah tetap dan jelas. Al-Quran dan Hadis Nabi SAW telah menjelaskan perkara-perkara ini. Hukum-hakam ini tidak boleh dipertikaikan lagi. Bahkan kita hanya perlu mentaatinya.

Hukum-hakam dalam aspek muamalat pula terbahagi kepada dua. Sebahagiannya tetap dan tidak boleh dipertikaikan kerana telah dijelaskan oleh al-Quran. Sebahagian lagi tidak dinyatakan

dalam al-Quran. Dalam situasi ini, ulama fikah akan menjelaskannya dengan syarat ia tidak bertentangan dengan al-Quran dan Hadis Nabi.

Asas fundamental Islam terhad, manakala kebanyakan hukum-hakam ini ialah hasil pemikiran ulama. Pemikiran ini tunjang warisan fikah yang gemilang daripada pelbagai mazhab dan pandangan. Hukum-hakam ini boleh berkembang. Satu persoalan pernah dikemukakan kepada Saidina Umar dua kali dalam dua tahun berturut-turut dan Saidina Umar telah memberikan dua jawapan yang berbeza. Beliau berkata, "Pandangan aku dahulu berdasarkan ilmu ketika itu, dan pandangan aku sekarang pula berdasarkan ilmu aku ketika ini." Begitu juga Imam Syafi'e, pandangan beliau ketika berada di Baghdad berbeza dengan pandangan beliau ketika berada di Mesir kerana perbezaan situasi dan keadaan. Perbezaan pandangan seperti ini memberikan pilihan untuk beramal dan keberkatan.

Ulama' tidak berbeza pandangan pada perkara asas yang fundamental, namun mereka berbeza pandangan pada perkara *furu'(sekunder).* Perbezaan pandangan pada perkara furu' diharuskan. Para sahabat Rasulullah SAW seperti Abu Bakar dan Umar juga berbeza pandangan dalam satu isu, tetapi ini tidak mengeruhkan keharmonian persaudaraan Islam antara kedua-duanya. Mereka tidak mencela dan mentohmah antara satu sama lain seperti yang biasa berlaku mutakhir ini.

Pada saat para ulama' fikah tidak lagi menggunakan akal untuk menyelesaikan isu-su kontemporari, ketika itu kita akan katakan bahawa syariah Islam telah menjadi jumud dan tidak lagi sesuai untuk setiap masa dan tempat.

Selagi ulama' fikah enggan melibatkan diri dalam menyelesaikan isu-isu kontemporari dengan menggunakan akal dan ijtihadnya, maka dia telah menzalimi syariat Islam. Lebih malang lagi apabila kita mendapati kebanyakan ulama' bergantung pada karya-karya silam apabila berhadapan dengan isu kontemporari sedangkan mereka mengetahui bahawa isu ini belum muncul ketika karya tersebut dikarang. Sudah sampai masanya, kita mengatakan kepada diri sendiri, " Ulama' silam telah berfikir dan mengemukakan pandangan mereka, tetapi mengapa kita tidak berfikir dan mengeluarkan pandangan kita? Kita berfikir tentang diri kita seperti yang pernah dilakukan mereka dan tidak bergantung pada orang lain dan tidak pula takut untuk mengemukakan pandangan kita sendiri.

Situasi yang lebih teruk apabila seseorang tergopoh-gapah mengeluarkan pandangannya sebelum dia menekuni sesuatu isu. Kaedah Syar'iyyah menyatakan, 'Menghukum sesuatu isu dilakukan selepas memahami realiti isu itu."

Situasi ini tidak asing. Aku teringat suatu insiden ketika aku menghadiri satu seminar pada tahun 70-an. Seorang ahli fikah membentangkan kajian berkaitan dengan proses pemandulan. Kajian itu sangat mendalam, sayangnya tidak menyentuh proses pemandulan, sebaliknya hanya membincangkan proses pengasian. Satu berita baik pada akhir-akhir ini, sesuatu pandangan diputuskan dalam seminar yang dihadiri oleh pakar dalam pelbagai bidang seperti perubatan, ekonomi dan lain-lain.

Dalam aspek muamalat pula, terselit isu akhlak. Agenda ini tidak berkait dengan hukum hakam dan undang-undang. Perundangan diibaratkan sebagai benteng yang tidak boleh kita langkaui, manakala akhlak pula diibaratkan sebagai tanah yang kita diami. Akhlak merupakan isu yang paling luas dalam Islam. Undang-undang pula digubal untuk menjaga akhlak.

Orang Islam memfokuskan kepentingan membina benteng dan melaksanakan perundangan Islam (dahulu,aku pun termasuk dalam golongan ini). Mereka mementingkan benteng dan mengabaikan tanah yang didiami. Kita harus ingat bahawa percubaan untuk mengaplikasikan perundangan Islam tanpa mendidik jiwa dan akhlak umat Islam merupakan percubaan yang gagal. Hal ini demikian kerana Islam seperti itu umpama Islam acuan Barat. Umat Islam akan cuba mengelak atau menentang undang-undang atau dipaksa mengikutinya. Justeru, jadilah umat Islam umat yang bersifat munafik.

Golongan Islamik berpendapat bahawa mengislahkan akhlak merupakan proses yang panjang dan sukar. Suatu ketika dahulu, aku pun berpendapat sedemikian sehinggalah aku mendapati hanya dengan mengislahkan akhlak, kita akan mencapai kesempurnaan Islam. Dalam susunan prioriti agama Islam, kita perlu merujuk Hadis Nabi SAW: "Sesungguhnya aku hanya diutus untuk menyempurnakan akhlak". Oleh itu, akhlak ialah matlamat dan selain itu ialah cara...

Ini tidak bermakna aku tergolong dalam kalangan golongan negatif, tetapi hasratku agar umat yang berjuang ini memenuhi ciri-ciri umat yang berjuang.

Apabila urusan Islam yang bermula dengan hati, jiwa dan akhlak utuh dalam sesuatu umat, maka musuh dalaman dan luaran tidak akan dapat menyekatnya. Suatu ketika dahulu, aku berjumpa dengan seorang pemimpin gerakan Islam di salah sebuah negara Islam. Beliau memimpin satu gerakan yang terkenal dengan sifat kesederhanaan, penyebar kesedaran dan berlapang dada. Meskipun demikian, gerakan ini sentiasa dianiaya dan dikecam.

Aplikasi Syariah

Perkara utama yang sering dititikberatkan oleh pejuang Islam ialah persoalan pelaksanaan perundangan Islam. Aku pun tidak berhasrat untuk menongkah arus kerana perbuatan itu akan meyebabkan aku terkeluar daripada Islam. Setiap hari aku berdoa, " Ya Allah, berilah kami taufik dan petunjuk untuk berkhidmat kepada agama-Mu, mengagungkan seruan-Mu, memperjuangkan syariat-Mu dan menyampaikan dakwah-Mu." Namun begitu, perkara ini sering menghantui fikiranku kerana tatacara pelaksanaan syariah itu berkemungkinan tepat dan berkemungkinan juga tersasar. Silapnya bukan pada perundangan Islam itu, tetapi berpunca daripada golongan yang melaksanakan syariat Islam. Kebijaksanaan dan keilmuan mereka dalam bidang fikah.

Golongan yang pendek akal menyangka bahawa perundangan Islam umpama formula yang boleh diaplikasikan dalam semua situasi atau CD yang mengandungi maklumat lengkap, semua persoalan akan dapat dirungkaikan hanya dengan memutarkannya di komputer. Golongan ini lupa bawa kebanyakan daripada perundangan Islam bersifat fleksibel. Perundangan Islam berubah-ubah mengikut situasi dan hanya sedikit sahaja yang tetap. Golongan ini juga tidak menyedari bahawa banyak pandangan yang diistinbatkan oleh ulama' terdahulu tidak lagi sesuai untuk diaplikasikan dalam situasi baharu kini, contohnya dalam situasi umat Islam sebagai golongan minoriti. Sebaliknya, apabila terdapat individu yang mencadangkan pandangan baharu, maka dia dihujani tohmahan dan kutukan seolah-olah dia ingin mengubah perundangan Islam dan menyelewengkan agama Allah.

Pegangan dengan pandangan ulama' terdahulu secara semberono tanpa menekuni perubahan situasi hanyalah natijah kejumudan akal. Tidakkan mereka tahu bahawa ulama terdahulu pun merupakan mujaddid dan pemikir pada zaman mereka. Mereka telah mengeluarkan

pandangan baharu pada zaman mereka. Apakah akan berlaku sekiranya aku merawat pesakitku menggunakan kaedah rawatan ibnu Sina atau pun al-Rāzi? Bukankah kedua-duanya pakar perubatan pada zaman mereka? Pastinya semua akan mengatakan kaedah rawatan yang aku gunakan kolot. Semua ilmu telah berkembang maju. Adakah wajar kita menafikan bahawa ilmu fikah pun sepatutnya berkembang?

Pandangan-pandangan dalam ilmu fikah sekarang perlu disemak semula secara komprehensif dan jujur. Pandangan-pandangan yang masih relevan perlu dikekalkan, manakala pandangan-pandangan yang tidak relevan perlu diubahsuai. Kenyataanku ini mungkin menyebabkan jari-jemari tohmahan akan dituding kepadaku. Jangan. Jangan berbuat begitu. Aku tidak menyeru supaya menghalalkan perkara haram, mengharamkan perkara halal, menentang perundangan Islam dan mengubah dasar-dasar agama Islam. Namun begitu, ketahuilah bahawa terdapat keluasan dalam perundangan Islam, maka janganlah kita sempitkan. Semoga Allah memberi keluasan kepada kita.

Antara isu yang perlu disegerakan ialah pembentukan *al-fiqh al-dusturi* (fikah perundangan) yang menjelaskan cara penghakiman, hubungan antara pemerintah dengan rakyat, hak-hak individu dan pemerintah. Domain ini masih kurang dikaji dalam disiplin ilmu fikah.

Antara isu yang perlu disegerakan juga ialah *al-fiqh al-aqalliyyat* (fikah manoriti). Ketika ilmu fikah dikarang, umat Islam merupakan majoriti di negara mereka. Dahulunya, dunia terbahagi kepada dua; negara Islam (dār al-Islām) dan negara kafir (dār al-harb), kini golongan Islam bermastautin di negara bukan Islam. Mereka merupakan golongan minoriti dan tertakluk pada sistem perundangan bukan Islam. Mereka mengemukakan beribu-ribu soalan berkaitan dengan ijtihad ulama' untuk menyesuaikan kehidupan mereka dengan agama mereka. Aku rasakan soalan-soalan itu mereka itu tidak mampu dijawab oleh ulama' di negara Islam kerana pandangan yang ingin dikeluarkan perlulah didahului dengan kefahaman yang tuntas tentang situasi setempat. Andai mereka mengeluarkan fatwa, pastinya mereka mengeluarkan fatwa tentang perkara yang tidak difahami merkea. Ini merupakan satu kepincangan yang dihadapi oleh ulama' dan orang ramai.

Aku berpandangan bahawa pembahagian negara kepada negara Islam dan negara kafir adalah tidak relevan lagi pada masa kini. Berapa banyakkah negara Islam yang memusuhi

agamanya dan menindas rakyatnya yang beragama Islam? Sebaliknya, berapa banyakkah negara kafir yang membenarkan umat Islam mempraktikkan agama mereka dan mereka dilindungi oleh undang-undang? Oleh itu, aku berpandangan bahawa negara boleh dibahagikan kepada negara Islam dan negara dakwah. Walaupun “dakwah” merupakan jenayah bagi sesetengah negara Islam. Memandangkan Islam dan kemanusiaan tidak boleh disemai ketika kebebasan menjadi lenyap, maka kami berharap agar Islam dapat disemai di negara yang mengiktiraf kebebasan dengan memahami kebaikan Islam kepada kemanusiaan.

Banyak golongan terkeliru antara perkara agama dengan adat tradisi. Lebih dahsyat lagi, apabila mereka menganggap perkara yang tidak berkaitan dengan agama sebagai perkara agama.

Dahulu, fatwa pengharaman wanita memandu kereta telah dikeluarkan. Kami tidak faham apakah dalil pengharamannya sedangkan pada masa dahulu, kaum wanita menunggang kuda dan unta. Wanita yang memandu kereta dianggap sebagai pelacur. Aku tidak faham, jenayah manakah yang lebih jelik dan hina; jenayah memandu kereta atau jenayah menuduh wanita suci sebagai pelacur? Mengapakah suara-suara tohmahan itu tidak diadili dengan hukuman ‘*qazf*’ berdasarkan syariat Islam. Aku faham sekiranya perkara ini dikatakan bertentangan dengan adat resam, tetapi mengapakah pula dikaitkan dengan agama Islam? Kemudian, fatwa ini ditarik balik disebabkan oleh tekanan.

Aku telah membaca dalam suatu akhbar di Amerika satu contoh lain yang berlaku di negara Islam berkaitan dengan kesilapan dalam pelaksanaan perundangan Islam. Kadangkala, salah satu cara yang dilakukan oleh polis atau ahli politik untuk menundukkan musuh politiknya adalah dengan menghantar samseng ke rumahnya pada waktu ketiadaannya. Samseng ini akan mencabul isterinya. Dalam suatu kes, si isteri memberanikan diri dan melaporkan insiden ini. Natijahnya, si isteri ini telah dituduh melakukan zina kerana dia mengakui berlaku persetubuhan dan dia gagal membawa empat orang saksi seperti yang dituntut oleh perundangan Islam. Adakah pelaksanaan perundangan Islam seperti ini tepat? Malangnya, si isteri telah disiasat dan diminta melakukan pemeriksaan doktor dan sampel DNA diambil untuk diuji kaji. Insiden ini merendahkan perundangan Islam. Kaedah asas, kezaliman tidak boleh diadili berdasarkan tatacara syariah.

Selain itu, terdapat juga pemerintahan Islam yang mengarahkan supaya sekolah untuk kanak-kanak perempuan ditutup dan pekerja-pekerja wanita dipecat, seolah-olah perempuan tidak

wajib menuntut ilmu dan Islam mengharamkan wanita daripada mencari rezeki halal. Lelaki pula disebat kerana mencukur janggutnya berdasarkan pandangan bahawa memelihara janggut hukumnya sunat. Sesiapa yang mengubah hukum ini kepada wajib, maka sesungguhnya dia telah mengubah ajaran Islam.

Isu kelemahan susunan prioriti dalam pelaksanaan perundangan Islam juga dilihat ketika pendukung Islam berjaya menguasai tampuk pemerintahan. Perubahan pertama yang telah dilakukan ialah melaksanakan hukuman memotong tangan pencuri dan mewajibkan perempuan memakai hijab. Tidak lama kemudian, pemerintahan mereka semakin lemah, ekonomi merudum, akaun menyusut, undang-undang dikuasai oleh pihak tentera dan polis di samping kebebasan berbeza pandangan disekat. Jiwa rakyat menjadi tertekan walaupun pada awalnya dipenuhi kegembiraan atas kemenangan Islam. Ilmuwan dan sarjana mula berhijrah meninggalkan negara itu. Kita seolah-olah mengubah pemerintahan diktator kepada satu pemerintahan diktator lain yang lebih dahsyat kerana meletakkan "Islam" sebagai alasan yang mengharuskan sesuatu tindakan. Sesiapa yang tidak bersetuju dianggap berdosa, manakala sesiapa yang mengkritik pula dianggap kafir.

Aku bersua di Amerika ilmuwan dan sarjana yang telah berhijrah dari negara Islam. Bahkan dalam kalangan mereka, terdapat yang sudah lanjut usia, mereka bersolat dan berpuasa, tetapi mereka tegas berkata, "Walaupun para pemerintah negara Islam mewakili "Islam", kami tidak perlukan "Islam" acuan mereka. Mereka sekarang tenang berada di negara baharu yang mengamalkan kebebasan. Mereka berbondong-bondong kembali kepada ajaran Islam berdasarkan pemikiran Islam yang matang. Mereka telah membangunkan agensi-agensi yang mendidik mereka dan anak-anak mereka dengan ajaran Islam yang sahih."

Aku berharap agar pemerintahan Islam ini mengikut jejak langkah Rasulullah SAW ketika awal kemenangan mereka dengan mengampunkan sesiapa yang mengiktiraf pemerintahan baharu ini dan tidak membunuh serta mempamerkan mayat mereka di media massa.

... Negara hanya dapat dibangunkan atas dasar kasih sayang.

Beberapa tahun dahulu, pendukung Islam telah memenangi pilihan raya bebas di salah sebuah negara dan dijangka memegang tampuk pemerintahan. Aku gembira dengan kemenangan

itu tetapi terkejut dan kasihan kerana peluang ini berakhir dengan kegagalan. Dahulunya aku bimbang akan ancaman musuh Islam terhadap Islam dan aku juga bimbang akan ancaman daripada penganutnya sendiri. Tanpa pengetahuan mereka, aku telah menulis sepucuk surat untuk menyampaikan nasihat ikhlasku. Sayang sekali, masa berubah begitu pantas, sehingga aku tidak sempat mengutuskannya. Meskipun demikian, aku berharap coretanku ini mampu memberi pencerahan kepada umat Islam. Coretanku :

Kehadapan saudara seislamku,

Assalamualaikum WBT,

Berita kemenangan pihak saudara telah tersebar ke sini dan menjadi buah mulut umum. Sebahagian rakyat yang menjangkakan, " Pihak tentera akan campur tangan" dan tidak kurang juga yang memperlekehkan kemampuan pihak saudara dengan jangkaan pemerintahan pihak saudara tidak kekal lama dan pasti akan gagal. Oleh itu, kami berdoa kepada Allah agar menjadikan kemenangan dan kegembiraan ini sebagai saat untuk memartabatkan akal, saling nasihat menasihati dengan kebenaran dan kesabaran. Rasulullah SAW pun bersabda yang bermaksud : "Agama itu nasihat".

Dalam coretan ini, kami berhasrat untuk berkongsi beberapa perkara yang sebenarnya kami rasakan pihak saudara telah maklum. Coretan ini ikhlas kerana Allah dan untuk agama Allah. Kami berasa ralat jika tidak memaklumkan perkara ini kepada pihak saudara. Semoga pihak saudara dapat memberikan perhatian kepadanya:

1. Sebarkan keamanan kepada rakyat. Sesungguhnya Islam agama keamanan. Nabi SAW pula bersabda kepada musuh baginda SAW pada saat kemenangan (Pembukaan Makkah), " Pergilah, sesungguhnya kamu bebas". Ini disebabkan musuh-musuh Islam menghebohkan bahawa Islam suka membalas dendam, agama teroris dan keganasan. Malangnya, dakyah ini telah diikuti oleh golongan yang jahil tentang Islam.
2. Perbezaan antara pemerintahan Islam dengan demokrasi hanyalah pada perlembagaan. Pemerintahan Islam meletakkan syariat Islam sebagai perlembagaan. Selain itu, amalan demokrasi hampir serupa dengan amalan syura pada zaman pemerintahan Rasulullah SAW dan Khalifah al-Rāsyidīn. Tragedi yang menimpa umat Islam sejak berlaku *al-fitnah al-*

kubra pada pemerintahan Khalifah Saidina Ali berpunca daripada kediktatoran, bukan berpunca daripada syura atau demokrasi.

3. Piak saudara telah berusaha bersungguh-sungguh untuk meruntuhkan pemerintahan diktator. Sekarang peranan pihak saudara adalah untuk membina pemerintahan Islam. Membina sesuatu lebih payah daripada meruntuhkannya. Urusan ini tidak dapat dilakukan dengan hanya penggubalan serta pelaksanaan undang-undang dan peraturan. Inti pati ajaran Islam ialah mendidik jiwa sehingga dapat menundukkan nafsunya dan mewujudkan sifat ihsan. Sejarah Islam membuktikan bahawa Rasulullah SAW mengutamakan tarbiah daripada pelaksanaan undang-undang sehinggakan pelaksanaan undang-undang tidak menakutkan orang Islam. Pada pandangan kami, seandainya tarbiah diutamakan, rakyat muslim mukmin di negara tuan akan segera berakhlak dengan akhlak Islam secara sukarela. Apabila batin telah suci, perlakuan zahir akan berubah menjadi baik juga.
4. Pada pandangan kami, negara saudara perlu mengutamakan pengeluaran makanan ruji rakyat. Apabila makanan ruji masih lagi diimport, maka sesebuah negara itu masih belum merdeka sepenuhnya. Oleh itu, berikan galakan kepada belia dan pemuda dalam bidang ini.
5. Kita mahukan semua rakyat cinta akan Islam. Oleh itu, inilah syaratnya supaya mereka mendekati Islam, berakhlak dengan akhlak Islam ataupun memeluk agama Islam andainya mereka masih bukan Islam (Inilah pengalaman kami di Amerika).

   Fasa kenabian telah berakhir, tetapi usaha dakwah masih perlu dikekalkan. Dasar dakwah ialah mewujudkan minat dan cinta terhadap Islam. Allah berfirman dalam Surah Āl-ᶜImrān:159 yang bermaksud : "dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu".Wahai orang Islam, renungilah firman Allah ini, terutamanya pemuda yang bersemangat dalam beragama.
6. Pihak musuh Islam mencanangkan bahawa Islam dan Eropah ialah musuh tradisi, sedangkan Islam sebenarnya agama rahmat kepada sekalian alam. Perbuatan ini menunjukkan bahawa wujud kebencian pihak barat terhadap Islam kerana Islam mengancam sistem ekonomi mereka yang zalim dan juga sistem moral mereka yang menyeleweng. Selain itu, terdapat juga di sini, golongan yang mengenali Islam hanya melalui media massa ataupun kelakuan buruk orang Islam yang menjatuhkan maruah

agama Islam. Oleh itu, pelan perhubungan awam perlu diwujudkan untuk membersihkan nama baik Islam dan menjelaskan Islam yang sebenar.

Kita mesti mempamerkan Islam kepada dunia dengan wajah manis, ucapan mesra dan hujah yang persuasif.

Kemodenan dunia ini seolah-olah virus yang akan membunuh penghuninya dan penawarnya hanyalah pada Islam. Tugas kita hanyalah meyakinkan penghuni dunia bahawa kita membawa penawar yang akan menyembuhkan mereka dan bukan racun yang membunuh.

Kemenangan pihak saudara di negara saudara merupakan peluang keemasan yang perlu dimanfaatkan. Andainya piak saudara berjaya, maka kejayaan ini ialah titik perubahan kepada sejarah dunia.

Kejayaan pihak saudara dalam membentuk pemerintahan Islam menuntut keintelektualan dan bukan keikhlasan semata-mata. Kami berdoa ke hadrat Allah agar diberikan jalan kejayaan kepada pihak saudara.

Wassalamualaikum WBT.

Kesimpulannya, sistem perundangan Islam melindungi masyarakat daripada melakukan jenayah dengan tiga benteng. Pertama, jiwa dan ketakwaan. Inilah fungsi tarbiah dan pendidikan. Kedua, menghapuskan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya jenayah seperti menambah baik sistem ekonomi. Ketiga, perundangan Islam. Sesiapa yang mengaplikasikannya menurut turutan, pasti akan berjaya dan sesiapa yang menterbalikkan susunan ini, pasti akan gagal. Ingatlah! Saidina Umar pernah menggantung hukuman hudud kepada pencuri pada zaman kebuluran. Seorang tuan mengadu kepada Saidina Umar bahawa dua orang khadamnya telah mencuri. Khadam itu pun menjelaskan bahawa dia mencuri kerana tidak diberi makan. Saidina Umar pun berkata kepada tuannya, “Jika kedua-dua khadam ini mencuri kerana tuan tidak memberi mereka makan, baginda akan memotong tangan tuan.”

Al-Quran dan As-Sunnah

i. Al-Quran

Al-Quran merupakan kitab Allah yang bermukjizat dan warisan kita yang tidak ternilai. Sarjana telah mengarang perbagai karya berkaitan dengan mukjizat al-Quran. Aku hanya ingin mengulas tiga fenomena berkaitan dengan mukjizat al-Quran.

Mukjizat al-Quran yang utama ialah mukjizat *balaghah*. Mukjizat ini telah dikaji dan diteliti oleh masyarakat Arab pada awal penurunan al-Quran sehingga mereka mengagumi kehebatan al-Quran. Sayangnya, pengetahuan tentang mukjizat ini telah hilang ditelan zaman. Berapa ramai orang Islam kini yang membaca al-Quran dengan penuh minat dan khusyuk, tetapi tidak pun mengetahui apa-apa tentang mukjizat *balaghah* al-Quran? Apatah lagi orang yang merangkak-rangkak membaca al-Quran! Berapa ramai pula orientalis yang berkecimpung dalam kajian al-Quran, sedangkan mereka tidak menguasai bahasa Arab dengan baik. Lantas mereka pun mengeluarkan pandangan yang salah tentang *balaghah* al-Quran. Segolongan daripada mereka memisahkan aspek *balaghah* daripada al-Quran dan sebahagian lain pula memperlekehkan balaghah al-Quran. Pandangan mereka itu hanyalah telahan mereka. Benarlah kata-kata penyair al-Mutanabbi: “Berapa ramai orang mencela kata-kata yang benar. Puncanya daripada pemahaman yang salah”.

Sekiranya kita menerima keuzuran mereka kerana mereka tidak memahami mukjizat bahasa al-Quran, apakah kita dapat memaafkan sarjana mereka yang mengambil enteng kaedah ilmiah, “Setiap sesuatu dapat dikenal pasti dengan metodologi yang sesuai”? Seseorang sarjana pasti memerlukan instrumen tertentu untuk mengenal pasti kewujudan arus elektrik atau radiasi nuklear atau magnet. Begitu juga sarjana kimia yang ingin mengenal pasti sifat larutan sama ada asid atau alkali. Beliau akan menggunakan instrumen khas, iaitu kertas litmus. Kertas litmus akan bertukar menjadi warna merah dalam larutan berasid dan warna biru dalam larutan beralkali. Perubahan warna ini akan menjelaskan sifat larutan tersebut walaupun pengkaji itu tidak menguasai ilmu kimia.

Dalam konteks mukjizat bahasa al-Quran, “kertas litmus” ini umpama sarjana Arab pada zaman penurunan al-Quran. Mereka memiliki kehebatan dalam aspek *balaghah* sehingga al-Quran mencabar mereka untuk mencipta sebuah al-Quran lain yang seumpamanya. Walaupun mereka menentang Islam tetapi apabila mendengar bacaan al-Quran terpacul kata-kata: “ Demi Allah! Sesungguhnya ayat al-Quran sangat indah dan ungkapannya sungguh mengagumkan...” Individu

seperti inilah yang boleh dianggap sebagai "parameter" untuk membezakan antara kata-kata manusia atau kalam Allah.

Kita mendengar kisah Saidina Umar al-Khattab yang diselubungi kemarahan kerana mendengar berita adiknya memeluk Islam. Lantas dia pun bergegas ke rumah adiknya untuk memastikan berita itu. Namun demikian, apabila beliau mendengar bacaan daripada Surah Tāhā, hati beliau menjadi lembut lalu mengisytiharkan keislaman beliau. Kisah ini membuktikan mukjizat bahasa al-Quran walaupun kita tidak menguasai bahasa Arab.

Andai Allah ingin memuliakan kamu, nescaya kamu akan menguasai bahasa al-Quran dan rahsianya. Apabila kamu membaca al-Quran, kamu akan dapat menyingkap perkara-perkara yang tidak tersingkap oleh orang lain. Oleh itu, dalamilah bahasa al-Quran sehingga kamu mampu meneliti mukjizat bahasa Al-Quran.

Malang sekali, kita mendapati bangsa Arab moden menyangka bahawa dunia sekarang telah berkembang maju dan tidak perlu lagi menguasai bahasa Arab. Pembelajaran ilmu dapat diteruskan dengan menggunakan bahasa asing. Kita tidak dapat membayangkan betapa bahasa Arab yang mampu mengungkap mukjizat al-Quran itu disempitkan dengan bahasa-bahasa lain! Sebenarnya, puncanya ialah kita tidak menghormati bangsa kita. Jika kita menghormati bangsa kita, pastinya kita akan menghormati bahasa kita. Bahasa jiwa bangsa! Ini telah dilakukan oleh musuh-musuh kita. Mereka telah mengangkat bahasa mereka sebagai bahasa ilmu dan komunikasi.

Mukjizat kedua ialah mukjizat kandungan al-Quran. Mukjizat yang menyentuh hati dan jiwa manusia lalu mengubah peribadi mereka walaupun nama dan susuk tubuhnya masih kekal. Dahulunya mereka jahiliah, kini mereka berakhlak al-Quran. Al-Quran disemat dalam hati mereka dan kemudian dijadikan sumber perundangan dan inspirasi muamalat mereka. Inilah mukjizat yang diperoleh mereka apabila membaca al-Quran selain mukjizat balaghah al-Quran.

Apabila Islam membuka dan menguasai sesebuah negara, rakyat negara tersebut akan melalui dua fasa. Fasa pertama, maruah rakyat terpelihara. Ini disebabkan umat Islam menjamin kebebasan beragama kepada rakyat. Ini berbeza dengan penjajah Rom dan Parsi. Negara Kristian Mesir dipaksa menganut aliran Kristian Rom. Perkara pertama yang dilakukan oleh ᶜAmru ibn al-Ash apabila membuka dan menguasai Mesir ialah memanggil semula Rahib Benyamin yang

berada di pelarian untuk memimpin Gereja Koptik di Mesir. Fasa kedua, mukjizat kandungan al-Quran terserlah dalam akhlak dan pergaulan penganutnya. Hal ini menyebabkan kebanyakan penganut Kristian yang setia telah mengucap syahadah dan memeluk agama Islam secara sukarela. Mereka memahami bahawa agama ini merupakan titik penamat kepada salasilah ajaran Allah yang dibawa oleh para nabi bermula daripada Ibrahim, Musa, Isa sehinggalah Nabi Muhammad SAW. Kami tegaskan bahawa mereka memilih agama Islam secara sukarela kerana Allah menjelaskan "Tiada paksaan dalam beragama" dan sejarah juga membuktikan bahawa tentera Islam tidak memaksa rakyat menganut agama Islam apabila mereka membuka negara tersebut.

Beberapa pihak menggembar-gemburkan bahawa jizyah yang dikenakan merupakan tekanan ekonomi oleh Islam. Sebenarnya mereka lupa, jizyah tidak dikenakan kepada golongan yang tidak berkemampuan. Golongan yang memilih agama Islam pula digugurkan jizyah dan mereka diwajibkan zakat. Zakat merupakan cukai yang dikenakan kepada orang Islam sahaja. Kadangkala bayaran zakat lebih mahal daripada jizyah. Sebenarnya, jizyah ini merupakan cukai pelepasan daripada menyertai "khidmat ketenteraan" dan sumbangan untuk bidang pertahanan. Abu Ubaidah al-Jarrah pernah mengembalikan semula jizyah kepada penduduk Homs, Syria ketika tenteranya meninggalkan daerah itu.

Peliknya, cukai seumpama konsep jizyah masih dilaksanakan di Mesir sehingga kini. Cukai ini dinamakan sebagai *al-badaliyyah*. Cukai ini dikenakan kepada rakyat Mesir sama ada beragama Islam atau Kristian yang inginkan pelepasan daripada menyertai khidmat ketenteraan.

Konsep jizyah yang diamalkan sekarang ini telah wujud dalam sejarah. Semua bersetuju bahawa pertahanan negara di negara Islam merupakan tanggungjawab bersama sama ada Islam atau Kristian dan sama ada dengan darah atau harta, bukannya segolongan berkorban jiwa dan segolongan lagi berkorban harta.

Ketiga, mukjizat sains dalam al-Quran. Pelbagai buku dan tesis ditulis berkaitan dengan mukjizat ini dan pelbagai seminar dianjurkan untuk membicarakannya. Persoalannya,"Mengapakah mukjizat ini tidak terbongkar sejak dahulu tetapi hanya zahir sejak kebelakangan ini?" Maka kita menjawab, "Pada zaman dahulu, ilmu sains masih belum berkembang maju seperti pada zaman ini. Asas untuk mengenal pasti mukjizat sains al-Quran ialah penguasaan ilmu sains yang mantap. Orang Arab dahulu dapat merasai mukjizat bahasa al-Quran

kerana mereka memiliki kemampuan bahasa dan *balaghah* yang unggul. Perkembangan ilmu sains baharu kelihatan pada dua kurun terakhir ini. Kita dapati kemajuan ilmu sains ini semakin rancak pada 10 tahun akan datang. Situasi hari ini menyediakan satu landasan kepada manusia untuk membongkar mukjizat sains sebagai entiti bebas daripada mukjizat bahasa.

Mukjizat bahasa al-Quran di dunia kini sudah terpinggir dan terasing daripada mukjizat kandungan al-Quran. Kami berpandangan bahawa dunia Islam sekarang tidak berani mendabik dada mengatakan bahawa realiti semasa umat Islam ialah cerminan ajaran al-Quran walaupun al-Quran merupakan mukjizat.

Ahli sarjana Barat pun mengakui bahawa al-Quran bukanlah ciptaan manusia mahupun karya Nabi Muhammad SAW. Sesiapa yang membaca karya Dr. Maurice Bucaille, seorang doktor perubatan berbangsa Perancis yang berjudul “ Injil, al-Quran dan Sains” akan mendapati bukti-bukti kenyataan kami dan juga penjelasan sebab sarjana Barat memeluk agama Islam tanpa mereka mengetahui bahasa Arab atau terpengaruh dengan situasi umat Islam kini. Pastinya juga bukan kerana mereka diugut untuk menganut agama Islam.

Al-Quran telah menyebut fakta-fakta sains yang hanya diketahui oleh manusia selepas berkurun-kurun penurunan al-Quran. Pastinya mustahil Nabi Muhammad dan sahabat-sahabat baginda mengetahui fakta ini. Ini membuktikan bahawa al-Quran ialah kitab Allah dan bukannya karya Nabi Muhammad SAW.

Tuntasnya, al-Quran bukanlah buku sains semata-mata. Sesiapa yang ingin melakukan kajian sains perlu merujuk alam ciptaan Allah, menggunakan makmal-makmal sains dan instrumennya, selain memerlukan kesabaran dan ketekunan. Satu perkara yang tidak boleh diterima jika sarjana Islam ketinggalan dalam bidang ini. Malang sekali apabila penemuan-penemuan baharu diterokai oleh sarjana bukan Islam dan sarjana Islam hanya menganalisis penemuan itu dan bertepuk tangan apabila mendapat penemuan tersebut telah dinyatakan dalam al-Quran.

Aku mengenali beberapa sarjana Islam yang tidak meneroka penemuan baharu dan tidak pula mengaitkan penemuan baharu dengan al-Quran ini. Aku amat terkilan dengan golongan ini, terutamanya yang memesongkan tafsiran ayat al-Quran dan terpengaruh dengan media massa. Jika

kita menerima kelemahan dan kekurangan mereka, kita masih lagi perlu menyatakan bahawa al-Quran mengandungi ayat-ayat yang menjelaskan logik sains. Apabila sarjana membacanya, mereka meyakini bahawa al-Quran bukan ungkapan manusia. Apabila orang mukmin membacanya, imannya bertambah. Contohnya, izinkan aku menceritakan pengalaman peribadiku yang membuka mataku dalam perkara ini :

Peristiwa itu berlaku pada tahun 1948, di dalam kapal terbang kecil yang hanya mempunyai 8 tempat duduk dari Keherah di Mesir ke Lod di Palestin pada zaman konflik Arab-Israel. Pada ketika itu, kapal terbang tidak dilengkapi alat kawalan tekanan oksigen. Ini ialah pengalaman pertamaku menaiki kapal terbang. Apabila kapal terbang berlepas dan terbang ke udara, nafasku mula tercungap-cungap dan dadaku sesak. Oksigen tidak mencukupi. Aku rasakan umpama lemas tanpa air, dadaku amat sesak, peluhku menitis dan perutku loya. Aku telah pun tahu akan sebabnya, berdasarkan penemuan pada kurun ke-14, semakin tinggi kedudukan kita dari aras laut, ketumpatan udara dan tekanan oksigen akan menjadi semakin rendah. Selang beberapa ketika, ketika aku membaca al-Quran, aku terjumpa firman Allah SWT dalam Surah al-An^{c}ām:125 yang bermaksud : “maka sesiapa yang dikehendaki Allah untuk memberi hidayah kepadanya nescaya ia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam; dan sesiapa yang dikehendaki Allah untuk menyesatkannya, nescaya ia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya, seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya). Demikianlah Allah menimpakan azab kepada orang yang tidak beriman”.

Pada kesempatan ini, kami juga ingin menyertakan sedikit komentar berkaitan dengan hubungan muslim dengan al-Quran. Allah mengganjari muslim setiap huruf dengan pahala apabila membaca al-Quran. Malangnya inilah titik kesudahannya kepada kebanyakan orang Islam sehinggakan mereka lupa matlamat bacaan al-Quran adalah untuk memahami dan mentadabbur kandungannya. Allah SWT berfirman dalam Surah Muhammad:24 yang bermaksud : “(setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran Al-Quran)?”

Al-Quran merupakan pelan perancangan amalan kehidupan individu, jamaah dan manusia secara total. Ummul Mukminin Saidatina Aisyah, isteri Rasulullah SAW menjelaskan bahawa

akhlak Rasulullah SAW yang merupakan suri teladan kita ialah al-Quran. Allah berfirman untuk menjelaskan fungsi al-Quran kepada masyarakat dalam Surah al-Isrā':9 yang bermaksud : "Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam)".

Tidakkah anda pernah melihat seseorang yang menerima sepucuk surat, lantas dia menyimpannya dan tidak membacanya dek kerana mengambil berkat kasih yang begitu mendalam kepada pengirimnya? Tidakkah anda pernah melihat seseorang yang membacanya tetapi tidak cuba memahaminya? Tidakkah anda pernah melihat seseorang yang memahaminya tetapi tidak pula cuba untuk mengaplikasikan isi kandungannya?

Perumpamaan hubungan kebanyakan orang Islam dengan al-Quran umpama pesakit yang diberi preskripsi ubat oleh doktor. Dia hanya membaca preskripsi ubat tersebut tanpa mengambil dan memakan ubat tersebut.

Sebaliknya, terdapat juga golongan yang begitu sensitif dengan al-Quran sehinggakan Al-Quran telah mencorakkan peri laku mereka. Aku nukilkan di sini dua insiden yang menakjubkan. Insiden pertama berlaku ketika aku menyampaikan khutbah Jumaat tentang "mengumpat" dan aku membaca firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurāt:12 yang bermaksud : "dan janganlah sesetengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya".

Usai solat Jumaat, seorang lelaki golongan awam datang berjumpa denganku di Pusat Islam Carlifonia Utara. Dia pun berkata sambil menundukkan kepalanya, "Wahai Dr. Hathout, aku telah mengumpat dirimu dan aku telahpun memohon ampun daripada Allah. Aku berharap agar tuan juga memaafkan aku". Insiden ini cukup membahagiakan diriku kerana aku benar-benar telah menjumpai seorang muslim yang telah mengaplikasikan al-Quran dalam kehidupan sehariannya.

Insiden kedua pula berlaku kepada sahabatku. Suatu hari beliau telah menerima panggilan telefon daripada sahabat lamanya semasa di bangku sekolah rendah tiga puluh tahun yang lalu. Dia telah menjemput sahabatku untuk makan malam bersama. Sahabatku berasa pelik lalu bertanyakan tujuan makan malam tersebut. Dia menjawab, "Aku akan memberimu apabila kita berjumpa nanti." Ketika sedang menikmati makan malam, dia bertanya sahabatku, ' Adakah

engkau masih ingat tentang lawatan sekolah yang pernah kita ikuti bersama dahulu? Sahabatku cuba mengingatinya. Dia pun menyambung lagi, " Ketika itu engkau membuka bekalmu dan engkau dapati makanannya sudah tiada. Masihkah engkau ingat? Sahabatku pun menjawab, "Ya, aku sudah ingat!". Dia pun berkata, "Sebenarnya aku yang membuang bekalmu. Aku anggapkan itu satu gurauan". Beberapa ketika yang lalu, aku membaca firman Allah dalam Surah al-A'rāf:201 yang bermaksud : "Sesungguhnya orang yang bertaqwa, apabila mereka disentuh oleh sesuatu imbasan hasutan daripada syaitan, mereka ingat (kepada ajaran Allah) maka dengan itu mereka nampak (jalan yang benar)".

Aku rasakan seolah-olah kejahatan telah menguasai fikiranku dan kini aku telah tahu dan menyesal. Cara untuk menenangkan kembali hatiku hanyalah dengan menggantikan bekalmu dengan jamuan makan malam ini. Aku memohon maaf dan berharap agar engkau sudi memaafkan aku. Aku juga memohon ampun kepada Allah SWT." Sahabatku pun memaafkannya dan merasakan tali persahabatan telahpun kembali bertaut.

Dia menambah lagi, "Bukan ini sahaja yang telah aku lakukan, bahkan aku telah pergi ke sekolah rendah kita dahulu untuk berjumpa dengan pegawai perpustakaan dan aku pulangkan kembali buku yang talah dipinjam 30 tahun dahulu." Aku terpegun kerana dia masih menyimpan buku itu. Dulu, aku seolah-olah buta tetapi kini aku kembali sedar. Aku telah mengembalikan buku yang dipinjam sambil meminta maaf dan aku juga telah memberi dana kepada pihak perpustakaan untuk membeli bahan bacaan baharu. Aku juga telah mencatat segala perbuatan jahatku sesama manusia dan aku mencari mereka lalu aku memohon maaf. Kamu ini sebahagian daripada mereka. Kamu tidak dapat bayangkan betapa hidupku telah berubah dan aku merasakan ketenangan dan diriku berasa hampir dengan Allah.

Inilah praktikal al-Quran dan muslim yang mengaplikasikan al-Quran dalam kehidupannya. Al-Marhum Muhammad Iqbal, penyair Pakistan yang terkenal sentiasa mewasiatkan anaknya : "Bacalah al-Quran seolah-olah al-Quran itu diturunkan kepadamu". Andai ini dilakukan oleh orang Islam, nescaya dia akan menjadi "ciptaan baharu".

ii. Sunnah

Pada suatu ketika aku telah melawat Negara Emiriah Arab Bersatu (UAE) untuk menyampaikan syarahanku di universiti. Aku berkenalan dengan seorang Profesor yang ulung. Perasaanku bercampur baur. Beliau telah menguruskan pengangkutanku sepanjang aku di sana. Ketika berbual-bual, beliau berkata kepadaku, “Aku berhasrat untuk berkahwin dalam masa terdekat, Insya Allah”. Aku terkasima. Beliau profesor bidang Syariah. Aku pun menduga, “Sekarang ini Profesor masih belum berkahwin?” Beliau pun menjawab, “ Aku sudah pun berkahwin”. Aku pun bertanya, “Jadi, Prosesor tidak dikurniai anak? Beliau membalas, “ Alhamdulillah, aku telah dikurniai tiga orang anak perempuan. Aku pun menebak lagi, “ Profesor inginkan anak kecilkah? Beliau membalas lagi, “ Tidak...sama sahaja bagiku.” Aku pun berkata, “Jadi, ini mesti Profesor tidak sefahaman dengan isteri Profesor dan dia telah mengganggu hidup Profesor.” Beliau pun membalas, “ Demi Allah tidak! Aku tidak mungkin menemui isteri yang sebaiknya...Dia mencintaiku, menguruskan keperluanku, membahagiakanku dan menjagaku dan anak-anakku ”. Aku bertambah pelik, maka aku bertanya dalam kehairanan, “Jadi mengapakah Profesor ingin berkahwin lagi?”. Beliau pun berkata, “ Demi Allah, aku bukan ingin berkahwin lagi, Aku hanya ingin mengikut sunnah.”

Aku pun berdialog dengannya. Aku bertanya, “Adakah Profesor menyangka isteri Profesor akan gembira dengan perkahwinan ini? Beliau pun menjawab, “Pastinya tidak. Perkahwinan ini amat melukakan hatinya.” Aku bertanya lagi, “ Adakah sunnah itu lebih utama daripada al-Quran?” Beliau pun menjawab, “Pastinya al-Quran”. Aku pun berkata lagi, “ Betulkah yang Profesor katakan bahawa isteri Profesor sangat membahagiakan Profesor dan perkahwinan baharu ini akan melukakan hatinya?” Beliau pun menjawab ringkas, “Ya.” Aku pun berkata, “ Tidakkah Profesor perhatikan bahawa Allah telah berfirman dalam al-Rahmān:60 yang bermaksud : “Bukankah tidak ada balasan bagi amal yang baik - melainkan balasan yang baik juga?” Profesor itu menundukkan kepalanya, tiba-tiba terpacul di mulutnya, “Jadi, aku tidak akan berkahwin lagi”.

Profesor pun memberitahu berita gembira tentang keputusannya yang baharu itu kepada isterinya dan anak-anaknya. Selang beberapa ketika, aku telah dijemput ke majlis minum petang yang meriah di rumah profesor tersebut. Isteri dan anak-anaknya mengucapkan terima kasih kepadaku. Aku amat seronok pada waktu itu kerana profesor itu telah menerima kebenaran.

Ini mungkin satu contoh sikap orang yang terlalu obsesif dengan sunnah untuk diikuti. Kita tidak katakan poligami itu haram, tetapi pengikut sunnah tidak terkecuali daripada menggunakan akal secara rasional. Realitinya, pengkaji alam perkahwinan Rasulullah SAW akan mendapati alam perkahwinan baginda SAW terbahagi kepada dua fasa. Fasa pertama selama 25 tahun bersama seorang isteri, iaitu Ummul Mukminin Khadijah RA sehinggalah isteri baginda meninggal dunia. Fasa kedua selama 10 tahun, Rasulullah SAW berpoligami. Setiap perkahwinan Rasulullah SAW ini mempunyai rasional sama ada kemanusiaan, politik ataupun sosial. Masyarakat sekeliling pun tidak merasakan pelik dan ajaib.

Fasa kedua ini tidak terbuka kepada semua orang Islam untuk mengikutinya dan fasa ini khusus untuk Rasulullah SAW sahaja. Bilangan isteri Rasulullah SAW dalam fasa ini melebihi empat orang yang merupakan batas paling ramai untuk orang Islam biasa. Nabi SAW diharamkan untuk mentalak isterinya untuk menikahi perempuan lain. Perkara ini dibenarkan kepada lelaki Islam selain Rasulullah SAW. Isteri-isteri Rasulullah SAW pula diharamkan berkahwin selepas kewafatan baginda SAW. Perkara ini juga dibenarkan kepada wanita Islam lain selain daripada para janda Nabi SAW. Isteri-isteri Rasulullah SAW dijanjikan dengan gandaan pahala apabila melakukan kebaikan dan gandaan azab jika melakukan dosa. Allah SWT telah berfirman dalam Surah al-Ahzāb:32 yang bermaksud : "Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana wanita yang lain".

Sesiapa yang ingin mengamalkan poligami dalam kehidupannya hendaklah bertanya, " Manakah yang lebih utama, mengikuti alam perkahwinan Nabi SAW pada fasa pertama atau fasa kedua?".

Dalam membicarakan poligami, kami dapati isu ini sering dibangkitkan dalam slot kuliah dan dialog sesama bukan muslim. Respons terbaik bagi isu ini yang menyebabkan mereka terkasima ialah kenyataan bahawa poligami dicipta oleh agama Islam tidak tepat. Sistem poligami ini telah wujud dalam agama Yahudi dan Kristian. "Perjanjian Lama" (Taurat) menjelaskan bahawa nabi-nabi telah mengamalkan poligami dan mereka tidak ditohmah melanggar hukum tuhan. Ini juga telah dinyatakan dalam Ensiklopedia Katolik.

Amalan ini telah diteruskan di Eropah yang menganut agama Kristian selama berkurun-kurun. Gereja Kristian di Afrika masih menggalakkan penganut Kristian supaya berpoligami bagi

mengimbangi pertambahan penduduk Islam di sana. Berita ini kudengar sendiri daripada mulut pimpinan katolik dalam seminar yang dihadiri oleh beribu-ribu penganut katolik. Ketika itu aku dijemput untuk membicarakan isu “pengguguran bayi”. Aku menjangkakan penceramah itu tidak perasan kewujudanku dalam seminar tersebut.

Pengalaman peribadiku ini merupakan jawapan yang tuntas. Larangan poligami tidak dikeluarkan oleh agama. Bahkan amalan poligami satu bentuk tamadun. Namun pada kurun keenam masehi, Maharaja Justinian telah menggubal undang-undang yang menyekat kenaikan pangkat kepada paderi yang berpoligami. Sesudah itu, undang-undang ini berkembang secara peringkat demi peringkat.

Islam mendapati perkara ini telah diamalkan oleh dua agama terdahulu, lalu Islam meletakkan garis sempadan dan syarat untuk mengamalkannya seperti yang telah dinyatakan dalam al-Quran secara jelas. Secara umumnya, kita tidak mengatakan Islam menghalang poligami walaupun kita mendapati ramai yang mengambil mudah perkara ini dan berpoligami hanya untuk keseronokan peribadi. Andai Islam menghalalkan poligami, Islam juga menghalalkan monogami. Adat dan budaya setempat amat mempengaruhi amalan ini. Perkara ini juga kelihatan menimbulkan kegawatan kepada umat Islam seluruh dunia. Di sesetengah negara minoriti umat Islam, undang-undang negara tersebut mengharamkan poligami. Di sesetengah negara pula, poligami ini tidak diterima oleh sistem sosial. Pembangunan pusat komuniti wanita yang memberi peluang kepada golongan wanita menuntut ilmu, penglibatan wanita dalam alam pekerjaan merupakan gelombang kuat ke arah amalan monogami. Selain itu, situasi ekonomi semasa menyulitkan lelaki untuk mengamalkan poligami kecuali mereka yang berpendapatan besar. Jumlah mereka amat sedikit.

Isu ini telah menyebabkan berlakunya perdebatan dan pertembungan antara golongan aktivis Islam dengan gerakan wanita dari semasa ke semasa. Kami memilih untuk mengabaikan pertembungan ini dan menyerahkan isu ini kepada transformasi sosial secara natural.

Pemerhatian lain yang aku dapati di Amerika ialah amalan poligami ini diamalkan oleh warga Afrika Amerika. Kebanyakan mereka ialah para imam. Malangnya, majoriti amalan ini berakhir dengan tragedi atau perceraian. Terdapat golongan yang berjumpa kami untuk berpoligami tetapi kami tidak mengizinkan mereka. Kami nyatakan, “Perkahwinan tidak boleh

dilangsungkan jika tidak dapat didaftarkan demi menjaga hak isteri.” Tambahan pula, undang-undang Amerika menghalang amalan poligami. Islam menghalang umatnya melakukan jenayah yang membawanya ke penjara. Tambahan pula, amalan poligami ini bukan perkara wajib yang perlu dilakukan. Pengamal poligami akan mempunyai dua isteri. Isteri pertama sah di sudut undang-undang, manakala isteri kedua pula isteri yang tidak sah di sudut undang-undang dan ini bertentangan dengan konsep keadilan dalam Islam. Allah berfirman dalam Surah al-Nisā’:3 yang bermaksud : “Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja”

Kita sambung perbincangan berkaitan dengan beberapa persepsi orang Islam berkaitan mengikut sunnah Nabi SAW.

Suatu hari, sahabatku, seorang doktor berbangsa Pakistan di Amerika yang komited dengan Islam berkata kepadaku, “ Aku telah membuat keputusan untuk tidak mengikut fesyen orang kafir di sini. Aku akan bekerja dengan memakai kurta.” Aku pun berkata, “Adakah kamu mengangka Rasulullah SAW memakai kurta?” Andai kamu beranggapan bahawa ini fesyen Islam, bagaimana pula dengan fesyen di Arab Saudi, Yaman, Tunisia, Marakesh, Malaysia, Filipina atau fesyen pakaian Syeikh Azhar di Mesir?

Konsep sunnah Rasulullah SAW dengan memakai fesyen tertentu merupakan konsep yang salah. Konsep ini akan membuatkan aktivis Islam tergamam apabila kita bertanya tentang perbezaan pakaian antara Rasulullah SAW, Abu Jahal dan Abu Lahab. Sesungguhnya Rasulullah SAW memakai fesyen pakaian yang sama dengan masyarakat setempat. Tiada bukti yang menunjukkan Rasulullah SAW menukar fesyen pakaiannya demi agama baharu.

Sesungguhnya Rasulullah SAW hanya telah menggariskan tatacara berkaitan dengan adab berpakaian dan menutup aurat kepada lelaki dan perempuan. Baginda SAW tidak pula melakarkan fesyen pakaian tertentu. Ketika baginda SAW dihadiahi persalinan Rumawi, baginda SAW memakainya dan tidak membantah serta tidak pula mengatakan ini fesyen orang kafir. Apabila Rasulullah SAW melarang amalan melabuhkan pakaian dek kerana keangkuhan, Saidina Abu Bakar mengadu kepada Rasulullah SAW bahawa kadangkala pakaiannya labuh ke tanah. Baginda SAW pun menenangkannya seraya bersabda, “tetapi engkau tidak melakukannya kerana sifat sombong”.

“Mengikut Rasulullah SAW” bukannya dalam konteks pakaian ataupun makanan. Rasulullah SAW sendiri mengingatkan kita bahawa sunnah baginda SAW yang perlu diikut ialah perkara yang berkaitan dengan urusan agama. Selain itu, baginda SAW bersabda, “ Sesungguhnya aku pun manusia”. Ketika Baginda SAW merangka strategi peperangan Badar, Muaz bin Jabal bertanya baginda SAW , “Adakah tempat perhentian ini wahyu Allah kepadamu dan kita tidak boleh ke hadapan atau ke belakang sedikit pun ataupun ini pandangan atau strategi peperanganmu? Apabila beliau mengetahui bahawa ini ijtihad Rasulullah SAW, maka beliau pun mencadangkan tempat baharu yang lebih berpotensi untuk menang. Cadangan ini diterima oleh Rasulullah SAW. Apabila Rasulullah SAW melihat petani di Madinah mengahwinkan pokok kurma mereka lalu baginda menyarankan supaya tidak berbuat demikian. Setelah itu, para petani Madinah mengadu kepada Rasulullah hasil kurma mereka berkurangan kerana tidak mengahwinkan pokok-pokok kurma. Rasulullah SAW pun bersabda, “Kamu lebih mengetahui urusan dunia kamu”.

Kadangkala Rasulullah SAW mengungkapkan suatu perkara dengan menggunakan uslub *balaghah* yang tidak difahami secara literal. Ketika Rasulullah SAW bersabda kepada isteri-steri baginda SAW, “Isteri yang paling cepat meninggal dunia selepas kewafatanku ialah yang mempunyai “tangan paling panjang”. Beberapa orang isteri baginda SAW talah mengukur tangan mereka untuk mengetahui siapakah yang mempunyai tangan paling panjang. Namun begitu, baginda SAW tidak bermaksud “tangan panjang” secara fizikal, tetapi ini ialah kiasan kepada isteri yang paling banyak bersedekah. Oleh itu, isteri Rasulullah SAW fahamlah bahawa isteri pertama yang akan meninggal dunia selepas kewafatan baginda SAW ialah Zainab bint Jahsh.

Manusia sering terlupa bahawa walaupun Rasulullah SAW merupakan insan terbaik tetapi baginda juga bergurau senda. Ketika Rasulullah SAW berjumpa dengan seorang wanita tua, baginda SAW bersabda, “ Orang tua tidak akan memasuki syurga”. Orang tua itu terkejut sehinggalah baginda SAW menerangkan bahawa Allah akan mengembalikan keremajaan kepada penghuni syurga.

Terdapat juga situasi yang para sahabat berbeza pandangan sama ada untuk memahami sabda Rasulullah SAW secara literal ataupun secara kiasan. Semasa Peperangan Bani Quraizhah, Rasulullah SAW bersabda, “Jangan ada seorang pun yang bersolat kecuali di perkampungan Bani Qurazhah”. Segolongan sahabat berpandangan bahawa Rasulullah SAW menggesa mereka supaya

bergerak pantas dan mereka menunaikan solat Asar dalam waktunya. Segolongan sahabat yang lain pula memahami secara literal, lalu mereka tidak sempat bersolat Asar dalam waktunya kerana mereka sampai dalam waktu maghrib. Rasulullah SAW tidak mencela kedua-dua golongan ini. Jika aku bersama mereka, pastinya aku bersolat Asar sebelum habis waktu, walaupun dalam situasi itu kedua-dua pilihan dibenarkan.

Setiap insan mempunyai sejumlah ilmu dan kemahiran berfikir tersendiri. Semua ini akan dihisab oleh Allah mengikut kadar yang dimilikinya. Cuba kita bayangkan, jika Yahudi merancang untuk menyerang Kota Madinah kerana mendakwa bahawa mereka telah menangguhkan serangan ke kota itu sejak zaman Rasulullah SAW maka salah seorang daripada orang Islam mencadangkan agar dibina parit sekitar kota kerana mendakwa inilah sunnah Rasulullah SAW. Insya Allah akan ada pula yang akan membantah cadangan itu seraya berkata kepada sahabatnya itu, "Diam! Arahan Rasulullah SAW supaya menggali parit kerana itu ialah pelan kontigensi untuk pertahanan kota pada zaman itu. Sunnah yang sebenar ialah kita menggunakan pelan kontigensi yang bersesuaian pada zaman ini."

Perkara ini telah mengingatkan aku kepada satu isu yang lain. Isu yang berulang setiap tahun dan aku berasa kasihan dan terkilan. Isu itu ialah penentuan awal dan akhir bulan Ramadan. Amalan yang diwajibkan kepada kita ialah berpuasa sebulan Ramadan, sepertimana firman Allah dalam Surah al-Baqarah:185 yang bermaksud : "Sesiapa daripada antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu".

Persoalannya, mengapakah penetapan waktu itu perlu? Pada zaman dahulu, umat Islam tidak mempunyai kaedah lain kecuali mencerap anak bulan. Aku menggunakan istilah "kaedah" kerana matlamatnya ialah puasa dan mencerap anak bulan hanyalah kaedahnya. Pastinya, matlamat bukanlah kaedah. Kadangkala anak bulan sukar dicerap disebabkan oleh keadaan cuaca. Oleh itu, Rasulullah SAW memudahkan umatnya dengan sabda baginda SAW yang bermaksud : "Berpuasalah kerana melihat anak bulan (Ramadan) dan berbukalah kerana melihat anak bulan (Syawal), Jika kamu terkeliru, maka lengkapkan bulan Syaaban selama 30 hari".

Rasulullah SAW juga menjelaskan sebab pemilihan kaedah ini. Realitinya, kaedah ini berkemungkinan menyebabkan umat Islam menggenapkan bulan Syaaban 30 hari, walaupun pada hakikatnya 29 hari. Sebab pemilihan kaedah ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang

bermaksud : “ Kami umat ummi yang tidak tahu menulis dan mengira”. Jika umat ini sudah tahu menulis dan mengira, adakah perlu dikekalkan kaedah itu? Ataupun kita diharamkan belajar menulis dan mengira kerana Rasulullah SAW bersabda begitu? Aku pernah mendengar ungkapan ini daripada beberapa orang yang berlagak pandai.

Kini kita berada pada zaman yang mampu menentukan waktu terbit anak bulan dengan lebih tepat berbanding dengan kaedah pencerapan anak bulan. Tidakkah boleh kita menggunakan ilmu ini dalam urusan agama? Ironinya, jika kita telah menggunakan kaedah melihat anak bulan, adakah dengan kaedah itu semua umat Islam berpuasa pada tarikh yang sama? Bagi golongan yang tidak bersetuju memanfaatkan kemajuan ilmu (kiraan falak), adakah setiap hari mereka berbuka puasa dengan meneropong matahari terbenam ataupun dia melihat dan mengikut takwim yang disediakan? Ini kerana kaedah sebegini juga diaplikasikan dalam isu penentuan waktu imsak dan waktu solat. Aku tersenyum ketika menulis perkara ini kerana aku sendiri pun berpegang dengan pandangan “melihat anak bulan” sehinggalah aku memahami perbezaan antara matlamat dengan kaedah serta mengetahui ketepatan kaedah perkiraan falak.

Syariah Islam ditentukan berdasarkan *ghalabah dzonn* (menghilangkan keraguan) apabila tiada nas. Antara kaedah “melihat anak bulan” dan “ kiraan falak”, manakah yang lebih menghilangkan keraguan dan lebih hampir kepada kebenaran? Kalaulah Saidina Umar al-Khattab masih hidup di zaman ini, nescaya dia cuma akan mengambil masa yang singkat untuk menyelesaikan isu ini. Beliau seorang khalifah yang bijak dan ahli fikah yang hebat.

Kami rasakan kita tidak perlu bertelingkah dengan golongan yang meremehkan hadis Nabi SAW sebagai sumber hukum dan hanya berpegang kepada al-Quran semata-mata. Cukuplah kepada kami firman Allah SWT dalam Surah al-Nisā’:80 yang bermaksud : “Sesiapa yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya dia telah taat kepada Allah”, firman Allah SWT dalam Surah al-Hasyr:7 yang bermaksud : “dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (SAW) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya” serta firman Allah SWT dalam Surah al-Nūr:54 yang bermaksud : “Katakanlah lagi (kepada mereka): " Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasul Allah. kemudian jika kamu berpaling ingkar maka ketahuilah bahawa sesungguhnya Rasul Allah hanya bertanggungjawab akan apa yang ditugaskan kepadanya, dan kamu pula bertanggungjawab akan

apa yang ditugaskan kepada kamu. dan jika kamu taat kepadanya nescaya kamu beroleh hidayah petunjuk”.

Terdapat banyak lagi dalil al-Quran dan karya ulama’ yang menunjukkan Hadis Nabi SAW sebagai sumber hukum.

Kesimpulannya, aku nyatakan bahawa mengikut Rasulullah SAW mestilah berdasarkan ilmu. Masih ramai umat Islam yang perlu lebih mengenali Rasulullah SAW dari sudut keperibadian, spiritual dan akhlak baginda SAW. Tanpa ilmu tentang Rasulullah SAW, kita hanya mampu mencontohi Rasulullah SAW secara lahiriah sahaja.

Abbas Mahmud Aqqad berkata, setiap peribadi itu ada kebitaraannya. Setelah berpuluh tahun aku mengkaji sirah dan keperibadian Rasulullah SAW, aku mendapati kebitaraan peribadi baginda SAW ialah “kasih sayang”. Baginda SAW dianiayai oleh kaum kafir sehingga malaikat Jibrail menawarkan diri untuk menghempap mereka dengan dua buah bukit di Makkah tetapi baginda SAW berdoa, “ Ya Allah, ampunilah kaumku, sesungguhnya mereka tidak mengetahui”. Ketika orang Islam mempersiapkan diri untuk memerangi orang kafir yang menganiayai baginda SAW, baginda SAW bersabda, “ Aku amat berharap agar lahir daripada tulang sulbi mereka golongan yang menyembah Allah”. Semua mengetahui bahawa Abdullah bin Ubai merupakan ketua kaum munafik sehingga anaknya sendiri menawarkan diri untuk membunuh ayahnya, tetapi baginda melarangnya. Baginda tidak mahu ditohmah sebagai nabi yang membunuh pengikutnya sendiri”. Ketika Abdullah bin Ubai meninggal dunia, baginda SAW telah memberikan selendang baginda sebagai kain kafan kerana menghormati anaknya yang mukmin. Baginda SAW berdiri menghormati jenazah orang yahudi, sehingga baginda SAW ditanya oleh pengikut baginda SAW, lantas baginda SAW menjawab, “Tidakkah dia pun manusia?” Suatu ketika, baginda memanjangkan sujudnya sehingga makmum bimbang baginda SAW wafat, tetapi rupanya cucu baginda SAW memanjat dan menunggang belakang baginda SAW umpama kuda. Baginda SAW pernah bersolat sambil mendukung cucu baginda SAW. Suatu hari, seorang Badwi kencing dalam masjid Nabi, para sahabat mengherdik Badwi itu dan dilarang oleh baginda SAW dan bersabda, “Siram tempat kencing itu dengan air”. Kemudian baginda SAW menasihati Badwi tersebut dengan lemah lembut.

Baginda SAW mengajar kita bahawa seorang wanita masuk neraka kerana mengurung kucing dan tidak memberinya makan atau membenarkannya mencari makanan di luar, seorang lelaki masuk syurga kerana memberi minum kepada anjing yang dahaga. Seorang sahabat baginda SAW mengutus sepucuk surat kepada kaum musyrikin Makkah untuk mendedahkan perancangan baginda SAW untuk menyerang Makkah. Allah pun mewahyukan perbuatan tersebut kepada baginda, lalu baginda pun mengutus beberapa orang sahabat untuk mengambil kembali surat itu. Sahabat memohon maaf dan menyatakan dia masih mempunyai kaum keluarga di sana yang dilindungi oleh kaum musyrikin di sana. Baginda SAW telah memaafkannya dan bersabda kepada sahabat-sahabat lain, " Kamu tidak tahu, semoga Allah memberikan kedudukan khusus kepada orang yang menyertai peperangan Badar”. Baginda bersabda kepada sahabat itu, “Buatlah apa yang kamu sukai, sesungguhnya aku telah memaafkan kamu”.

Wahai umat Islam, kenalilah Nabi kamu!

Inilah suri teladan terbaik...

Inilah Sunnah...

Lelaki, Wanita dan Sistem Keluarga

Sejarah menyaksikan tatkala ^{c}Amru ibn al-Ash mendekati bandar Mesir, Puteri Gabenor al-Muqawqis bernama Armanusah bersama dayangnya berada di dalam bilik. Puteri menggigil ketakutan. Puteri pun berkata, " Betapa malangnya nasib kita! "Tentera Badwi" telah datang. Pastinya maruah akan dicabul, harta kita akan dirampas dan jika kita melawan, kita akan dibunuh. Dayangnya menenangkan puteri seraya berkata, "Wahai tuanku, "tentera Badwi" itu merupakan pengikut agama baharu. Agama yang terkenal dengan lemah lembut dan menjaga kehormatan. Apabila mereka meninggalkan tanah air, mereka tetap membawa agama baharu mereka dalam hati. Mereka tidak membunuh kecuali dengan sebab yang membenarkan pembunuhan dilakukan. Setiap individu dan harta bendanya akan selamat daripada tindakan buruk "tentera Badwi" ini". Begitulah reputasi orang Islam pada kaca mata musuh-musuh Islam suatu ketika dahulu.

Sebaliknya, dewasa ini gambaran negatif tentang Islam telah dipamerkan oleh golongan yang Islam hanya pada nama dan golongan yang terpedaya dengan nikmat kurniaan Allah. Apabila Allah menyelamatkan mereka daripada kelaparan, mengurniakan keamanan dan memberikan kekayaan yang melimpah ruah, lalu mata hati mereka menjadi buta. Mereka leka dengan nikmat Allah dan lupa mensyukuri Allah, Pemberi nikmat yang Maha Kuasa. Lantas mereka terjerumus ke lembah kehinaan dan kemaksiatan, sama ada ketika berada di Eropah mahupun di Amerika. Mereka dikelilingi oleh arak dan melakukan zina. Golongan ini telah mencemarkan reputasi Islam dan menggembirakan musuh-musuh Islam. Perkara yang paling mengaibkan yang pernah aku lalui dalam hidupku, apabila aku terbaca artikel yang terpampang di salah sebuah akhbar Britain tentang seorang pelacur dengan tajuk "Aku seorang profesional dari negara Arab". Benar! Perkara ini sangat mengaibkan tetapi tidak pelik kerana akhbar itu dimiliki oleh musuh Islam dan pelacur itu pula seorang fasik.

Apabila berbicara tentang pejuang yang ikhlas memperjuangkan dan mempertahankan Islam, kita akan dapati musuh Islam memberikan gambaran yang negatif terhadap golongan ini. Golongan ini diumpamakan serigala rakus yang perlu ditakuti dan tidak boleh dipercayai. Mereka mengambil pelbagai langkah untuk menghindari dan mengawasi golongan ini sama ada dari dekat mahupun dari jauh. Tindakan yang melampau ini telah memburukkan Islam dan umatnya.

Walaupun pada pandangan pihak musuh Islam, mereka mengambil langkah berjaga-jaga yang terbaik.

Aku kemukakan di sini contoh berkaitan dengan sikap ini.

Salah sebuah Persatuan Islam di Amerika mengundangku untuk menghadiri persidangan Islam. Pihak penganjur telah mengatur pelbagai langkah berjaga-jaga untuk menghindari risiko yang tidak dijangka. Penginapan bagi peserta lelaki dan perempuan disediakan di hotel yang berasingan. Mereka hanya dibenarkan untuk berjumpa di kawasan terbuka sahaja. Bagi peserta yang merupakan pasangan suami isteri, mereka dikehendaki berhubung dengan pegawai khas untuk berjumpa dengan pasangan masing-masing. Akhirnya, seorang lelaki memanggil isterinya supaya membawakan kepadanya seorang perempuan untuk berbual-bual!

Insiden ini bukanlah kes terpencil tetapi secara logiknya boleh berlaku di mana-mana.

Aku terbaca fatwa seorang ulama' di negara Islam apabila ditanya oleh seorang muslimah, "Adakah wajar seorang perempuan yang bermusafir bersama suaminya memakai tudung tanpa purdah? Ulama' itu pun menjawab, " Amalan itu haram! Isteri hendaklah memakai purdah dan bukaan mata pada kawasan mata janganlah terlalu besar kerana itu akan membawa fitnah. Selain itu, lebih afdal jika purdah itu dialas pula dengan kain nipis bagi mengelakkan fitnah."

Seorang bapa yang menyampaikan pengajian Islam di Pusat Islam membenarkan anak perempuannya belajar di universiti walaupun dia tahu bahawa pergaulan lelaki dan perempuan di sana bebas. Sedangkan, ketika dia menyampaikan kuliah agama di Pusat Islam, dia tidak membenarkan pergaulan antara lelaki dengan perempuan. Dia berkata kepadaku, 'Peluh lelaki memercik bersama dengan hormon, bagaimanakah kita berasa aman apabila lelaki dan perempuan berada bersama-sama?" Seolah-olah hanya lelaki muslim umpama binatang buas yang tidak dapat mengawal nafsu syahwatnya.

Aku melihat di masjid, jemaah yang memadamkan lampu sebelum menunaikan solat untuk mengelakkan fitnah. Jemaah wanita berada di satu atau dua saf terakhir masjid manakala jemaah lelaki pula di saf pertama (seperti hadis Rasulullah SAW: Saf lelaki yang terbaik ialah yang paling hadapan, manakala saf wanita paling baik ialah yang paling belakang). Di antara saf lelaki dengan wanita terdapat ruang kosong yang luas. Walaupun begitu, orang itu bimbang akan jemaah yang

berpaling ke belakang untuk melihat jemaah wanita. Justeru, dia pun memadamkan lampu untuk mencegah perkara tersebut.

Satu fatwa daripada ulama tersohor menjengkelkan aku. Seorang ibu inginkan dua pasangan anaknya yang telah berkahwin tinggal bersama-sama dengannya. Salah seorang daripada isteri mereka bertanya, “ Kadangkala ibu meminta supaya menyediakan teh ketika ahli keluarga sedang menonton televisyen. Apakah hukumnya, jika ipar masuk dan duduk bersama-sama di ruang keluarga dan ketika itu dia hanya memakai tudung dan tidak berpurdah? Ulama tersohor itu menjawab, “Perbuatan itu haram kerana ipar tidak dibenarkan melihat wajah iparnya yang ajnabi”. Aku terkasima. Secara peribadi, aku pun melihat wajah iparku dan adikku pun melihat wajah isteriku. Bahkan, aku pula dapat mengecam ramai perempuan dengan melihat wajah mereka. Adakah aku telah melakukan perkara haram?

Pada pandanganku, fatwa ini agak kolot untuk diaplikasikan dalam kehidupan moden ini.

Aku penyokong hijab. Namun demikian, aku tidak menyatakan Islam hanya pada hijab. Sesiapa yang memakai hijab, maka dia Islam dan sesiapa yang tidak memakainya, maka dia telah meminggirkan Islam. Aku berharap hijab ini dipakai oleh semua wanita Islam di Timur dan Barat. Hijab lambang jati diri dan peribadi Islam.

Di negara Barat, Islam boleh diiktiraf jika penganutnya ramai. Walau pun begitu, pakaian mampu memberikan interpretasinya yang tersendiri. Wanita yang memakai bikini memberi mesej yang berbeza dengan wanita berhijab. Pertama, ini merupakan satu dakwah dan kedua, ini merupakan tuntutan al-Quran seperti firman Allah dalam Surah al-Ahzāb:59 yang bermaksud : “Cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu”.

Aku membaca kisah seorang pelajar wanita yahudi di salah sebuah universiti di Los Angeles. Dia sering diganggu dan disakat oleh pemuda yang berkumpul di persimpangan jalan ketika melalui jalan tersebut walaupun dia tidak mengendahkan pemuda-pemuda tersebut. Dia lalu mengubah penampilannya dengan membotakkan kepalanya tetapi tetap juga diganggu oleh pemuda-pemuda itu. Akhirnya, dia terlintas untuk memakai tudung seperti pelajar Islam. Apabila dia melalui kawasan tersebut, dia tidak lagi diganggu dan disakat.

Beberapa orang sahabat berkata kepadaku bahawa hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: { Wahai Asma', andai seseorang perempuan telah mencapai usia haid (baligh), maka dia tidak dibenarkan membuka anggotanya melainkan ini dan ini sambil menunjukkan muka dan tapak tangan baginda SAW} merupakan Hadis dhaif dan tiada dalam Sahih Bukhari dan Sahih Muslim. Aku katakan, " Tidak mengapa".

Sahabat-sahabatku yang lain berkata firman Allah dalam Surah al-Nur:31 yang bermaksud : "dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka". Ayat ini bermaksud menutup dada mereka. Aku katakan, " Tidak mengapa". Namun demikian kita semua tahu bahawa syarat sah solat ialah menutup aurat dan kita tidak pernah diberitahu bahawa perempuan boleh menunaikan solat tanpa menudungkan kepalanya (melainkan hamba wanita berdasarkan pandangan ulama'). Oleh itu, rambut merupakan aurat yang wajib ditutup. Begitu juga ijmak ulama' pun menyatakan rambut merupakan aurat.

Aku tidak ingin mencetuskan kelam-kabut dalam urusan agama. Pada pandanganku, perempuan berhijab yang suka mengumpat lebih rendah martabatnya daripada perempuan tidak berhijab dan tidak suka mengumpat. Hal ini demikian kerana mengumpat itu seumpama memakan daging manusia dan lebih teruk daripada memakan daging khinzir.

Pada pandanganku juga, pelajar-pelajar yang bertudung tetapi menipu dalam peperiksaan lebih rendah martabatnya daripada pelajar-pelajar yang tidak bertudung dan tidak menipu dalam peperiksaan. Kita sewajarnya membuat penyusunan mengikut keutamaan supaya dosa besar dan dosa kecil tidak bercampur aduk.

Golongan *Al-ghaughaiyyah* (pengekspoitasi dalil) dalam urusan agama kadangkala boleh terjerumus ke dalam kancah haram. Contohnya, seorang lelaki yang berkhutbah untuk mempertahankan kewajipan berhijab dan dia memanipulasikan khalayak yang kurang berilmu, lalu berkata: Allah SWT berfirman dalam al-Quran yang bermaksud : "Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan para wanita mukmin ... hendaklah kamu memakai hijab" Sedangkan ayat al-Quran yang sebenarnya ialah firman Allah dalam Surah al-Ahzāb:59 yang bermaksud : "Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar)".

Dia telah mengubah ayat al-Quran demi mempertahankan pandangannya. Ini merupakan kesalahan yang dahsyat dan memaksaku untuk campur tangan bagi membetulkan dan menasihatinya, walaupun bukan sikapku untuk memalukan seseorang.

Jiwaku cukup tertekan dengan penghinaan terhadap wanita di kebanyakan negara Islam. Wanita di sana masih dianggap golongan bawahan sedangkan Islam tidak menjadikan wanita sebagai golongan bawahan. Ini bukan sahaja dalam konteks sosial, bahkan juga dalam undang-undang keluarga dan wanita. Undang-undang ini perlu disemak semula oleh para sarjana yang memahami isu-isu fikah kontemporari supaya menepati konteks semasa.

Aku bertanya kepada diriku sendiri, " Adakah Islam hanya untuk kaum lelaki? Tidak. Aku bertanya lagi, " Adakah ajaran Islam lebih banyak ditujukan kepada kaum lelaki daripada kaum perempuan? Tidak. Adakah Islam lebih banyak dikhususkan kepada kaum lelaki daripada kaum perempuan? Tidak. Adakah dikatakan wanita dan lelaki diciptakan daripada unsur berbeza? Tidak.

Bahkan, aku dapati orang pertama memeluk agama Islam selepas Rasulullah SAW ialah seorang wanita, iaitu isteri baginda SAW Saidatina Khadijah RA.Orang pertama yang syahid dalam Islam juga merupakan seorang wanita, iaitu Sumayyah, ibu kepada Ammar bin Yasir. Jururawat dalam tentera Nabi SAW juga daripada golongan wanita.

Ketika suasana perang Uhud semakin getir, Nasibah binti Ka'ab telah memakai topi perang serta mengambil pedang dan baju besi, lantas turut sama berperang sehingga beliau pun tercedera. Selepas peperangan, tidak seorang pun mengutuknya kerana beliau telah berperang seumpama lelaki dan tidak seorang pun yang mencelanya kerana beliau tidak berkurung di rumahnya. Bahkan Rasulullah SAW memuji Nasibah seraya berkata, "Aku tidak berpaling ke kanan dan kiri, melainkan aku dapati dia berada di sisi untuk mempertahanku". Selepas kewafatan Rasulullah, beliau dan anak-anak telah menyertai peperangan Riddah.

Siapakah yang menyelesaikan konflik perjanjian Hudaibiyah tatkala orang Islam ingin memberontak untuk mempertikaikan syarat dalam perjanjian tersebut kalau bukan Sayyidah Ummu Salamah. Beliau telah menasihati Rasulullah SAW supaya tidak berbicara dengan sesiapa pun dan menyembelih korban serta bercukur. Rasulullah SAW pun melaksanakan nasihat beliau

kerana percaya dan yakin bahawa umat Islam akan mengikut perlakuan baginda SAW... tepat sekali, para sahabat menuruti perlakuan baginda SAW.

Tidakkah wanita juga berperanan sebagai pembangkang yang menasihati secara ikhlas ketika Saidina Umar memerintahkan supaya tidak dimahalkan mahar. Dia telah menentangnya sehingga Umar berkata. “ Dia betul dan Umar yang salah”.

Tidakkah Islam menjamin hak menerima atau menolak pinangan kepada wanita? Hak ini telah diabaikan oleh kebanyakan bapa pada zaman sekarang. Walaupun Islam menganggap perkahwinan paksa merupakan perkahwinan yang batil.

Tidakkah wanita juga berperanan mendidik pelajar lelaki dan perempuan sehingga menjadi ulama’ dan fuqaha’?

Tidakkah Islam juga memberi wanita hak pusaka dan pemilikan harta yang tersendiri dan tidak perlu dikongsi kepada bapa, suami dan adik beradik lelaki? Ramai kaum lelaki Islam pada hari ini menafikan hak ini.

Tidakkah wanita juga berhijrah, berjihad dan merentas lautan bersama lelaki?

Contoh-contoh tentang peranan wanita pada zaman Rasulullah SAW dan zaman kegemilangan Islam terlalu banyak. Andai *fitnah kubra* (pergolakan antara khalifah Saidina Ali dan Muawiyah) tidak berlaku dan umat Islam tidak terjemurus ke dalam era diktator sekali gus membolehkan doktrin ini berkembang dan diterima pakai selama 14 kurun, nescaya keadaan yang berbeza kepada kebanyakan masyarakat Islam akan terhasil. Masyarakat Islam tidak akan berdepan dengan kezaliman yang bertopengkan agama.

Namun! Tidakkah Islam menjadikan para lelaki sebagai pemimpin kepada kaum wanita dan meletakkan darjat lelaki lebih tinggi daripada kaum wanita?

Benar...tetapi masalahnya berpunca daripada kesilapan dalam memahami, mentafsirkan dan mentakwil firman Allah SWT.

Setiap institusi mesti ditadbir oleh seorang ketua walaupun semuanya lelaki. Apabila mereka melebihi tiga orang, Rasulullah SAW menyuruh agar seorang ketua dilantik, seperti sabda

baginda SAW yang bermaksud : "Jika kamu bertiga melakukan sesuatu urusan, maka lantiklah seorang ketua dalam kalangan kamu". Ketua tidak sepatutnya merasakan dia melebihi sahabat-sahabatnya.

Sesungguhnya aku pernah berkhidmat sebagai seorang doktor di hospital. Hospital itu ditadbir oleh seorang pengarah. Ini ialah sistem dalam pentadbiran tetapi pengarah itu sewajarnya tidak merasakan dirinya lebih baik daripadaku dan berlagak sombong ketika berkomunikasi denganku.

Dalam Islam, keluarga merupakan komponen masyarakat...bukan hanya lelaki atau wanita. Islam menggesa umatnya berkahwin dan melarang mereka daripada menjadi "rahib". Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, " Perkahwinan sunnahku. Sesiapa yang benci akan sunnahku, maka dia bukan umatku". Bahkan, Allah menjadikan perkahwinan sebagai tanda kebesarannya. Firman Allah SWT dalam Surah al-Rūm:21 yang bermaksud : "dan antara tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (Wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir".

Kami ingin menarik perhatian khalayak kepada kasih sayang dan rahmat yang terpancar lalu menyelubungi rumah tangga muslim.

Andainya suami tunggak rumah tangga, isteri pula surinya. Mereka saling menunaikan kewajipan tersendiri yang tidak boleh ditukar ganti. Oleh itu, tidak wajar berlaku persaingan, pertembungan dan perbalahan antara mereka untuk membuktikan kehebatan masing-masing seperti yang berlaku dalam masyarakat Barat. Perkara ini boleh menyebabkan berlaku perceraian.

Wanita pelengkap kepada lelaki. Ini tidak bermaksud wanita dan lelaki itu sama. Seandainya begitu, maka tiadalah hikmah Allah menciptakan manusia lelaki dan wanita.

Kaum lelaki yang diberi Allah kekuatan sepatutnya menunaikan tanggungjawabnya terhadap isteri dan keluarganya. Kaum lelaki dianggap sebagai pemimpin kepada wanita kerana lazimnya sifat semula jadi wanita memerlukan tempat bergantung bagi melaksanakan

tanggungjawabnya. Lelaki pula tidak memiliki sifat semula jadi yang menyebabkannya menjadi lemah tidak berupaya. Bahkan, dia diberi tanggungjawab untuk mencari rezeki dan membelanjakannya kepada keluarganya. Inilah sebenarnya maksud *darajāt* yang diberikan Allah kepada kaum lelaki.

Oleh sebab itu, kaum lelaki menerima pusaka melebihi pihak wanita kerana dia bertanggungjawab untuk memberi nafkah kepada isteri, ibu dan adik beradik wanita jika mereka memerlukan. Isteri pula tidak bertanggungjawab untuk memberi nafkah. Kadangkala isteri juga menyumbang untuk perbelanjaan keluarga, tetapi ini hanyalah atas dasar kasih sayang dan toleransi. Komitmen isteri dalam perbelanjaan keluarga ditunjangi akhlak, kasih sayang dan kemurahan hati, bukan tanggungjawab syarak seperti suami. Pemberian isteri secara sukarela tetapi nafkah suami adalah wajib. Dalam Islam, suami tidak berhak memaksa isteri memberi nafkah walaupun si isteri kaya dan si suami pula miskin. Ini ialah ajaran Islam yang tidak diamalkan dalam majoriti keluarga muslim sama ada disebabkan oleh kejahilan atau kedegilan. Banyak suami yang beranggapan bahawa isteri ialah miliknya. Oleh itu, semua yang dimiliki isteri menjadi miliknya juga. Syariah Islam menjamin kebebasan wanita untuk memiliki dan menguruskan hartanya sendiri. Sebaliknya, beberapa bank dan agensi rasmi di beberapa wilayah di Amerika sehingga hari ini mewajibkan isteri untuk mendapatkan tandatangan suami bagi menguruskan kewangannya. Manusia akan dicabuli haknya apabila kejahilan tentang syariah Islam berleluasa. Seorang doktor wanita muslimah memberitahuku bahawa suaminya telah menjawat jawatan pengurus di kliniknya dan dia mengambil peluang ini untuk mengawal semua pendapatan isterinya. Suaminya berkata, “Bukankah dia isteriku?”

Terdapat juga kecendungan pihak agensi yang melibatkan orang Islam dengan diskriminasi golongan wanita. Wanita-wanita muslimah pernah mengadu kepadaku bahawa salah sebuah Pusat Islam di Eropah ingin membina sekolah Islam. Oleh itu, mereka menubuhkan jawatankuasa pengurusan dan antara anggota Pusat Islam termasuklah guru-guru wanita. Namun demikian, pihak lelaki menolak pelantikan mereka sebagai anggota jawatankuasa pengurusan itu. Natijahnya, jawatankuasa itu dianggotai golongan lelaki yang tidak menguasai bidang pendidikan. Aku pun menasihati wanita-wanita tersebut supaya berkata kepada golongan lelaki itu, “Jika golongan ibu dan guru wanita tidak dilantik sebagai anggota jawatankuasa itu, jangan harap mereka akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah itu.”

"Fikah Wanita" masih lagi kabur. Terdapat negara-negara yang menyediakan peluang pembelajaran dan kerjaya kepada wanita sehingga mereka mendapat sijil dan menjawat jawatan tinggi. Mereka juga diberi peluang untuk menerima tanggungjawab sehingga mampu melaksanakan tanggungjawab penting dengan sempurna. Namun begitu, wanita dilarang mengambil bahagian dalam pilihan raya dan pencalonan kerusi. Mereka mengatakan bahawa ini bukan berdasarkan faktor agama tetapi lebih kepada faktor lingkungan setempat yang masih belum tiba masanya untuk diubah. Aku pula berpendapat perkara ini berkait rapat dengan agama kerana jika seseorang dinafikan haknya, maka itu satu kezaliman. Kezaliman bertentangan dengan ajaran agama.

Allah SWT berfirman al-Taubah:71 yang bermaksud : "dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan".

Tanggungjawab "menyuruh perkara makruf dan melarang perkara mungkar" dipikul oleh kaum lelaki dan wanita, bukan hanya kepada kaum lelaki semata-mata. Tanggungjawab ini sebahagian daripada kewajipan politik. Mereka mendakwa bahawa wanita keluar haid setiap bulan dan ini menyulitkan mereka. Aku tidak faham mengapa mereka berkata begitu. Mengapakah doktor wanita tidak dilarang memegang pisau bedah ketika keluar haid? Mengapakah guru wanita tidak ditegah mengajar ketika keluar haid? Mengapakah pegawai wanita tidak dihalang menunaikan tugasnya ketika keluar haid? Bahkan seorang wanita Mesir telah berenang menyeberangi Selat Inggeris ketika keluar haid dan menyembunyikan perkara ini daripada kedua-dua ibu bapanya kerana bimbang dia akan dihalang melakukannya.

Mereka berhujah lagi, "Perempuan melahirkan anak". Sifat keibuan ini seolah-olah membenarkan mereka melaksanakan semua tugasan kecuali menjadi ahli dewan perwakilan. Ini bukan bermaksud semua wanita perlu menganggotai ahli dewan perwakilan. Namun begitu, wanita yang memiliki kemampuan dibenarkan menganggotainya. Aku tidak dapat membayangkan sesebuah negara yang tidak mempunyai segolongan wanita yang berkompetensi untuk menjadi ahli dewan perwakilan. Dunia telah menyaksikan bahawa wanita pernah dilantik sebagai ahli majlis perwakilan, menteri dan perdana menteri. Mengapakah hanya wanita Islam dilarang menganggotai ahli majlis perwakilan? Aku juga tidak mempunyai alasan yang munasabah.

Kadangkala kepercayaan tradisi dan ajaran agama bercampur aduk sehingga kebenaran tidak dapat diserlahkan. Kekecohan berlaku di Mesir apabila Kementerian Kesihatan tidak membenarkan amalan berkhatan bagi anak-anak perempuan.

Secara peribadi, aku sebagai seorang muslim mukmin yang berpegang teguh kepada agama menolak campur tangan Barat untuk menerapkan budaya Barat yang kotor. Anak perempuanku di Amerika mendidik dua orang anaknya tanpa televisyen di rumah (Ambillah iktibar, wahai orang yang berakal!). Televisyen di rumah menjadikan kita hamba. Waktu, kehidupan dan fokus kita hanya tertumpu padanya. Mungkin keputusan tidak membenarkan amalan berkhatan kepada anak-anak perempuan yang diambil oleh kementerian merupakan satu keputusan yang tidak matang dan tidak semua keputusan boleh dikuatkuasakan semata-mata dengan kata-kata menteri. Namun demikian, kamu mendapati aku amat terkilan kerana isu khatan anak perempuan ini dianggap sebagai isu agama Islam. Apabila mahkamah membatalkan arahan Kementerian Kesihatan dengan alasan keputusan itu tidak dikeluarkan oleh badan kehakiman, penduduk Islam Mesir meraikan kegembiraan kemenangan Islam. Aku melihat di dada akhbar Barat gambar seorang tokoh Islam terkenal sedang menyampaikan khabar gembira tersebut dan di sampingnya seorang wanita yang bersiul kegembiraan. Faktor yang menyebabkan aku sebagai seorang doktor bidang perbidanan dan sakit puan di dalam dan luar Mesir berasa terkilan ialah orang Islam di kebanyakan negara tidak mengamalkan khatan anak perempuan. Adakah mereka melakukan dosa? Apakah yang dapat kita katakan kepada orang Islam di Semenanjung Arab dan juga di dunia Islam? Adakah kamu mendapati mereka tidak mengetahui kewajipan mengkhatankan anak perempuan seperti yang diamalkan di Mesir? Aku mengemukakan perkara ini kerana aku arif dalam perkara ini. Ini ialah bidang pengkhususanku.

Semua mengetahui bahawa mengkhatankan anak perempuan merupakan adat Mesir dan beberapa kepulauan kecil di Eropah. Perkara ini telah diamalkan sebelum kedatangan Islam. Aku pernah merawat beberapa orang wanita kristian Habsyah yang berkhatan. Andainya amalan ini merupakan ajaran Islam, pastinya wanita Islam lebih utama untuk berkhatan.

Umat Islam berdalilkan dua Hadis Rasulullah SAW. Pertama :﴿Amalan berkhatan sunat kepada kaum lelaki dan penghormatan kepada kaum wanita. Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tabarāniyy dan diklasifikasikan sebagai Hadis dhaif. al-Hāfiz Ibn Hajar dalam karya beliau Fath

al-Bāriyy menjelaskan bahawa Hadis ini dhaif kerana Hadis ini diriwayatkan oleh Hajjaz ibn Arta'ah, iaitu seorang yang tidak boleh diambil kira periwayatannya. Sayyid Sābiq dalam karya beliau Fiqh al-Sunnah juga menghukumkan Hdis ini sebagai dhaif. Dalil kedua ialah, Hadis daripada Ummu Athiyyah al-Ansāriyyah menyatakan bahawa para wanita di Madinah telah berkhatan. Rasulullah SAW bersabda kepada beliau " Janganlah kamu memotong semuanya kerana ini menguntungkan perempuan dan disukai oleh suami". Dalam riwayat al-Tabāraniyy (Sahīh al-Jāmi[c] al-Saghīr, Hadis No. 234), Rasulullah SAW bersabda kepada beliau ﴿ Sedikitkan potongannya dan janganlah memotong kesemuanya kerana ini akan menceriakan wajah dan menguntungkannya ketika bersama suaminya﴾ (Riwayat Abu Daud).

Hadis ini tidak menunjukkan kewajipan berkhatan kepada anak perempuan, bahkan menjelaskan fenomena yang berlaku dan dinasihatkan supaya tidak berlebihan dalam mengkhatankan anak perempuan.

Orang ramai dan termasuk juga beberapa orang doktor Islam beranggapan bahawa amalan mengkhatankan anak perempuan akan mengurangkan nafsu seksnya. Ini akan dapat membendungnya daripada tergoda kepada perkara maksiat.

Adakah dengan cara begini Islam mencegah kemungkaran? Atau dengan takwa dan *muraqabah*? Nafsu seks ini fitrah diri yang sihat dan terhasil oleh hormon serta faktor luaran. Jika demikian, bagaimanakah pula keadaan wanita-wanita di negara Arab lain dan dunia Islam? Adakah mereka kurang berasa malu dan kurang sopan daripada wanita-wanita Mesir?

Adakah mengurangkan kenikmatan hubungan kelamin merupakan satu kelebihan yang dituntut? Jika begitu, mengapakah Rasulullah SAW bersabda kepada para wanita supaya tidak memotong semuanya kerana ini lebih baik kepada suami dan isteri ketika melakukan hubungan kelamin? Siapa yang menganggap bahawa mengorbankan kenikmatan sunat, sedangkan Rasulullah SAW menyuruh ﴿ Apabila kamu menjimak isterimu, maka lakukan dengan cara yang baik. Apabila suami telah memuaskan hajatnya sebelum isteri, maka janganlah dia berhenti sehingga isterinya juga dapat memuaskan hajatnya﴾.

Terdapat kepercayaan katolik tentang perilaku manusia berkaitan dengan nilai dan hak wanita untuk mendapatkan kenikmatan secara halal. Wanita menurut Perjanjian Lama (Taurat)

ialah kaum yang digoda oleh syaitan. Kemudian Hawa pun menggoda Adam untuk memakan daripada pokok yang diharamkan. Natijah dosa ini, manusia telah dicampakkan ke bumi dalam keadaan hina dan telanjang. Taurat menjelaskan kepada para wanita termasuk Hawa bahawa " Kamu dan anak-anak perempuan kamu akan melahirkan zuriat dalam keadaan sakit dan susah sehingga akhir zaman". Oleh itu, tidak janggal jika dalam Seminar Katolik yang diadakan di Vienta pada kurun ke-7 membincangkan persoalan, "Adakah wanita mempunyai roh?". Ya. Mereka mendapati wanita mempunyai roh. Namun begitu, roh jahat. Allah tidak menciptakan wanita melainkan untuk menjadi hamba lelaki.

Riwayat dalam al-Quran berbeza. Syaitan yang telah menggoda Adam dan Hawa dan mereka berdua telah melakukan dosa kerana memakan daripada pokok yang terlarang. Lantas kedua-duanya memohon ampun daripada Allah lalu Allah pun mengampunkan mereka. Ini ialah pengakhiran kepada " dosa pertama" yang dipercayai oleh Kristian.

Bahkan al-Quran menganggap bahawa Adam bertanggungjawab terhadap tindakannya. Ini difahami daripada firman-firman Allah seperti dalam Surah al-Baqarah:36 yang bermaksud : "Setelah itu maka Syaitan menggelincirkan mereka berdua dari syurga", Surah Tāhā:121 yang bermaksud : "dan dengan itu derhakalah Adam kepada Tuhannya, lalu tersalah jalan (daripada mencapai hajatnya" dan Surah Tāhā:122 yang bermaksud : "kemudian Tuhannya memilihnya (dengan diberi taufiq untuk bertaubat), lalu Allah menerima taubatnya serta diberi petunjuk".

Kemudian Allah mengangkat Adam sebagai seorang nabi. Manusia dihantar ke dunia bukan satu penghinaan tetapi untuk menjadi khalifah di muka bumi.

Manusia tidak mewarisi "dosa pertama" apabila dilahirkan seperti yang disangka oleh Kristian. Sesungguhnya manusia dilahirkan dalam keadaan fitrah. Mereka diberi hidayah tetapi pilihan di tangan mereka... Allah berfirman dalam Surah al-Najm:39 yang bermaksud : "dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya; dan bahawa sesungguhnya usahanya itu akan diperlihatkan (kepadanya, pada hari kiamat kelak); kemudian usahanya itu akan dibalas dengan balasan yang amat sempurna".

Dosa pertama menurut pandangan Islam ialah takabbur. Iblis telah takabbur kepada Allah tatkala Allah menyuruhnya sujud kepada Adam. Dia ingkar kerana dia diciptakan daripada api, manakala Adam pula diciptakan daripada tanah.

Jika aku diberi peluang untuk memulihkan keadaan di negara-negara Islam, memberikan keadilan, nescaya aku tidak akan mengikut jejak langkah Barat. Perempuan Barat bukanlah contoh yang aku inginkan. Aku yakin situasi mereka lebih menyedihkan daripada wanita di negara Islam. Mereka menerima kebebasan tanpa batasan! Bebas berbogel, bebas berzina, bebas bekerjaya hingga bidang ketenteraan, bukan kerjaya yang sesuai dengan wanita. Mereka seperti lelaki. Wanita dieksploitasi menjadi simbol seks. Sesiapa yang memerhatikan iklan-iklan sama ada iklan kereta atau minuman, pasti akan mendapati susuk tubuh wanita seksi dalam iklan untuk mempromosikan barang walaupun barang itu tiada kaitan dengan wanita.

Sesungguhnya aku ingin berada di neraca yang adil. Aku ingin menjadikan wanita golongan yang dihormati. Aku berasa pelik setiap kali lelaki di beberapa negara berkata kepadaku, " Kami mempunyai perempuan yang sakit". Aku ingin wanita menjadi insan terbaik yang lahir dari dalam dirinya sendiri. Kadangkala aku membayangkan terdapat wanita yang memakai hijab secara terpaksa. Mereka ini munafik dan bukan muslimah.

Aku termasuk golongan yang berpandangan bahawa wanita sepatutnya mengambil makanan terlebih dahulu sebelum lelaki dalam sesuatu majlis. Aku juga berpandangan bahawa isteri wajar berjalan bersama suaminya bukan di belakang suaminya dan wanita juga wajar berjalan di hadapan lelaki kecuali dalam situasi bahaya atau gelap atau berangin yang menyebabkan pakaian mereka melekat pada badan. Pandangan ini bukan kerana aku terpengaruh dengan budaya hidupku di Barat, tetapi berdasarkan Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud : ﴿hanya orang yang mulia akan memuliakan wanita dan hanya orang yang hina akan menghina wanita﴾. Pada pandangan aku, itulah tugas sebagai penjaga dan pengawal wanita yang diberikan Allah kepada lelaki. Aku ingin mengikut sunnah Rasulullah SAW. Baginda SAW menjahit baju baginda sendiri, membaiki selipar baginda sendiri dan berkhidmat kepada keluarga baginda. Aku tidak berasa janggal untuk menolong isteriku melakukan kerja-kerja rumah ketika ketiadaan pembantu rumah. Aku juga tidak berasa terbeban untuk membasuh pinggan mangkuk ketika diperlukan. Aku rasakan aku sedang melakukan kebajikan dan sedekah kepada isteriku...bahkan itu merupakan

tanggungjawab. Padaku, lelaki dan wanita serupa walaupun tidak sama. Tugasan utama wanita ialah menunaikan urusan yang hanya boleh dilakukan oleh wanita seperti mengandung, melahirkan anak dan urusan yang berkaitan dengannya. Kemampuan mereka tidak sama dalam menunaikan sesuatu tugasan. Ini dipengaruhi oleh faktor umur, pendidikan, bebanan keluarga, kecenderungan peribadi dan konteks sosial.

Orang yang tempang tidak akan memenangi perlumbaan. Burung pula tidak dapat terbang dengan hanya satu sayap. Umat manusia juga tidak mampu melayari bahtera kehidupan dengan lelaki sahaja, sedangkan wanita dipinggirkan dan dilarang untuk mencorakkan kehidupan.

Diriku tertanya-tanya ketika menulis berkaitan dengan perkara-perkara ini, " Berapa ramaikah kaum lelaki yang akan membaca coretanku ini sehingga mereka mampu meneliti isu-isu ini dengan tasawur Islam? Seandainya dia memperoleh kebenaran, dia tidak berasa terhina untuk mengaplikasikan dalam kehidupannya walaupun terpaksa mengubah adat tradisi. Aku pun terfikir, "Adakah surat yang kucoret dan buku yang kutulis ini sia-sia atau tidak?" Aku berkata kepada diriku, "Semoga semua ini menjadi umpama benih yang diterbangkan angin lalu jatuh ke bumi, Allah pun menurunkan hujan lalu tumbuh menjadi sepohon pokok kebajikan akarnya kukuh di bumi dan cabangnya tinggi di langit. Sesungguhnya tugas para rasul pun hanyalah menyampaikan dakwah.

Begitu juga, aku tertanya-tanya, "Berapa ramaikah wanita mampu membebaskan diri mereka daripada tanggapan buruk yang telah tersebar sejak berkurun-kurun lamanya? Aku tidak menyuruh wanita memberontak terhadap kaum lelaki atau isteri bertindak kasar terhadap suami dan mengabaikan hak-hak suami seperti yang dinyatakan dalam al-Quran dan Hadis. Namun begitu, aku mahukan wanita melakukan sesuatu perkara dengan kehendak sendiri, bukan kerana merasakan dirinya dipaksa. Jika perubahan ini tidak didorong oleh faktor dalaman, mustahil menghasilkan natijah yang diimpikan.

Perbicaraan tentang sistem keluarga tidak lengkap jika tidak dibincangkan anak-anak. Kebanyakan orang beranggapan, jika kita ini muslim bertakwa, maka pastinya anak pun begitu juga. Hakikatnya, tidak begitu.

Analoginya, dalam bidang pertanian, seorang petani perlu menjaga tanamannya, menyiramnya secara berkala, mengawalnya daripada penyakit dan parasit, membajanya sehingga dapat membuahkan hasil yang lumayan. Begitu juga dalam mendidik anak.

Pembentukan peribadi anak yang baik tidak berlaku secara kebetulan dengan membiarkan anak-anak mengikut arus masyarakat atau kawan-kawan jahat atau kecenderungan diri sendiri atau tayangan filem yang tidak bermoral.

Namun begitu, peribadi anak dibentuk dengan usaha yang gigih dan perhatian berterusan. Ini perlu dimulakan pada peringkat awal kanak-kanak lagi. Askar tidak diajar berperang di medan perang sebenar, tetapi dilatih sebelum mamasuki medan perang. Kaedah pencegahan dan imunisasi dalam perubatan perlu diaplikasikan dalam pembentukan akhlak. Anak yang dilahirkan diberi vaksin seperti Difteria, Tetanus, Polio(IPV), Pertussis, MMR dan Rubella untuk mengelakkan jangkitan penyakit bagi tempoh masa yang lama. Apabila dijangkiti penyakit, badannya telah mempunyai antibodi untuk melawannya. Kita mengambil berat tentang pemakanan, pakaian, kebersihan dan kesihatan anak tetapi meminggirkan persediaan akhlak dan spiritual anak-anak. Sarjana psikologi mengatakan fasa umur kanak-kanak 2-5 tahun ialah fasa tanggapan (pembinaan maklumat baharu) dan bimbingan. Fasa ini banyak mempengaruhi kehidupan seterusnya. Doktor pula memperakukan bahawa fasa kehamilan dan penyusuan mempunyai impak yang besar terhadap kesihatan badan dan psikologi kanak-kanak. Oleh itu, anak-anak perlu sentiasa diajar bahawa terdapat berbagai-bagai bentuk keseronokan fizikal yang boleh dikecap. Keseronokan fizikal yang dibenarkan oleh Islam seperti yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW juga banyak dan lebih mulia daripada keseronokan berfesyen memiliki harta dan kemewahan.

Begitu juga, anak-anak tidak boleh dibiarkan berjiwa kosong. Bahkan perlu diyakinkan bahawa mereka mempunyai matlamat hidup yang perlu digarap. Aku masih teringat tatkala aku masih kecil, ibuku sentiasa memberitahu bahawa ketika ibuku mengandungkanku, dia bernazar untuk menamakan aku dengan Hassan dan mewakafkan diriku untuk mengusir Inggeris dari Mesir! Satu tugas yang bahaya dan misi yang besar. Walaupun begitu, aku menjadikannya sebagai sumber inspirasiku. Aku membesar bersama inspirasi ini sehingga aku tidak terjerumus dalam kealpaan zaman kanak-kanak dan remaja. Ibuku dan guru-guruku di tadika telah menerapkan sifat

benar, amanah, prihatin kepada tanggungjawab dan rasa *muraqabah* kerana orang yang tidak memiliki sesuatu pasti tidak mampu memberikan apa-apa kepada orang lain.

Kedua-dua ibu bapa pula perlu menjadi suri ikutan yang baik kepada anak-anak. Menipu anak-anak walaupun ketika bergurau akan menghilangkan kepercayaan anak kepada ibu bapa. Bapa yang merokok atau mabuk akan mempengaruhi anak-anak. Mata anak-anak sentiasa terbuka melihat perilaku ibu bapa dan kita tidak dapat menipu mereka. Betullah kata-kata, “Kita tidak mendidik anak-anak tetapi merekalah yang mendidik kita”.

Antara Syarak dengan Perubatan

Permasalahan Kehidupan

Bab ini ditulis buat pembaca yang teruja. Jika tidak, pastinya tajuk ini tidak melewati sehingga perbincangan yang berikut.

Dua dekad yang mutakhir telah menyaksikan wujudnya persepakatan antara ulama’ fikah dan ilmuwan sains perubatan dalam usaha untuk mencapai hukum pengharusan atau

pengharaman berkaitan dengan pemodenan yang membawa kepada kewujudan kemajuan yang pesat dalam bidang sains dan teknologi yang tidak pernah terlintas di fikiran. Ketika aku menerbitkan makalah dalam jurnal "Al-Arabiy" buat kali pertama tentang tajuk bayi tabung uji sebelum kelahiran bayi pertama dengan kaedah tersebut, seorang ilmuwan besar (dan saudara akrab) dalam kalangan tokoh fuqaha' telah memberikan reaksi dalam keluaran berikutnya, maka topik tersebut disenaraikan sebagai "Al-Araaitiyyah", nisbah kepada golongan "Al-Aratiyyin", iaitu mereka yang mensia-siakan masa dan usaha mereka dengan hipotesis palsu, maka mereka berkata: "Tahukah kamu sekiranya terjadi sedemikian?" Mungkin dialek menggelarnya dengan nama *al-munaqasyat bizantiyyah* (perbualan kosong).

Cabang ilmu pengetahuan dan huraiannya telah berkembang dengan begitu luas. Seperti yang dinyatakan oleh kaedah fikah bahawa sesungguhnya mengetahui sesuatu itu ialah cabang kepada gambarannya dan seperti yang diputuskan pada zaman kita ini bahawa pemikiran fikah individu tidak berupaya menampung perkara-perkara ilmiah yang kompleks. Justeru, institusi seperti Pertubuhan Islam bagi Sains Perubatan di Kuwait dan Majlis Fuqaha' di Arab Saudi dan lain-lain secara berkala telah mengadakan bengkel-bengkel yang menghimpunkan kumpulan profesor fikah dan pakar yang terdiri daripada profesor perubatan untuk menyelidik, memahami dan mengkaji dengan tujuan memperoleh hukum-hakam fikah yang menenangkan fikiran seorang muslim dan menerangi jalan sekalian orang Islam.

Dengan pertolongan Allah, dapat kita paparkan di sini gugusan buah fikiran di sebalik usaha murni ini agar umat berada di landasan yang betul dan jelas dalam setiap perkara dan bebas daripada pemikiran cetek serta kecenderungan propaganda yang kadangkala menyelubungi perkara-perkara seperti ini.

Walaupun bab ini didominasi oleh ciri saintifik (yang dingin), namun dapat kita perhatikan bahawa buku ini turut merangkumkan diskusi yang berkaitan dengan lelaki, wanita dan keluarga. Pertama, hal ini disebabkan banyak perbahasannya yang menyentuh isu-isu kekeluargaan. Kedua, berdasarkan pengamatanku terhadap penerbitan ulung yang diterbitkan oleh organisasi terkemuka yang tidak mendapat publisiti meluas yang sewajarnya, maka aku mengandaikan mungkin dengan menerbitkannya di sini dapat menyumbang kepada hal tersebut dan memberikan

gambaran kepada pembaca tentang sebahagian pencapaian terkini yang mengagumkan dan aspirasi di sebaliknya.

Terdapat tajuk-tajuk yang dibangkitkan masih menunggu penyelesaian keagamaan dan moraliti yang menyeluruh walaupun di negara asalnya. Kontroversi dan kekeliruan besar telah berlaku dan ini mungkin merupakan peluang buat golongan muslimin dan seharusnya begitu, untuk memperlihatkan perspektif Islam kepada dunia dalam perkara ini. Mereka menemukan sesuatu dalam kajian tanpa berpandukan syariat. Syariat Islam dengan semua *maqasid*nya yang lima serta cabang-cabangnya, kematangan ilmu usul fikah di samping pemahaman yang jelas dan wujudnya minda yang terbuka yang menghargai kemaslahatan (maslahat manusia dalam kehidupan di dunia dan juga akhirat merupakan salah satu tujuan syariat Islam), semuanya telah melakar sebuah panduan sebagai petunjuk serta kunci setiap pintu buat para muslimin bagi membolehkan mereka mendapat petunjuk Islam yang sesuai dan membuktikan kepada dunia bahawa syariat Islam tidak lapuk dek zaman dan tidak sempit berdepan dengan perkara baharu yang belum pernah terjadi serta teras binaannya terdiri daripada unsur-unsur yang mampu menjadikan syariat berkembang seiring dengan perkembangan masa dan tempat.

Pengalaman kami di negara Barat ialah bukti kepada hal tersebut, kami telah menjadi seakan-akan mata wang yang dikehendaki dalam etika perubatan, pada saat kami menjelaskan asas syarak, kami merangkumkan bersama hukum fikah, maka ternganga luas mulut-mulut manusia kerana berasa kagum dan takjub.

a. **Hal Kesuburan Manusia**

1. Mengawal Kesuburan

Pencegahan kehamilan:

Islam mengharuskan pencegahan kehamilan selagi pencegahan tersebut tidak menafikan fungsi perkahwinan untuk mendapatkan zuriat jika berkemampuan. Pencegahan kehamilan perlu

disepakati oleh pasangan berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud: ﴿Tidak dibolehkan 'azl terhadap wanita merdeka kecuali dengan izinnya﴾. Disyaratkan dalam kaedah yang digunakan untuk merancang kehamilan hendaklah kaedah itu tidak menyakiti dan tidak membunuh janin yang bernyawa. Nabi SAW menggalakkan kesuburan dengan sabda baginda SAW yang bermaksud: ﴿Berkahwinlah kalian dan banyakkanlah keturunan, maka sesungguhnya aku akan berbangga dengan kalian sebagai umat pada hari kiamat﴾, namun baginda SAW turut mengingatkan bahawa kualiti adalah lebih penting daripada bilangan dalam sabda baginda SAW yang bermaksud: ﴿Nyaris-nyaris kalian diserbu oleh sekumpulan kaum seperti makanan di dalam bekas diserbu, disebabkan kerana Allah mencabut rasa takut daripada hati musuh kalian dan menjadikan rasa takut dalam hati kalian terhadap mereka serta menularkan dalam diri kalian penyakit *wahn*. Lalu para sahabat bertanya: (Adakah kerana sedikitnya bilangan kami ya Rasulullah?), Rasulullah bersabda: (Kalian pada waktu itu ramai, namun kalian ibarat buih di lautan), dan mereka bertanya: Apakah itu *wahn*, wahai Rasulullah? Rasulullah bersabda lagi: (Cinta akan dunia dan benci akan kematian)﴾.

Pencegahan kehamilan diharuskan atas faktor-faktor kesihatan, ekonomi dan sosial bahkan Al-Ghazali bersetuju dengannya atas sebab penjagaan wanita ke arah pengekalan kecantikan tubuh badan dan penyelenggaraan. Setiap keluarga berhak mengawal bilangan anak dan menjarakkan tempoh kelahiran antara mereka, dengan syarat langkah itu dilakukan sebagai pilihan tanpa sebarang tekanan daripada kerajaan atau sebagainya.

Bagi pencegahan kehamilan di luar skop perubatan, ia merupakan sesuatu yang berlebihan. Rakyat Palestin dinasihati tidak menyahut seruan tersebut kerana bangsa yang kehilangan segala-galanya kecuali bilangan mereka, tidak harus bagi mereka melampaui dalam hal tersebut. Untuk itu, kami akan memperingatkan hal ini dalam bab berikutnya tentang pelbagai aspek berkaitan dengan isu pencegahan kehamilan.

i. Penyusuan semula jadi:

Konteks Al-Quran menunjukkan bahawa tempoh semula jadi penyusuan ialah dua tahun bagi mereka yang mahu mencukupkan tempoh tersebut, seperti yang termaktub dalam firman Allah dalam Surah Al-Baqarah: 233 yang bermaksud : "Hendaklah bagi ibu-

ibu menyusukan bayi-bayi mereka selama dua tahun penuh, bagi mereka yang ingin menyempurnakan penyusuan”.

Pada kebiasaannya, ibu-ibu yang menyusukan bayi mereka akan mengalami gangguan pada proses ovulasi untuk beberapa tempoh. Justeru, kehamilan dapat dihalang. Penyusuan bayi ialah salah satu kaedah mencegah kehamilan walaupun kaedah tersebut tidak memberi jaminan sepenuhnya bagi keluarga tersebut kerana mereka tidak tahu jangka masa ovulasi terganggu dan bilakah proses tersebut kembali normal. Namun begitu, majoriti umum atau komuniti yang mengamalkannya berjaya menyebabkan penurunan kadar kelahiran dalam masyarakat dengan cekap, mengatasi semua kaedah perancangan keluarga yang lain. Mungkin negara-negara yang berusaha untuk mengurangkan kadar kelahiran boleh memilih kaedah tersebut dengan menyediakan pusat jagaan anak-anak di tempat wanita bekerja sama ada pekerjaannya sebagai pegawai mahupun pekerja am (walaupun dibayar) dengan anaknya ditempatkan di bawah jagaan majikan dan diberi perlindungan supaya dapat bagi si ibu menyusui bayinya dalam jangka masa tersebut. Dalam hal ini, terdapat manfaat yang besar dari sudut psikologi dan kesihatan buat ibu dan bayi. Susu ibu merupakan nutrisi terbaik yang berupaya mencegah penyakit akibat pengambilan susu formula dengan berlipat kali ganda. Menurut perspektif Islam, penyusuan susu ibu dan konsep keibuan dalam penyusuan merupakan penghormatan terhadap wanita yang menyusu, kerana penyusuan menjadikan wanita itu seorang ibu kepada bayinya dan menjadikan anak-anaknya sebagai saudara-saudara susuan kepada bayi itu. Hal ini dipegang dalam hal ehwal perkahwinan. Justeru, apa yang diharamkan kerana penyusuan merupakan perkara yang turut diharamkan kerana nasab.

ii. Alat kontrasepsi:

Alat kontrasepsi merupakan alat kecil yang diletakkan di dalam rahim untuk mencegah kehamilan. Sebagai contoh, masyarakat Arab zaman dahulu telah memasukkan batu kecil ke dalam rahim unta mereka untuk menghalang berlakunya kehamilan semasa dalam perjalanan. Perdebatan tentang tatacara penggunaan alat kontrasepsi ini telah menjadi hangat sama ada alat tersebut berkesan menghalang kehamilan atau menyebabkan keguguran janin pramatang. Alat kontrasepsi moden mengandungi gegelung bersalut

tembaga atau mengandungi hormon progesteron yang memekatkan rembesan mukus pangkal serviks supaya sperma tidak dapat melepasinya untuk naik ke saluran uterus bagi menghasilkan proses persenyawaan. Ion yang terkandung di dalam tembaga mampu membunuh sperma. Rentetan itu, kaedah ini diklasifikasikan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia sebagai pencegahan dan bukannya pengguguran.

iii. Pengguguran:

Isu pengguguran telah menimbulkan konflik yang tegang di Barat antara gerakan pendukung kehidupan dengan gerakan pendukung kebebasan memilih. Gerakan pertama bersimpati dengan penafian terhadap janin untuk hidup, manakala gerakan kedua pula bersimpati dengan penafian terhadap kebebasan wanita yang berhak ke atas tubuh badannya. Setakat ini, undang-undang masih memihak kepada gerakan kedua.

Adapun isu pengguguran dalam Islam termasuk dalam hal ehwal fikah. Dengan sebab itu, pelbagai pandangan terhadap isu ini telah termaktub dalam sejarah. Bagi yang menjejaki sejarah topik ini di madrasah-madrasah fuqaha', mereka akan mendapati bahawa fuqaha' tidak berselisih pendapat tentang kehormatan hidup manusia berdasarkan firman Allah SAW dalam Surah Al-Mā'idah: 32 yang bermaksud : "Oleh sebab itu, Kami telah tetapkan (suatu hukum) bagi Bani Israil bahawa barang siapa yang membunuh seseorang tanpa orang itu (membunuh) orang lain, atau bukan kerana dia membuat kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia seluruhnya. Barang siapa yang memelihara kehidupan manusia, maka seolah-olah dia telah memelihara kehidupan manusia seluruhnya".

Namun, perselisihan itu wujud pada persoalan: Bilakah bermulanya kehidupan dan jika kehidupan itu belum wujud maka tidak terjadilah pembunuhan. Mereka tidak mempunyai kaedah ilmiah dalam menentukan jawapan yang muktamad bagi soalan yang kompleks ini.

Salah sebuah madrasah perundangan fikah berpendapat bahawa detik permulaan kehidupan adalah ketika seorang wanita hamil merasakan pergerakan janin dalam

kandungannya, yang biasanya berlangsung pada bulan keempat kehamilan. Mereka bersandarkan Hadis empat puluh, dalam Hadis itu Nabi Muhammad SAW bersabda, mafhumnya: “Sesungguhnya setiap seorang daripada kalangan kamu dihimpunkan kejadiannya di dalam rahim ibunya selama empat puluh hari berupa air mani, kemudian menjadi segumpal darah selama tempoh yang sama, kemudian menjadi seketul daging selama tempoh yang sama, kemudian dihantar kepadanya seorang malaikat lalu dia menghembuskan kepadanya roh dan dia ditetapkan dengan empat kalimat: ditulis baginya rezekinya, ajalnya, amalannya dan bahagia serta deritanya.” Jelaslah bahawa mereka di landasan yang benar kerana mereka menyangka bahawa roh dan hidup merupakan perkara yang sama. Dapat diputuskan di sini bahawa kehidupan sebenarnya wujud sebelum waktu tersebut dengan jurang tempoh yang besar. Di samping itu, perihal roh merupakan perkara ghaib yang tidak diketahui sesiapa melainkan Allah, Allah berfirman dalam Surah al-Isra’:85 yang bermaksud : “Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang roh. Katakanlah bahawa roh itu termasuk urusan Tuhanku”.

Madrasah fikah yang lain pula mengatakan bahawa kehidupan bermula serta-merta selepas terciptanya embrio dan pembentukan rangka manusia. Pendapat tersebut merujuk situasi wanita yang mengalami keguguran janin yang dikandungkan mereka secara semula jadi yang berlaku setelah genap tujuh minggu pertama kehamilan. Berdasarkan kejadian tersebut, telah diriwayatkan sebuah Hadis Rasulullah SAW bersabda, mafhumnya: “Malaikat masuk menuju air mani yang telah berada di dalam rahim selama empat puluh atau empat puluh lima malam lamanya, maka dia berkata: (Takdir) yang manakah wahai Tuhan...yang sengsara atau gembira? ...Maka ditulis keduanya. Maka malaikat tersebut bertanya lagi: Yang manakah wahai Tuhan, lelaki atau perempuan? Lalu ditulis keduanya. Ditulis juga amalannya, pengakhirannya, ajalnya dan rezekinya”. Dapat kita ketahui di sini dengan yakin bahawa janin sebelum tempoh tersebut hidup dan beroleh rezekinya.

Adapun al-Ghazali beliau merupakan seorang pemikir intelektual dalam konteks pengetahuan akhir abad ke-20. Al-Ghazali menyatakan bahawa kehidupan janin terbahagi kepada dua fasa: fasa pertama ia tersembunyi, tidak dirasai oleh wanita tersebut, dan fasa kedua pula ia muncul dan wanita boleh merasakan gerakannya. Di sini dapat kita ketahui bahawa fasa tersebut berlaku pada bulan keempat kehamilan kerana janin pada waktu itu

mengalami tumbesaran pada bahagian lengan dan kaki serta membesar saiznya sehingga ia dapat menyentuh dinding rahim dengan pukulan dan tendangannya. Al-Ghazali turut mengatakan bahawa kehidupan bermula dari awal, apabila bercampurnya air (unsur) lelaki dengan air (unsur) wanita dan terjadinya proses seperti yang diharuskan. Justeru, perbuatan merosakkannya merupakan satu jenayah, dan jenayah ini dianggap lebih dahsyat selepas proses peniupan roh dan jenayah ini melebihi tahap melampau selepas pemisahan hidup-hidup dengan kelahiran, sepertimana yang telah dilakukan oleh orang Arab Jahiliah yang menanam bayi perempuan mereka hidup-hidup.

Ilmu perubatan moden menyokong pandangan Imam al-Ghazali, namun hakikatnya beliau bukan melakukannya mengikut logik akal, bahkan melalui penelitian. Kehamilan kini boleh didiagnosis secara hormonial setelah berlaku proses ovulasi dan persenyawaan.

Manakala pada peringkat perkembangan yang seterusnya dengan menggunakan kaedah *ultrasound*.

Ulama’ telah meneliti data sains perubatan moden, dan mereka beranggapan bahawa terdapat lima syarat yang harus diutamakan untuk menentukan permulaan kehidupan. Pertama, perkara tersebut haruslah jelas sehingga boleh ditunjukkan, yang disebutkan di sini sebagai mula bernyawa. Kedua, haruslah menepati simptom-simptom hidup yang asas, iaitu perkembangan dengan percambahan sel-sel. Ketiga, perkembangan ini tidak terhalang oleh sesuatu halangan, ia merupakan perkembangan yang membawa kepada peringkat seterusnya dalam kehidupan manusia daripada satu embrio kepada bayi, seterusnya kanak-kanak, seterusnya remaja, seterusnya dewasa dan seterusnya warga emas. Keempat, mestilah memindahkan hasil warisan (baka genetik) yang membezakan ciri-ciri insan sepertimana ia membezakan individu itu sendiri, sehinggakan tiada siapa pun yang serupa dengannya, baik pada masa lalu mahupun pada masa hadapan. Kemudian yang kelima, tiada apa-apa prasyarat bagi semua empat syarat yang disebutkan sebelum ini.

Demikianlah yang dirumuskan oleh seminar (Kehidupan Manusia: Awal Dan Akhir) yang dianjurkan oleh Pertubuhan Islam yang beroperasi di Kuwait pada tahun 1985. Seminar tersebut mencadangkan bahawa kehidupan manusia perlu dihormati dalam semua kitaran hidup mereka sejak gabungan ovum dengan sperma serta persenyawaan di dalam

rahim berlaku. Amati pernyataan Imam al-Ghazali bahawa (Sesuatu perkara itu (harus) terjadi seperti yang dihalalkan) walaupun salah seorang faqih yang hadir telah memberikan peringatan terhadap hal tersebut.

Begitu juga dalil-dalil syarak dalam bab hak janin menyokong pandangan ini. Setiap janin mempunyai hak untuk menerima wasiat atau pemberian, dan haknya dipelihara mengikut wasiat sehingga ia dilahirkan hidup, dan sekiranya janin tersebut gugur pada mana-mana peringkat dan dapat dikesan padanya simptom-simptom yang ia bernyawa dan kemudian ia mati, maka ia boleh mewarisi dan diwarisi. Wanita hamil yang dijatuhi hukuman mati harus ditangguhkan hukumannya sehingga dia melahirkan dan menyusui bayinya walaupun kehamilan luar nikah. Tambahan pula, hukuman pengguguran janin, walaupun secara tidak sengaja patut dikenakan denda berupa wang, yang dibayar kepada waris janin dan dianggap sebagai kecuaian, nilainya adalah setengah per sepuluh daripada nilai diat. Sekiranya janin telah melebihi tempoh ditiupkan roh, ia dianggap dewasa dalam sesetengah pendapat.

Walau bagaimanapun, terdapat keharusan syarak bagi prosedur pengguguran dilakukan, iaitu sekiranya ibu hamil menghidap penyakit yang mengakibatkan kehamilannya menjadi kritikal sehingga mengancam nyawanya. Dalam hal ini, syariat berpendapat bahawa ibu ialah asal dan janin merupakan cabangnya, maka dikorbankan cabang demi menyelamatkan asalnya.

Sebahagian besar fuqaha’ mengharuskan pengguguran janin yang mengalami kecacatan fizikal dan jasmani. Aku mendengar daripada fuqaha’, terdapat lebih daripada satu pendapat berkaitan dengan janin yang terhasil akibat tragedi rogol. Dalam carian berkaitan dengan pendedahan keganasan jenayah rogol sepertimana yang diperlakukan oleh tentera Serbia terhadap anak-anak perempuan muslimah Bosnia, sebahagian daripada mereka mengatakan bahawa janin ialah pihak yang tidak bersalah, dan sebahagian yang lain melihat sebagai “Darurat membolehkan yang diharamkan”.

iv. Pensterilan:

Proses ini bertujuan memotong saluran peranakan daripada sperma sampai kepada ovum. Pensterilan dilakukan sama ada dengan memotong dua saluran rahim (tiub fallopio)

atau saluran sperma lelaki dipotong pada setiap sisi. Ini merupakan proses yang dilihat oleh seorang ahli fikah dan doktor Muslim dengan amaran tegas.

Pensterilan diharuskan sekiranya terdapat faktor (kekal) yang meletakkan wanita dalam risiko jika dia hamil. Wujud toleransi terhadap wanita sihat yang menghampiri fasa menopaus dan dia telah mempunyai beberapa orang anak. Proses ini dijalankan dengan tujuan implikasi kekal dan tanpa ada hasrat untuk berpatah semula jika berubah fikiran atau situasi. Dalam sesuatu kondisi, setiap pakar sakit puan diminta melakukan prosedur tersebut, kemudian situasi berubah dengan sebab kehilangan anak-anak atau bertukar suami, maka langkah bijak yang boleh diambil ialah berubah ke kaedah pencegahan kehamilan lain yang boleh diundurkan. Terdapat negara-negara yang menjalankan prosedur ini terhadap wanita mahupun lelaki secara paksaan atau melalui insentif wang bagi memberi tekanan terhadap golongan fakir miskin. Namun, Islam melarang hal tersebut sekeras-kerasnya.

2. Menggalakkan Kesuburan (Merawat Kemandulan)

Menginginkan zuriat dan berusaha mendapatkannya dengan kaedah perubatan diharuskan selagi kaedah itu dibenarkan oleh syarak.

i. Permanian Beradas:

Kaedah ini dibenarkan dengan syarat air mani itu ialah air mani suami melalui perkahwinan yang sah. Janda atau balu tidak dibenarkan menginokulasi air mani pasangan terdahulu (yang disimpan di bank air mani) atau menginokulasi air mani individu asing seperti yang berlaku di negara barat.

ii. Bayi Tabung Uji:

Kaedah ini diharuskan tetapi dengan syarat dilakukan antara suami isteri yang telah berkahwin tanpa memasukkan mani, telur atau janin pramatang pihak asing ke dalam rahim. Hubungan kelamin dan kelahiran mestilah berlaku selepas perkahwinan dan akad perkahwinan melibatkan antara dua pihak sahaja.

iii. Kaedah Ibu Tumpang:

Seperti namanya, kaedah ini merupakan eksploitasi terhadap wanita yang bukan berstatus isteri untuk mengandungkan bayi pasangan suami isteri yang lain (embrio, iaitu bayi yang tidak cukup sifatnya yang terhasil daripada mani suami dan telur isteri di makmal) di dalam rahimnya. Hal ini demikian kerana isteri tidak mempunyai rahim yang sesuai untuk hamil. Kaedah ini ditolak di sisi Islam kerana terdapat campur tangan pihak ketiga, sedangkan pasangan suami isteri terdiri daripada hanya dua individu. Di Barat, masalah ini masih membimbangkan kerana ibu yang hamil dan melahirkan tersebut berubah fikiran dan mempertahankan bayi tersebut. Dalam kebanyakan situasi, terdapat bayaran sewaan dikenakan berupa sejumlah wang. Justeru, buat kali pertama dalam sejarah insan, seorang wanita hamil berhasrat melepaskan diri daripada kandungannya kerana ganjaran, lantaran sifat keibuan menyusut daripada nilai bertukar menjadi harga.

b. **Pemindahan Organ**

Hukum asal syarak menetapkan bahawa jasad manusia itu dihormati sama ada ketika hidup atau mati. Oleh itu, tidak wajar memotongnya atau mengambil mana-mana anggotanya. Empunya anggota tersebut diamanahkan oleh penciptanya untuk memeliharanya.

Sungguhpun demikian, terdapat jaminan kaedah fikah tentang keharusan pengecualian. kaedah “keadaan darurat mengharuskan yang haram” dan kaedah “pilih mudarat yang lebih ringan” boleh diamalkan sekiranya pesakit mempunyai keperluan untuk memelihara nyawanya sehingga dipindahkan kepadanya anggota si mati atau si hidup yang boleh hidup tanpa anggota itu tanpa ada sebarang mudarat. Perumpamaan seperti ini adalah seperti yang termaktub dalam al-Quran, mafhumnya: “Maka sesiapa yang menghidupkannya, seolah-olah dia menghidupkan (buat) manusia seluruhnya”.

Topik ini merangkumi aspek-aspek syarak yang menekankan larangan penjualan, larangan pemaksaan dan larangan pemindahan darurat.

i. Pemindahan Sel Saraf

Didapati bahawa sebahagian penyakit mampu sembuh atau berkurangan dengan melakukan pemindahan sebilangan saraf neuron ke dalam otak. Saraf tersebut diambil daripada

janin yang gugur. Prosedur ini dibenarkan sekiranya keguguran tersebut berlaku secara alamiah, namun tidak harus sama sekali menggugurkan janin untuk tujuan mendapatkan sel saraf tersebut. Adapun pendapat yang mengatakan bahawa saraf neuron merangkumi pengetahuan, perasaan dan perwatakan pemiliknya, hal tersebut tergolong dalam bab mitos dan daya khayal yang tidak berkaitan dengan prosedur ini.

ii. Bayi tanpa otak:

Bayi tanpa otak ialah bayi yang lahir tanpa tempurung otak akibat kecacatan fizikal. Bayi itu mungkin lahir dalam keadaan hidup tetapi tidak mustahil bayi itu mati walaupun sekadar hidup untuk beberapa hari. Tidak diharuskan menyentuhnya selagi ia hidup, namun sekiranya ia meninggal dunia dibolehkan untuk mengambil anggotanya dengan izin keluarganya. Begitu juga diharuskan setelah kematiannya untuk mengekalkannya menggunakan mesin bantuan pernafasan bagi melambatkan proses pereputan anggotanya sewaktu membuat persiapan pemindahan anggota.

iii. Pemindahan Kelenjar Seksual:

Kelenjar seks menghasilkan sperma daripada lelaki dan ovum daripada wanita. Selama kelenjar ini masih berfungsi dalam pengeluaran mani atau telur, maka tidak harus memindahkan kedua-duanya kepada individu lain. Keturunan yang lahir daripada penerima kelenjar seks akan mewarisi gen penderma kelenjar seks. Jika berlaku kehamilan, maka terjadi campur tangan orang lain ke atas akad perkahwinan.

c. **Penentuan Kematian:**

Kemajuan dalam teknologi pemindahan organ telah mewujudkan kemampuan pembedahan untuk memindahkan organ-organ penting seperti jantung. Tidak seharusnya pada era mutakhir ini menggunakan jantung haiwan tetapi mestilah daripada sumber manusia. Dalam isu ini, perubatan berada di persimpangan dua dilema, iaitu jantung yang mati daripada jasad mayat tidak berupaya untuk berfungsi dan jantung yang hidup daripada jasad yang hidup tidak dibolehkan kerana mengambilnya ibarat membunuh tuannya.

Timbullah persoalan: “Adakah boleh mengambil jantung yang hidup daripada jasad mayat? Berbalik kepada definisi tradisi bagi kematian. Fuqaha’ menyerahkan kepada doktor-doktor yang mempunyai kepakaran. Definisi kematian bergantung pada diagnosis kematian, iaitu apabila jantung dan nafas seseorang itu telah terhenti. Namun begitu, kebelakangan dekad ini terdapat ciri-ciri lazim bagi kematian, iaitu mati batang otak (brainstem) dan ia berhenti berfungsi. Brainstem merupakan bahagian yang merangkumi pusat saraf bagi jantung dan pernafasan. Pakar menentukan melalui pemeriksaan diagnosis perubatan dan pemastian terhadap kematian bahagian batang otak. Manusia mungkin dijangkiti pada bahagian otaknya sehingga menyebabkannya koma untuk tempoh yang panjang, tetapi itu tidak bermakna mati, selagi mana bahagian batang otak masih berfungsi.

Prosedur gantung sampai mati dilakukan dengan memisahkan batang otak dengan tulang leher daripada bahagian kedua (C2) yang disebabkan berat jasad menolaknya dalam gerakan mengejut dengan kaedah menggantung. Rentetan itu, kadangkala degupan jantung kekal untuk beberapa saat dan buah pinggang mungkin masih berfungsi dan berupaya bekerja untuk beberapa hari sementara sel-sel kulit dan sebagainya pula tetap berkembang dengan pertambahan sel-sel kulit yang banyak. Bagi keseluruhan anggota badan, jangka hayatnya mungkin akan kekal selepas kematian seseorang dan mungkin selepas ia dikebumikan.

Antara kematian seseorang dengan kematian jantung terdapat suatu tempoh, iaitu tempoh yang boleh dilanjutkan dengan kaedah tiruan, iaitu mengepam udara ke dalam paru-paru yang akan disedut oleh kedua-duanya seperti orang yang bernafas. Pernafasan tersebut akan memindahkan oksigen ke darah melalui paru-paru dan dibawa ke jantung, maka jantung akan terus mengepam udara ke seluruh badan, maka tempoh hidup anggota badan selepas kematian pemiliknya akan menjadi lebih lama. Jangka hayat anggota badan itu bukanlah bererti jangka hayat seseorang. Aku masih teringat akan peristiwa ibuku menyembelih seekor arnab dan memotong anggota arnab tersebut ke dalam bekas dan ototnya masih lagi bergetar dan berdenyut.

Apa yang menarik perhatian, konsep ini hampir sama dari sudut fikah dengan apa yang dikenali selama berabad-abad lamanya sebagai pergerakan haiwan korban selepas sembelihan. Mereka mengatakan bahawa jika penyerang menikam seseorang lalu perut mangsa robek, ususnya terkeluar, nescaya kecederaan ini dianggap sebagai kecederaan membawa maut walaupun mangsa

itu masih bergerak seolah-olah pergerakan haiwan korban. Jika riwayat mangsa itu ditamatkan oleh penyerang yang lain, maka dakwaan membunuh masih ditujukan kepada penyerang pertama sedangkan penyerang kedua didakwa tetapi bukan tuduhan membunuh.

Sewaktu Persidangan "Kehidupan Insan: Permulaan dan Penamatnya" (anjuran Pertubuhan Sains Perubatan Islam, Kuwait, 1985), ulama' berpuas hati terhadap definisi ini dan apabila kematian batang otak telah berlaku, dibenarkan penghentian mesin bantuan pernafasan atau pembedahan dada dan pengambilan jantung yang hidup (daripada badan si mati) untuk dipindahkan ke dada seorang pesakit yang jantung gagal berfungsi.

Ini merupakan trend di dunia dan diaplikasikan di negara-negara Islam yang dipimpin oleh Kerajaan Arab Saudi (selepas diakui olah *majma' fiqhiyy*) dan jika masih terdapat kekeliruan dalam isu ini yang ditimbulkan oleh golongan yang cenderung untuk mengharamkan sesuatu tanpa penelitian mendalam...maka ketahuilah bahawa pembuat hukum ini ialah golongan doktor dan ulama' fikah.

d. **Pembunuhan Rahmat:**

Masyarakat berfikir bahawa jika seseorang itu mengalami kecacatan atau menderitai penyakit yang tidak ada peluang untuk pulih, maka dia mempunyai hak untuk membuat keputusan bagi menamatkan hidupnya, dan antara kewajipan perubatan adalah untuk menyediakan baginya rahmat ini.

Tidak ada tempat untuk perbuatan ini sama sekali dalam undang-undang Islam kerana Allah SWT berfirman dalam Surah al-Mā'idah:32 yang bermaksud : "Bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya".

Hak untuk membunuh diri tidak wujud dalam Islam, walaupun untuk melegakan kesakitan dan penderitaan kerana Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : ﴿Ada seorang lelaki sebelum kalian telah luka, dia telah mengambil pisau lalu menusuk tangannya, maka membuak-buak darah

keluar sehingga dia meninggal dunia. Allah berfirman, “Hamba-Ku telah bertindak terburu-buru terhadap dirinya, maka aku mengharamkan ke atasnya syurga”﴾.

Realitinya, dalam jangka panjang, profesion perubatan sebaik-baiknya secara berterusan memberi khidmat bagi kelangsungan hidup dan bukannya menamatkannya. Kita tidak tahu penyakit apa yang tidak boleh dirawat dengan ubat-ubatan atau pembedahan. Menghindari kesakitan merupakan hak asasi manusia. Jika kesakitan tersebut masih kekal, maka bersabar dengannya dituntut disebabkan besarnya fadilat sabar itu, dan berdasarkan mafhum sabda Nabi SAW: ﴿Tidaklah seorang mukmin itu yang menderita kesakitan melainkan Allah telah mengampuni dosa-dosanya seperti daun pokok yang gugur.﴾

Terdapat kes dos ubat bukan sahaja berupaya menghilangkan kesakitan, namun boleh menyebabkan kematian pesakit tersebut. Isunya di sini ialah niat doktor tersebut sama ada beliau bercadang untuk membunuh pesakit tersebut atau tidak. Sesungguhnya Allah yang maha mengetahui niat seseorang. Orang yang mendukung pembunuhan rahmat mengatakan bahawa tindakan itu perlu dengan persetujuan pesakit secara sedar dan bebas tanpa wujud sebarang bentuk tekanan kepadanya. Ini sebenarnya merupakan anggapan yang salah. Mana-mana pesakit dalam kes ini akan membaca dengan silap atau betul pada pandangan keluarganya mesej yang mengatakan, “Selagi anda mempunyai cara yang dibenarkan oleh undang-undang, mengapa melelahkan diri sendiri dan menyusahkan kami di samping membuang masa, tenaga dan wang?”

Mereka menggelarkan kematian ini sebagai kematian bermaruah. Badanku menggeletar setiap kali aku membayangkan diriku dimasukkan ke hospital sebagai pesakit. Kerani pendaftaran bertanyakan aku sama ada aku ingin mati dengan penuh maruah atau sebaliknya.

Perkara utama yang diperlukan mereka pada akhir hayat ialah kewangan yang kukuh kerana kos perubatan sangat tinggi. Hakikatnya, wang itu wujud dan kita perhatikan wang dibelanjakan untuk tujuan kemewahan, keseronokan, kemusnahan, dadah, minuman beralkohol dan hawa nafsu, serta senjata pemusnah dan cara kemusnahan. Maka salahnya bukan pada wang, tetapi pada cara wang itu dibelanjankan.

Adapun penjagaan orang tua, pesakit dan insan daif merupakan nilai Islam yang dituntut, terutamanya kedua ibu bapa yang sudah berusia, seperti firman Allah dalam Surah al-Isrā’:23 yang

bermaksud : “dan Tuhanmu memerintahkan kamu untuk tidak menyembah selain hanya kepada-Nya dan kepada ibu bapa kamu hendaklah kamu berbuat baik, sama ada salah satu atau kedua-duanya sudah mencapai usia tua. Maka janganlah kamu berkata: “ah” kepada mereka, janganlah kamu mengasari mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia”.

Seperti yang boleh dijangka dalam beberapa tahun kebelakangan ini, seruan tidak bermoral yang menuntut hak untuk mati telah bertukar kepada tuntutan terhadap kewajipan untuk mati. Mereka berhujah dengan mengatakan bahawa mesin ciptaan manusia jika sudah melebihi jangka hayatnya yang produktif, maka harus dilupuskan, kerana tidak adil untuk golongan yang produktif dalam komuniti untuk menampung sebahagian lain yang tidak produktif dan tidak cekap.

Itu merupakan logik secara metarial yang tidak didasari oleh nilai-nilai kehidupan. Golongan ateis tidak beriman kepada kehidupan selepas kehidupan yang lain, serta perhitungan selepas kematian.

e. **Teknologi bidang genetik:**

Eksplorasi baharu dalam bidang genetik merupakan isyarat kepada kewujudan sebuah dunia baharu. Bidang ini merupakan ilmu masa depan, bukan sahaja kerana bidang ini akan memajukan sains perubatan pada masa akan datang (dan masa depan yang telah bermula), tetapi kerana ia mendedahkan bahawa masa depan manusia tidak dapat diramal melalui bintang, horoskop dan menara tetapi melalui genom, gen dan genetik.

Sepanjang sejarah, kerlipan cahaya ilmu pengetahuan telah mengubah wajah dunia dan tidak lagi kembali ke zamannya yang lampau dalam bidang pertanian, industri, perlombongan, stim, elektrik, radiasi, dan komputer. Kami mengira bahawa bidang genetik akan bergabung bersama-sama dan membawa kepada satu peringkat baharu dalam perkembangan manusia, yang belum pernah ditemukan. Hal ini dikatakan demikian kerana bidang ilmu tersebut tidak berkaitan dengan benda yang wujud di sekeliling manusia, namun bidangnya ialah manusia itu sendiri.

Oleh yang demikian, aku ingin meninggalkan gaya penulisan ringkas yang telah aku amalkan sebelum ini dan aku akan berbicara tentang topik ini dengan agak rinci kerana keinginan masyarakat yang meluap-luap untuk mengetahui topik ini.

Bacaan Genom Manusia

Kejuruteraan genetik

Pendekatan kita dalam pembelajaran bahasa bermula dengan pembelajaran huruf, kemudian daripada huruf-huruf ini kita membentuk perkataan, daripada perkataan kita menulis ayat, dan ini berterusan sehingga menjadi perenggan yang mengisi halaman yang membawa kepada bab-bab yang dikumpulkan sehingga menjadi sebuah buku yang lengkap. Sebuah buku itu tidak bermakna apa-apa bagi mereka yang tidak membaca. Jika seorang pembaca itu menelaahnya, maka dia harus meneliti fungsi-fungsi, bermula dengan huruf dan berakhir dengan memahami buku itu sepenuhnya, serta mengambil perhatian terhadap segala-galanya, baik dari aspek struktur mahupun makna.

Walau bagaimanapun, terdapat buku-buku yang mungkin mengandungi kesilapan tipografi yang bukan berpunca daripada asalnya, iaitu terjadi ketika proses cetakan pada mesin atau ketika proses mengarang. Antara kesilapan tersebut termasuklah berubahnya makna perkataan kepada makna yang sama sekali berbeza. Contohnya, perkataan-perkataan seperti “al-amal”, “al-hamal”, “al-’amal”, “al-jamal” dan “al-ajal” dalam bahasa Arab tidak berbeza kecuali pada satu huruf yang membawa kepada perbezaan makna keseluruhannya, bahkan mungkin terdapat perbezaan hanya pada baris huruf yang sama menyebabkan perbezaan makna.

Abjad yang kita gunakan dalam penulisan kita yang biasa terdiri daripada dua puluh lebih aksara, tetapi kita tahu bahawa abjad itu boleh dikurangkan tanpa pengurangan makna. Kita tahu bahawa abjad telegram terdiri daripada simbol dan titik sahaja, tetapi menerusi susunan ini, kita boleh menulis abjad biasa. Begitu juga dengan bahasa komputer yang didasari oleh satu dan sifar, tetapi urutan dan perintah itu merujuk kepada tulisan biasa yang boleh dibaca.

Melalui mukadimah ini, kami berhasrat untuk membuat perumpamaan yang dapat membantu kita memahami isu yang bakal kita tangani demi menjadikannya lebih mudah untuk difahami dan lebih dekat untuk dicapai.

i. Pembezaan

Hikmat Allah telah menetapkan bahawa manusia perlu dibezakan dengan makhluk lain dengan akal fikiran yang merupakan kunci kepada ilmu pengetahuan. Akal fikiran ini perlu dirangsang untuk meneliti alam semesta yang dicipta, supaya bertambahlah rasa keagungan terhadap pencipta. Sejarah telah menyaksikan bahawa manusia menerusi akalnya mampu meneliti, mengkaji dan menyingkap misteri sehinggakan dengan peredaran waktu, peradaban insan telah berjaya mencapai warisan pengetahuan yang luas. Pada abad-abad mutakhir, kegemilangan dapat dihasilkan dengan sangat pantas. Pada kurun terakhir, kemanusiaan telah memperoleh maklumat dengan kadar yang pernah diperoleh mereka yang terdahulu dalam tempoh yang lama. Dewasa ini, manusia mengira bahawa pengetahuan manusia berkembang setiap lima tahun. Era revolusi perindustrian telah jauh ketinggalan dan telah berubah kepada era revolusi maklumat, yang telah menembusi dunia sejak beberapa dekad. Namun demikian, masyarakat masih belum bangkit daripada tidur yang lena dan ini membahayakan masa hadapan mereka. Peranan mereka hanyalah merealisasikan kerakusan orang yang berkepentingan.

Namun yang ajaibnya, kajian manusia terhadap alam semesta bukanlah bermula dengan huruf, kemudian perkataan, kemudian ayat seperti perumpamaan yang kami gambarkan tentang pembelajaran bahasa. Sebaliknya, proses itu menuju arah yang bertentangan. Manusia telah membuka matanya kepada alam semesta dan manusia mendapati bahawa alam ini merupakan buku yang lengkap dan pencapaian yang sedia ada tanpa diketahui asalnya dan sempadannya. Hal ini bersesuaian dengan makna yang dinyatakan Allah dalam kitab-Nya seperti firman Allah dalam Surah al-Kahfi:51 yang bermaksud : “Aku tidak menghadirkan mereka untuk menyaksikan kejadian langit dan bumi dan tidak pula penciptaan diri mereka sendiri”.

Berdasarkan sejarah ilmu pengetahuan, kemajuan diukur dengan sejauh manakah keupayaan akal fikiran untuk mengembalikan sesuatu yang telah lenyap dalam menyelidik perkara-perkara tertentu dan mengesan asal-usulnya. Terdapat variasi contoh bagi hal tersebut seperti ilmu kimia memecahkan jisim kepada molekul dan zarah, dan ilmu biologi mengembalikan bahan alam semula jadi kepada tenaga, dan ilmu fizik menolak teori kembalinya alam semesta kepada letupan pertama yang besar. Firman Allah SWT dalam Surah al-Anbiyā':30 yang bermaksud : "Tidakkah kamu melihat bahawa langit dan bumi itu kedua-duanya duhulu ialah sesuatu yang bercantum, kemudian kami pisahkan antara kedua-duanya".

Adapun asal kepada setiap yang bernyawa itu kembali kepada air. Air meringkaskan sesuatu yang kompleks kepada komponen-komponennya dan sesuatu yang umum kepada perinciannya serta sesuatu komposit kepada bahan-bahannya. Bukanlah sesuatu yang canggung tentang kajian manusia terhadap manusia. Ia kembali melalui manusia kepada manusia lain, seolah-olah sebuah buku kembali kepada bentuk aksara dan abjad sekiranya diminta untuk memberi tunjuk ajar, maka manusia mampu membaca pembacaan yang baharu dan bakal menjadi pembacaan yang istimewa.

Manusia mengenali dirinya

Perkara pertama yang diketahui seseorang manusia tentang dirinya ialah imej yang jelas, berkaitan dengan jantina lelaki atau wanita serta imej dan ciri-ciri yang membezakan antara individu dengan yang lain Seterusnya insiden keamanan atau peperangan merupakan gerbang pengenalan terhadap anggota-anggota dalaman, khususnya apabila timbulnya idea pengawetan selepas kematian. Kajian semakin berkembang luas apabila munculnya ilmu anatomi dan anatomi perbandingan. Mikroskop dicipta, maka jelaslah bahawa tisu-tisu badan terdiri daripada sel-sel dan setiap nukleus sel bertanggungjawab untuk hidup dan fungsinya.

Kajian telah menunjukkan bahawa nukleus setiap sel mengandungi hasil warisan, sama ada berkaitan dengan ciri-ciri umum yang dimiliki oleh semua manusia atau ciri-ciri khusus yang

bertujuan memfokuskan perincian yang membezakan seseorang itu sendiri. Hal ini membuktikan bahawa individu itu sendiri tiada padanan dengan individu lain dari awal ketamadunan manusia hingga akhirnya.

Bahan genetik ini bersalut nukleus sel dalam bentuk dua puluh tiga pasangan (individu daripada bapa dan individu daripada ibu), berupa objek kecil yang dikenali sebagai kromosom. Kromosom boleh dikenal pasti dan disusun mengikut urutan daripada pasangan pertama sehingga pasangan ke-23. Seterusnya, terdapat penemuan tentang hubungan antara pelbagai penyakit (genetik) dengan mutasi dalam kromosom yang ditemukan.

Penemuan yang pertama ialah ketidakseimbangan dalam bilangan kromosom. Jika satu kromosom ditambah pada pasangan kromosom yang mempunyai nombor tertentu pada tertib susunannya, akan mengakibatkan munculnya penyakit seperti penyakit genetik. Jika terdapat kekurangan kromosom seperti tinggal satu sahaja daripada pasangan kromosom, maka itu merupakan simptom kepada penyakit-penyakit tersebut juga. Sebagai contoh, bagi kes penyakit kanak-kanak Mongolia, penyakit disebabkan kerana terdapat pertambahan bilangan pada kromosom nombor 22 (iaitu tiga dan bukan dua). Contoh lain seperti sindrom Turner yang salah satu pasangan kromosom hilang. Justeru, mutasi boleh berlaku melibatkan kekurangan atau pertambahan bilangan kromosom, tetapi jika tiada cebisan kromosom atau pembalikan kromosom juga boleh menyebabkan penyakit. Oleh sebab kromosom boleh dibahagikan kepada zon-zon tertentu sepertimana pemetaan garisan-garisan graf menggunakan pembaris (walaupun pada kawasan kromosom tidak sekata), bermakna pencegahan penyakit dapat dilakukan, bukan kepada kromosom secara umum, tetapi pada zon-zon kecil yang terdapat di dalam kromosom.

Umum mengetahui bahawa kromosom merupakan habitat dalam nukleus dan saiznya boleh menjadi pendek dengan mengambil bentuk lingkaran tetap. Jika kita mengenal pasti rantaian sebatian dengan lebih tepat, ia dikenali sebagai gen dan unit-unit genetik dan ia juga memutuskan untuk melaksanakan peranan sel dengan sebab fungsinya yang aktif . Jika kita boleh menghubungkan penyakit tertentu dengan zon sempit yang terdapat di dalam kromosom, maka zon sempit ini merangkumi ribuan gen dan kita masih perlu menemukan bahagian manakah yang bertanggungjawab, iaitu yang mengalami mutasi. Begitulah, jika kita mahu menentukan diagnosis yang tepat sebagai asas rawatan yang bermanfaat.

Merujuk kepada fungsi gen yang terdiri daripada Asid Deoksiribonukleik (DNA), fungsinya terbina daripada pasangan yang berorientasikan asid amino. Setiap satunya tidak padan kecuali dengan pasangannya. Empat asid ini sebenarnya merupakan aksara bahasa kehidupan, dengan berulangnya model tersebut, wujudlah mesej. Keempat-empat asid amino (adenina, thymine, sitosin, guanine) umpama titik dan simbol bagi telegraf dan merupakan satu dan sifar bagi komputer. Setiap pasangan menyerupai tingkat tangga berpusing yang tinggi atau gelung berpasangan. Ini ialah bentuk vakum molekul DNA yang ditemukan oleh Watson dan Crick pada tahun 1953 dan berjaya memenangi Hadiah Nobel.

Kesilapan tipografi berlaku jika komposisi berbeza, maka salah satu asid amino akan menggantikan asid amino yang lain daripada 100,000 asid yang disintesis daripada badan manusia. Mutasi diterjemahkan dengan terjadinya penyakit atau munculnya simptom-simptom bagi penyakit tertentu, sama ada dengan serta-merta atau dengan beransur-ansur. Mutasi ini disebabkan oleh warisan daripada generasi sebelumnya dan mutasi dalam gen semasa pembentukan.

Terdapat beberapa trilion sel di dalam tubuh manusia. Dalam setiap nukleus terdapat empat puluh enam kromosom, mengandungi kira-kira 100,000 gen yang terdiri daripada kira-kira tiga bilion pasangan model yang telah kami nyatakan. Inilah yang dimaksudkan oleh ulama' keperluan untuk membaca dan mengklasifikasikannya (dan penemuan kromosom yang mengalami mutasi). Pengumpulan data gen jika direkodkan pasti akan memenuhi sepuluh jilid buku yang setiap satu daripadanya lebih tebal daripada buku panduan telefon, namun lebih mudah jika data tersebut dipindahkan ke komputer. Justeru, sains berhasrat untuk membaca manusia pada peringkat molekul, dalam projek yang digelar bacaan genom manusia.

Genom manusia

Perkataan "genom" terdiri daripada komposisi perkataan "gen" dan "kromosom". Genom menjelaskan maklumat genetik secara keseluruhan yang dikodkan secara terperinci dengan aksaranya yang asas seperti yang telah dinyatakan. Projek ini beraspirasi tinggi dan berskala besar. Amerika telah memperuntukkan sebanyak $5 bilion untuknya dan dianggarkan projek ini akan mengambil masa selama 15 tahun akan datang. Namun begitu, mereka menjangkakan projek ini akan dapat diselesaikan lebih awal kerana negara-negara yang berpotensi telah melakukan

pembahagian dalam pelaksanaan projek ini. Setiap negara membaca kromosom sama ada kurang atau lebih.

Kedua, memandangkan teknologi moden bagi melaksanakan projek ini dicipta setiap hari. Sebahagian daripada bajet diperuntukkan untuk inovasi teknologi moden ini. Idea projek ini bermula dengan mengesan yis yang boleh memecahkan lingkaran asid amino di zon tertentu dan yis yang boleh menggabungkan unsur yang lain ke dalam lingkaran tersebut (putus dan jalin). Lantas, terdapat kemungkinan untuk memisahkan gen tertentu dan membentuknya untuk memperoleh sebatian yang dihasilkannya atau mengimplannya di tempat gen yang kelihatan rosak. Kemajuan saintifik dalam bab ini berlaku pada kepantasan yang menakjubkan. Kemajuan ini mungkin mempunyai implikasi penting dalam kehidupan kita. Oleh yang demikian, sebanyak tiga peratus daripada bajet telah diperuntukkan untuk mengkaji aspek moral, kesan sosial dan risiko yang mungkin dihadapi jika projek ini berjaya dicapai.

Bagi memperoleh bacaan genom manusia, bacaan dijalankan melalui sampel yang terdiri daripada sebilangan besar manusia. Masyarakat berkongsi genom manusia. Gen yang mempunyai ciri-ciri tertentu seperti warna mata, ketinggian, atau lain-lain mengambil kedudukan kromosom yang sama, walaupun maknanya berbeza. Di sebalik persamaan yang jelas dalam kalangan semua manusia, seorang individu itu mempunyai keunikannya yang tersendiri yang membezakannya daripada ciptaan lain yang difahami di sebalik 2 hingga 10 juta daripada tiga billion set unit yang membentuk genom. Jika kita boleh mengasingkannya, ia akan membentuk garisan sepanjang enam kaki di dalam nukleus dalam bentuk 46 kromosom.

Penemuan gen untuk penyakit tertentu terhasil dengan mengetahui gen yang unik bagi pesakit yang menghidap penyakit ini yang berbeza dengan gen yang sama bagi orang yang normal.

Penting untuk diambil perhatian di sini bahawa asid nukleik yang membentuk badan kita itu sendiri ialah DNA, yang membentuk badan-badan organisma hidup yang lain seperti serangga, burung atau haiwan. Oleh itu, bukanlah tanah liat yang menjadikan kita manusia.

Mengapakah perlu projek genom?

Ilmu itu tiada noktah henti pada had tertentu dan atas dasar manusia membiasakan diri mereka... keinginan manusia terhadap pengetahuan yang membuak-buak. Apabila dikatakan

kepada beliau: “Apakah sudah cukup?”, beliau akan menjawab “Apakah terdapat lebih daripada itu?”.

Hari ini, manusia berhadapan dengan isu penentuan fungsi biologi manusia berdasarkan asas kimia. Sifat-sifatnya, ciri-cirinya, kesihatannya dan penyakitnya ditentukan oleh gen dan komponennya.

Tanpa kajian tentangnya, kita tidak akan berjaya mengesan enam ribu penyakit keturunan yang menimpa manusia atau berisiko menyerang manusia pada masa hadapan. Ia merupakan langkah pertama, mungkin untuk mencegah atau menghalang penyakit-penyakit ini atau sekurang-kurangnya untuk meramalkan sebagai persediaan menghadapinya. Kadar penyakit jantung dan kanser yang meluas, dan lain-lain, terutamanya apabila sains telah melewati gerbang rawatan gen, sama ada melalui pembedahan genetik, yang mengeluarkan gen mutan dan dimasukkan ke dalamnya alternatif yang serupa dengannya, seperti anda menggantikan skru dengan skru yang lain dalam mesin yang besar, atau dengan mengeluarkan gen yang sihat daripada manusia normal dan mengimplannya untuk mendapatkan cecairnya dan diberi sebagai ubat kepada pesakit genom yang tidak merembeskan cecair ini.

Boleh jadi faktor persekitaran yang berbeza, seperti radiasi, ubat-ubatan dan bahan kimia dapat dikaji melalui gen untuk melihat apakah kesan faktor tersebut dan bagaimanakah ia terjadi. Sejak tahun 1970-an yang terkenal dengan bidang kejuruteraan genetik, telah berlaku implementasi kaedah implan gen dengan fungsi tertentu ke dalam organisma daripada genus lain untuk mendapatkan fungsi yang sama. Seperti yang diketahui daripada pemindahan gen manusia, ia menyebabkan rembesan insulin dalam sejenis bakteria dan bakteria tersebut dibiarkan membiak demi menghasilkan sejumlah besar insulin manusia yang jauh lebih baik berbanding dengan insulin yang berasal daripada haiwan untuk merawat kencing manis, atau untuk mendapatkan hormon pertumbuhan daripada gen yang dihasilkan dalam merawat pertumbuhan kanak-kanak yang mempunyai masalah tumbesaran, atau menggantikan bahan yang hilang pada pesakit yang menghidap hemofilia, yang menghalang pembekuan darah yang boleh mengakibatkan pendarahan, atau bahan interferon yang digunakan dalam rawatan beberapa jenis kanser. Manakala aplikasinya dalam dunia pertanian atau penternakan haiwan telah kita amalkan setiap hari dan menjanjikan masa depan yang lebih cerah daripada hari ini.

Kebimbangan dan kewaspadaan

Penting bagi manusia mengetahui dirinya berhubung dengan perkara-perkara yang kita anggap kini sebagai misteri masa hadapan? Apakah perasaannya jika dia mendapat tahu bahawa dia akan mati sekitar umur 40 atau dia akan mengalami kelumpuhan otot bermula usia 50-an? Yang pasti, ini bukanlah satu stigma, bukan juga dakwaan mengetahui masa depan, tetapi seperti anda melihat bulan sabit pada permulaan bulan, anda pasti berkata: Bulan sabit ini akan menjadi bulan purnama selepas dua minggu.

Bacaan genetik ialah perkara terkini yang diketahui untuk meramalkan masa depan yang samar. Tiada nikmat hidup sekiranya manusia mengetahui hal tersebut dan tidaklah teruja hidupnya menantikan nasib yang telah diketahui, dan terjadinya kesengsaraan adalah lebih baik daripada menunggunya sepertimana yang dinukilkan dalam satu perumpamaan Arab. Dalam masa terdekat ini, tiada jangkaan bahawa rawatan bagi semua penyakit dapat diuruskan, dan seorang doktor yang mahir mendiagnosis, masih lagi belum mampu untuk merawat. Pesakit juga masih keliru, sama ada dia ingin berkahwin atau tidak, atau sama ada dia ingin mempunyai zuriat atau tidak, dan dia patut berasa takut atau yakin.

Bagaimanakah jika kerajaan atau agensi kerja yang lain ingin menguatkuasakan pemeriksaan perubatan bagi bacaan genom sebagai prosedur permohonan kerja dan dia didapati mempunyai gen yang menunjukkan risiko terhadap penyakit jantung, kanser, atau sebaliknya? Adakah pelantikannya bakal ditolak, maka terdapat sikap prejudis terhadap golongan seperti ini sama seperti diskriminasi kaum, walaupun atas dasar kesihatan dan bukan atas dasar jantina atau warna kulit? Adalah itu adil?

Seperti itulah yang disyaratkan oleh syarikat insurans kesihatan atau insurans nyawa untuk meneliti genom, kemudian menolaknya atau menerimanya atas dasar prospek kesihatan masa depan. Umum mengetahui bahawa bukanlah setiap gen mutan dijangkiti penyakit. Dalam kebanyakan kes, penyakit ini disebabkan oleh interaksi gen ini dengan elemen luar (alam sekitar) yang mungkin tidak berlaku kepada pesakit, sekali gus dapat mengelakkan penyakit ini.

Sejauh manakah maklumat genetik boleh dilindungi kerana ia merupakan privasi orang yang terlibat dalam konteks memelihara kerahsiaan profesion. Ia didaftarkan pada cakera

komputer yang dikendalikan oleh pihak bukan perubatan dan dikuasai oleh orang, badan, syarikat-syarikat atau kerajaan? Ini merupakan bentuk pengintipan yang dilarang.

Jika maklumat tersebut bocor, adakah ini membawa kesan kepada golongan ini dengan sebab kecuaian mereka dan dilabelkan mereka mempunyai intuisi walaupun ia sekadar andaian yang tidak sama sekali berlaku?

Jika pemeriksaan menunjukkan bahawa terdapat pandemik yang melanda sebuah keluarga dan aku ingin mengesahkan kewujudannya atau ketiadaannya dalam kalangan saudara-mara. Adakah ini dianggap sebagai justifikasi untuk menyebarkan rahsia orang itu kepada saudara maranya bagi tujuan pemeriksaan dilakukan? Adakah etika perubatan membenarkan mereka dimaklumkan walaupun mereka cenderung agar ia tidak didedahkan dan memilih untuk menjalani kehidupan biasa mereka yang telah diberikan Allah tanpa menambah sebarang kebimbangan baharu?

Dalam aspek praktikal pula, pembacaan genom akan bermula dalam kes-kes yang disyaki dengan mengambil kira sejarah keluarga yang diwarisi. Sebagai contoh, wanita yang ibu-ibu, nenek, atau adik beradik mereka mempunyai kanser payudara, untuk mengetahui apakah wujud gen penyakit tersebut dalam genom mereka... ini merupakan kajian gen yang baru ditemui... Jika disahkan bahawa wanita yang disyaki tersebut mempunyai penyakit ini, mereka dinasihati untuk berada di bawah pengawasan perubatan dan menjalani pemeriksaan pengimejan untuk mengesan penyakit ini. Jika ia diketahui pada peringkat awal, rawatan berkesan dapat dijalankan kerana tiada penawar untuk penyakit genetik ini. Jika kita mengatakan bahawa sepuluh peratus daripada mereka akan ditimpa penyakit dalam kehidupan yang akan datang, tidaklah mengapa untuk diletakkan yang seratus itu di bawah pengawasan, demi yang sepuluh. Namun, bagaimanakah keadaannya jika hal ini mengganggu wanita-wanita tersebut, maka mereka semua meminta untuk dibuang payu dara mereka mengikut jangkaan dan ramalan, bermakna 90 daripada setiap 100 pembedahan akan dilakukan walaupun ia tidak diperlukan. Adakah pemborosan dalam pembedahan besar ini boleh diterima? Adakah ini satu kebaikan bersama dan merupakan rawatan terbaik?

Dalam isu pembiakan manusia, membaca genom janin membolehkan kita untuk mengetahui kecacatan semasa janin dan mengetahui mutasi yang menanti pada masa akan datang sama ada masa depannya yang hampir dan yang jauh, walaupun untuk sedekad kemudian. Ini

secara tidak langsung akan meningkatkan bilangan pengguguran di negara-negara yang membenarkan pengguguran...walaupun penyakit itu mungkin tidaklah kritikal, walaupun penyakit itu muncul ketika berumur 40 tahun ke atas, sedangkan kehidupan dengan jangka hayat empat puluh atau lima puluh tahun boleh menjadi kehidupan yang berguna, produktif dan bermakna.

Dengan kecanggihan bacaan genom dan kemungkinan untuk mengubahnya, bagaimanakah jika ibu bapa mahu kanak-kanak memiliki ciri-ciri tertentu, seperti ketinggian, adakah hal itu boleh diterima? Jika hal ini tersebar, adakah ia membawa kepada perubahan standard normal dalam sesuatu komuniti dengan orang yang kurang tinggi di luar julat normal akan dilihat sebagai orang kurang upaya dan didiskriminasikan di tempat kerja, dalam perkahwinan atau sebagai contohnya dalam lingkungan sosial?

Adakah penting buat masyarakat untuk mempunyai anak-anak seperti yang diidamkan, tidak mengikut ketentuan walaupun ciri-ciri mereka ialah tiruan dan bukannya semula jadi? Apakah ini bukan bentuk penghinaan terhadap anak-anak ini, seolah-olah mereka ialah pembuatan yang mendatangkan keuntungan mengikut spesifikasi tertentu dan seolah-olah mereka hadir daripada katalog dan bukannya kurniaan daripada Tuhan menurut hikmah dan peraturan serta kehendak-Nya kepada manusia dalam tempoh dan jangka masa yang panjang, yang tidak tercapai oleh pandangan manusia dan masih belum diterokai oleh sains? Menurut ketetapan Allah dalam ciptaan-Nya, jika ia mutan, ia mungkin boleh membawa kepada kemusnahan dan kerosakan yang tiada siapa pun boleh terlepas.

Perbincangan seterusnya adalah mengenai gen kelakuan. Para penyelidik menyatakan bahawa terdapat gen yang mendorong kepada ketagihan alkohol dan terdapat juga gen perangsang hubungan luar tabii homoseksual...Dakwaan ini masih belum terbukti buat masa sekarang, tetapi jika terbukti, adakah ia boleh menyelamatkan pemiliknya daripada terjerumus kepada salah laku atau jenayah? Pada pandangan kami, perkara ini adalah sebaliknya, sesiapa yang mempunyai gen ketagihan arak, maka perlu baginya untuk menjauhi arak agar dia tidak terjebak. Pada hakikatnya ia harus mengelakkan acara-acara yang melibatkan alkohol, walaupun pada asalnya dia tidak mempunyai sebarang ketagihan sama sekali. Bagi mereka yang mempunyai gen homoseksual pula, mereka patut menjalani rawatan psikologi yang sesuai. Begitulah situasinya sehingga tahun 1976, apabila Persatuan Pakar Psikiatri Amerika mengumumkan bahawa penyelewengan seksual ialah

satu trend semula jadi dalam keluarga dan tidak dianggap sebagai penyakit yang perlu dirawat atau aib yang memalukan.

Ini merupakan petanda awal terhadap kepincangan golongan ini dalam kelompok masyarakat sehingga menjadi satu gelombang politik yang mempunyai seribu pengikut. Isu ini pada kita merupakan masalah yang tidak ada jalan penyelesaiannya kerana Islam memerintahkan untuk menahan diri dan melarang daripada mengikut hawa nafsu. Bukanlah isu ini sepertimana yang didakwa oleh mereka "jadilah apa yang anda inginkan", tetapi sebaliknya, "jadilah apa yang seharusnya anda jadi."

Perbincangan ini juga berterusan untuk mencakup usaha memperbaik salasilah manusia dengan mengimplan gen yang mempunyai karakter yang dikehendaki. Oleh itu, gen keberanian ditanam dalam diri seorang yang pengecut, dan gen kemesraan dalam diri seorang yang ganas. Sehingga hari ini, hal ini dianggap ekstrapolasi saintifik, dan bukannya realiti sebenar. Jika ini berlaku, maka ia merupakan luncuran yang berbahaya, kerana sains telah melampaui kawalan alam semula jadi termasuk kawalan terhadap diri manusia.

Asas keunikan manusia adalah pada pilihannya yang bebas. Oleh sebab itu, dia bertanggungjawab atas apa yang dipilihnya. Sia-sia bagi sahsiah manusia yang tidak mempunyai hak terhadap tanggungjawab peribadinya dan merupakan pembaziran terhadap manusia itu sendiri, yang sama sekali tidak dibenarkan oleh Islam dalam apa jua cara sekalipun.

Semua persoalan ini menjadi kebimbangan para saintis, doktor, pemikir, moralis dan pengamal undang-undang mutakhir kini. Tidak kiralah bagaimana keliru atau cemasnya mereka, tiada siapa yang cuba atau mampu untuk menghentikan kemajuan saintifik ini. Namun, tindakan yang diperlukan ialah mewujudkan peraturan, undang-undang dan etika yang dapat mengawal pencapaian berikutnya, kerana tiada keraguan sebelum kita menemukan penyelesaiannya. Jika risiko telah terjadi maka agak sukar untuk mengatasinya, dan jika jin itu telah keluar daripada botolnya, maka mustahillah untuk menangkapnya kembali.

Pengklonan manusia

Pengklonan ialah proses menghasilkan dan menyalin sesuatu yang berasal daripada manusia. Ini merupakan replikasi asal kerana ia membawa bahan genetik yang serupa dengan yang asli, seperti halaman kertas yang anda salin daripada beberapa salinan. Semuanya mempunyai corak yang sama.

Pada tahun 1993, dua orang saintis telah mengumumkan kejayaan penemuan mereka dalam proses pengklonan yang diberi nama sebagai (penyempurnaan). Proses ini merangsang ovum supaya subur untuk menghasilkan kembar seiras (bermula dengan satu telur, kemudian gen-gennya mula terbahagi kepada separuh). Sebaik sahaja telur mula terbahagi untuk menghasilkan embrio dan ketika berlakunya perpecahan kepada dua sel yang merupakan generasi pertama, teknologi saintifik mula campur tangan untuk mengasingkan sel-sel dan merangsang setiap sel-sel asal tersebut untuk menjadi sel-sel baharu. Seterusnya perpecahan tersebut mula membentuk janin, dan terhasillah dua embrio yang seiras. Pembaharuan ini merupakan cara untuk meniru dan menciplak sifat dalam menghasilkan kembar seiras. Itulah yang berlaku dalam pembiakan manusia secara semula jadi dengan kebetulan jumlah kehamilan sebanyak 300 kehamilan (Purata kehamilan kembar ialah 90, kurang satu pertiga daripadanya ialah kembar seiras yang datang daripada telur yang sama).

Apa yang pasti, tiada teknik yang menghalang pengulangan prosedur ke atas generasi sel yang sama dalam menghasilkan sejumlah kembar seiras daripada ovum yang pertama.

Walau bagaimanapun pada tahun 1997, sainstis mengumumkan kejayaan dalam kaedah lain yang digunakan untuk pembiakan mamalia bagi mencipta seekor kambing betina yang dinamakan Dolly di Scotland (cara yang mungkin digunakan pada haiwan-haiwan yang kecil seperti katak dan beberapa haiwan kecil yang menjadi habitat tasik). Perkara baharu yang penting dalam teknik ini ialah penghasilan anak tanpa pertemuan sperma dan telur dalam proses persenyawaan. Haiwan yang mempunyai sperma dan telur yang matang mengurangkan nukleus pada setiap daripadanya kepada separuh nukleus (separuh bahan genetik). Jika persenyawaan kedua-duanya bertembung dengan telur yang disenyawakan, maka pembiakan generasi sel akan menghasilkan janin.

Manakala sel-sel badan normal (bukan sperma dan telur), di dalamnya terdapat bahan genetik yang lengkap, tetapi apabila ia membiak, ia membentuk generasi baharu daripada sel-sel

yang serupa dengannya, namun ia tidak berkembang menjadi janin. Sebagai contoh, sel-sel kulit mampu menghasilkan sel-sel kulit baharu dan ia dapat memberi manfaat kepada sel-sel kulit sebagai lapisan bagi luka terbakar di kawasan kulit yang terbakar.

Namun begitu, adakah sel-sel kulit boleh membiak dan berkembang menjadi janin? Sudah tentunya tidak! Melainkan jika kita mengeluarkan nukleus sel kulit itu, kemudian kita tambahkan dengan telur yang diekstrak air maninya. Kemudian pembiakan akan menghasilkan embrio, tetapi ia bukan daripada gabungan lelaki dan perempuan!

Inilah yang dilakukan oleh ahli-ahli sains di Scotland, mereka mengambil sel daripada kemaluan kambing dan spermanya diekstrak untuk diletakkan kulit telur yang telah diekstrak air maninya.

Kambing biri-biri Dolly ialah hasil pengklonan sepadan dengan versi kambing biri-biri yang diambil selnya itu. Kambing biri-biri Dolly telah dibalut janin daripada rahimnya yang lain supaya janin ini membesar sehingga Dolly dilahirkan. Dolly tidak dilahirkan daripada jantan atau betina tetapi ini telah dihasilkan daripada sel badan daripada jasad yang satu.

Dunia terduduk. Mengapa? Ini disebabkan teknologi yang sama boleh menghasilkan pencapaian yang sama untuk manusia. Maka sel daripada lelaki menghasilkan replika yang serupa dengannya. Begitu juga sel daripada wanita menghasilkan replika yang sama.. Tiada had bilangan pengklonan yang boleh dilakukan sama seperti mesin pencetak yang mencetak halaman yang disalin.

Selepas beberapa bulan, Amerika Syarikat telah mengumumkan penciptaan lembu dan monyet tanpa gabungan unsur jantan dan betina, tetapi sel daripada satu jasad yang menghasilkan replika yang serupa dengan haiwan yang diambil selnya. (Nota: Tidak cukup dengan hanya mendapatkan sel yang terdapat pada telur betina, tetapi cukup dengan air mani jantan yang membawa bahan genetik). Bagaimanakah pula dengan manusia? Kerajaan yang menjalankan bentuk kajian ini dengan pantas menetapkan pengharaman sementara terhadap perkara ini sebelum kajian tersebut siap sepenuhnya bagi membolehkan ia diaplikasikan. Undang-undang agama dan etika lebih perlahan berbanding dengan kemajuan sains pada masa kini, maka kedua-duanya harus diberi peluang untuk menunjukkan kemajuan….

Tatkala topik itu dibahaskan di simposium yang dianjurkan oleh Pertubuhan Islam bagi Sains Perubatan di Casablanca, Morocco, pada Jun 1997 dengan kerjasama Institusi Kajian Perubatan dan Penyelidikan Saintifik berkaitan Ramadan Hassan II dan Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan Islam, Akademi Fiqh Islam dan Pejabat Serantau Pertubuhan Kesihatan Mediterranean Timur, topik tersebut dibincangkan dan beberapa kemungkinan potensi pembiakan manusia dibentangkan. Ada yang menerima, ada yang menolak, ada juga yang memerlukan kaedah fikah untuk menentukan pendirian supaya tidak tersasar dan tidak menyimpang. Oleh sebab perkara ini masih baharu, maka ia tidak termaktub dalam mana-mana kitab umat terdahulu. Perkara ini membingungkan minda fuqaha' kita untuk berijtihad dan berinovasi dalam ruang lingkup kaedah fikah.

Senario 1:

Katakan sekiranya salah satu sel diriku (contohnya, kulit) telah diambil dan dirawat dengan tujuan untuk menghasilkan salinan genetik yang serupa denganku, kemudian disimpan pada peringkat awal dengan kaedah pembekuan selama seratus tahun atau lebih, dan kemudian perkembangannya diteruskan dan ditanam (di dalam rahim) sehingga ia lahir dan membesar menjadi orang dewasa. Kemudian "aku" yang baharu - replika asal- berjumpa dengan cucu-cucunya atau anak-anak mereka lalu menuntut harta pusaka yang "aku" berhak menerima. Apakah undang-undang atau pendapat fikah yang dicadangkan untuk menangani keadaan ini?

Senario 2:

Buat kali pertamanya dalam sejarah, teknik baharu membolehkan pembiakan manusia "bukan dengan persenyawaan" (seperti dalam mikroorganisma). Bayi bukan dicipta secara genetik daripada dua bahan genetik bagi lelaki dan wanita, tetapi melalui salah satu daripadanya. Dalam konteks keluarga, kanak-kanak tidak akan dipanggil dengan "anak-anak kita" tetapi, yang lelaki ialah salinan kepada si suami dan yang perempuan ialah salinan kepada si isteri daripada aspek genetik, walaupun benih suami mungkin diambil daripada rahim isteri tumpang (rahim tumpang) sehinggalah anak itu lahir.

Senario 3:

Suatu perkahwinan dianggap tidak produktif sekiranya isteri tidak mempunyai ovari untuk mengeluarkan telur. Sel daripada suaminya diambil untuk menjadi suatu salinan genetik, ia seterusnya dirawat dan dipelihara kandungannya sehingga lahir. Salah satu pihak akan merasakan bahawa bayi itu benar-benar tidak mengandungi gennya. Pada masa yang sama, dalam proses penghasilan bayi ini, tidak diadakan kontrak perkahwinan bagi pihak ketiga (sebagaimana yang berlaku dalam teknologi bayi tabung uji walaupun yang dimasukkan ialah mani asing atau ovum asing atau rahim asing).

Teknik ini dilihat sebagai jalan keluar bagi dilema kemandulan. Apakah pendapat anda tentangnya?

Senario 4:

Beberapa individu semuanya merupakan replika daripada seorang manusia. Berlaku insiden pembunuhan dengan bukti terdiri daripada cap jari dan sintesis DNA: DNA ialah bukti kukuh untuk mengecam individu.... setakat ini. Namun bukti tersebut dalam situasi itu terpakai pada beberapa orang. Mereka adalah sama kerana mereka merupakan replika. Adakah teknologi baharu ini memutar belitkan fakta yang berkemungkinan menghalang keadilan? Atau menyukarkan urusan sesama manusia kerana mereka perlu berurusan dengan lebih daripada satu salinan dalam pelbagai urusan jual beli, hutang-piutang, perjanjian atau kontrak?

Senario 5:

Isu kehamilan andartu. Dibuat satu salinan bagi andartu menggunakan salah satu daripada sel-selnya dan kemudian benih tersebut dilindungi oleh rahimnya untuk membesar sehingga bersalin. Adalah kehamilan ini sah sedangkan dia tidak mempunyai suami? Atau boleh diterima, walaupun tanpa disentuh oleh manusia?

Apabila anda meletakkan: Adakah yang dilahirkan itu klonnya atau kembarnya atau anak perempuannya? Jika ayahnya meninggal dunia, maka apakah dia meninggalkan dua anak perempuan, atau seorang anak perempuan dan seorang cucu perempuan?

Senario 6:

Syarikat pengklonan dan kempen pengiklanannya tentang penghasilan klon bagi bakat-bakat luar biasa dalam bidang sukan, sains atau muzik...seorang atlet yang hebat disyorkan untuk dihasilkan lima klon daripadanya....dan klon-klon tersebut membesar tetapi tiada seorang pun daripada mereka yang hebat dalam sukan. Sebabnya? Ia tidak melalui peringkat latihan dan amali yang perlu. Ia mungkin menjadi kurus, gemuk, lurus dan cepat marah kerana faktor pemakanan, alam sekitar dan penjagaan kesihatan.

Adakah anda akan mendakwa syarikat tersebut menipu kerana tidak menerangkan hal tersebut sebelum ini dengan jelas?

Senario 7:

Sebuah keluarga membuat klon untuk anaknya dan disimpan dengan kaedah pembekuan sebagai langkah berjaga-jaga dan jika anak tersebut meninggal dunia, mereka ingin mengimplan benih tersebut untuk menggantikan dirinya sendiri. Adakah harus untuk mencipta seorang manusia bagi menjadi medium untuk suatu tujuan dan bukannya tujuan itu sendiri?

Atau sekiranya anak itu meninggal dunia dan mereka bersegera mengambil sel-selnya untuk membuat klon kedua sedangkan pada hakikatnya dia tidak mati?

Atau sekiranya pada masa hadapan, anak tersebut memerlukan pemindahan anggota, maka klon digunakan untuk mendapatkan anggota tersebut dengan jaminan bahawa badan akan menerima dan tidak menolak.

Senario 8:

Seorang kanak-kanak telah beberapa tahun membesar, tetapi klonnya lebih awal disimpan menggunakan kaedah pembekuan sebagai peluang kepada wanita yang ingin hamil melalui teknik bayi tabung uji. Wanita tersebut ingin melihat bagaimana keadaan klon tersebut untuk beberapa tahun akan datang, sama ada dia boleh memilih daripada koleksi atau mungkin katalog dan dia

kemudian membeli apa yang disukainya. Adakah pasaran seperti ini bermanfaat atau berbahaya dalam tempoh terdekat dan panjang?

Senario 9:

Seorang individu berusia lima puluhan dan klonnya baru berumur lima tahun. Versi yang tua telah dijangkiti oleh kanser yang serius yang disebabkan oleh genetik. Versi yang kecil mengetahui bahawa ini ialah nasibnya, dan dia menyaksikan bagaimana versi pertama menderita kesakitan yang turut menantinya pada masa depan.

Adakah anda menganggap ini sebagai penyeksaan kepada si kecil tersebut? Ambil perhatian bahawa sesetengah kes (bukan semuanya) boleh dielakkan dengan mengeluarkan organ yang sama sebelum kanser terbentuk (aku mengatakan sebahagian sahaja kerana agak mustahil untuk menentukan antara buah pinggang kiri atau kanan? Payudara kanan atau kiri? dan antara kanser yang tidak dapat dibuang atau tidak dapat dihilangkan dengan pembedahan ialah kanser darah atau leukemia. Kanser mungkin tidak berlaku semasa usia masih kecil, sekiranya terjadi maka jadilah hidupnya dalam keadaan yang tidak tenang dan dia mungkin tidak dapat menerimanya...atau dia perlu melalui pembedahan kritikal yang tidak diingini.

Senario 10:

Penyakit keturunan yang disebabkan oleh kecacatan genetik dan keturunan. Hal ini terjadi kerana penurunan kadar genetik asal daripada genetik yang diklon dan perubahan genetik normal. Maka kita telah mula menyediakan salasilah yang suci bagi pembiakan masa hadapan yang bebas daripada penyakit genetik dengan membebaskan gen yang mutan.

Senario 11:

Sukar untuk mengekalkan kehidupan yang canggih termasuk mamalia yang bergantung pada proses pembiakan antara lelaki dan perempuan. Sesungguhnya gen kita terdedah sepanjang masa kepada perubahan yang dipanggil sebagai mutasi yang menukarkan genetik yang normal kepada genetik yang rosak.

Antara cara yang paling berkesan untuk menyelesaikan masalah genetik yang mutan ini adalah dengan sel seksual (sel telur atau sel sperma) kerana ia membuang separuh daripada genetik

warisan, ia menjadi matang dan menjadi tervaksinasi (jika bahagian lelaki dan perempuan telah bergabung, telur telah terbentuk dengan gabungan sempurna). Sekiranya terdapat baki genetik yang tidak sihat dalam bahagian yang akan menghasilkan benih itu, mungkin bahagian daripada sperma suami boleh mendominasi dan menghalang berlakunya penyakit.

Adapun sekiranya pembiakan (tanpa perkahwinan), maka akan kekallah genetik yang tidak sihat itu. Dan sekiranya klon dihasilkan daripada klon generasi yang pelbagai, maka akan berkumpul genetik yang tidak sihat tersebut dan berlakunya mutasi genetik yang baharu dan janin akan menghidap kecacatan kongenital atau membawa maut.

Adakah hal ini cukup untuk menjadi asas kepada tajuk ini? Adakah ditetapkan untuk dibenarkan pengklonan mendatar sahaja (semua klon yang diambil daripada asal) tidak secara menegak (klon demi klon diambil melalui turun temurun)?

Mungkin kajian kepada haiwan boleh menjawab persoalan ini. Namun, soalan lain pula akan tinggal: Adakah selamat haiwan-haiwan ini dimakan jika terkumpul padanya mutasi tetapi sebelum peringkat berlakunya kecacatan atau munculnya gejala penyakit yang jelas?

Semua ini dan perbincangan yang di atas akan sentiasa berterusan senarainya dengan sebab "Al-Araaitiyyin" yang saintifik sehinggalah kemajuan dalam penyelidikan saintifik dalam kes ini diperoleh.

Mungkin senario ketiga dan kesepuluh wajar diberi perhatian. Namun sekiranya hal ini bermula, usaha untuk mengawalnya adalah amat sukar.

Oleh itu, fuqaha' berpendapat untuk menutup perbincangan ini serta-merta dalam lingkungan manusia, tetapi tidak menjadi kesalahan dalam lingkungan haiwan. Mereka turut memberi amaran bahawa larangan kajian ini dijalankan di negaranya yang boleh menjana modal asing di negara-negara Dunia Ketiga, dan mereka menyeru kerajaan Islam untuk menyekat pintu-pintu yang boleh membawa kepada bahaya ini secara langsung atau tidak langsung, yang boleh mengancam hubungan kemasyarakatan, kekeluargaan, kaum kerabat, silaturrahim, keturunan dan sebagainya yang menjadi pemangkin kepada peradaban manusia.

Kebangkitan

Siapakah dalam kalangan kita yang tidak gembira dan teruja apabila melihat tanda-tanda kebangkitan Islam sudah mula berkembang sejak dua dekad mutakhir ini? Kebangkitan ini ialah kemuncak usaha murni dan keazaman tinggi yang bermula sejak awal kurun ini, terutamanya pada pertengahannya.

Barangkali kekalahan yang dialami pada tahun 1967 memberi impak besar hingga menyebabkan umat Islam mendekatkan diri kepada Allah. Ini berlaku selepas mereka mengikuti haluan sendiri yang akhirnya membawa kepada perpecahan dan selepas umat Islam bangkit daripada kejatuhan. Umat Islam digambarkan sebagai kuasa besar di Timur Tengah yang mencipta jarum dan roket serta menguasai keadaan di darat, laut dan udara, menggentarkan Israel dan menyinga dalam menghadapi Amerika. Sesiapa yang menentang, maka terimalah habuannya. Namun demikian, umat Islam menyaksikan kekuatan hebat tersebut dimusnahkan dalam tempoh beberapa jam dan dikalahkan dalam masa beberapa hari sahaja. Umat Islam merasai pahit maung kekalahan, yang merupakan satu kehinaan. Peliknya, seorang ahli parlimen Mesir yang berasa puas kerana musuh menyasarkan perubahan rejim namun perubahan tersebut tidak berlaku. Beliau berasa sangat girang dan berbesar hati.

Umat Islam sedar bahawa kekalahan tersebut bukanlah berpunca daripada kekurangan senjata dan peralatan perang, bukan juga disebabkan oleh keengganan para pegawai dan askar untuk bekerja keras dan berjuang serta bukan juga kerana rakyat kurang sabar, tidak berdaya menghadapi kesukaran, terpaksa mengikat perut dan berdiam terhadap pelbagai situasi kerana tiada suara yang mengatasi suara peperangan. Namun kekalahan tersebut disebabkan goyahnya

sistem dalaman yang hanya kelihatan kuat dari luar, resapan racun yang kelihatan menyelerakan pada pandangan yang melihat, rendahnya kedudukan para pemimpin di mata rakyat sehinggakan hanya pemimpin yang memikirkan rakyatnya tetapi rakyat tidak berfikir bersamanya, dan hilang semangat berkorban walaupun demi kebaikan negara. Cukuplah untuk kita ketahui bahawa apabila pesawat Israel membedil kita, pihak yang bertanggungjawab tidak mampu mengarahkan pasukan artileri untuk melancarkan serangan balas. Ketika pesawat pengintip yang melakukan intipan di udara, orang ramai seolah-olah ditimpa kelumpuhan, gerun diserang pesawat pengintip.

Sesungguhnya tidak dapat diakui bahawa kekalahan tersebut yang membuahkan kebangkitan. Sukar juga dipercayai bahawa peranan gerakan Islam di Mesir pada kurun ini dan alirannya di negara Arab dinafikan penglibatan mereka dalam mewujudkan kebangkitan ini. Merekalah yang menyebabkan idea kebangkitan Islam diterjemahkan dalam diri individu. Ini telah menghasilkan kejayaan yang besar dan dapat memadamkan jurang antara percakapan dengan perbuatan. Dalam ajaran Islam, manusia perlu berusaha untuk maju dan bukan membiarkan ajaran ini sekadar catatan di dada-dada buku. Umat Islam juga harus berupaya meneliti setiap aspek syariat Islam dengan sepenuh penghayatan. Islam bukan sahaja merangkumi urusan ibadat dan syiar semata-mata, bahkan merangkumi semua aspek kehidupan termasuk individu, masyarakat dan negara. Antara ajaran Islam termasuklah menyokong kebenaran, menolak kezaliman, mendapatkan keadilan, memastikan kebebasan dan mencapai kemerdekaan. Dengan itu, terbukalah minda manusia yang telah tertutup selama berabad-abad lamanya.

Boleh aku katakan bahawa perjuangan Islam sentiasa berdepan dengan musuh. Permusuhan ini meningkat seiring dengan perkembangan gerakan Islam. Pihak musuh ini biasanya merupakan golongan yang memegang tampuk pemerintahan sama ada pemerintahan beraja mahupun republik. Sesungguhnya penjajah asing, komunis atau zionis berada di zon yang sama dengan musuh dalam selimut, bahkan musuh dalam selimut inilah yang mendominasi dan mengawal musuh luaran. Mereka tahu ancaman Islam terhadap kezaliman yang begitu serius dan kekuatannya untuk menghadapi musuh. Aku tidak merasakan bahawa setiap pertempuran dengan Israel dan gencatan senjata yang berlaku merupakan satu kebetulan tetapi mempunyai kaitan dengan aliran kebangkitan Islam. Sebelum tahun 1948, ketika kemunculan Israel dan sebelum tahun 1956, apabila Israel berpakat dengan Britain dan Perancis dalam Serangan Tiga Pihak, serta sebelum dan semasa tahun 1967 (dikhabarkan pada tahun 1973, Anwar Sadat, pemerintah Mesir

mengadakan kempen intensif terhadap mobilisasi agama bagi menganggotai angkatan tentera, yang menampakkan kesan yang jelas sewaktu peperangan tersebut kerana disertai buat kali pertama dengan senjata iman). Antara perkara pelik dan sedih yang berlaku sebelum tragedi tahun 1967, golongan Islam di kem tahanan mereka telah meminta untuk bersiap sedia bagi menyertai peperangan dengan ikrar dan janji bahawa mereka akan kembali ke kem tahanan selepas pertempuran, namun pastinya permintaan ini ditolak. Mereka meminta pula supaya dihantar kantung-kantung untuk menderma darah memandangkan ada antara mereka doktor yang berupaya mengambil alih prosedur tersebut. Permintaan mereka juga ditolak. Oleh sebab permintaan ini turut ditolak, mereka berhasrat untuk mendermakan wang yang disimpan di bahagian pentadbiran kem tahanan, namun permohonan ini juga ditolak. Ini menunjukkan kewaspadaan yang tinggi kerana bimbang fahaman sedia ada dicemari oleh nilai-nilai Islam.

Era tersebut ialah era fahaman nasionalisme Arab dan sosialisme yang mengawal ketat dan menindas sebarang pemikiran atau suara Islam. Di setiap tempat, masyarakat Arab menunjukkan reaksi dengan berdemonstrasi dan memberikan sokongan, yang mengharapkan aspirasi baharu dan kepimpinan yang berwawasan. Semangat orang ramai meluap-luap tatkala mereka mendengar dan melihat sesuatu yang dikagumi mereka. Semangat nasionalisme Arab ketika itu seumpama agama bagi kebanyakan orang. Dalam temu bual bersama-sama dengan seorang rakan yang merupakan salah seorang wakil kementerian di negara Arab, beliau berkata: "Lihatlah, aku orang Arab dan Arab ialah tunjangku ... lebih baik jika aku bekerjasama dengan Kristian Lubnan daripada berurusan dengan Muslim Iran". Dialah juga yang memberi aku mandat untuk menulis kenyataan media yang muncul ke udara di radio beberapa hari sebelum berlakunya peristiwa pada tahun 1967, aku telah menunjukkan kenyataan tersebut kepadanya untuk semakan, dia lalu mengambil pen dan dia tidak membuang apa-apa perkataan kecuali ungkapan (Bismillah al-Rahman al-Rahim), kerana takut jika aku meletakkannya untuk melambangkan Islam, aku katakan padanya: "Kau membuatkan aku berasa pesimis". Selang beberapa hari kami menangis bersama-sama atas apa yang terjadi dan kami menyesali kesilapan, seolah-olah kami terjatuh dari tempat yang tinggi. Umat Islam pula mengalami kejutan yang lebih dahsyat daripada kejutan elektrik. Di celah-celah hembusan putus asa, derita dan marah, umat Islam tercari-cari jalan penyelesaian, namun tiada jalan penyelesaian kecuali dengan kembali kepada Allah SWT.

Aku menyelak tirai kebangkitan Islam supaya tanda-tanda kemunculannya tidak terlindung daripada sesiapa. Negara-negara Arab telah bersikap keterlaluan terhadap saki-baki masyarakat Islam. Ketika aku melancong di Turki dan aku masuk ke masjid-masjid di Istanbul sepertimana pelancong lain masuk sambil memerhatikan hasil seni dan sejarah, aku menunaikan solat dua rakaat di masjid tersebut. Terasa seolah-olah aku ingin menambah ciri-ciri keislamannya kerana ia masjid dan bukannya muzium. Lantainya disediakan untuk mereka yang rukuk serta sujud, bukan semata-mata untuk ditinjau oleh pelancong. Aku hampir-hampir menangis dek rasa kosong. Beberapa tahun selepas itu, aku menziarahi Turki semula, masjid-masjid dipenuhi oleh jemaah yang menunaikan solat yang rata-ratanya terdiri daripada pemuda dan sebahagian besar daripada kaum wanita memakai tudung di negara yang tidak menitik-beratkan pemakaian hijab. Aku berpendapat bahawa umat Islam hanya lena dan bukannya mati. Umat ini bangkit setelah lena yang panjang dan hatinya berdenyut serta darah keimanan mengalir di setiap urat sarafnya.

Tidak dapat dinafikan bahawa kebangkitan ini dipenuhi keberkatan. Kebangkitan berterusan maju melangkah ke hadapan sambil memutikkan masa depan yang cerah. Sesungguhnya aliran Islam yang matang, gemilang, bijaksana dan idealis telah mengorak langkah dengan tenang dan konsisten. Kebangkitan ini tidak terhad pada sesebuah parti politik atau kumpulan tertentu. Gerakan ini merupakan jati diri, talian hayat dan jalan penyelesaian kepada umat Islam. Aliran ke arah kebaikan. Alangkah baik sekiranya pemerintah dan juga rakyat yang menginginkan kebaikan menyertai kebangkitan ini. Namun, yang demikian itu tidak berlaku sehingga kini kerana menjadi kelaziman manusia, orang yang zalim takut akan keadilan, orang yang sesat sukar baginya untuk mengikuti jalan yang lurus dan orang yang menganggap dirinya Tuhan yang agung baik dahulu mahupun sekarang enggan bersekutu dengan sesiapa pun.

Gerakan ini ditakuti pihak luar dan diharamkan di negara-negara yang lemah atau negara yang pemerintahannya terhutang budi kepada ketuanan asing, lebih daripada mereka terhutang budi kepada Allah.

Gerakan ini berbentuk pengamanan, berpendidikan dan bertamadun, namun kebaikan ini dipandang sebagai satu ancaman besar kepada mata rejim lain. Ini menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk menentangnya tanpa belas kasihan, memburukkan imejnya, memfitnahnya dan menjadikan masyarakat memusuhinya. Mereka -menurut pendapat mereka-

mempunyai rasional untuk berbuat begitu. Namun, Islam menurut perspektif yang sebenar ialah agama yang terhebat dalam menentang keganasan, paling berupaya menarik perhatian manusia, terhebat dalam memuaskan hati manusia dan paling sesuai dalam mengimarahkan kehidupan dan memberi petunjuk kepada manusia. Oleh yang demikian, musuh Islam membenci dan berwaspada dengan umat Islam.

Dalam Majlis Senat Amerika, terdapat jawatankuasa yang dinamai Jawatankuasa Pemantauan Keganasan untuk Parti Republikan. Jawatankuasa ini menerbitkan beberapa terbitan untuk meracuni Islam dan orang Islam. Ketuanya seorang Yahudi yang merupakan pegawai perisik Israel. Segala kejahatan yang berlaku dikaitkannya dengan Islam. Dia tidak membiarkan apa-apa perbuatan keganasan yang dilakukan oleh seorang muslim kecuali dikaitkannya dengan ajaran agama. Malangnya, laporan ini diedarkan kepada ahli parlimen sebagai rujukan mereka. Mutakhir ini, orang Islam mula menceburi kancah ini, arena pentadbiran dan politik, permulaan yang menjanjikan kebaikan dengan izin Allah. Namun, apa yang mendukacitakan tatkala menyaksikan di kaca televisyen seorang gabenor Arab dalam satu temu bual di Amerika ketika ditanyakan soalan "Seperti yang dimaklumi, terdapat umat Islam yang sederhana dan umat Islam pelampau…". Dia lantas membalas dengan tegas: "Tidak, semuanya menganut agama yang sama!".

Walau bagaimanapun, tidaklah benar sekiranya kita menyampaikan hanya sebahagian kebenaran dan kita menyembunyikan sebahagian yang lain. Kita perlu mengakui bahawa isu berkaitan dengan kebangkitan Islam dicemari oleh orang Islam sendiri yang memberi kesan negatif kepada Islam dan kebangkitan Islam. Atas nama Islam, mereka bertindak liar dan mereka mendakwa tindakan tersebut ialah bakti kepada Islam. Perkara ini menjadikan kebangkitan diselubungi oleh elemen negatif yang harus diselidiki dan diperjelas, di samping golongan ini perlu diseru agar meninggalkan hal tersebut. Hal ini bukanlah sesuatu yang sukar jika terdapat kefahaman dan keikhlasan.

Pertamanya, fenomena keganasan dan menganggapnya sebagai cara untuk memperoleh hak yang diharapkan. Dalam Islam, matlamat tidak sekali-kali menghalalkan cara dan matlamat yang mulia pastinya tidak dapat dicapai dengan cara yang tidak murni. Aku sempat membelek beberapa penerbitan milik golongan tersebut, timbul refleksi ketika aku membaca bab "Fiqh

Keganasan". Mereka cuba mereka-reka dalil syarak tentang kewajaran tindakan mereka. Ada antara mereka yang menerima pendidikan Islam. Justeru bagaimanakah ia boleh terlupa bahawa kehormatan hidup manusia diperakukan oleh Islam. Al-Quran telah menetapkan bahawa sesiapa yang membunuh orang lain tanpa alasan yang dibenarkan atau melakukan kerosakan di muka bumi, seolah-olah dia telah membunuh manusia seluruhnya". Firman Allah dalam Surah al-Māʼidah:32 yang bermaksud : "Sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan orang itu dibunuh, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya".

Pihak yang mempunyai hak untuk melaksanakan hukuman bunuh ialah badan perundangan di sesebuah negara dan hukuman itu dilaksanakan berdasarkan prosedur yang jelas, melalui sistem kehakiman yang adil dan hukuman tidak dilaksanakan jika terdapat keraguan. Ini bukanlah bererti pintu terbuka bagi orang yang menuduh orang lain untuk terus membunuh tertuduh atau pembunuhan yang berkepentingan maka dia membunuhnya demi mendapatkan maslahat tersebut. Dalam bab tersebut, terdapat keharusan pembunuhan (atas dasar politik) dengan alasan bahawa Nabi Muhammad SAW telah mengutus seseorang untuk membunuh seorang yahudi yang bernama Ka'ab bin Al-Asyraf, iaitu ketua Bani Nadir. Mereka lupa bahawa Nabi Muhammad SAW selain menjadi seorang rasul, baginda SAW juga merupakan pemimpin negara Islam yang berautoriti untuk menjatuhkan hukuman. Dalam peristiwa itu, Ka`ab bin Al-Asyraf telah melakukan jenayah belot terhadap perjanjian dan jenayah khianat yang dahsyat, hukuman tersebut bertujuan supaya tidak lagi berlaku peristiwa ini kepada kaum muslimin. Selepas peperangan Uhud, Ka`ab telah pergi ke Makkah mengetuai 40 tentera berkuda dan mengadakan perjanjian ketenteraan dengan kaum Quraisy untuk membantu mereka mengalahkan kaum muslimin. Apa yang diputuskan oleh Nabi Muhammad SAW merupakan hukuman tribunal dan menjadi hukum syarak yang adil. Seandainya sesiapa daripada kalangan kaum muslimin yang mengingkari perintah Nabi SAW dan bertindak tanpa keizinan Nabi SAW, maka lelaki itu dibunuh seperti yang diperakukan oleh baginda SAW.

Lebih dahsyat lagi apabila skop pembunuhan menjadi semakin berleluasa, merangkumi golongan yang tidak bersalah dan berdosa seperti wanita, kanak-kanak, dan pendatang asing yang terlibat dengan permusuhan antara sesuatu puak dengan pemerintah. Antara kedunguan yang nyata apabila mereka mengancam untuk merosakkan musim pelancongan di Mesir sebagai tekanan ke

atas kerajaan, dan mereka dengan itu lupa bahawa mereka sebenarnya menjadikan Mesir negara yang daif, miskin dan sibuk dengan masalah dalamannya berbanding dengan Israel yang kuat lagi kaya dan mempunyai keinginan yang tinggi untuk eksploitasi masalah luarannya.

Dalam isu keganasan ini, kita tidak mempunyai pilihan lain kecuali penafian dan kecaman. Apa yang menyedihkan kita ajaran Islam yang cinta akan keamanan dipersalahkan kerana keganasan yang dilakukan dengan dakwaan bahawa keganasan dilakukan untuk melepaskan mereka daripada bebanan yang ditanggung. Realitinya, perbuatan mereka itu bukanlah untuk melepaskan diri, bahkan kerana jemu dengan sifat kesederhanaan dan memberontak terhadap keamanan. Pastinya ini bukanlah keadilan.

Antara ajaran Nabi Muhammad SAW termasuklah setelah seseorang usai membuang air, hendaklah dia melafazkan: "Segala puji bagi Allah yang telah menghilangkan kekotoran daripada kami". Manusia diajar supaya memuji Allah apabila najis dikumuhkan daripada badan.

Sesungguhnya apa yang dilakukan oleh golongan ini termasuk dalam bab jenayah dan antara kejahilan yang memalukan apabila perbuatan itu dianggap sebagai kebangkitan Islam. Tidak terdapat apa yang dipanggil sebagai "jenayah Islam", kerana yang demikian itu sangat mustahil.

Terdapat masalah yang dikenali sebagai tipu daya si jahil dan kejahilan yang tertipu...Semua menganggap dirinya ulama' Islam tetapi sebenarnya mereka tidak memiliki maklumat Islam yang cukup dan kefahaman agama yang jelas umpama terangnya matahari. Boleh jadi pemuda dari kalangan mereka seusia dengan cucuku. Apabila aku berselisih pendapat dengannya, aku pasti dikatakan kebaratan atau cetek agama, atau dia mengetahui sesuatu ilmu yang tidak aku ketahui, maka aku harus menurutinya supaya dia dapat memimpinku ke jalan yang benar. Contoh seperti ini berleluasa di Timur dan Barat. Dia sebenarnya keliru lalu menganggap bahawa antara ciri beragama ialah kurangnya penghayatan dan kurangnya adab. Aku pernah menghadiri persidangan Arab Islam di Amerika (jarang sekali kulakukan). Turut berada di atas pentas bersamaku ialah seorang penulis tersohor, Ustaz Fahmi Huwaidi. Dia berbicara dan begitu juga aku, sehingga sampailah sesi soal jawab dan terdapat soalan bertulis. Aku mengerling kepada moderator majlis memberi isyarat tentang soalan yang dilupakan, berbunyi: "Adakah ulama' dan fuqaha' dari Timur Tengah telah lelah maka kalian datang kepada kami untuk kami dengarkan

Fahmi Huwaidi dan Hassan Hathout?” Aku gembira dengan soalan tersebut kemudian aku menjeling kepada moderator supaya memberi aku peluang untuk menjawab soalan itu. Mungkin orang yang bertanya soalan mencari model baharu tentang diri seorang muslim. Aku lalu berkata: “Aku tidak akan membenarkan syaitan untuk mengubah persepsiku terhadap saudara seIslamku itu (boleh jadi anakku atau cucuku)”. Jika tidak, perbuatan itu akan merosakkan hubungan kasih sayang sesama muslim. Kerosakan hubungan kasih sayang ini umpama tukang cukur yang bukannya mencukur rambut, sebaliknya mencukur agama sepertimana yang termaktub dalam sabda Nabi SAW. Ketika itu aku berharap agar dia menyatakan dalam kertas soalannya kesilapan kami atau perkara yang dia tidak bersetuju. Dengan itu, dia akan membimbing kami daripada kesilapan yang telah kami lakukan, lalu dapat kami kembali kepada-Nya dan memohon keampunan daripada-Nya. Begitulah nasihat, dan agama itu ialah nasihat, yang wajar beroleh ganjaran dan semoga kita semua memperoleh ganjaran itu. Dekad-dekad terakhir ini menyaksikan syaitan telah berjaya dengan skala besar dalam mewujudkan pertembungannya sesama kaum muslimin dan aku tidak tahu adakah patut aku menyalahkannya atau menyalahkan kaum muslimin. Dalam dua situasi ini, aku berjaga-jaga untuk tidak menambah kemenangan yang lain buat syaitan.

Dalam hidupku, aku telah diberi peluang untuk menimba pelajaran berharga yang mungkin inilah masanya untuk disebut dan diambil pengajaran. Pada saat jemaah Ikhwanul Muslimin di Mesir membentuk pasukan bergerak (untuk menyebarkan dakwah Islam) pada separuh pertama kurun ini, pada ketika itu ahlinya hanya memakai seluar pendek. Salah seorang golongan wara` menyangka bahawa mereka ini kafir atau hampir kepada kafir, maka dia pun meluru ke rumah pemimpinnya, iaitu Hasan Al-Banna dan dipanggil “wahai Hasan Affandi”, lantas dia menjawab, “Ya, tuan”. Dia berkata “Aku membenci kamu!” Hasan membalas: “Demi Allah aku menyayangimu” Dia berkata lagi, “Namun aku membencimu kerana Allah” maka dia membalas “ Ini membuatkan aku lebih menyayangimu”. Beginilah cara dua tokoh berinteraksi, berbalas-balas dan berhubungan tetapi aku amat pasti tokoh manakah sebenarnya yang menjadi pilihanku. Walau bagaimanapun, Rasulullah SAW telah bersabda bahawa hikmah itu merupakan barang yang hilang daripada seorang mukmin, sekiranya dia menemukannya, maka dialah manusia yang paling berhak ke atasnya. Maka tidak salah untuk anakku mendengar daripada tokoh-tokoh seperti Fahmi Huwaiudi dan Hasan Hathout. Sekiranya ada kebaikan padanya, maka dia akan memperolehnya. Jika tidak, dia tidak akan kerugian apa-apa.

Sesungguhnya perbincangan ini begitu panjang. Apa yang kita mohon daripada Allah adalah supaya kita tergolong dalam kalangan mereka yang mendengarkan sesuatu lantas mengikut apa yang baik daripadanya.

Kata-kata ini memberi sentuhan ajaib buat ribuan manusia yang menghadiri persidangan itu, bahkan ia merupakan titik perubahan berdasarkan komentar dan pertemuan selepas majlis dan lawatan mesra ke rumahku pada waktu petang. Namun, diri ini berdukacita tatkala mendapati rata-rata jiwa "pemuda kebangkitan" (jika boleh dinamakan sebegini) berlegar-legar tentang kebencian, kemarahan dan serangan sebagai komponen yang perlu ada dalam komposisi jihad fisabilillah. Mudahlah bagi mereka selepas itu untuk bertindak tanpa mengetahui keadaan sebenar. Aku tidak menyalahkan golongan remaja dalam hal tersebut semata-mata. Ini ialah pegangan yang telah dimomokkan oleh golongan pemimpin, ustaz dan guru.

Sesungguhnya kriteria halal atau haram, betul atau salah dan harus atau tidak bagi kebanyakan pemuda kebangkitan adalah sekadar kriteria emosi. Mereka mungkin tersilap langkah walaupun emosi mereka meluap-luap untuk memperjuangkan dan berkhidmat untuk Islam. Sesungguhnya perkara ini amatlah berbahaya kerana boleh mengubah agama kepada nafsu. Di sebalik aku ingin menjadi orang yang mengutamakan ketaatan agama, aku tergelincir, lalu aku menjadikan agama pula mentaatiku. Di sebalik aku ingin berpegang kepada keadilan syarak, akhirnya aku menjadikan keadilan mengikut acuan yang aku ingini! Aku pernah menziarahi bandar Asyut di Mesir, bandar ini mengingatkanku akan kenangan lama kerana dahulu aku merupakan profesor di universiti tersebut. Hal ini masih kekal dalam hatiku sehingga kini. Dalam perjalananku, aku ditemani seorang doktor muda. Kami melewati Persatuan Pemuda Kristian dan aku tertarik dengan tulisan berdakwat hitam pekat di dinding mengiklankan tempat dan waktu solat hari raya Aidilfitri akan diadakan, yang menyeru kaum muslimin untuk menghadirinya. Aku bertanya -untuk memuaskan hatiku- tidak syak lagi mereka telah memohon keizinan tuan rumah sebelum mereka mewarnakan iklan tersebut. Doktor muda itu menjawab dengan penuh kesantunan tetapi senyuman di bibirnya dan pandangan matanya mengatakan yang itu adalah mustahil.

Susunan keutamaan didapati bercampur baur dalam kalangan sebahagian besar kita sehinggakan kita mengabaikan keutamaan dan kita tidak membezakan antara yang penting dengan yang lebih penting. Semasa tragedi Bosnia dan Herzegovina dan apabila wabak kelaparan,

kemiskinan dan penyakit melanda, serta ketika berlakunya pembunuhan terhadap umat Islam yang tidak bersenjata, dan ketika gadis kehilangan kehormatan mereka dengan mengandungkan zuriat pihak musuh, terdapat golongan wanita di negara Arab yang sudi menghulurkan bantuan. Apakah bantuan itu? Bantuan itu ialah sejumlah besar hijab kerana tidak harus bagi wanita Bosnia itu tidak berhijab.

Insiden ini mengingatkan diriku akan zaman kecilku, aku menimba pelajaran yang tidak mungkin dilupakan tentang konsep keutamaan ini. Ketika itu kami tinggal di sebuah rumah yang satu pertiga daripada rumah besar ini milik datuk kepada ibuku. Setelah dia meninggal dunia, rumah tersebut dibahagikan antara anaknya.

Rumah kami sering dimasuki pencuri. Pencuri itu memanjat salah sebuah rumah tersebut. Apabila tiada sesiapa melihat, dia bergerak perlahan-lahan dari bumbung sebuah rumah ke bumbung rumah bersebelahan hingga menghala ke jalan. Terdapat rukun tetangga yang menyedari kehadirannya, maka bergemalah jeritan di udara. Mereka mendapati barang-barang seperti baju yang disidai dan bekas tembaga yang disimpan kehilangan.

Ketika itu aku berusia lima tahun, aku berdiri bersama ibu yang sedang memasak di dapur dengan pakaian separuh menutup aurat di dalam rumah. Apabila terdengar jeritan, maka bergegaslah ibuku menuju tangga rumah kerana pencuri pada waktu itu berada berdekatan pintu keluar. Pencuri itu terus melompat dari tangga ke pintu, maka ibuku dan ahli rukun tetangga bertindak mengejarnya dari belakang. Setelah beberapa ketika, kedengaran siren kereta polis berbunyi di jalan. Orang ramai pun menahan kereta polis tersebut. Ibuku pun memberitahu pihak polis bahawa pencuri tersebut memasuki rumah ini dan pihak polis menangkapnya di atas atap ketika ia sedang bersembunyi di sangkar ayam.

Ketika itu, ibuku perlu memilih keutamaan dalam situasi ini: pakaian yang sesuai atau usaha menangkap pencuri. Keutamaan ialah menangkap pencuri dan akhirnya pencuri tersebut tidak dapat melepaskan diri.

Sesungguhnya, kita sering menitikberatkan perkara-perkara yang remeh-temeh dan tidak mengendahkan perkara utama yang boleh mengakibatkan kesedihan dan kedukaan. Aku pernah menyampaikan syarahan dalam Persidangan Pendududuk Kaherah yang diadakan sejak bertahun-

tahun dan aku diberi peluang untuk meneliti draf agendanya sebelum semakan, pemurnian dan pembetulan. Aku merujuk beberapa perkara yang menyebut secara khusus tentang hak seksual remaja, perlindungan mereka daripada campur tangan ibu bapa dan jaminan kaedah perubatan kepada mereka serta keharusan pengguguran bayi di sisi undang-undang sebagai antara hak wanita. Aku katakan jika mereka memperakukan perkara-perkara ini maka ini merupakan perkara yang paling berbahaya terhadap umat Islam dalam sejarah panjang mereka. Ketika aku hendak beredar selepas tamat kuliah, datang salah seorang daripada mereka dengan reaksi minat pada wajahnya. Dia datang untuk bertanya kepadaku mengapakah aku memakai tali leher seperti orang kafir? Kepada Allah jua aku memohon kesabaran dan juga ketenangan.

Kita pernah diberitahu oleh Almarhum Syeikh Muhammad Al-Ghazali, seorang mukmin, pendakwah dan tokoh pembaharuan Islam yang besar tentang balasan kebaikan Allah kepada beliau terhadap Islam dan umatnya. Dalam salah sebuah karangan, beliau mencatat bahawa beliau memberi syarahan di Afrika Utara dan selepas syarahan tersebut terdapat seorang pemuda yang mengangkat tangannya untuk menanyakan soalan: “Apakah hukum syarak mengenai cuka?”. Beberapa hari kemudian beliau menyampaikan syarahan di salah sebuah negara Teluk, seorang pemuda mengangkat tangannya mengajukan soalan yang sama mengenai cuka dalam hukum syarak. Tidaklah hal ini melainkan contoh mengutamakan perkara yang kurang penting. Bukanlah kebetulan terdapat soalan yang sama walaupun di dua tempat yang berlainan dengan jarak yang jauh antara kedua-duanya. Namun perlu ada sifat berwaspada terhadap gerakan yang berusaha agar pemuda Islam tidak hanya sentiasa menghabiskan masa dan tenaga untuk perkara remeh seperti ini dan menghalang mereka daripada keutamaan yang sepatutnya menjadi teras perhatian mereka.

Jika prasangka buruk itu kadangkala wujud hasil ketajaman fikiran, dan jika seorang mukmin mempunyai firasat yang boleh diambil kira, maka sesungguhnya diriku merasakan bahawa kebangkitan itu telah tercemar dan pemuda-pemudinya -sama ada pada keekstreman dan kekeliruan mereka- berkemungkinan didalangi oleh gerakan tangan-tangan tersembunyi itu. Aku tidak mempunyai bukti yang nyata dalam tanganku, namun aku menghidu kaitannya dengan perisik-perisik negara seteru.

Unsur luaran ini hadir dalam fikiranku bukan daripada khayalan atau omong kosong. Di negara luar, telah diterbitkan buku-buku yang menerangkan strategi untuk melemahkan Islam dari dalam ataupun melalui tangan-tangan pemuda-pemudinya, dan mewujudkan perbalahan dalam kalangan kaum muslimin sehingga mereka sanggup mengkafirkan sesama mereka. Yang lebih buruk lagi ialah menyemarakkan semangat ketaasuban agama untuk menentang golongan minoriti agama di negara-negara Islam. Boleh aku katakan bahawa mereka telah menjadikannya suatu kejayaan bukan kerana ramainya bilangan umat Islam yang cenderung ke arah ketaasuban ini, tetapi kerana sering kali isu berkaitan dengan golongan minoriti ini mendapat tempat dalam media massa dan suara golongan ini didapati bergema di koridor politik. Jika kita mengambil Mesir sebagai contoh, rakyat Mesir sebagai sekelompok bangsa yang harmoni yang mempunyai umat Islam dan bangsa Qibti yang hidup selama berabad-abad lamanya dalam persaudaraan, kasih sayang dan perkongsian peranan dalam perjuangan negara dan mempertahankan tanah air, sehingga pada akhirnya golongan ini menimbulkan keabnormalan bagi masyarakat seluruhnya kerana ketaasuban. Dunia tidak mengetahui bahawa kaum muslimin merupakan mangsa yang paling lemah dalam kelompok tersebut berbanding dengan bangsa Qibti (seperti yang pernah dinyatakan Pope Shenouda dalam lawatannya ke Pusat Islam Carlifonia Selatan), namun sebahagian daripada gambaran tersebut diambil dan disebarkan seperti yang dipaparkan ke luar negara. Adakah kejahilan atau kebutaan telah menimpa kita tentang kaitan antara peristiwa ini dengan kata-kata Zionis, Israel Shahak dalam bukunya (Rancangan Zionis Untuk Timur Tengah -1982): "Mesir dalam keadaannya yang terkini adalah umpama mayat hidup, terutamanya jika kita mengambil kira jurang yang semakin meningkat antara kaum muslimin dengan golongan Kristian. Pembahagian Mesir ialah agenda politik untuk Israel. Ini akan memaksa Israel untuk campur tangan dalam urusan dalaman sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk mengawal kepentingan strategik kawasan Sinai sebagai rizab ekonomi dan tenaga dalam jangka masa panjang. Negara Mesir tidak menimbulkan sebarang masalah peperangan bagi Israel kerana konflik dalaman. Terdapat kemungkinan hal ini mendorong peristiwa 1967 berulang suatu masa nanti".

Maka tidak hairanlah jika wawasan pemikir seperti lelaki Perancis Muslim, Roger Garaudy (walaupun pandangannya berbeza-beza) berkembang kepada apa yang sedang berlaku di dunia sekeliling kita. Garaudy menulis: "Terdapat rancangan untuk membahagikan Mesir kepada dua negara pada tahun sembilan puluhan".

Peristiwa ini pernah terjadi di negara Lubnan sebelum terjadi kepada negara Mesir. Perancangan dan konspirasi dirancang untuk tujuan yang sama. Jika kita menelaah buku-buku, pasti kita menemukan dan memahaminya sejak dulu lagi. Namun malangnya kebanyakan daripada kita bacaannya adalah agak terhad hingga menyebabkan kerugian Islam disebabkan kejahilan kita tentang apa yang berlaku di dunia sekeliling kita. Pada tahun 1980, seseorang yang bernama Livia Rokash telah menerbitkan buku yang berjudul “Israel’s Sacred Terrorism”(Penerbit Belmont - Massachusetts-Amerika Syarikat). Pada halaman ke-28 dinukilkan daripada diari Moshe Sharett pada 16 Mei 1954, iaitu mantan Perdana Menteri Israel, perutusan yang dihantar kepadanya oleh Moshe Dayan, yang merupakan pemimpin tentera Israel Nukilan berbunyi: "Semua yang kita perlukan adalah untuk mencari seorang pegawai Lubnan, walaupun berpangkat tinggi, kita perlu mendapatkan kepercayaannya atau kita membelinya untuk dia mengisytiharkan dirinya sebagai penyelamat Kristian Maronite. Setelah itu, tentera Israel pun memasuki Lubnan untuk menduduki tanah yang diperlukan, dan rejim Kristian pada ketika itu bersekutu dengan Israel. Akhirnya tanah selatan Sungai Litani jatuh kepada Israel.

Pada halaman berikutnya (halaman ke-29), dinukilkan daripada diari Sharett pada 28 Mei 1954: “Pemimpin tentera Israel telah menerima pakai rancangan untuk mengupah seorang pegawai Lubnan dan berbesar hati untuk menjadikannya boneka bagi pihak kita sehingga tentera Israel kelihatan seolah-olah berada di dalam Lubnan sebagai tindak balas kepada rayuan untuk menyelamatkan Lebanon daripada kekuatan umat Islam”.

Pada zaman kita dan zaman sebelumnya, penduduk Mesir faham bahawa penjajah British telah mengamalkan dasar pecah dan perintah di negara mereka. Oleh itu, apabila berlaku kebakaran dalam gereja, semua orang sedar bahawa kejadian itu merupakan permainan penjajah dan ia tidak memberi kesan kepada perpaduan kaum muslimin dan bangsa Qibti. Adakah manusia terdahulu lebih bijak daripada manusia pada zaman kini? Atau konflik itu natijah kemarahan yang membara disebabkan oleh penindasan dan gangguan yang berlaku dalam kehidupan sehingga kepada aspek agama? Atau itu hanya natijah daripada sikap ambil mudah dalam menyelesaikan sesuatu perkara. Kadangkala kejahilan lebih baik daripada kedangkalan pengetahuan.

Sesungguhnya kebaikan, kasih sayang dan keadilan merupakan ajaran agama yang ditetapkan oleh Islam. Perkara juga ini merupakan isu-isu kemanusiaan yang ditetapkan oleh logik

akal yang seterusnya termasuk dalam hikmah dan pengamatan yang baik. Atas faktor-faktor ini, umat Islam merupakan umat yang paling layak untuk menjaganya dan beriltizam dengannya.

Kira-kira satu pertiga umat Islam hidup sebagai rakyat minoriti di negara-negara bukan Islam. Umat Islam harus menunjukkan contoh teladan yang baik dalam menghormati penduduknya yang bukan Islam, kerana ini ialah kewajipan Islam, walaupun pergerakan mereka mungkin dihalang oleh orang yang cuba menimbulkan permusuhan antara rakyat Kristian dengan rakyat Muslim seperti halnya di beberapa negara maju.

Masyarakat secara umumnya baik, manakala golongan yang berniat jahat, miskin jati diri, dan benci terhadap Islam tidak diperlukan sehinggalah mereka berubah.

Di Amerika, ketika lembaran ini ditulis, kempen besar-besaran telah dicetuskan oleh pihak pelampau Kristian tentang penindasan terhadap minoriti Kristian di negara bukan Kristian. Beberapa negara yang terlibat telah dinyatakan, antaranya ialah beberapa negara Arab dan Islam seperti Mesir, Arab Saudi, Sudan, Iran, Indonesia dan lain-lain, di samping negara-negara bukan Islam yang lain (termasuk 42 buah negara) seperti China dan Rusia. Negara-negara ini telah menzahirkan ketidakpuashatian terhadap gerakan kristianisasi yang menindas penganut kristian yang tidak mengikut ajaran Gereja Ortodoks itu.

Karya-karya berunsur kebencian telah mendominasi topik ini, lalu mereka merakamkan peristiwa yang tidak masuk akal dan mustahil. Adakah sesiapa dalam kalangan kita percaya bahawa seorang anak perempuan Kristian telah diculik di negara kita dan kemudian ia dipaksa untuk memeluk agama Islam, mengucapkan dua kalimah syahadah dan dipaksa untuk bersolat pada waktunya dan dalam tempoh tersebut dia telah beberapa kali dicabuli oleh beberapa lelaki? Inti pati kisah itu sendiri adalah tidak konsisten dan bagi sesiapa yang dangkal pengetahuannya tentang baik buruk negara kita pun, pasti tidak dapat mempercayainya. Namun, mengapakah pula orang sanggup mengada-adakan cerita pelik seperti ini?

Isu ini telah dibangkitkan dalam Majlis Senat Amerika Syarikat, dan kedengaran suara-suara yang menyeru supaya pembatalan bantuan dan pemulauan ekonomi dikaitkan layanan sesebuah negara terhadap penganut Kristian. Akhirnya, isu itu dibangkitkan di Rumah Putih. Rumah Putih telah menyelesaikan konflik ini dengan merujuk kepada jawatankuasa pelbagai

agama. Dengan izin Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui, isu tersebut sampai kepada Jawatankuasa Suara Islam yang diwakili oleh salah seorang pemimpin di Pusat Islam Carlifonia Selatan dan salah seorang belia kita yang mengajar undang-undang di Universiti Texas. Jawatankuasa ini telah menganjurkan satu majlis seolah-olah ia majlis berkabung menangisi penganiayaan yang dilakukan Kristian di muka bumi ini. Pelbagai ucapan disampaikan dala majlis itu. Apabila sampai kepada giliran wakil agama Islam, beliau berucap seraya berkata:

Pertama: Banyak yang telah kita dengar namun kita belum mendengar bagaimana kita dapat memastikan kesahihan berita tersebut.

Kedua: Kami mengutuk penindasan agama dan fanatik mazhab dalam konteks agama, tidak kira sama ada ia menzalimi atau dizalimi. Untuk mengehadkan isu ini kepada orang Kristian ialah permulaan sikap taasub itu sendiri.

Ketiga: Gesaan campur tangan Amerika mengikut cadangan yang diterima mengingatkan kimi kepada zaman penjajahan suatu ketika dahulu, yang menghantar armada ke pantai, maka kerajaan perlu menyerah atau akan diserang.

Keempat: Terdapat sensitiviti yang mungkin tidak dirasai oleh manusia, namun ia merupakan realiti kehidupan yang tidak boleh dipandang remeh, iaitu salah satu senjata yang paling penting pada zaman penjajahan tentera kolonial ialah mubaligh di samping infantri tentera darat, meriam dan perisai. Dakyah mubaligh sering dikaitkan dengan penjajahan pemikiran manusia.

Kelima: Dua ahli Senat berusaha untuk tidak menunjukkan ketaksuban mereka terhadap agama Kristian, maka mereka mencadangkan hukuman kepada negara-negara yang menganiaya kaum Yahudi, Kristian, Baha'i dan Buddha! Bagaimanakah pula dengan agama-agama lain yang datang daripada Allah? Adakah anda berfikir bagaimanakah sikap kumpulan majoriti terhadap kumpulan minoriti jika negara asing datang untuk melindungi minoriti?

Keenam: Kita berada dalam majlis yang mengutuk penindasan agama. Kita menjangkakan dan mengharapkan fail tersebut turut merangkumi kajian terperinci mengenai penindasan terhadap umat Islam di seluruh dunia, sebagai contoh India, Kashmir, Filipina, Bosnia, Kesatuan Soviet, China, Eropah, dan juga Amerika.

Ketujuh: Kajian ini juga harus meliputi penindasan terhadap umat Islam kerana keislaman mereka di beberapa negara majoriti Muslim. Pada hakikatnya, mereka merupakan sasaran utama penganiayaan agama, dan aspirasi demokratik mereka dilabelkan sebagai pelampau dan penjenayah.

Kelapan: Kita juga maklum bahawa keseluruhan perbincangan tidak menyebut Israel walaupun dalam satu patah perkataan, walaupun semua mengetahui bahawa kedua-dua Kristian dan Muslim menderita dek penindasan agama. Sehingga satu peringkat sebahagian besar masyarakat Kristian telah berhijrah. Apakah justifikasi kewajaran sikap berdiam diri ini?

Kita belum tahu sejauh mana topik ini akan berakhir pada saat kita menulis perenggan ini.

Kita telah melakukan usaha yang besar dan membuat kemajuan yang ketara, Alhamdulillah. Namun, dalam perjalanan kita ini kadangkala kita tercedera dek busur panah yang malangnya dicipta oleh kaum muslimin sendiri...kecederaan daripada api persahabatan, seperti yang kita dengar semasa Perang Teluk.

Pada saat kita menjelaskan Islam, mereka menghormatinya dan mengaguminya. Kemudian tibalah sesi soal jawab. Antara soalan yang sering berulang: Anda mengatakan bahawa Islam ialah agama keamanan, justeru mengapakah umat Islam saling berbunuhan dan berperang sesama mereka seolah-olah tiada penamatnya? Tuduhan ini pastinya berasas. Salah satu tragedi abad ini ialah Iraq menyerang Iran dan perang meletus antara mereka dan berterusan sehingga memusnahkan kehijauan dan daratan, berjuta-juta orang mati, bangunan musnah, sumber kewangan minyak dicurahkan ke dalam tabung pihak yang mendalangi peperangan antara Iran dengan Iraq dan mereka akan menjual senjata kepada kedua-dua belah pihak. Kecederaan kritikal telah menimpa jasad umat Islam sejak perselisihan besar antara Ali dengan Muawiyah, yang sering kita harapkan untuk sembuh kerana kecederaan ini terjadi pada jasad umat Islam.

Antara tragedi lain ialah serangan Iraq ke atas Kuwait hingga mengakibatkan kesan yang bukannya sukar untuk diramal. Kami telahpun bersidang bersama 50 pusat Islam di New York dan kami mengutuskan telegram kepada presiden Iraq yang menyatakan bahawa hanya seorang sahaja yang mempunyai kuasa untuk menghalang kehadiran tentera asing di Semenanjung Tanah Arab. Insan tersebut ialah tuan presiden jika tuan presiden menarik diri dari Kuwait dengan serta merta.

Walau bagaimanapun, menjadi lumrah dalam semua perkara, mudah bagi umat Islam pada era permulaan Islam untuk menerima nasihat daripada Nabi SAW dan para sahabat, semoga Allah meredai mereka, namun sukar untuk memberikan nasihat kepada seorang diktator. Dia akan terpedaya dan percaya bahawa dirinya adalah sempurna. Kemudian dia akan menggunakan rakyat Iraq, bangsa Arab dan umat Islamnya untuk mencetuskan sumber kemusnahan dan kemiskinan, perpecahan dan permusuhan serta pemansuhan gerakan aliran Arab dan Islam sekurang-kurangnya dalam tempoh satu abad.

Kami katakan kepada manusia bahawa apa yang dilihat mereka bukanlah dosa yang dilakukan oleh Islam, begitu juga bukan satu dosa bagi agama Kristian jika Hitler muncul.

Mereka berkata sekiranya Islam seperti yang didakwa ialah agama kerahmatan, persaudaraan dan kerjasama, mengapakah wujudnya jurang perbezaan antara mereka yang berada di dunia Islam dan mereka yang tidak berada di dalam dunia Islam, baik pada peringkat individu mahupun peringkat negeri? Hal ini ialah misteri yang membingungkan.

Dunia Arab sahaja - dan yang lebih utamanya dunia Islam – yang mempunyai sumber bahan, tenaga kerja dan strategi untuk memastikan bahawa semua ini adalah mencukupi, bahkan mewah bagi menyediakan kuasa ekonomi dan ketenteraan yang mampu menghalangnya daripada ditundukkan kepalanya atau dipanjangkan tangannya. Aku tidak mempunyai apa-apa penjelasan kecuali perkara ini disebabkan oleh iman yang samar dan hubungan yang rapuh dengan Tuhan.

Kadangkala aku meluaskan imaginasiku, imaginasiku sesungguhnya luas, aku membayangkan bahawa pada hari kiamat kita akan berkata: “Sesungguhnya agama yang berada di sisi Allah ialah Islam” ...lalu ditanya kepada orang ramai mengapa mereka tidak menjadi orang Islam?

Sesetengah mereka akan menjawab bahawa kami tidak pernah mendengar tentang Islam. Sebahagian yang lain akan mengatakan bahawa mereka tidak pernah mendengar sesuatu yang baik mengenai Islam. Setengah yang lain pula menjawab bahawa kami melihat umat Islam, tetapi kami tidak menemukan apa yang membuatkan kami terdorong untuk menjadi seperti mereka. Maka pada waktu itu aku takut jika jari telunjuk akan terarah kepada kita, lantas kita berada di kandang tertuduh!

Kita perlu tahu bahawa seluruh dunia merupakan ruang dakwah.

Perlu disebutkan bahawa bukanlah tugas baginda Nabi SAW untuk menjadikan manusia seorang Muslim, sebaliknya untuk menyampaikan Islam kepada manusia dan menerangkan kepada mereka tentangnya. Allah SWT menetapkan peranan Nabi SAW dalam firman-Nya dalam Surah al-Mā'idah:99 yang bermaksud : "Tidak ada kewajipan yang ditugaskan kepada Rasulullah selain menyampaikan (perintah-perintah Allah) sahaja", dalam Surah al-Ghāsyiah:31-32 yang bermaksud : "Oleh itu berikanlah sahaja peringatan (wahai Muhammad, kepada manusia, dan janganlah berdukacita kiranya ada yang menolaknya), kerana sesungguhnya engkau hanyalah seorang Rasul pemberi ingatan;bukanlah engkau seorang yang berkuasa memaksa mereka (menerima ajaran Islam yang engkau sampaikan itu)", dalam Surah al-Ra'd"40 yang bermaksud : "Sama ada Kami perlihatkan kepadamu (Wahai Muhammad) sebahagian daripada azab yang Kami janjikan untuk mereka (yang ingkar) atau Kami wafatkan kamu sebelum kamu melihatnya maka tidaklah menjadi hal kerana tanggunganmu hanyalah menyampaikan hukum-hukum yang Kami turunkan kepadamu; dan urusan Kami menghitung dan membalas amal mereka".

Nabi SAW pernah melalui detik-detik apabila baginda berasa sedih pada saat manusia tidak menerima dakwahnya, lalu Allah berfirman dalam Surah Yunus:99 yang bermaksud : "dan (bukanlah tanggungjawabmu wahai Muhammad menjadikan seluruh umat manusia beriman), jika Tuhanmu menghendaki nescaya berimanlah sekalian manusia yang ada di bumi. (janganlah engkau bersedih hati tentang kedegilan orang yang ingkar itu; kalau Tuhan tidak menghendaki) maka patutkah engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang yang beriman?"

Allah SWT tidak mengehadkan tugas dakwah kepada Nabi SAW semata-mata, bahkan harus dipikul oleh umat Nabi SAW. Allah memerintahkannya dengan jelas dalam firman-Nya dalam Surah Yusuf :108 yang bermaksud : "Katakanlah (Wahai Muhammad): "Inilah jalanku, aku dan orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata, dan aku menegaskan: Maha suci Allah (daripada segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku daripada golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain."

Setiap individu Muslim itu sendiri perlu berterus-terang dengan jujur dan ikhlas terhadap pertanyaan jika ia boleh membuat keputusan, adakah ia tergolong dalam kalangan mereka yang mengikut Muhammad atau sebaliknya. Jika dia merupakan salah seorang daripada orang yang mengikut Muhammad, maka menjadi tanggungjawabnya terhadap Islam untuk tidak menjadikan agama ini lenyap dan tidak diketahui. Agama mewajibkan kita berdakwah kepada manusia ke arah seruan-Nya. Tidak harus kita memperlakukan Islam umpama harta karun yang tersimpan di dalam kotak yang tertutup atau laksana lampu yang terhalang cahayanya daripada manusia. Dunia ini merupakan ruang dakwah. Jika tidak, bagaimanakah kita boleh menjadi saksi kepada manusia andai Islam dipalsukan.

Namun, aku ingin menarik perhatian saudara-saudara seIslamku -dan pandangan pemuda kebangkitan itu sendiri- bahawa dakwah itu bukanlah melalui ucapan, bahkan perbuatan. Manusia tidak membaca Islam dalam buku-buku tetapi mereka membacanya pada orang Islam itu sendiri. Perlakuan positif sesama muslim adalah lebih baik daripada seribu ucapan. Pada hematku, perkataan (Islam) bukanlah satu nama tetapi ia merupakan perbuatan.

Aku telah berpeluang untuk melihat model dakwah praktikal tanpa suara ini. Seorang pemuda Muslim telah memohon untuk bekerja sebagai pengurus cawangan sebuah syarikat yang memiliki rangkaian kedai runcit. Dalam sesi temu duga, pemuda itu memberitahu pemilik syarikat yang merupakan seorang wanita bahawa jika dia dipilih, beliau perlu diberi masa yang cukup pada hari Jumaat untuk menunaikan solat di masjid kerana dia seorang Muslim. Hasilnya, buat kali pertama dalam beberapa bulan, cawangan ini telah mencapai keuntungan yang ketara hasil komitmen dan keikhlasannya terhadap tugasnya. Beberapa bulan kemudian, wanita yang sama telah menemuinya dan memberitahunya bahawa dia berada di negara lain bagi mengadakan satu temuduga lisan dengan beberapa pemohon untuk menjawat pekerjaan yang sama.

Pemohon pertama masuk lalu bermula sesi temu duga. Pemohon pertama berkata kepada wanita tersebut, “Sekiranya aku diberi pilihan, aku mesti pergi ke masjid pada hari Jumaat untuk menunaikan solat.” Dengan pantas wanita itu pun berkata: "Engkau telah memperoleh pekerjaan ini” dan wanita itu langsung tidak mengadakan temu duga dengan orang lain selepas itu.

Di bandar Seattle di pantai Amerika Barat, tinggal seorang wanita tua –semoga Allah memberkatinya– selama beberapa tahun. Wanita ini telah mengambil keputusan paling berisiko

dalam hidupnya pada usia lapan puluh enam, dan keputusan beliau ialah memeluk agama Islam. Beliau berkerusi roda dan keadaan ini membataskan pergerakannya. Allah telah mengurniai wanita ini seorang jiran, iaitu seorang doktor perubatan Pakistan, yang telah menawarkan diri untuk melawat beliau pada waktu tertentu dan memberinya motivasi, ubat-ubatan dan terapi di kaki dan semangat sehingga dia dapat berjalan semula. Aku terkejut mendapat tahu bahawa doktor tersebut secara sukarela melakukan semua usaha itu walaupun tanpa sebarang imbalan. Aku bertanya kepada beliau dan beliau menjawab bahawa beliau seorang muslimah dan agamanya menganjurkan untuk mengasihi jiran, menjaga warga tua dan melindungi orang yang sakit serta lemah. Dia berkata bahawa dia tidak membuang masa dan usaha, tetapi dia memperoleh pahala daripada Allah yang tidak terbanding dengan apa jua pun.

Wanita tua itu terpegun lalu beliau memeluk Islam dan tidak lama kemudian dia meninggal dunia, maka sesungguhnya dia tergolong dalam golongan mereka yang berjaya.

Aku masih ingat ketika aku dijemput ke seminar Islam di kota Riyadh. Bersebelahan denganku di atas podium, duduk seorang lelaki yang kukira seorang pemuda Syria dan apa yang menarik perhatianku ialah bahasa Arabnya yang sempurna daripada sebarang kesalahan. Pada saat aku menyapanya, aku dapati beliau ialah rakyat Amerika Syarikat. Ibu bapanya mengalami ketagihan arak dan merupakan penagih tegar, maka tiada sebarang rawatan perubatan, psikologi dan sosial yang mampu memulihkan mereka daripada sumpahan itu yang akhirnya memusnahkan hidup mereka sekeluarga.

Suatu ketika dahulu, pemuda Amerika ini telah berjumpa dengan seorang pemuda muslim dalam satu majlis sosial. Pemuda muslim memberitahunya bahawa dia tidak minum minuman beralkohol kerana beliau seorang muslim dan Islam sama sekali melarang umatnya meminum arak. Kenyataan ini merupakan maklumat baharu buat pemuda Amerika itu, dan dia amat tertarik untuk mengenali agama ini.Pemuda Amerika itu pun berkenalan dengan pemuda Muslim tersebut, memeluknya, dan mempelajari bahasa Arab daripadanya sehingga dia menguasainya.

Doaku untuk pemuda pemudi kebangkitan semoga beroleh hidayah Allah dan keredaan-Nya.

Seperti mana sekeping gula meluahkan kemanisannya ke dalam bekas tempat gula itu diletakkan, aku berharap kita dapat melihat kesan kebangkitan dalam meningkatkan tahap moral masyarakat dan komitmen terhadap amanah dalam urusan, mewujudkan kasih sayang antara penduduk pelbagai agama dan mazhab, selain membanteras rasuah, kerosakan dan seterusnya menyucikan diri untuk menghubungkan diri dengan Allah.

Ini merupakan petanda-petanda yang menilai sesuatu kebangkitan, Namun semuanya tertakluk kepada ketentuan Allah. Dialah yang membolak-balikkan hati manusia mengikut kemahuan-Nya.

Agama

Alangkah baiknya jika kita membuka bab ini dengan firman Allah dalam Surah al-Isrā':70 yang bermaksud : "dan sesungguhnya telah kami muliakan anak-anak Adam, kami angkut mereka di daratan dan di lautan, kami beri mereka rezeki daripada yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang lebih sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan".

Seseorang itu mulia kerana dia manusia. Yang demikian ialah kemuliaan yang dikurniakan oleh Allah SWT ke atas setiap anak Adam. Walaupun dalam pengetahuan Allah SWT dan malaikat bahawa sebahagian daripada mereka akan membuat kerosakan dan menumpahkan darah.

Nasab manusia daripada Adam dan Hawa, salasilah, kaum kerabat dan rahim yang sama menjadikan manusia keseluruhannya sebagai sebuah keluarga dalam komuniti yang luas. Bertitik tolak daripada ini, terbina hubungan sesama manusia. Setiap manusia, di sebalik perbezaan sikap, sifat dan rupa paras, membawa tiupan roh yang diletakkan Allah kepada Adam di dalam dirinya.

Keluarga insaniah beranak-pinak di merata tempat, Allah SWT menyebutnya dalam firman-Nya dalam Surah al- Hujurāt : 13 yang bermaksud : "Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, kemudian Kami menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenali".

Ungkapan *"kamu saling mengenali"* dalam ayat tersebut membawa dua pengertian. Pertama, supaya kamu mengenali antara kamu dan keduanya supaya kamu berinteraksi antara satu sama lain dengan baik.

Allah SWT tidak menetapkan ketentuan-Nya untuk menjadikan manusia itu dengan satu bahasa atau satu warna kulit atau satu rupa atau satu agama. Allah mengingatkan Nabi-Nya yang mulia dalam firman-Nya dalam Surah Yunus : 99 yang bermaksud : "dan jikalau Tuhanmu menghendaki, tentulah beriman semua orang yang berada di muka bumi seluruhnya". Allah SWT berfirman pula dalam Surah al-Mā'idah:48 yang bermaksud : "Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh

masing-masing) dan kalau Allah menghendaki nescaya Ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu)”. Demikian juga firman Allah dalam Surah as-Syūrā :8 yang bermaksud : “dan jika Allah menghendaki, tentulah Ia menjadikan mereka satu umat (yang bersatu dalam agama Allah yang satu)”.

Manusia datang ke bumi diikuti oleh syaitan. Allah SWT mendatangkan petunjuk yang memeliharanya daripada terjebak dalam kejahatan, namun Dia memberi manusia kebebasan memilih supaya manusia menjadi orang yang bertanggungjawab terhadap pilihannya dan supaya manusia mempercayai bahawa dia bakal dihisab dengan dua perhitungan: perhitungan di dunia dan perhitungan di akhirat, dan perhitungan akhirat itu adalah kekal dan pasti.

Hidayah tuhan datang seiring dengan salasilah para rasul dan nabi yang panjang, maka wujudlah agama Yahudi, Kristian dan Islam. Antara ratusan agama yang wujud di dunia ini, ketiga-tiga agama percaya terhadap pencipta yang satu, kenabian, risalah, perhitungan, balasan sama ada pahala mahupun dosa, hari perhitungan dan hari akhirat. Oleh itu, secara fitrahnya ketiga-tiga agama ini lebih dekat antara satu dengan yang lain berbanding dengan agama-agama yang lain. Al-Quran menamai orang Yahudi dan Kristian sebagai ahli kitab kerana Allah SWT menurunkan kitab Taurat kepada Nabi Musa dan kitab Injil kepada Nabi Isa A.S, sebelum nabi Muhammad menerima risalah dengan sempurna. Risalah yang membenarkan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya, yang mengandungi kebenaran dan penerangan tentang syariat dan undang-undang selain ibadat dan akhlak. Al-Quran turun sebagai satu-satunya kitab yang kekal asli tanpa pengubahsuaian sama ada dari aspek bahasa, huruf mahupun perkataan.

Oleh sebab asal-usul manusia yang sama, Allah menarik perhatian kita kepada firman-Nya dalam Surah al-ṣyūrā : 13 yang bermaksud : “Allah telah menerangkan kepada kamu - antara perkara agama yang Ia tetapkan hukum-Nya - apa yang telah diperintahkan-Nya kepada Nabi Nuh, dan yang telah Kami (Allah) wahyukan kepadamu (Wahai Muhammad), dan juga yang telah Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu: "Tegakkanlah pendirian agama, dan janganlah kamu berpecah belah atau berselisihan pada dasarnya"”.

Ruang lingkup persamaan antara orang Islam dengan ahli kitab adalah besar. Apabila Islam menjadikan dalam hati-hati orang Islam ketenteraman untuk hidup bersama dengan semua manusia, maka berlapang dada untuk hidup dalam kalangan orang yang beriman dengan Allah adalah lebih utama.

Hidup bersama secara aman bukanlah bermaksud kita bersepakat dalam semua perkara. Namun begitu, apabila aku mensyaratkan untuk hanya memberi kebaikan kepada siapa yang serupa denganku (orang muslim atau bukan muslim) sahaja, maka ini bermakna bahawa aku hanya mengasihi diri sendiri dan perbezaan bermaksud perseteruan. Inilah kesilapan yang terdapat dalam diri segolongan orang Islam hingga melarat dalam isu sesama mereka.

Di samping pengetahuan tentang titik persamaan, mungkin juga berguna jika semua, khususnya ahli kitab, mengetahui bahawa titik perbezaan secara tepat walaupun ringkas. Ini untuk membolehkan mereka menentukan pendirian mereka terhadap Islam dan kaum muslimin dengan tepat dan ilmiah serta tidak menerima sebarang prosedur pembersihan fikiran yang digambarkan kepada mereka bahawa "secara umumnya, Islam semuanya jahat dan kaum muslimin penjahat dan musuh Kristian". Sering kali, aku ditanya dalam kuliah-kuliahku di Barat: Sekiranya kamu menyembah tuhan maka siapa Allah ini? Maka aku menjawab Dia ialah Yahweh dalam bahasa Ibrani dan Dieu dalam bahasa Perancis, Theos dalam bahasa Latin, Khoda dalam bahasa Parsi dan begitulah seterusnya, akan tetapi tidak terdapat namanya dalam bahasa Inggeris tetapi ia diringkaskan dengan menulis God (tuhan) dan bukannya god!

Perbezaan utama antara pengikut Yahudi dan Kristian (pengikut-pengikut,bukannya agama) dengan orang Islam ialah perbezaan secara umum dalam perkara asas. Maka rantaian risalah-risalah itu di sisi orang Yahudi berakhir dengan agama Yahudi, dan di sisi orang Kristian berakhir dengan agama Kristian. Adapun orang Islam percaya bahawa risalah itu berpanjangan hingga risalah nabi Muhammad. Allah berfirman tentang hal ini dalam Surah al-Maidah: 3 yang bermaksud : "Hari ini telah Aku sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan telah Aku cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan telah Aku redakan Islam itu sebagai agama kamu".

Islam menganggap Yahudi dan Kristian sebagai ahli agama-agama samawi walaupun tidak sebaliknya. Sesungguhnya tidak beriman kepada Nabi Muhammad SAW ialah perkara yang serius dan membimbangkan, bahkan ia merupakan perbezaan antara orang Yahudi dan Kristian dengan

umat Islam. Walaupun begitu, Islam secara jelas meraikan perbezaan ini bukan dengan tujuan untuk keseronokan atau keharmonian akidah, tetapi dengan apa yang digambarkan dalam bab muamalat sebagai ajaran yang membenarkan perhubungan dan belas kasihan meskipun terdapat perbezaan kepercayaan.

Apabila kita membenarkan perbezaan asas ini dan kita berhenti di luar konteks kepercayaan mereka untuk membolehkan kita melihat urusan akidah mereka seperti yang termaktub dalam kitab yang dianggap sebagai kitab suci, maka kita sebagai orang Islam mendapati hal ini merupakan sesuatu yang janggal dan fitrah kita tidak dapat menerimanya, bahkan agak janggal pada pendengaran kita.

Sekiranya kita mengingati Allah atau menyebut Allah, bahawa Dialah yang mutlak sejak azali lagi, tidak dapat dibataskan oleh apa-apa batasan pun, maka kefahaman kita adalah sempurna. Dialah yang Maha Suci yang kita pilih untuk digambarkan dengan bahasa penuh sanjungan, kemuliaan dan kesucian, setakat termampu untuk diungkapkan. Oleh sebab itu, kita berasa pelik ketika kita membaca dalam Taurat, tentang ungkapan yang menceritakan Allah SWT menetap di syurga Adni, atau Dia mengumpulkan para malaikat lalu Dia berkata kepada para malaikat tersebut: “Lihatlah kalian kepada Adam, Sesungguhnnya dia ingin menjadi sebahagian daripada kita”, atau Dia mengutus bala taufan kemudian Dia menyesalinya seraya berkata, “Aku tidak ingin berbuat demikian”, atau Yaakub dan Tuhannya saling bergaduhan atau Allah mencipta alam selama enam hari dan Dia berehat pada hari ketujuh. Kita tidak dapat mempercayai bahawa ungkapan-ungkapan ini merupakan wahyu Allah dan sesungguhnya Allah tidak seperti yang dikatakan mereka. Oleh itu, kita percaya bahawa kandungan Taurat telah diselewengkan oleh tangan-tangan manusia.

Ketika kita menceritakan nabi-nabi, kita percaya bahawa mereka ialah pilihan Allah yang terbaik untuk membawa risalah kepada manusia dan untuk menjadi contoh teladan yang baik. Agama kita tidak mengajar bahawa para nabi tersebut melakukan sesuatu kesalahan seperti tipu helah dan penipuan, seperti yang kita baca dalam kitab orang Yahudi bahawa Yaakub (Israil) membaluti dirinya dengan bulu biri-biri sehingga dia merasai lebatnya rambut, dan dia telah membawa makanan kepada ayahnya Ishak yang hampir buta, dan dia memperdayakan ayahnya bahawa dia ialah Eswa (Isu) saudara kembarnya supaya telaga yang telah menjadi hak Eswa (Isu) diberikan kepadanya. Bukanlah daripada ajaran agama kita yang mengatakan bahawa nabi-nabi

itu melakukan satu kejahatan seperti yang termaktub dalam kitab Taurat mereka bahawa Luth a.s seorang pemabuk hingga melakukan hubungan dengan dua anak perempuannya.

Sesungguhnya orang Islam akan berasa terkejut apabila membaca peristiwa tersebut. Peristiwa seperti ini tidak mungkin terjadi dan tidak mungkin sama sekali Allah mewahyukannya dalam kitab Taurat. Tiada penjelasan bagi perkara ini kecuali tangan jahat manusia yang telah mendustakan kitab Taurat tersebut.

Kemudian kita menceritakan Yahudi itu sendiri, iaitu tentang kepercayaan dan agama mereka, bukan mengenai sejarah mereka atau perlakuan mereka kerana hal tersebut diceritakan di tempat lain. Kita mendapati terdapat dua perbezaan utama. Pertama, Islam tidak mempraktikkan konsep bangsa yang terpilih. Kedua, Yahudi percaya bahawasanya Allah telah membahagikan manusia kepada bangsa istimewa, iaitu Yahudi dan selebihnya Goyim (bangsa lain). Al-Quran menyebut manusia sebagai keturunan manusia (lelaki dan perempuan) mereka itu ialah Adam dan Hawa, sedangkan Hadis SAW menyebutkan bahawa semua manusia sama seperti gigi yang teratur dan (setiap kamu adalah daripada Adam dan Adam itu dibuat daripada tanah) sepertimana sabda Nabi Muhammad SAW. Sesungguhnya manusia itu dimuliakan dengan takwa (Sebaik-baik kamu ialah orang yang paling bertakwa di sisi Allah), bukannya dengan menasabkan manusia kepada salasilah biologi tertentu. Perbezaan kedua ialah pendirian Yahudi terhadap Isa a.s dan ibunya yang perawan, Maryam. Isa merupakan salah seorang Yahudi yang diutuskan oleh Allah untuk kaumnya dengan risalah kecintaan, kewarakan dan kemuliaan yang bukan bersandarkan ketamakan material dan pengaruh kepentingan diri sendiri. Baginda AS memperingatkan teras agama dan inti patinya setelah kaumnya melampaui batas dan menghalalkan sebahagian daripada apa yang diharamkan kepada mereka. Isa juga diutus untuk memberi khabar gembira dengan kedatangan rasul selepasnya yang bernama Ahmad, dan membuktikan kebenaran kitab Taurat, serta menyampaikan ajaran kitab Injil yang diturunkan oleh Allah kepadanya. Sebahagian kumpulan telah mempercayainya lalu mereka menjadi orang Kristian, manakala sebahagian lain yang kufur, maka mereka kekal sebagai Yahudi yang menyangka bahawa Isa itu seorang pendusta dan berpura-pura serta ibunya bukanlah perawan yang suci sebagaimana yang disangka, akan tetapi seorang penzina yang dianggap sebagai seorang yang luar biasa.

Di sebalik tuduhan dan dakwaan Yahudi terhadap Isa dan ibunya, mereka perlu berdepan dengan al-Quran yang mempertahankan Isa serta menjelaskan kebenaran Isa, ibunya dan

risalahnya di samping mukjizat yang dianugerahkan Allah kepadanya. Namun, Yahudi menyifatkannya sebagai sihir yang nyata.

Al-Quran telah menyebut Nabi Isa pada 13 surah, iaitu dalam 33 ayat. Nabi Isa disebut sebanyak 59 kali. 25 daripadanya dengan lafaz Isa, 23 daripadanya dengan lafaz *ibn Maryam* (anak Maryam) dan 11 kali daripadanya dengan lafaz *al-Masih*. Maryam, ibu kepada Isa pula disebut dalam al-Quran sebanyak 12 kali dan sekali disifatkan sebagai (yang memelihara kemaluannya).

Elok jika kita memetik beberapa contoh daripadanya. Firman Allah dalam Surah an-Nisa': 171 yang bermaksud : "Sesungguhnya al-masih Isa Ibni Maryam itu hanya seorang pesuruh Allah dan kalimah Allah yang telah disampaikan-Nya kepada Maryam, dan (ia juga tiupan) roh daripada-Nya", firman Allah dalam Surah al-Maidah : 46 yang bermaksud : "dan Kami utuskan Nabi Isa ibni Maryam mengikuti jejak langkah mereka (Nabi-nabi Bani Israil), untuk membenarkan Kitab Taurat yang diturunkan sebelumnya; dan Kami telah berikan kepadanya Kitab Injil, yang mengandungi hidayah dan cahaya yang menerangi, sambil mengesahkan benarnya apa yang telah ada di hadapannya daripada Kitab Taurat, serta menjadi petunjuk dan nasihat pengajaran bagi orang yang (hendak) bertaqwa".

Ayat al-Quran yang menyebut Maryam, seorang wanita perawan menerusi firman-Nya dalam Surah āl-Imrān : 42 yang bermaksud : "Dan (ingatlah Wahai Muhammad) ketika malaikat berkata: "Wahai Maryam! Sesungguhnya Allah telah memilihmu, dan mensucikanmu, dan telah memilihmu (beroleh kemuliaan) melebihi wanita-wanita seluruh alam (yang sezaman denganmu)", dalam Surah āl-Imrān : 45 "(ingatlah) ketika malaikat berkata: "Wahai Maryam! bahawasanya Allah memberikan khabar yang mengembirakanmu, dengan (mengurniakan seorang anak yang engkau akan kandungkan semata-mata dengan) kalimah daripada Allah, nama anak itu: Al-Masih, Isa Ibni Maryam, seorang yang terkemuka di dunia dan di akhirat, dan ia juga daripada orang yang didampingkan (diberi kemuliaan di sisi Allah)".

Kita beriman bahawasanya Allah SWT mengangkat Isa sebagai roh suci seperti firman Allah dalam Surah al-Baqarah: 87 yang bermaksud : "dan Kami berikan kepada Nabi Isa Ibni Maryam beberapa mukjizat serta Kami teguhkan kebenarannya dengan Ruhul-Qudus (Jibril)".

Sesungguhnya Allah SWT menganugerahkan mukjizat-mukjizat seperti yang dinyatakan oleh firman-Nya dalam Surah āl-Imrān: 49 yang bermaksud : "dan (akan melantiknya) menjadi

seorang Rasul kepada Bani Israil, (dengan menegaskan kepada mereka): "Sesungguhnya aku telah datang kepada kamu, dengan membawa satu tanda (mukjizat) daripada Tuhan kamu, iaitu aku boleh membuat untuk kamu daripada tanah liat seperti bentuk burung, kemudian aku tiup padanya lalu menjadilah ia seekor burung (yang hidup) dengan izin Allah; dan juga aku boleh menyembuhkan orang yang buta dan orang yang sopak, dan aku boleh menghidupkan kembali orang yang mati dengan izin Allah; dan juga aku boleh memberitahu kamu tentang apa yang kamu makan dan apa yang kamu simpan di rumah kamu. Sesungguhnya perkara-perkara yang demikian itu, mengandungi satu tanda (mukjizat) bagi kamu (yang membuktikan kebenaran bahawa aku seorang rasul yang diutus oleh Allah kepada kamu), jika kamu orang yang (mahu) beriman”.

Bahkan al-Quran menjelaskan mukjizat lain yang tidak disebut dalam agama Kristian, iaitu ucapan Isa ketika baginda masih bayi. Bagi kita, peristiwa itu merupakan mukjizat yang sangat penting. Hal ini demikian kerana ketika Maryam melahirkan Isa, Maryam berasa takut dan bimbang terhadap tuduhan yang dilemparkan kepadanya. Maryam berdoa, “Semoga aku mati sebelum aku menjadi lupa dan dilupakan*”*. Maryam terdorong untuk membawa bayinya kepada kaumnya tanpa berkata apa-apa pun bahkan dia telah bernazar untuk berpuasa daripada berkata-kata. Ini dijelaskan Allah dalam Surah Maryam 27-28 yang bermaksud : “(Kemudian dia (Maryam) membawanya (bayi itu) kepada kaumnya dengan menggendongnya. Mereka (kaumnya) berkata, ‘Wahai Maryam! Sungguh engkau telah membawa sesuatu yang sangat mungkar. Wahai saudara perempuan Harun (Maryam)! Ayahmu bukan seorang yang buruk perangai dan ibumu bukan seorang penzina)”.

Tohmahan tuduhan zina ini disebutkan dengan terang dan jelas. Menurut Taurat (Kitab Ulangan 22 :13-27), Maryam sepatutnya dijatuhi hukuman bunuh. Perkara yang menyelamatkan Maryam daripada hukuman tersebut ialah sesuatu yang mengejutkan mereka, iaitu ucapan Isa semasa bayi. Al-Quran merakamkan peristiwa itu dalam Surah Maryam:29-33 yang bermaksud : “(Maka dia (Maryam) menunjuk kepada (anaknya). Mereka berkata, ‘Bagaimanakah kami akan berbicara dengan orang yang masih dalam ayunan’. Dia (Isa) berkata, ‘Sesungguhnya aku hamba Allah, Dia memberiku kitab (Injil) dan Dia menjadikan aku seorang nabi dan Dia menjadikan aku seorang yang diberkati di mana saja aku berada, dan Dia memerintahkan kepadaku (melaksanakan) solat dan (menunaikan) zakat selama aku hidup, dan berbakti kepada ibuku, dan Dia tidak menjadikan aku seorang yang sombong lagi celaka, dan kesejahteraan semoga

dilimpahkan kepadaku, pada hari kelahiranku, pada hari wafatku, dan pada hari aku dibangkitkan kembali)”.

Selama aku menghadiri perhimpunan orang Kristian di Amerika Syarikat sama ada di gereja, bilik kuliah di universiti, di persidangan dan di persatuan, aku telah membacakan kepada mereka tentang kelahiran Isa seperti yang termaktub dalam surah Maryam. Aku melihat tangisan air mata yang mengingatkanku tangisan Raja Najashi ketika dia mendengar cerita Jaafar bin Abi Talib, dan dia telah melakar garisan dengan tongkatnya di atas bumi ini seraya berkata, “Demi Allah dan apa yang ada antara agama kami dengan agama kamu lebih banyak daripada garisan ini. Sesungguhnya kedua-duanya itu terhasil daripada cahaya yang satu”.

Namun demikian!

Jika umat Islam lebih mempercayai Nabi Isa AS berbanding dengan orang Yahudi, mengapakah isu berkaitan dengan Isa menimbulkan konflik antara umat Islam dengan majoriti orang Kristian sejak kurun ke-7 sehingga kini? Tahun 325 merupakan tahun tertubuhnya pertubuhan Kristian Ortodoks yang menetapkan kepercayaan triniti sebagai kepercayaan empayar Rom. Orang Kristian bukanlah golongan pertama yang dikenali dengan akidah tersebut, dan tidak juga diajarkan oleh nabi-nabi sebelum Isa A.S kepada mereka, sebagaimana yang dinyatakan oleh *New Encyclopedia Britannica*: “Tidak terdapat dalil dan keterangan tentang kepercayaan triniti dalam Pejanjian Baharu”. Seorang pensyarah yang bernama E. Washburn dari Universiti Yale berkata, “Yang jelas, kepercayaan triniti ini tidak diperakukan di sisi Isa dan Paul tidak pernah menyebut tentangnya”. (kitabnya *Origin and Evolution of Religion*). Ensiklopedia Katolik turut mengatakan bahawa konsep Triniti tidak terdapat dalam Bible. Sesungguhnya konsep triniti itu wujud semasa kemunculan agama Kristian pada kurun ke-7. Secara fitrahnya paderi-paderi gereja telah menentang hebat perkembangan baharu ini, tetapi apabila raja Konstantinopel memanggil mereka ke *Council of Nicaea* (untuk membincangkan konsep triniti), para pembangkang telah menolak, maka hanya sebilangan kecil sahaja yang hadir. Sejak peristiwa itu, Konstantinopel menjadi Kristian. Konsep ketuhanan manusia itu bukanlah suatu konsep yang aneh pada perspektif mereka. Ayahnya dianggap sebagai tuhan. Dia juga menjangkakan bahawa dia akan menjadi tuhan selepas kematiannya.

Dalam sejarah peradaban manusia, kepercayaan tiga tuhan telah diketahui sebelum itu lagi, sebagai contoh konsep trimurti Brahma-Siva-Vishnu- di India, dan Osiris-Isis-Horus di Mesir.

Sesiapa yang mengikuti cacatan sejarah Kristian akan menemukan perbincangan menyeluruh antara ulama' agama Kristian dan ahli sejarah serta lain-lain mengenai topik ini. Rumusan terhadap konsep triniti, tuhan yang satu muncul dalam 3 bentuk, iaitu bapa, anak dan roh kudus (tiga dalam satu dan satu dalam tiga). Roh kudus tidak pernah diangkat untuk memartabatkan ketuhanan melainkan pada tahun 381 dalam perhimpunan Konstantinopel yang dipegang oleh Maharaja Theodosia.

Kebanyakan sahabatku yang beragama kristian, mereka mempercayai konsep triniti yang suci. Kami pernah berbincang secara aman, mereka berkata bahawa sesungguhnya konsep ini ialah dogma yang diambil sebagai kepercayaan, walaupun ia tidak tertakluk pada logik dan perdebatan.

Aku tidak sama sekali ingin cuba memindahkan konflik antara variasi pendapat dalam agama Kristian mengenai konsep triniti ke dalam buku ini. Aku juga tidak sama sekali cuba membuka perbincangan baharu dalam usaha untuk memperlekehkan atau mencela konsep itu. Selagi saudara-saudara Kristian yang beriman dengan konsep itu berasa tenang dengan kepercayaan mereka, maka kita serahkan urusan itu kepada mereka. Allah berfirman dalam Surah al-Baqarah :256 yang bermaksud : "Tiada paksaan dalam agama".

Sesungguhnya apa yang cuba aku sampaikan di sini ialah kepercayaan seperti ini tidak wujud dalam Islam dan tidak juga wujud pada Yahudi atau kitab Taurat, dan Islam ketika mengungkapkan Allah dalam ungkapan bernombor, maka tidak digunakan melainkan lafaz "tunggal". Sesungguhnya Allah itu mengatasi kefahaman kita dan kita tidak mengetahui hakikatnya, kita hanya mengetahui tentang-Nya melalui bukti ciptaan-Nya serta Allah bersifat infiniti.

Menurut umat Islam, Isa ialah nabi yang mulia dan rasul yang jujur. Namun, baginda ialah ciptaan Allah dan Allah tidak sekali-kali melahirkan Isa. Allah berfirman dalam Surah al-Ikhlas:1-4 yang bermaksud : "Katakanlah Muhammad, 'Dialah Allah Yang Maha Esa. Allah tempat meminta segala sesuatu. Allah tidak beranak dan tidak pula diperanakkan. Dan tidak ada sesuatu yang setara dengan-Nya".

Konsep *al-Khalās* menurut pandangan Islam berkisar mengenai hubungan secara langsung antara pencipta dengan makhluk-Nya, manakala Orang Kristian berpendapat bahawa Isa dibunuh di kayu salib supaya darahnya dijadikan sebagai kifarah bagi menebus kesalahan manusia. Orang Islam pula beriman bahawa setiap individu bertanggungjawab kepada setiap amalannya dan sesungguhnya Allah akan menghukum atau mengampunkannya tetapi Allah tidak membunuh seseorang untuk menebus kesalahan orang lain. Bahkan menurut al-Quran, Nabi Isa itu tidak dibunuh dan tidak disalib. Allah berfirman dalam Surah an-Nisā': 157-158 yang bermaksud : "Padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak (pula) menyalibnya, tetapi (yang dibunuh mereka ialah) orang yang diserupakan dengan Isa. Sesungguhnya mereka yang berselisih pendapat tentang (pembunuhan) Isa, selalu dalam keraguan tentang yang dibunuh itu. Mereka benar-benar tidak tahu (siapa sebenar yang dibunuh itu, melainkan mengikut sangkaan belaka, oleh itu mereka tidak yakin telah membunuhnya. Namun Allah telah mengangkat Isa ke hadrat-Nya. Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana)".

Kita bukanlah orang maksum yang terlepas daripada kesalahan walaupun kita tidak pula berniat demikian. Jika seorang muslim melakukan kesalahan atau dosa, maka dia hendaklah bertaubat kepada Allah, memohon keampunan serta mengharapkan keampunan Allah dan tidak perlu kepada korban manusia untuk menjadi kifarah dosanya (seperti yang dipercayai oleh orang Kristian), bukan juga sehingga perlu pergi kepada paderi yang terdiri daripada manusia untuk membuat pengakuan, lalu paderi pun berkata, "Pergilah wahai anakku, kamu telah diampunkan".

Menurut kepercayaan umat Islam, Allah bersifat adil yang mutlak dan Dia jua bersifat rahmat yang mutlak. Pengharapan kita kepada-Nya bukan kerana keistimewaan kita tetapi kerana keagungan Allah. Doa kita kepada-Nya : Ya Tuhan! janganlah Engkau melayan kami dengan keadilan-Mu akan tetapi dengan rahmat dan keampunan-Mu! Allah berfirman dalam Hadis Qudsi: "Wahai anak adam! Sungguh selama engkau berdoa dan berharap, nescaya Aku ampuni semua dosa engkau, dan Aku tidak peduli. Wahai anak Adam, seandainya dosa-dosamu sampai setinggi awan di langit, kemudian engkau memohon keampunan kepada-Ku, nescaya Aku ampuni. Wahai anak Adam, sekiranya engkau menemui Aku dengan membawa kesalahan sepenuh bumi, kemudian engkau menemui Aku dalam keadaan tidak mempersekutukan Aku sedikit pun, tentulah Aku akan memberikan pengampunan sepenuh bumi" (Hadis diriwayatkan oleh at-Tirmizi dan Ahmad daripada Anas RA).

Hadis ini dan seumpamanya banyak memberi kita harapan agar seorang pendosa tidak berputus asa terhadap dosa yang dilakukan, manakala Ayat al-Quran dan Hadis pula mewujudkan rasa gerun supaya kita tidak memandang enteng terhadap dosa. Semua bentuk pembalasan ditentukan oleh Allah SWT dan manusia tidak mampu untuk mengetahuinya. Kita hidup antara perasaan takut dengan harap supaya kita tidak akan melakukan dosa dan juga tidak akan berputus asa. Hal ini bukanlah seperti yang dikatakan oleh sahabatku yang beragama kristian dalam gurauannya: "Aku ini seorang yang telah berdosa, masih berdosa dan akan berdosa. Namun dosa tersebut telah dibayar harganya terlebih dahulu dengan darah orang kristian, maka takdir aku dijamin dan engkau akan hidup dalam kebimbangan". Aku membalas dengan nada gurauan, "Untungnya nasib kamu!". Sesungguhnya, tanggungjawab kita ialah tanggungjawab individu. Al-Quran menyatakan dalam Surah al-Fātir:18, Surah al-An'ām: 164, al-Isrā':15 dan Surah al-Zumar: 7 yang bermaksud : "Dan orang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain". Dia berfirman dalam Surah al-Mudatsir : 38 "Setiap orang bertanggungjawab atas apa yang dilakukannya". Allah berfirman lagi dalam Surah An-Nisā':111 yang bermaksud : "(dan barangsiapa yang berbuat dosa, maka sesungguhnya dia mengerjakannya untuk (kesulitan) dirinya sendiri)".

Ayat-ayat seumpamanya banyak dinyatakan dalam al-Quran. Nabi SAW sendiri pernah berkata pada ahli keluarganya: (Beramallah kalian, wahai ahli keluarga Muhammad! Sesungguhnya Aku tidak beroleh dengan amalan kalian sesuatu daripada Allah), dan Abu Bakar As-Siddiq, sahabat Nabi SAW yang pertama berkata, "Walaupun aku meletakkan sebelah kakiku di syurga, maka masih aku tidak selamat daripada perancangan Allah". Untuk menguatkan lagi kepercayaan dan iman dalam jiwa kita, logik akal perlu diterapkan. Apabila anakku melakukan kesalahan terhadapku, aku akan memaafkannya atau menghukumnya tetapi sekiranya aku menghukum anakku yang lain untuk menebus dosa saudaranya yang membuat salah, maka ini pastinya pelik.

Tidak diragui lagi bahawa ini ialah perbezaan dalam kepercayaan. Malah aku telah menceritakan sebelum ini tentang konsep dosa pertama dan perutusan manusia ke bumi. Apakah pula yang perlu dilakukan selepas ini?

Apakah yang perlu kita lakukan terhadap perbezaan kepercayaan? Adakah kita perlu berbunuhan antara satu sama lain atau kita perlu menerima perbezaan, kita bermuafakat atas

perkara yang tidak kita setujui serta kita bertukar-tukar pandangan dan menjadikan setiap perkara itu bebas daripada dosa supaya perjalanan manusia selepas itu adalah harmoni?

Malangnya sejarah kemanusiaan menunjukkan kepada kita bahawa cara yang pertama merupakan pilihan dalam kebanyakan situasi. Kebanyakan panglima tentera dalam peperangan yang berlaku terdiri daripada orang agama yang mendakwa diri mereka bertanggungjawab atas peristiwa tersebut.

Konflik antara agama pernah berlaku. Contohnya pembunuhan kejam yang dilakukan oleh penganut Kristian terhadap Yahudi di Eropah suatu ketika dahulu, atau pembunuhan orang Islam dalam Perang Salib serta Peperangan Republik Bosnia dalam sejarah moden. Seperti yang diceritakan, konflik turut berlaku walaupun dalam kalangan pengikut agama yang sama seperti antara Katolik dengan Protestan pada masa lalu dan masa depan.

Kita berhadapan dengan soalan yang mudah, "Adakah sebenarnya kita mempercayai bahawasanya Allah SWT berasa senang dan reda dengan hamba-hamba-Nya yang bangkit (kerana-Nya), maka mereka saling berbunuhan antara satu sama lain hingga mengalirnya darah seperti sungai, anak-anak kecil menjadi yatim piatu, wanita berstatus janda dan berlakunya kerosakan dan kebinasaan tempat tinggal mereka?" Dapat kita jangkakan bahawa manusia yang mempunyai akal dan iman yang sejahtera,akan mengatakan tidak! Hal ini membuatkan kita berasa hairan tatkala paderi seperti (Saint Bernard) yang merupakan seorang pemimpin doktrin "kasihanilah musuh-musuh kamu", dalam komentarnya terhadap Perang Salib telah berkata: "Sesungguhnya orang kristian berasa bangga membunuh orang Islam kerana itu merupakan kegemilangan bagi orang kristian" (Danial : *Islam,Europe and Empire*, 1960, ms 113) Orang Yahudi juga tidak dilupakan, "Sesungguhnya kami menghantar tentera kami ke kejauhan supaya mereka berperang dengan musuh-musuh Allah di timur, maka bagaimana pula dengan musuh-musuh kami yang dekat, iaitu Yahudi. Pastinya kami perlu uruskan mereka terlebih dahulu).

Kita turun berasa hairan terhadap peristiwa pembunuhan kejam di Paris sebagai contoh, yang mengorbankan seramai 40 ribu orang berfahaman Protestan yang dibunuh oleh Katolik kerana mereka enggan mengikut fahaman Katolik. Mereka ialah musuh yang tidak dapat didamaikan sejak berkurun-kurun lamanya dan konflik ini masih kekal di Ireland sehingga kini.

Sesungguhnya Islam memberikan penyelesaian yang logik, matang dan sejahtera. Orang Islam tidak dianjurkan untuk memerangi manusia hanya kerana mereka memeluk agama lain.

Umat Islam menyatakan bahawa mereka bukanlah hakim dalam perselisihan akidah tetapi pemutus dalam urusan tersebut ialah Allah SWT. Allah berfirman dalam Surah Al-Maidah:48 yang bermaksud : "Hanya kepada Allah kamu semua kembali, lalu diberitahukan-Nya kepadamu terhadap apa yang dahulu kamu perselisihkan".

Peperangan dibenarkan hanya untuk tujuan pertahanan sahaja. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Baqarah:190 yang bermaksud : "dan perangilah di jalan Allah orang yang memerangi kamu, tetapi jangan melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang melampaui batas". Jika mereka tidak memerangi kita, Allah telah menjelaskan sikap umat Islam dalam firman dalam Surah al-Mumtahanah: 8 yang bermaksud :"Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang yang tidak memerangi kamu dalam urusan agama dan tidak mengusir kamu dari kampung halamanmu. Sesungguhnya Allah mencintai orang yang berlaku adil".

Interaksi dengan ahli kitab hendaklah dengan kata-kata yang baik dan sejahtera.

Beberapa orang aktivis berkata mendakwa kepadaku bahawa maksud ahli kitab ialah mereka yang hidup pada zaman Nabi Muhammad SAW dan akidah mereka adalah sejahtera seperti akidah kita. Demi Allah tidak. Jika tidak, mengapakah apabila al-Quran merakamkan celaan, seruan supaya membetulkan pegangan mereka, al-Quran mendedahkan sangkaan mereka yang salah dan menyuruh mereka meninggalkan pegangan salah mereka kerana itu lebih baik kepada mereka.

Salah seorang daripada anak-anakku yang berkobar-kobar berkata kepadaku, "Bukankah Allah berfirman dalam Surah al-Mā'idah:17 yang bermaksud ; "Sungguh, telah kafir orang yang berkata, "Sesungguhnya Allah itu dialah al-Masih putera Maryam"?".

Aku berkata, "Ya". Namun lebih baik kita membaca seluruh Al-Quran tentang ahli kitab. Jika tidak, kita akan mencampuradukkan antara satu ayat dengan ayat yang lain. Setiap ayat diturunkan dalam konteks tertentu. Al-Quran merupakan teks dan Hadis ialah penjelasannya. Ilmu fikah memahami kedua-dua sumber ini lalu menjelaskan hukum-hakam kepada kita. Sesiapa yang

membaca keseluruhan al-Quran pasti menyedari variasi ayat tentang ahli kitab. Sebagai contoh, dan bukannya khusus, kami tunjukkan ayat-ayat dalam kelompok tersebut:

Firman Allah dalam Surah ali-Imran : 64 yang bermaksud : "Katakanlah Muhammad, wahai ahli kitab! Marilah kita menuju kepada satu kalimat (pegangan) yang sama antara kami dengan kamu, bahawa kita tidak menyembah selain Allah dan kita tidak mempersekutukan-Nya dengan sesuatu pun, dan bahawa kita tidak menjadikan satu sama lain tuhan-tuhan selain Allah. Jika mereka berpaling maka katakanlah (kepada mereka), saksikanlah bahawa kami ialah orang Islam".

Firman Allah dalam Surah Al-Ankabūt :46 yang bermaksud : "Dan janganlah kamu berdebat dengan ahli kitab, melainkan dengan cara yang baik, kecuali diturunkan kepadamu : tuhan kami dan tuhan kamu satu: dan hanya kepada-Nya kami berserah diri".

Firman Allah dalam Surah Ali-Imran: 61 yang bermaksud : "Sesiapa yang membantahmu dalam hal ini setelah engkau memperoleh ilmu, katakanlah (Muhammad), 'Marilah kita panggil anak-anak kami dan anak-anak kamu, isteri-isteri kami dan isteri-isteri kamu, kami sendiri dan kamu juga, kemudian marilah kita bermubahalah agar laknat Allah ditimpakan kepada orang yang dusta".

Firman Allah dalam Surah Ali-Imran: 113-115 yang bermaksud : "Mereka itu tidak (seluruhnya) sama. Antara ahli kitab ada golongan yang jujur, mereka membaca ayat-ayat Allah pada malam hari, dan mereka juga bersujud (solat). Mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, menyuruh (berbuat) yang makruf, dan mencegah yang mungkar dan bersegera (mengerjakan) berbagai-bagai kebajikan. Mereka termasuk orang yang soleh. Kebajikan apapun yang dikerjakan mereka, tidak ada yang mengingkarinya. Allah maha mengetahui orang yang bertaqwa".

Firman Allah dalam Surah Al-Mā'idah: 83 yang bermaksud : "Dan apabila mereka mendengarkan (al-Quran) yang diturunkan kepada Rasul (Muhammad), kamu melihat mata mereka mencucurkan air mata disebabkan kebenaran yang telah diketahui mereka (daripada kitab-kitab mereka sendiri)".

Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah:62 yang bermaksud : "Sesungguhnya orang yang beriman, orang Yahudi, orang Nasrani dan orang Shabiin, siapa sahaja (antara mereka) yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan melakukan kebajikan, mereka mendapat pahala, tidak ada rasa takut pada mereka, dan mereka tidak bersedih hati".

Firman Allah dalam Surah Al-Maidah:82 yang bermaksud : "Pasti kamu akan dapati orang yang paling keras permusuhannya terhadap orang yang beriman ialah orang Yahudi dan orang Musyrik. Dan pasti akan kamu dapati orang yang paling dekat dengan persahabatannya dengan orang yang beriman ialah orang yang berkata, 'Sesungguhnya kami ialah orang Nasrani'. Yang demikian itu kerana antara mereka terdapat para pendeta dan para rahib, juga kerana mereka tidak menyombongkan diri".

Firman Allah dalam Surah Al-Maidah:5 yang bermaksud : "Makanan (sembelihan) ahli kitab itu halal bagimu, dan makananmu halal bagi mereka. Dan (dihalalkan bagimu menikahi) perempuan yang menjaga kehormatan antara perempuan yang beriman dan perempuan yang menjaga kehormatan antara orang yang diberi kitab sebelum kamu, apabila kamu membayar mas kahwin mereka untuk menikahinya, tidak dengan maksud berzina dan bukan untuk menjadikan perempuan peliharaan".

Selain itu, Al-Quran juga banyak menyebut kesalahan dan keganasan terhadap hak Allah atau hak nabi-nabi mereka atau hak diri mereka sendiri atau hak Islam.

Kita mempunyai ulasan tentang ayat terakhir yang membolehkan umat Islam berkahwin dengan wanita ahli kitab berserta jaminan kebebasan beragama mengikut kepercayaan, walaupun kepercayaan tersebut bersalahan dengan akidah suaminya yang muslim.

Tidak masuk akal bagiku bahawa Allah membenarkan lelaki muslim berkahwin dengan wanita tanpa syarat dia perlu mencintainya. Sesungguhnya perkahwinan itu merupakan ikatan yang paling erat antara dua jiwa dan dalam perkahwinan itu terdapat akad dan perjanjian yang berat sebagaimana yang disebutkan olah Al-Quran. Aku berkata kepada golongan yang menganggap bahawa antara keindahan Islam ialah membenci ahli kitab. Aku tidak bersetuju dengan anggapan seperti itu dan aku tidak membenci ahli kitab. Berdasarkan pengalamanku, hati yang penuh dengan cinta Allah, tiada tempat baginya untuk kebencian. Aku membenci keburukan tetapi aku tidak membenci pelakunya. Aku mungkin berjuang untuk memartabatkan keadilan dan

bukan untuk memartabatkan kebencian. Seandainya aku mengharapkan keselamatan untuk semua manusia, maka ini ialah bukti cinta dan bukannya benci.

Ulasan kedua dalam konteks ayat tersebut ialah peristiwa Umar Al-khatab menggunakan kaedah fikah (kesempitan yang diharuskan), ketika salah seorang daripada pekerjanya berkahwin dengan seorang wanita kristian Rom di negara Syam, maka Umar mendengar hal demikian lalu dia menulis kepadanya, "Apabila suratku sampai kepadamu, maka hendaklah kamu menceraikannya". Lelaki tersebut cuba untuk mendiamkan Umar maka dia pun menulis kepada Umar, dia bertanya: "Apakah yang aku lakukan adalah haram?" Umar membalas: "Tidak. Bukannya haram. Namun apabila kamu dan golongan kamu terpesona dengan wanita Rom dan kebaikan mereka, dan kamu menikahinya maka siapa yang akan menikahi wanita Arab?"

Masyarakat di negara Islam mungkin tidak merasakan ini sebagai suatu masalah. Walau bagaimanapun, hal ini mempunyai dimensinya yang lain di negara-negara minoriti muslim. Seorang pemuda bertanyakan kita, "Adakah haram sekiranya pasangannya ialah ahli kitab (biasanya mereka inginkan jawapan untuk membuktikan kesilapan ibu bapa mereka yang menentang)?", maka kami katakan, "Tidak". Yang demikian itu tidaklah haram tetapi bukan juga sebaik-baik yang halal kerana apa yang diwajibkan Islam kepada orang Islam dalam menentukan pasangan mereka ialah mereka perlu memikirkan nasib anak-anak mereka. Adakah mereka akan menjadi muslimin atau sesat daripada Islam? Secara jelasnya, peluang mereka adalah tipis sekiranya ibu mereka bukan orang Islam. Sebagai golongan minoriti, kita tidak membenarkan wanita muda muslimah berkahwin dengan lelaki yang bukan muslim. Setiap pemuda memilih ahli kitab sebagai pasangan, maka sudah tentu mereka tidak akan mengahwini wanita muda muslimah. Sebahagian daripada anak muda menerima nasihat ini.

Demikian juga kita diajukan persoalan oleh wanita muda muslimah - dalam zaman kebebasan dan persamaan- mengapakah lelaki dibolehkan berkahwin dengan perempuan daripada golongan ahli kitab tetapi tidak dibolehkan bagi seorang wanita muslimah berkahwin dengan lelaki ahli kitab? Bagaimanakah boleh dikatakan bahawa Islam itu adil terhadap wanita dan menjadikan mereka sekufu dengan lelaki?

Kita katakan bahawa Islam itu seperti Kristian dan Yahudi menganggap lelaki itu sebagai ketua bagi perempuan (dan wanita jantungnya), selagi tidak wujud pertembungan dalam

persamaan, perbincangan, penghormatan serta keharmonian keluarga. Ketua tersebut mestilah seperti yang dijelaskan dalam bab sebelum ini. Sekiranya ketua keluarga itu muslim itu maka agamanya diperakukan oleh agama pasangannya dan dianjurkan untuk menghormatinya dengan memastikan kebebasan pasangannya tanpa boleh berlaku zalim. Manakala jika ketua tersebut menganggap Islam itu dusta dan Muhammad SAW sebagai pembohong, maka di sini dikhuatiri berlakunya kezaliman terhadap pasangan. Sebagai contoh, pada siang bulan Ramadan, seorang isteri muslimah berpuasa kerana tuntutan Islam manakala suaminya yang bukan Islam menginginkan syahwatnya dipenuhi kerana itu ialah haknya. Di sini terdapat perbezaan tentang kesetiaan, kesetiaannya kepada Allah dan kesetiaannya terhadap suaminya...sedangkan suaminya tidak beriman dengan Islam.

Kita kembali kepada tajuk hubungan dengan ahli kitab dalam Hadis Rasulullah SAW baginda SAW bersabda : (Sesiapa yang menyakiti orang kafir zimmi maka dia menyakitiku)... dan baginda SAW bersabda lagi: (Aku mewasiatkan kamu bahawa Qibti di Mesir lebih baik kerana pada diri kamu terdapat kasih sayang dan persaudaraan terhadap mereka).

Baginda bertemu dengan rombongan kaum Kristian dari Najran di masjid baginda dan memberi izin kepada mereka untuk melaksanakan solat di dalamnya walaupun Baginda mengetahui bahawa mereka pada hakikatnya tidak mengakuinya sebagai nabi. Mereka percaya bahawa nabi Isa itu ialah tuhan, serta percaya pada konsep triniti. Prinsip dan ajaran Rasulullah SAW ini bukan kerana baginda SAW mengakui dan sanggup berkompromi dengan kepercayaan mereka. Perkara ini merupakan kaedah yang digambarkan oleh Islam dalam berinteraksi dengan orang bukan Islam.

Seterusnya, kita beralih pula kepada hal ehwal para sahabat r.a dan melihat cara mereka membenarkan perkara tersebut.

Terdapat sebuah kisah tentang Saidina Umar r.a yang menampar anak lelakinya Amru kerana dia telah memukul seorang lelaki Mesir yang bukan beragama Islam dan menghalau fakir miskin dari kalangan ahli kitab dari Baitulmal. Setelah Baitul Maqdis diserahkan kepada Saidina Umar, beliau telah dipanggil oleh Sophronius untuk melaksanakan solat Asar di dalam gereja mereka namun beliau enggan kerana bimbang perbuatan itu disalah erti oleh orang Islam. Kemudian Sophronius menyediakan sebuah tempat solat dan Umar melaksanakan solat di luarnya.

Setelah itu, beliau mengirimkan sebuah perjanjian kepada mereka yang isinya; “Ini ialah keamanan yang diberikan oleh hamba Allah yang bernama Umar, Amirul Mukminin kepada penduduk *Iliya*. Baginda memberikan keamanan kepada diri, harta, gereja dan simbol agama dan seluruh urusan agama mereka. Baginda tidak mengambil alih gereja mereka, tidak pula merobohkannya, menyempitkan ruangnya, dan tidak mengambil harta mereka. Mereka tidak dibenci dan tidak dimudaratkan oleh orang Islam”.

Sehubungan dengan itu, bandingkanlah hal ini dengan peristiwa Perang Salib di Jerusalem pada tahun 1099 seperti yang dinyatakan oleh seorang pemimpin mereka, “Orang kami memusnahkan bandar dengan pedang yang terhunus, dan mereka tidak melepaskan sesiapa pun walaupun mereka yang merayu memohon belas kasihan dengan kaki yang berlumuran darah sehingga buku lali, dan kami tidak akan membiarkan sesiapapun termasuklah wanita dan kanak-kanak. Sesungguhnya hukum Allah tu adil dan menyenangkan.(Khan dan Noman, dalam buku, Khabar Seribu Tahun, tahun 1957, halaman 67*).*

Fikah menjelaskan bahawa kaedah syarak yang dikhususkan untuk kaum Yahudi dan Kristian yang menetap di negara Islam, iaitu “Mereka akan memeperoleh apa yang diperoleh orang Islam dan mereka akan menanggung apa yang ditanggung orang Islam”. Hak kerakyatan tidak dinafikan bahkan tidak dizalimi. Mereka dibiarkan menganut atau mengamalkan mana-mana ajaran kitab pegangan mereka tanpa sebarang paksaan. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Mā’idah 47 yang bermaksud : “Dan hendaklah pengikut Injil, memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah di dalamnya”. Allah SWT berfirman lagi dalam Surah al-Mā’idah:68 yang bermaksud : ‘Katakanlah: "Wahai Ahli Kitab, kamu tidak dipandang beragama sedikitpun hingga kamu menegakkan ajaran-ajaran Taurat dan Injil”.

Bahkan Saidina Ali r.a menggalakkan orang Kristian mengikut agama mereka dan orang Kristian pada hari ini boleh mengikut agama mereka.

Namun begitu, segalanya tetap dikira adil dan logik apabila hukum Islam diaplikasikan kepada semua penduduk sama ada Islam atau bukan Islam sekiranya tiada alternatif lain yang dinyatakan pegangan agama mereka. Hukum Islam ini tidak akan menzalimi sesiapa pun kerana semua penduduk tertakluk pada hukuman sama, yang berpaksikan agama Islam bagi kaum muslimin dan juga tertakluk pada sistem demokrasi bagi rakyat yang lain.

Sekiranya kita membaca berita di akhbar, terdapat berita tentang duta-duta Islam dan beberapa pemimpin di sebuah organisasi Islam, dalam sebuah temu bual menyatakan bahawa, penduduk bukan Islam dikecualikan daripada menyertai khidmat ketenteraan dan bagi tujuan itu, mereka hanya perlu membayar cukai jizyah. Jika mereka beranggapan sedemikian, maka pandangan itu adalah salah dan tidak boleh diikut. Untuk menolak pandangan ini, aku mencoret dengan pena Islam sebagai penjelasan tentang hukum syariah dan penelitian terhadap hukum-hakamnya. Kita juga mendengar bahawa, ikon tersebut juga berdusta terhadap apa yang disandarkan kepadanya. Hal ini tidak lagi menjadi perdebatan antara dua pendapat khususnya apabila pengasas organisasi tersebut mengisytiharkan bahawa isu pembayaran cukai jizyah tersebut adalah tidak relevan pada tahun 1940-an. Oleh itu, seluruh rakyat terikat dengan khidmat ketenteraan dan mereka perlu bersama-sama mempertahankan negara dengan sama rata dan tidak wujud kumpulan yang menunaikan cukai dengan darah, manakala satu pihak lagi melunaskan cukai dengan wang.

Sesungguhnya Islam dan penganutnya kaum muslimin mengutamakan keamanan dan kasih sayang. Mereka tidak menyerang sesiapa disebabkan oleh agamanya atau memaksa seseorang untuk meninggalkan agamanya.

Di samping itu, Islam juga menuntut penganutnya supaya tidak mengeluarkan hukum-hakam kepada mereka yang berbeza akidah dengan mereka. Sebagaimana Katolik memaklumkan keputusan pengharaman daripada masuk ke syurga atau pengurniaan bon pengampunan untuk memasukinya.

Dalam isu itu terdapat hakim yang tidak melibatkan sesiapapun dalam urusannya. Terdapat dua ayat dalam al-Quran yang mungkin kedua-duanya ditujukan kepada muslim untuk menelitinya. Dalam Surah Al-Mā'idah, ayat 116-118 menceritakan perbualan yang berlaku antara Allah SWT dengan Nabi Isa a.s. yang bermaksud : “Dan (ingatlah) ketika Allah berfirman: "Wahai Isa putera Maryam, adakah kamu mengatakan kepada manusia: "Jadikanlah aku dan ibuku dua orang tuhan selain Allah?". Isa menjawab: "Maha Suci Engkau, tidaklah patut bagiku mengatakan apa yang bukan hakku (mengatakannya). Jika aku pernah mengatakannya maka tentulah Engkau mengetahui apa yang ada pada diriku dan aku tidak mengetahui apa yang ada pada diri-Mu. Sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui perkara yang ghaib. Aku tidak pernah mengatakan

kepada mereka kecuali apa yang Engkau perintahkan kepadaku (mengatakan)nya: "Sembahlah Allah, Tuhanku dan Tuhanmu", dan aku menjadi saksi terhadap mereka, selama aku berada antara mereka. Maka setelah Engkau wafatkan aku, Engkaulah yang mengawasi mereka. Dan Engkau Maha Menyaksikan atas segala sesuatu. Jika Engkau menyeksa mereka, maka sesungguhnya mereka ialah hamba-hamba-Mu, dan jika Engkau mengampuni mereka, maka sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Perbuatan syirik terhadap Allah ialah dosa besar dan tidak akan diampunkan oleh Allah SWT. Dalam ayat tersebut, Nabi Isa a.s telah menafikan bahawa dia pernah melakukan dosa besar seumpamanya. Bahkan dia tidak pernah mengeluarkan sebarang hukum tetapi menyerahkan hukum tersebut kepada pemiliknya yang berkuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya, cukuplah dengan baginda berkata, “Jika Engkau menyeksa mereka, maka sesungguhnya mereka ialah hamba-hambaMu, dan jika Engkau mengampuni mereka, maka sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana”.

Kemudian, dalam Surah Ibrāhim ayat 35 hingga 36 pula, Allah SWT berfirman yang bermaksud : “Dan (ingatlah), ketika Ibrahim berkata: "Ya Tuhanku, jadikanlah negeri ini (Makkah), negeri yang aman, dan jauhkanlah aku beserta anak cucuku daripada menyembah berhala. Ya Tuhanku, sesungguhnya berhala-berhala itu telah menyesatkan kebanyakan manusia, maka barangsiapa yang mengikutiku, maka sesungguhnya orang itu termasuk golonganku, dan barangsiapa yang mengingkariku, maka sesungguhnya Engkau, Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.

Maha suci Allah! Kata-kata Nabi Ibrahim kepada Tuhannya SWT “Barangsiapa yang mengingkariku, maka sesungguhnya Engkau Maha Pengampun lagi Maha Penyayang” merupakan satu contoh betapa tingginya adab terhadap Allah! Hal ini juga merupakan petunjuk daripada Allah atas kenabiannya untuk menuntun mereka ke arah jalan yang benar. Begitulah yang perlu kita rasakan terhadap Allah SWT dan tidak ada sesiapapun yang boleh mengubah agama Allah dan nabi-Nya.

Seterusnya, kita beralih pula kepada aspek sejarah. Terdapat beberapa peperangan yang berlaku antara orang Islam dengan orang bukan Islam. Namun, penglibatan orang Islam dalam peperangan tersebut bukanlah untuk memerangi agama atau kelompok manusia disebabkan agama

mereka. Walau bagaimanapun, peperangan tersebut sebagai menolak permusuhan, dan menentang kezaliman serta menegakkan kebenaran. Terdapat sebuah peperangan yang berlaku antara orang Islam dengan orang kafir. Peperangan ini dikenali sebagai Perang Salib pada masa dahulu dan dikenali sebagai antikolonial pada masa kini. Namun golongan Kristian mahu berlepas diri daripada kedua-dua peperangan tersebut.

Malangnya peristiwa Perang Salib ini dianggap sebagai jihad yang mulia dan peperangan suci dalam sejarah peradaban Kristian. Terminologi ‘perang suci’ yang cuba dilemparkan terhadap orang Islam pada masa kini bukanlah terminologi Islam, namun istilah Kristian yang diperkenalkan di Eropah sebagai bukti kepada Perang Salib. Perkara berkenaan dengan Perang Salib ini masih menyelubungi mentaliti barat sehingga hari ini dalam skala yang besar meskipun terdapat petanda bahawa perkara ini boleh diubah.

Pada tahun 1905, Pope Urban II (lebih masyhur dengan gelaran ‘Urban yang mulia’) merupakan individu pertama yang menyeru kepada Perang Salib dan mendedahkannya kepada kaum muslimin. Antara dakwaannya ialah dia mengatakan bahawa orang Islam merupakan umat yang tidak bertuhan, tidak memiliki kepercayaan, menyembah berhala, memusuhi nabi Isa, anjing, serta menjadi bahan bakar neraka buat selama-lamanya.

Seiring dengan ledakan penyebaran agama yang begitu tegang, Perang Salib dimulakan. Kita telah menceritakan sebelum ini perihal bagaimana salah seorang daripada panglima mereka melakukan penyembelihan beramai-ramai sewaktu pembukaan kota Jerusalem. Namun demikian, masyarakat di dunia Kristian sendiri tidak menyedari kewujudan jurang yang amat besar antara Perang Salib dengan agama Kristian. Sebagai contoh, ketika kempen Perang Salib keempat, rombongan tentera salib telah berkumpul untuk transit sementara di Kota Konstantinople. Namun begitu, mereka bertindak merampas dan menguasai seluruh kota tersebut seperti yang diarahkan seorang Bishop Orthodoks dalam suratnya yang mengatakan: “Kalian telah melancarkan pedang-pedang kalian terhadap orang Kristian, bukan orang kafir. Sesungguhnya kalian bukan sahaja menakluk kota Jerusalem bahkan kota Konstantinople. Bukanlah ganjaran langit yang menjadi matlatmat kalian, bahkan kekayaan bumi. Tidak pula kalian melindungi sesiapapun, bahkan kalian telah memperkosa isteri-isteri, janda-janda, bahkan juga rahib-rahib mereka. Setelah itu, kalian telah mencemari kesucian gereja mereka dan merompak apa sahaja jiwa yang ada di dalamnya.

Tidaklah pelik jika kamu melihat bahawa kesucian gereja Ortodoks telah tercemar kerana perbuatan syaitan. (Buku: Christianity, ditulis oleh, Amber Jackson, diterbitkan di: Cape town, London, 1977, halaman 119).

Pada hari penaklukan Jerusalem oleh Salahuddin Ayyubi, beliau telah memberikan perlindungan kepada golongan yang tewas, yang menarik diri, atau yang selebihnya. Yang jahat tidak dibalas dengan kejahatan, bahkan dia memperlakukan mereka dengan baik dan setiap mereka diberi hak masing-masing.

Setelah Perang Salib berakhir, maka wujud pula era penjajahan baharu yang memiliki misi yang sama seperti Perang Salib. Antara tujuan penjajahan tersebut ialah mengeksploitasi ekonomi, menumpahkan darah, menganiaya orang miskin, dan mengaburi mata masyarakat dengan menguasai pemikiran mereka.

Walau bagaimanapun, umpama mayat yang kembali bergolek dalam liangnya, nadi kembali berdenyut setelah terhenti, yang melata kembali merayap bangkit ke arah kesedaran, kemajuan dan perkembangan dengan izin Allah... Walaupun usaha penguasa hilang dalam cubaannya untuk memutarkan jam kembali ke belakang.

Sebaliknya, angin perubahan mula berpuput ke arah yang lain. Hari-hari juga dirasakan terlalu lambat berganti, tetapi, tetap tidak dapat dielakkan, dan harus dijalani. Namun, antara perkara positif yang harus dipuji ialah Kristian Katolik mula mengkaji pendirian tradisi mereka terhadap Islam. Berlaku perubahan semenjak zaman Urban II pada tahun 1095, sepertimana yang kita baca bahawa gereja Katolik dibentuk oleh Majlis Ecumenical Kedua di bawah kelolaan Pope Paul IV pada tahun 1965 dalam sebuah deklarasi yang digelar sebagai, 'Nostra Aetate'. Deklarasi ini menyatakan hubung kait gereja dengan agama selain Kristian dan salah satunya ialah agama Islam: "Pihak gereja memandang dengan pandangan hormat terhadap orang Islam yang menyembah Tuhan yang satu, iaitu Allah, yang Maha Hidup, Maha Berdiri Sendiri, Maha Pengasih, dan Maha Kuasa atas segalanya. Allah juga yang menciptakan langit dan bumi untuk sekalian manusia. Mereka juga menjalani agama dengan ketaatan walaupun terhadap perintah-Nya yang tersembunyi, seperti agama nabi Ibrahim a.s yang turut menjadi asas keimanan kaum muslimin. Orang Islam turut percaya nabi Isa a.s sebagai nabi dan bukannya sebagai tuhan, sepertimana mereka percaya bahawa ibunya Maryam berada di landasan ketakwaan dan

kewarakan. Hal ini demikian kerana mereka percaya kepada hari kebangkitan yang ditentukan oleh Allah untuk menghakimi dan menghisab segala perbuatan manusia, serta berpegang pada prinsip kehidupan yang baik dan mulia,. Mereka turut melaksanakan ibadah kepada Allah, khususnya ibadah solat, zakat, dan puasa."

Transisi besar ini telah membuktikan kepadaku bahawa seorang daripada mereka turut tidak terlepas daripada melakukan kesalahan seperti yang didakwa oleh orang Katolik yang diketuai oleh Pope mereka. Maka jelaslah sudut pandangan kedua-dua mereka terhadap orang Islam berubah ke arah timur selepas barat.

Tidak syak lagi, ini merupakan peralihan besar. Perkara ini merupakan pencetus kepada permulaan persidangan dan konvensyen antara dua pihak yang semakin lama semakin bertambah. Buat kali pertama selepas 1000 tahun, pendeta Roman Katolik (Huff. King) berbicara dengan ulama dari kalangan orang Islam di Universiti Al-Azhar, iaitu universiti Islam yang paling berprestij. Pada tahun 1974 pula, Setiausaha Sekretariat Hal Ehwal Bukan Islam di Vartikan Kardinal, telah berjumpa dengan pendeta Roman Katolik di Arab Saudi (mereka juga turut bertemu dengan Raja Fahd). Pelbagai persidangan dan seminar telah diadakan dengan matlamat untuk berbincang dan berdialog tidak kira sama ada pada peringkat tertinggi atau tidak. Hal ini juga mewujudkan sebuah rangkaian baharu yang begitu meluas. Kemudian, di Amerika Syarikat pula, setelah beberapa tahun berlalu, sekiranya kita mendekati orang Kristian di sana, dan membawa mereka berbicara tentang Islam, atau menyertai mereka dalam seminar, sesungguhnya, kita akan menyedari bahawa orang Islam sendiri yang telah memungkirinya, dan hari ini, perbincangan ini menjadi suatu kebiasaan yang semakin tersebar luas di seluruh dunia.

Jelaslah bahawa, dunia Islam sebenarnya kurang bersemangat untuk menyertai gerakan perubahan ini berbanding dengan pihak gereja. Terdapat juga anggapan buruk yang mengatakan bahawa, perkara ini merupakan taktik pihak gereja untuk mempengaruhi orang Islam dan menimbulkan kekeliruan dalam diri mereka. Antaranya, terdapat sensitiviti yang muncul berkaitan dengan penjajahan yang dikatakan sebagai aktiviti penyebaran agama Kristian, dan melaluinya, bertambahlah aktiviti mubaligh Kristian terhadap umat Islam terutamanya dalam keadaan yang terdesak seperti kebuluran, peperangan, atau perpindahan melalui pemberian bantuan makanan, pakaian, atau sumber kewangan. Taktik ini merupakan strategi yang berkesan disokong oleh

sumber kewangan yang besar termasuklah pendedahan dalam tatacara gerakan dakwah mereka yang menyasarkan umat Islam (hal ini seharusnya menjadi tanggungjawab umat Islam). Semua perkara yang dinyatakan ini ialah unsur-unsur yang menjadi penghalang terhadap usaha untuk memulihkan hubungan baik yang sentiasa dibayangi keraguan bahawa niat pihak gereja menyumbangkan tenaga dan harta mereka ialah taktik untuk mereka menyebarkan agama Kristian di Eropah. Perkara ini menguatkan lagi genggaman dan bayangannya yang dilihat pada orang Kristian yang memberi kesan terhadap sosial, politik, dan ekonomi. Kelihatan tidak elok apabila pihak gereja menunjukkan bahawa inisiatif terhadap penyebaran agama Kristian hanya apabila masyarakat berada dalam keadaan serba kekurangan, kelaparan, atau tidak mengetahui apa-apa.

Seterusnya, perkara ini menyebabkan kesukaran untuk melupakan peristiwa Perang Salib yang masih belum berakhir sejak bermulanya peristiwa tersebut dan ia kini berlaku dalam bentuk baharu. Antara petanda baik ialah apabila Paus John Paul II pada tahun 1995, abad yang kedua semenjak kebangkitan nabi Isa a.s. berkata, ahli gereja memiliki sebab untuk bertaubat terhadap apa yang telah dilakukan mereka pada seribu tahun yang lalu seperti Perang Salib dan Holocaust di Jerman sewaktu era Hitler. Sesungguhnya, peristiwa Perang Salib dianggap sebagai suatu dosa yang tidak dapat diampunkan dan seluruh masyarakat mengambil masa yang lama untuk menerima hakikat perkara ini. Namun, berkemungkinan halangan ini dapat diatasi dengan revolusi komunikasi kontemporari yang ada pada hari ini.

Walau apa pun yang diperkatakan dalam perbincangan tersebut, yang bertujuan untuk memulihkan hubungan, maka aku termasuk dalam kalangan yang menyokong dan menggalakkannya.

Pertama: disebabkan terdapat kemungkinan (aku katakan kemungkinan) bahawa perkara ini menjadi satu jalan untuk menyebarkan keamanan pada pengakhirannya.

Kedua: disebabkan Islam, masih belum diketahui, atau masih samar gambarannya pada kelompok masyarakat yang besar dan perkara ini ialah peluang untuk memperkenalkan hakikat Islam yang sebenarnya menjadi kewajipan untuk kita melaksanakannya.

Ketiga: disebabkan aku percaya bahawa, menyelamatkan dunia daripada kezaliman, penindasan, kemusnahan, membunuh diri dengan cara yang salah, dan keruntuhan nilai-nilai moral tidak akan

berlaku kecuali dengan menghimpunkan kekuatan orang yang beriman kepada Allah untuk melawan hasutan syaitan meskipun orang yang beriman kepada Allah berselisih pendapat tentangnya.

Aku juga berharap agar pelopor aliran pendekatan ini mempunyai niat yang tulus, jauh daripada permainan politik dan perkauman, atau untuk kepentingan diri sendiri yang bertopengkan keamanan dan kasih sayang yang dipenuhi kepura-puraan. Sesungguhnya, dasar politik dalam sesebuah negara kebiasaannya dibentuk atas kezaliman, dan orang yang beriman kepada Allah wajib menentang kezaliman meskipun terhadap mereka yang mempunyai tali persaudaraan dengan mereka.

Dunia didiami oleh orang Islam, orang Kristian, orang Yahudi dan lainnya, dalam dunia pertama, dan dunia yang ketiga, penceroboh dan mangsa, kerajaan dan konglomerat, bangsa berkulit putih atau bukan, utara dan selatan, golongan ateis atau orang yang beriman, golongan baharu dan golongan terdahulu, dan golongan yang kebuluran atau yang kekenyangan, serta golongan yang konservatif dan liberal.

Namun, di sebalik litupan ini, tersembunyi satu pembahagian yang nyata.

Pembahagian dunia yang sebenar ialah kebenaran dan kebatilan, justeru orang yang benar haruslah berpakat ke arah menegakkan kebenaran dan kebenaran semata-mata.

Mulakan dengan dirimu!

Sungguh tidak masuk akal, dalam situasi kita menggesa perdamaian, kerjasama dan pemuafakatan antara ketiga-tiga agama Ibrahimiah, kita lupa untuk menekankan kewajipan untuk menyatupadukan orang mukmin kepada agama Islam yang satu.

Pada hakikatnya, perkumpulan, pemisahan dan pemberontakan telah menguasai setiap jiwa kita sehingga mencecah tahap kita tidak boleh berdiam diri tentangnya. Pembahagian mengikut kelompok ini dapat dilihat pada setiap peringkat merangkumi individu dan masyarakat, atau pada setiap bangsa dan negara, atau aktivis Islam dan rakan perjuangan.

Aku juga tidak boleh mengatakan bahawa kita ialah mangsa kepada keadaan yang kucar-kacir pada masa ini kerana kita sendirilah yang mewujudkannya. Hal ini membuatkan kita seakan-akan terlalu dihantui perbezaan ini hingga kita tidak mampu bersabar dengannya. Dalam pada itu, terdapat golongan yang mencari-cari perbezaan itu. Aku tahu bahawa terdapat segelintir manusia yang menghadiri ceramah-ceramah bukan untuk belajar atau mendapatkan sesuatu daripadanya, sebaliknya menanti-nantikan penceramahnya berbuat kesalahan yang meragukan dalam ucapannya, supaya mereka berasa puas dengannya. Mereka membiarkannya dan kemudian mendedahkannya. Mereka tidak menasihatinya, bahkan tidak pula menyemaknya sebanyak 70 kali seperti yang dianjurkan oleh baginda Nabi SAW.

Akibatnya, kita bukan lagi seperti binaan kukuh yang saling mengukuhkan antara satu sama lain seperti yang disifatkan oleh Rasulullah SAW tentang orang mukmin.

Kita tidak lagi dicerminkan sebagai ikatan yang kuat atau keutuhan pegangan yang kukuh, yang tidak dapat dipisahkan. Kita juga seumpama manik-manik yang dijalin bersama untuk dijadikan rantai atau tasbih yang digunakan untuk menyebut nama Allah, tetapi telah terputus benang yang mengikatnya.

Oleh sebab itu, dunia pada hari ini sering memandang rendah kepada kita dan mereka mudah memanipulasi kita sedikit demi sedikit, kerana mereka tidak akan mampu memanipulasi kita sekali gus. Mereka juga telah mengancam kita dengannya dan pada akhirnya kita akan meratapi tipu daya tersebut dengan penuh penyesalan.

Aku berasa putus asa seperti yang disuarakan oleh berbilion-bilion orang Islam di dunia ini...

Bukanlah ini pemandangan dunia yang didiami oleh berbilion-bilion orang Islam...

Sekiranya kita menjadi lalat maka ayuhlah berdengung bersama-sama agar bunyinya menghalang dunia ini daripada lena.

Walaupun sekiranya kita ialah berbilion-bilion nyamuk, dunia masih belum mampu untuk berhenti daripada berselisih.

Kata-kata ini merupakan ungkapan umum. Namun, aku menukilkannya untuk mengulas fenomena berbahaya yang melanda Islam apabila umatnya berpecah kepada kelompok yang dikenali sebagai Syiah dan Ahli Sunnah.

Perbezaan mazhab telah pun diketahui oleh umat Islam. Walaupun pelopor mazhab saling menghormati antara satu sama lain dan meraikan setiap perbezaan pendapat, namun pengikut dan penyokong mereka berada dalam kejahilan terhadap Islam dan Rasul, serta kejahilan terhadap diri mereka sendiri menjadikan perbezaan ini satu persengketaan sesama mereka dan mereka akan melangkah ke lingkungan yang jauh dan tidak masuk akal.

Sejarah meriwayatkan bahawa terdapat seorang lelaki yang mengangkat jari telunjuknya sewaktu membaca tasyahud ketika sedang solat, lalu orang yang berada di sebelahnya menegur perbuatannya kerana merasakan bahawa perbuatan tersebut ialah bida`ah. Kita turut membaca tentang Imam As-Syafi`e, tatkala beliau ditanya tentang makanan yang bercampur dengan setitik arak, beliau lantas berfatwa makanan itu untuk diberikan kepada anjing atau longkang.

Berkaitan dengan Mazhab Hanafi apabila diminta untuk berfatwa tentang perkahwinan seorang bermazhab Hanafi dengan perempuan bermazhab Syafi`e, maka dia berkata harus hukumnya tetapi bukan kerana ia muslimah, sebaliknya dikiaskan kepada ahli kitab (Yahudi atau Nasrani) yang harus baginya untuk bersetuju. Antara perkara paling serius yang kubaca ialah tentang kata-kata seorang ulama' mazhab Hanafi yang masyhur iaitu, syeikh Abu Hassan Abdullah Al-Karkhi, (Wafat pada tahun 340 hijrah) : Sebarang ayat atau Hadis yang bercanggah dengan apa yang diperkatakan oleh ulama' mazhab kita, maka ayat itu sama ada telah dimansukhkan atau perlu ditakwil! Atau perkara yang berlaku tidak lama dahulu di sebuah perkampungan di Mesir, seorang imam solat bersama penduduk kampung tersebut di sebuah masjid tetapi imam tersebut tidak membaca bismillah dengan kuat. Setelah selesai solat tersebut, maka terdengarlah percakapan seseorang dalam saf tersebut yang mengatakan bahawa solat mereka itu tidak sah. Kemudian orang itu berdiri dan melaksanakan solat yang lain lalu hadirin yang ada di situ turut mengikutinya. Setelah selesai solat, kedua-dua imam tersebut bertelingkah sehingga mencetuskan perbalahan di dalam rumah Allah.

Perkara ini telah lenyap, namun, luka antara Ahli Sunnah dengan Syiah tetap kekal.

Jerman disebutkan dengan Perancis, Rusia disebutkan bersama Amerika, Yahudi diistilahkan dengan Kristian, adakah ahli Sunnah dan Syiah pula disatukan atas nama Islam sedangkan kedua-duanya beriman bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah?

Sepanjang hidupku, aku tidak merasakan perbezaan ini sehinggalah ketika aku tinggal di negara teluk. Ternyata perkara ini merupakan masalah yang sebenar dan tidak pernah dirawat secara hakiki sepanjang tempoh yang lama ini. Malah aku mendapati ada segelintir pihak sangat berwaspada dan berjaga-jaga supaya hal ini tidak diselesaikan.

Aku sedar dengan jelas bahawa pemimpin bagi kedua-dua pihak tidak menggalakkan pendekatan radikal dalam permusuhan ini kerana mereka bimbang pengikut yang berada di belakang mereka akan mengganas dan melewati batas ke arah kepimpinan dan barisan hadapan.

Aku berkata, adakah engkau takut akan mereka? Walhal, Allahlah yang selayaknya untuk engkau takuti.

Aku mengajukan dua persoalan kepada diriku sendiri, dan aku meminta sesiapapun yang membaca tulisanku ini agar mengemukakan persoalan itu kepada dirinya sendiri.

Pertama: Adakah wajar Islam membiarkan perselisihan ini berterusan? Jawapannya ialah: tidak.

Kedua: Adakah terdapat penyelesaian untuk memperbaik keadaan ini? Jawapannya: Ada.

Sewaktu aku menetap di Kuwait, aku pernah membaca sebuah akhbar harian dalam ruangan yang memuatkan persoalan mengenai fatwa, seorang pembaca mengemukakan soalan. Adakah harus bagi seorang wanita Ahli Sunnah untuk berkahwin dengan lelaki Syiah? Persoalan ini dijawab oleh seorang ahli fikah masyhur dan jawapannya ialah tidak harus. Ahli fikah itu mengatakan sedemikian kerana perkahwinan tersebut sebagai penghinaan terhadap sesuatu yang sepatutnya dihormati kerana mustahil bagi perkahwinan itu kekal. Sekiranya perkara ini benar, maka aku tidak tahu bagaimana hukum fikah mengharuskan perkahwinan antara seorang muslim dengan ahli kitab, sedangkan pandangannya terdapat dalam Islam, dan juga pada Rasulullah SAW yang sedia dimaklumi.

Selain itu, aku juga pernah menerima panggilan telefon daripada seorang yang idak dikenali dan dia juga tidak ingin mengenali aku. Namun begitu, dia ingin tahu pendapatku mengenai kemusykilannya tentang anak perempuannya yang telah dipinang oleh seorang lelaki Syiah dan anaknya itu menerimanya. Walau bagaimanapun, bapa-bapa saudara anaknya tidak bersetuju. Aku bertanya kepadanya, “Adakah dia mengakui bahawa tiada tuhan selain Allah dan Muhammad itu pesuruh-Nya? Adakah dia mendirikan solat, berpuasa dan melaksanakan rukun Islam? Adakah dia memperoleh rezeki daripada sumber yang baik? Adakah dia berpuas hati dengan etika kehidupannya? Adakah engkau berkata bahawa anakmu menginginkannya? Jawapan bagi setiap soalan yang kutujukan kepadanya ialah: Ya. Aku berkata, sekadar apa yang aku ketahui, tidak ada masalah bagi perkara ini, bahkan jika dia anak perempuanku, aku sendiri tidak menolak perkahwinan ini. Mereka akhirnya benar-benar berkahwin kerana setelah beberapa tahun, lelaki itu memberitahuku bahawa anaknya berada di hospital bersalin, dan dia meyakinkanku bahawa anaknya bahagia dengan perkahwinan itu. Kakak kepada anak perempuannya juga menerima pinangan daripada seorang pemuda Syiah, dan ia tidak lagi menganggap perbezaan mazhab sebagai penghalang bagi sesuatu perkara.

Aku telah bertemu dengan suami kepada anak perempuan pertamanya dan aku bertanya kepadanya, “Adakah dia percaya bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan Muhammad itu ialah pesuruh-Nya serta baginda ialah penutup bagi sekalian nabi dan rasul? Suami kepada anak perempuan pertamanya itu berkata; ”Ya”. Aku berkata lagi, “Adakah kamu meyakini bahawa Jibril sebenarnya ingin menyampaikan risalah kepada Ali bin Abi Talib lalu datang keperluan untuk menyampaikannya kepada Muhammad?” Ia menjawab, “Aku berlindung daripada Allah untuk aku mempercayainya atau membenarkannya”. Kemudian, aku berkata, “Oleh itu, siapakah yang kamu yakin lebih layak untuk menjadi khalifah, Ali atau Muawiyah?” Dia menjawab bahawa Ali lebih layak untuk menjadi khalifah dan aku berkata, “Sesungguhnya Ali bersertamu dalam hal ini”.

Aku juga bertanya kepadanya, “Adakah Ali lebih layak untuk menjadi khalifah berbanding dengan Abu Bakar?” Dia menjawab, “Itu ialah apa yang diyakini oleh penganut Syiah dan bukannya kepercayaan Ahli Sunnah tetapi tidakkah kamu melihat wahai doktor bahawa tajuk ini kembali asalnya kepada ketentuan masa lampau dan bukanlah hari ini. Mengapa pula kita tidak menyandarkannya kepada Allah, dan memfokuskan diri kita untuk perkara-perkara pada masa kini

dan masa hadapan sedangkan perkara ini sebenarnya cukup berbahaya terhadap gerakan Islam dan umat Islam itu sendiri?"

Kemudian, aku bertanya lagi, "Adakah kamu mencela Abu Bakar dan Umar? Adakah terdapat kitab selain Al-Quran yang ada pada kami? Adakah terdapat kebaikan bagi kamu jika kamu mencemarkan masjid-masjid dan Kaabah Ahli Sunnah? Lalu dia menjawab, "Aku tidak mencela Abu Bakar dan Umar dan tidak pula aku menyebut nama mereka selain disusuli dengan ucapan, semoga Allah merahmatinya, dan kitab yang ada pada aku ialah kitab yang sama seperti kamu miliki yang mungkin dibeli di kedai yang sama seperti kamu. Aku juga tidak cuba untuk mencemarkan Masjidil Haram, atau mana-mana masjid".

Demi Allah, aku mendapati bahawa, pemuda itu ialah seorang yang waras, dan dia menyimpang daripada apa yang disepakati oleh Syiah.

Aku juga mendapat peluang untuk bertemu dengan banyak ulama' dalam kalangan Syiah di timur dan barat, serta berbincang dengan mereka dan mendengar kuliah mereka. Aku juga menonton mereka di kaca televisyen berpuluh-puluh kali.

Tidak dinafikan bahawa terdapat pelbagai cerita yang tersebar dalam kalangan masyarakat mereka sejak zaman dahulu lagi, namun, mereka menegaskan bahawa sebahagian besar daripada perkara tersebut akan kekal dalam kejahilan masyarakat, dan dengan izin-Nya, perkara tersebut akan lenyap. Pada pandanganku, hal ini sekurang-kurangnya menunjukkan perkembangan menggalakkan yang menarik perhatian untuk diikuti dan dikukuhkan secara berterusan.

Aku tidak menyeru Syiah untuk meninggalkan pegangan mereka dan begitu juga dengan Ahli Sunnah. Namun, aku berharap agar perbezaan mazhab ini tidak memecahbelahkan hati kita. Aku melihat bahawa tanah Islam begitu luas untuk kita sama-sama hidup di atasnya dengan ikatan persaudaraan dan kerjasama yang bertujuan untuk saling menjaga keistimewaannya dan matlamatnya kerana Allah.

Aku juga berharap agar ulama' Syiah dan Ahli Sunnah serta kerajaan mereka dapat merangka strategi yang mampu melenyapkan kebencian, dan digantikan dengan sesuatu yang lebih baik. Dakwah, media, pendidikan, dan kerjasama ialah usaha untuk membentuk masyarakat ke arah lebih baik yang diredai Allah, Rasul-Nya, dan orang yang beriman.

Demi Allah dan Islam, aku menyeru agar kita bersama-sama mengetepikan segala ketaasuban, perkauman dan juga kebanggaan terhadap diri sendiri.

Demi Allah, jangan kalian katakan, “Janganlah kamu cuba untuk merawat orang sakit itu wahai doktor, sesungguhnya dia tidak akan sembuh kerana kami telah memutuskan bahawa dia tidak akan sembuh!”

Sesungguhnya salah dan dangkal untuk kita hidup dalam perbezaan itu dan mengurung masa depan dalam sangkar masa silam. Sesungguhnya antara risiko hidup dalam dunia Islam ialah apabila manusia merasakan bahawa dia seolah-olah memiliki seluruh dunia ini. Sedangkan dia masih asing dengan realiti dunia. Mereka pun merancang bagi pihak kita dan mendefinisikan kekuatan dengan kehebatan dari aspek harta, senjata, intelektual, sains dan teknologi, media dan iklan. Sedangkan kita tidak dapat menghadapi dunia tanpa iman...dan hakikatnya iman menolak perpecahan.

Terdapat pengurusan yang serius dan teratur untuk menghapuskan dasar-dasar Islam daripada dunia ini dan kebanyakan daripada kita tidak menyedarinya. Mereka yang menyedarinya pula tidak menghiraukannya dan menganggapnya tidak pernah berlaku, meskipun perkara itu benar-benar berlaku!

Sekiranya wujud ancaman untuk menghapuskan dasar-dasar Islam di dunia ini, maka tidak ada bezanya antara Ahli Sunnah dengan Syiah, kerana kedua-duanya adalah sama, namun perbezaan yang wujud antara mereka ialah batu loncatan kepada ancaman tersebut.

Aku beranggapan bahawa jika semua umat Islam telah membaca kitab ‘Injil dan Islam’ dan juga prosiding seminar yang telah diadakan di bandar Denver, Colorado, Amerika Syarikat pada tahun 1978. Buku yang mengandungi 638 halaman ini menyatakan segala rancangan yang telah dirangka untuk mengkristiankan dunia Islam. (Penerbit: Mark-Kalifornia-1979). Terdapat juga versi terjemahan dalam bahasa Arab yang bertajuk, *Kristianisasi- rancangan untuk menyerang dunia Islam.*

Namun, siapakah yang akan membacanya? Siapakah pula yang mahu mendengarnya?

Kajian mendalam, penelitian saintifik, keinginan yang serius dan prosedur yang bermatlamat. Hal yang demikian umpama badai yang berpanjangan dalam penulisan dan kajian yang kita ikuti, namun memeranjatkan apabila kita mendapati umat Islam sebenarnya masih lagi leka dengan dunia mereka sendiri seolah-olah realiti alam berada di sebuah dunia, sedangkan mereka di dunia yang lain pula. Mereka lebih cenderung kepada perbezaan yang berlaku, meskipun musuh mereka yang diibaratkan seperti pemangsa, bersedia untuk memakan mereka, tanpa meninggalkan sedikit pun daripadanya.

Antara inti pati perancangan tersebut ialah sebuah perancangan yang berskala besar di Amerika Syarikat yang melibatkan politik dan media yang dikenali dengan '*Penganiayaan Kristian di seluruh dunia'*. Kita percaya bahawa segala perancangan tersebut bukanlah dibuat tanpa dirancang, dan jelaslah terdapat agenda yang wujud di sebaliknya yang pastinya memiliki matlamat yang tidak kita ketahui.

Berapa ramai antara kita yang membacanya, tetapi tidak mahu melaksanakannya. Firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran, ayat 103 yang bermaksud : "Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliyah) bermusuh-musuhan, maka Allah menyatukan hati-hati kamu, lalu menjadilah kamu dengan nikmat Allah, orang yang bersaudara; dan kamu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk".

Adakah kita masih cenderung untuk melompat dan menghumbankan diri kita ke lembah neraka itu?!

Palestin

Apabila membicarakan isu Palestin, dua pandangan sering berlegar di mindaku. Aku mulakan bicaraku dengan kedua-dua pandangan ini.

Pada tahun 1947, PBB mengeluarkan resolusi supaya Palestin dibahagikan kepada dua; negara Yahudi dan negara Arab Palestin serta diletakkan garis sempadan di antara kedua-dua negara. Sejurus berakhir penjajahan Inggeris ke atas Palestin pada 15 Mei 1938, Yahudi mengisytiharkan penubuhan negara Israel. Penubuhan negara Israel ini segera mendapat pengiktirafan Amerika Syarikat dan selang beberapa jam diiktiraf pula oleh Rusia. Sepatutnya, ketika itu negara Palestin dengan bantuan negara Arab perlu menentang resolusi PBB tersebut dan mendesak supaya haknya dikembalikan. Usaha ini tidak memerlukan persediaan khas kerana pemerintahan Palestin dalam buangan telah wujud. Pemerintahan itu dikenali dengan Kerajaan Umum Palestin yang diketuai Ahmad Helmi Basha. Namun demikian, negara Palestin tidak juga dibentuk. Penghalangnya bukan Amerika, Rusia, Yahudi, Inggeris mahupun Perancis.

Penghalang kepada pembentukan negara Palestin ini hakikatnya ialah negara-negara Arab itu sendiri. Negara- negara Arab telah mengisytiharkan penglibatan ketenteraan mereka bermula 15 Mei sebagai amaran rasmi untuk mendisiplinkan Yahudi di Palestin. Mesir yang mendominasi Gaza dan Jordan pula di Tebing Barat tidak membenarkan kewujudan “negara dalam negara”. Namun, tentera kedua-dua negara itu pula tidak bersetuju dengan tentera Palestin yang menyertai pertempuran sebelum ini.

Pandangan kedua pula, aku sendiri membaca karya Jimmy Carter, mantan Presiden Amerika Syarikat yang berjudul *Keeping Faith* yang diterbitkan selepas beliau melepaskan jawatan Presiden susulan kekalahan dalam pilihan raya. Carter berpihak kepada Camp David dalam rundingan antara Anuar Sadat dengan Menachem Begin. Carter menjelaskan bahawa dia merupakan seorang Kristian yang taat. Fokus utama beliau selepas memenangi pilihan raya ialah mewujudkan keamanan di Palestin, negara kelahiran al-Masih Isa. Perkara ini menjadi keutamaan ketika pemerintahannya. Beliau mula menghantar utusannya untuk meninjau keadaan dan pandangan negara Arab dan Israel. Carter menulis bahawa negara-negara Arab bersetuju untuk

menggabungkan negara Palestin bersama Jordan dan tidak bersetuju dengan pembentukan negara Palestin yang merdeka.

Sepatutnya ketika Presiden Amerika Syarikat menulis tentang perkara itu, pihak berwajib Arab perlu membaca tulisan itu. Sekiranya Presiden berbohong dalam isu yang serius ini, maka pihak berwajib Arab perlu menafikannya. Malangnya, tiada penafian dibuat oleh mana-mana negara Arab. Aku ingin meletakkan kedua-dua pandangan ini dalam perhatianku.

Suatu hari, seorang pemilik restoran di Los Angeles menceritakan kepadaku insiden yang berlaku kepada dua orang pemuda Palestin. Beliau memberitahuku bahawa pada suatu malam, dua orang pemuda Palestin sedang makan di restorannya bersebelahan dengan pelanggan Yahudi. Tidak lama kemudian, berlaku perdebatan antara mereka mengenai isu Palestin. Pemilik restoran ini mendapati dua orang pemuda itu tidak mempunyai maklumat yang mencukupi tentang isu Palestin. Oleh itu, aku ingin memberikan pencerahan tentang krisis Palestin khususnya kepada golongan pemuda.

Sesungguhnya punca utama krisis Palestin muncul di Eropah sejak berabad-abad lamanya. Krisis berpunca daripada permusuhan antara dua musuh yang tidak pernah berdamai. Sepanjang sejarah Kristian Eropah, Yahudi merupakan sasaran penganiayaan, pembunuhan beramai-ramai dan kebencian yang tidak mengenal pengampunan. Dari sudut agama pula, Kristian percaya bahawa orang Yahudi yang membunuh tuhan mereka, Isa. Apabila Pilatus, Gabenor teragak-agak untuk menjatuhkan hukuman mati kepada orang Yahudi (Undang-undang Roman membenarkan orang Yahudi membuat keputusan mengenai hal ehwal agama), penganut Kristian berkata, "Hutang darah Yahudi kepada kami dan anak-anak kami berpanjangan sehingga akhir zaman". Dari sudut sosial juga, penganut Kristian menganggap bahawa Yahudi ialah puak yang mementingkan diri sendiri. Mereka mempertaruhkan kemahiran dalam bidang kewangan untuk membina kekuatan. Kekuatan ini membolehkan mereka mempengaruhi politik, sosial dan ekonomi sehingga kepentingan negara yang mereka menetap di dalamnya.

Sebelum Perang Salib menyasarkan umat Islam di Timur, pembantaian Yahudi di Eropah telah bermula. Ketika umat Islam Sepanyol kalah dalam peperangan yang dipimpin Ferdinand dan Isabella, mereka bukan sahaja membalas dendam terhadap umat Islam, bahkan termasuk juga puak Yahudi. Umat Islam dan puak Yahudi diberi pilihan, sama ada menganut agama Kristian atau

meninggalkan tanah air mereka atau mati. Kebanyakan Yahudi membuat keputusan untuk berhijrah ke negara Islam di utara Afrika atau ibu kota khalifah Islam di Istanbul yang membolehkan mereka hidup dalam keadaan aman dan sejahtera. Sultan mengutuk Ferdinand dan Isabella seraya berkata “Kamu membinasakan negara mereka dan mereka mengimarahkan negaraku.”

Saki-baki Yahudi yang kekal di Eropah hidup dalam keperitan dan penderitaan sehinggalah Hitler di Jerman berusaha menghapuskan etnik Yahudi dalam pembunuhan secara sistematik yang dikenali sebagai Holocaust. Poster yang bertulis “Anjing dan Yahudi Dilarang Masuk” tersebar luas dan digantung di premis-premis kedai sehingga berhampiran Britain. Penghapusan etnik Yahudi menjadi cita-cita yang tersemat di dada penduduk Eropah.

Kezaliman yang berlaku ini mencetus kemarahan Yahudi, maka lahirlah idea baharu daripada pemikir Yahudi: Yahudi perlu memiliki tanah air mereka yang merdeka supaya mereka tidak ditindas. Pihak Eropah yang menindas dan etnik Yahudi yang tertindas akhirnya bersetuju dengan matlamat ini.

Dalam Kongres Basel di Switzerland pada tahun 1895, Theodor Herzl melancarkan idea penubuhan negara Yahudi yang merdeka. Gerakan politik zionis ini menggantikan gerakan perkauman dan memulakan pencarian lokasi bagi penubuhan negara Yahudi. Pada peringkat permulaannya, Palestin bukanlah pilihan bagi menjayakan idea ini. Herzl cuba mendapatkan tempat di Mozambique dan kemudiannya di Congo. Usaha ini dibantu oleh rakan seangkatannya seperti Max Nordau di Afrika dan Chaim Weizmann di Uganda. Pada tahun 1897, Argentina dicadangkan sebagai lokasi penubuhan negara Yahudi, Cyprus pula pada tahun 1901 dan Sinai pada tahun 1902. Kemudian Uganda pula dicalonkan pada tahun 1903 berdasarkan cadangan kerajaan Inggeris. Herzl kecewa kerana meletakkan harapan besar.

Golongan Yahudi di dunia tidak menyokong idea penubuhan negara Yahudi sama ada kerana perbezaan ideologi mahupun keengganan berhijrah dari negara yang didiami mereka ketika itu. Persidangan Rabai Yahudi yang diadakan di bandar Philadelphia, Amerika Syarikat pada akhir kurun ke-19 menjelaskan bahawa idea penubuhan negara Yahudi yang merdeka bertentangan dengan ajaran agama Yahudi. Pandangan ini menyebabkan Herzl berusaha mengaitkan idea penubuhan negara Yahudi dengan isu keagamaan yang boleh menyemarakkan perasaan Yahudi.

Beliau berpendapat bahawa Palestin merupakan lokasi paling sesuai dijadikan lokasi penubuhan negara Yahudi. Yahudi dan Palestin mempunyai hubungan sejarah keagamaan. Usaha ini telah berjaya mencetuskan sentimen agama dalam pembentukan negara Yahudi. Pada tahun 1905, Persidangan Yahudi Sedunia diadakan bagi membincangkan idea penubuhan negara Yahudi di Palestin

Dalam usaha untuk melobi idea mereka, Zionis telah mencipta dua fakta yang merasionalkan tuntutan mereka terhadap Palestin. Kedua-dua fakta itu telah berjaya mempengaruhi minda Barat walaupun pada hakikatnya kedua-duanya tidak benar jika diteliti secara mendalam.

Fakta pertama ialah fakta sejarah. Realitinya, Yahudi pernah mendiami lokasi ini selama dua era yang tidak melebihi beberapa ratus tahun. Oleh itu, mereka menganggap lokasi ini milik mereka. Namun demikian, sejarah telah merekodkan bahawa ketika mereka berhijrah ke lokasi itu, negara itu telah berpenghuni dan begitu juga ketika mereka meninggalkannya. Lokasi ini telah didiami oleh penduduk asal Palestin yang dinyatakan dalam kitab Taurat. Mereka telah mendiami lokasi ini sebelum kehadiran Yahudi. Mereka juga mendiaminya ketika kehadiran Yahudi dan selepas kehadiran Yahudi. Bahkan mereka kekal mendiaminya sehingga sekarang. Oleh itu, fakta sejarah ini tidak benar dan ini ialah satu penyelewengan sejarah.

Fakta kedua pula ialah fakta agama. Berdasarkan janji Allah kepada Ibrahim A.S yang dirakamkan dalam Taurat: (Hanya kepada Engkau dan keturunan kau, Aku kurniakan tempat ini dari sungai Nil hingga sungai Euphrates yang besar). Kita boleh bersetuju dengan pandangan mereka, tetapi siapakah keturunan Ibrahim? Pada pandangan mereka, mereka ialah keturunan Israel (Ya'akub). Kita bertanya kepada mereka, "Apakah yang akan berlaku sekiranya salah seorang daripada keturunan Israel beriman dengan Isa bin Maryam dan menganut agama Kristian?" Pada pandangan mereka, orang itu akan terkeluar daripada golongan Yahudi tetapi masih dianggap sebagai keturunan Nabi Ya'akub.

Selepas itu, kamu tanyakan lagi; "Ketahuikah kamu bahawa Ibrahim mempunyai putera lain selain Ya'akub, iaitu Ismail? Tidakkah keturunan Ismail juga merupakan keturunan Ibrahim? Mereka pasti menafikannya. Sesungguhnya Ismail tidak boleh diiktiraf sebagai anak kerana Hajar, ibunya merupakan keturunan hamba! Lantas, kami bukakan di hadapan mereka Taurat tentang

kisah Ibrahim yang dipaparkan dalam Kitab Kejadian (Genesis). Dalam kitab itu, Ibrahim memanggil Ismail dengan gelaran "anak" berulang-ulang kali.

Kemudian kami bertanya lagi kepada mereka tentang dua belas anak Nabi Ya'akub. Nabi Ya'akub telah berkahwin dengan dua orang sepupunya, iaitu Rachel dan Lea dan hamba mereka, iaitu Zilpah dan Bilhah. Enam orang daripada anak Israel dilahirkan oleh dua orang hamba itu. Adakah mereka tidak diiktiraf sebagai anak Israel atau martabat mereka lebih rendah daripada anak-anak yang lain?!

Hujah-hujah ini membongkar penipuan fakta agama yang direka Yahudi. Mereka terkasima dan buntu. Golongan Kristian yang hadir di persidangan tersebut menoleh antara satu sama lain dan berasa teruja sambil mengukir senyum. Mereka sungguh kagum...Selepas persidangan itu, mereka berkata, " Kamu telah membuka mata kami. Sebelum ini kami tidak tahu akan fakta sebenar".

Sesungguhnya peranan umat Islam di Amerika Syarikat dan Barat ialah mendidik masyarakat. Tidaklah sukar untuk memaklumkan penganut Kristian bahawa orang Islam lebih dekat dengan mereka berbanding dengan Yahudi kerana kita sekurang-kurangnya mengiktiraf bahawa Isa A.S merupakan nabi yang mulia, rasul yang jujur dan dilahirkan oleh seorang perempuan yang mulia lagi suci. Terdapat orang Islam yang melakukan demikian dan berjaya. Sebaliknya terdapat juga contoh yang tidak baik daripada mereka, yang aku harapkan hanya terjadi di Timur Tengah, bukan di negara barat. Bayangkan,wahai pembaca! Betapa terkilannya aku apabila beberapa orang Islam datang kepadaku dan mereka berdebat dengan hangat tentang "Adakah wajar menerima jizyah daripada negara ateis seperti negara komunis?" Segolongan daripada mereka membenarkan penerimaan jizyah daripada negara Kristian seperti Amerika Syarikat, Britain dan Perancis kerana mereka dalam kalangan ahli kitab, manakala tidak dibenarkan sekali-kali menerima jizyah daripada negara komunis kerana ia ialah negara kafir. Aku berkata,"Wahai anak-anakku! Adakah kamu tidak mengerti bahawa pada hari ini kita sebagai orang Islam membayar jizyah kepada golongan Kristian supaya mereka melindungi kita? Jadi, jizyah itu daripada siapa? Malang sekali, sebenarnya jizyah itu ialah duit orang Islam juga.

Aku kembali semula kepada cerita usaha Zionis untuk menubuhkan negara Israel. Mereka menyebarkan fitnah yang lain pula kepada orang ramai. Fitnah itu dicipta oleh Zenjoal pada tahun

1905 dengan menguar-uarkan slogan “pemberian negara tanpa bangsa kepada bangsa tanpa negara” . Fitnah ini tersebar luas sehinggakan Golda Meir, Presiden Israel pada tahun 1969, ketika ditanya dalam sidang akhbar tentang hak-hak rakyat Palestin menempelak, “Siapakah rakyat Palestin? Mereka tidak wujud dan sesungguhnya aku tidak nampak mereka”. Fitnah ini berakhir dengan kemunculan penentangan rakyat Palestin yang dikenali sebagai intifadah. Masyarakat nampak penentangan tersebut, lalu mereka menerima kewujudan rakyat Palestin kerana kaedah logik menyatakan, “Jika aku menentang, maka aku wujud.”

Sudah tentu duit merupakan senjata yang ampuh bagi Zionis. Mereka cuba meyakinkan Sultan Abdul Hamid supaya membenarkan penempatan Yahudi di Palestin dengan membayar hutang negara dan menyogoknya dengan duit. Namun demikian, Sultan Abdul Hamid enggan memperjudikan tanah air umat Islam. Oleh itu, kebanyakan penganalisis merasakan bahawa ini adalah antara faktor yang menyebabkan baginda tersingkir daripada takhta dan terhapusnya Khilafah Islam.

Zionis berusaha membina kekuatan dan pengaruh mereka, terutamanya Barat. Sejak dahulu lagi, Zionis menyedari bahaya penguasaan Islam di Asia ke Afrika (Sinai sehingga revolusi 1952 merupakan wilayah ditadbir autonomi oleh Inggeris dan rakyat Mesir tidak boleh masuk ke wilayah tersebut kecuali dengan menggunakan visa, seolah-olah wilayah itu ialah negara asing). Yahudi pula berusaha meyakinkan Inggeris bahawa mereka merupakan penjaga keselamatan pihak Inggeris untuk menuju India, yang dikenali permata mahkota Inggeris. Kadangkala pihak Zionis memperdayakan Inggeris dengan menggunakan duit dan kadangkala dengan menzioniskan pegawai atasan politik di Britain.

Apabila Disraeli, Perdana Menteri Britain berbangsa Yahudi terdesak untuk mendapatkan sumber kewangan bagi membeli saham Terusan Suez yang ditawarkan oleh Khadewi sebelum diketahui oleh pihak Perancis, maka keluarga Yahudi Rothchild telah menyelamatkan keadaan dengan memberi bantuan kewangan. Britain hanya mengikut percaturan dua orang Yahudi ini, Disraeli dan Rothchild.

Perang Dunia Pertama meledak pada tahun 1914-1918. Selain pemberian bantuan kewangan, Chaim Weizmann, ahli kimia Yahudi (kemudiannya dilantik sebagai Presiden Israel yang pertama dan bapa kepada Ezra Weizmann, yang juga menjadi Presiden Israel) berjaya

mencipta bahan letupan yang tiada tandingannya ketika itu. Ciptaan ini telah diberikan kepada kerajaan Britain dengan syarat, pihak Inggeris perlu membantu Yahudi untuk menubuhkan negara mereka di Palestin.

Seperti yang diketahui, dalam peperangan itu, tentera Arab yang diketuai oleh Sharif Hussein dari Hijaz (bapa kepada Raja Abdullah dan datuk kepada Raja Hussein dari Jordan) telah bergabung dengan Britain dan sekutu-sekutunya dalam Blok Sekutu menentang Turki, yang berada di Blok Sentral bersama Jerman. Hal ini berlaku demikian kerana Britain telah berjanji untuk melantik Sharif Hussein sebagai Raja Negara Arab yang merdeka. Dalam rundingan itu juga, dibincangkan konflik negara Yahudi. Raja Sharif Hussein bersetuju menubuhkan negara Yahudi selepas Negara Arab yang merdeka berjaya dibentuk (aku menyaksikan memorandum persefahaman dan tanda tangannya dalam filem dokumentari yang disiarkan dalam salah satu siaran televisyen di Eropah). Walau bagaimanapun, malangnya, pada saat impian pembentukan Negara Arab yang merdeka memuncak, Menteri Luar Britain dan Perancis telah membahagikan wilayah-wilayah Arab di bawah khilafah Uthmaniyyah kepada dua kuasa besar ini dalam Perjanjian Sykes-Picot. Peperangan berakhir dengan kemenangan pihak Tentera Bersekutu. Perjanjian yang telah diusahakan antara Britain dengan Raja Sharif Hussein dibubarkan. Mesir, Sudan, Palestin dan Iraq diserahkan kepada Britain, manakala Syria, Lebanon, Tunisia dan Algeria pula diserahkan kepada Perancis. Sebagai balasannya, Britain melantik anak sulung Sharif Hussein yang bernama Faisal, sebagai raja yang memerintah di Iraq, dan anak bongsunya yang bernama Abdullah sebagai gabenor di Transjordan yang meliputi Jordan dan Palestin (dan kemudian menjadi raja).

Pada tahun 1918, sebelum tamatnya peperangan itu, Menteri Luar Negeri Britain, Balfour mengeluarkan deklarasi beliau yang masyhur dalam Perjanjian Balfour, iaitu Kerajaan Britain menimbangkan penubuhan sebuah Negara Yahudi di Palestin, tanpa menjejaskan hak-hak penduduk asli di negara ini.

Palestin diletakkan di bawah penguasaan Britain selepas peperangan itu. Yahudi Zionis, Herbert Samuel telah dilantik sebagai gabenor. Dia telah berusaha untuk menjayakan penubuhan negara Yahudi di Palestin. Dia menubuhkan Agensi Yahudi dan Tabung Yahudi untuk membeli tanah Arab dengan harga yang murah (Malangnya, golongan Palestin yang kaya telah menjualnya

kepada Yahudi), membina penempatan haram Yahudi dan meningkatkan penghijrahan Yahudi dari luar negara ke Palestin.

Orang Arab Palestin berasa terganggu dengan perkembangan yang berlaku di hadapan mata mereka sendiri. Mereka pun memutuskan untuk memberontak terhadap Inggeris dan menghentikan kebanjiran penduduk asing Yahudi ini. Mereka ini pejuang. Aku menjangkakan bahawa pembaca kita telah mendengar nama-nama Mujahid Izzuddin Al Qassam, atau pemberontakan dan revolusi yang berlaku pada tahun 1936 yang diketuai oleh Haji Amin al-Hussaini, Mufti Jerusalem.

Britain benar-benar tercabar. Pemberontakan itu telah berlanjutan sehingga setahun. Apakah penyelesaiannya? Negara-negara Arab! Negara-negara Arablah yang telah campur tangan, dan memberikan tekanan kepada rakyat Palestin dan menghentikan revolusi. Mereka semua tali barut Inggeris.

Kekuatan tentera Jerman yang dahulunya teruk semakin pulih. Pergerakannya di Eropah sudah mula muncul. Api Perang Dunia II sudah mula menyala. Negara-negara Arab berharap tidak memalukan sekutunya dan berjanji untuk membantu pada masa hadapan.Perang Dunia II telah berlaku pada musim luruh tahun 1939.

Yahudi menjadi sebahagian daripada Tentera Inggeris dalam bentuk satu pasukan kecil tentera dipanggil Yahudi Legion (yang dianggotai oleh tokoh-tokoh Yahudi seperti Moshe Dayan dan Abba Eban). Mereka mendapat latihan dan pengalaman perang serta dibekalkan juga senjata. Bekalan senjata ini diseludup masuk ke Palestin. Sebaliknya, undang-undang di Palestin menetapkan bahawa rakyat Palestin yang memiliki peluru boleh dikenakan hukuman penjara 15 tahun.

Peperangan ini berakhir dengan menyaksikan kekalahan paksi Jerman, Itali dan Jepun. Pihak Berikat menang apabila Amerika Syarikat menyertai mereka dengan membekalkan tentera dan kelengkapan yang hebat serta bom atom yang memaksa Jepun menyerah diri.

Pergolakan di Palestin berulang lagi antara tiga pihak, iaitu antara Yahudi, rakyat Palestin dan Inggeris. Inggeris telah mengisytiharkan bahawa Menachem Begin ialah seorang pengganas. Hadiah ditawarkan kepada orang yang memberi maklumat tentangnya selepas pengeboman King

David Hotel, pusat pemerintahan ketenteraan Inggeris di Yerusalem. Tentera Yahudi pula telah melancarkan serangan kepada orang yang sedang solat di Masjid Al-Arbain di Jaffa dan membinasakan mereka. Mereka juga telah melakukan pembunuhan beramai-ramai di Deir Yassin dan hampir memusnahkan keseluruhan tempat tersebut. Mereka telah mengurung penduduk di rumah-rumah mereka lalu membakar rumah-rumah itu. Mereka merobek perut wanita-wanita yang hamil dan mengeluarkan janinnya seraya berkata kepada ibunya; "tengoklah", lalu mereka membunuhnya.

Ketika Harry Truman menjadi Presiden Amerika Syarikat, dia bersikap menyebelahi pihak Yahudi. Pegawai-pegawai di Kementerian Luar yang simpati dengan rakyat Palestin telah berbincang dengannya dan mengingatkannya hak penduduk Arab. Dia pun berkata sinis "Berapakah jumlah undi pilihan raya yang dimiliki mereka? Mereka hanya memiliki segulung dokumen perundangan". Dia telah menggerakkan jentera politiknya untuk memberi tekanan kepada Amerika Syarikat supaya bersetuju meluluskan resolusi untuk membahagikan Palestin antara orang Arab dengan Yahudi setelah Britain mengumumkan penjajahannya ke atas Palestin berakhir pada 15 Mei 1948.

Rakyat Palestin menolak pembahagian negara mereka dengan orang asing yang tidak dikenali. Mereka telah memulakan penentangan bersenjata walaupun dengan senjata dan peluru yang amat terbatas. Para pejuang yang terdiri daripada sukarelawan dari negara-negara Arab seperti Jemaah Ikhwan Muslimin di Mesir dan sekumpulan pegawai tentera Mesir yang mengambil cuti serta pergi ke Palestin untuk berjuang. Sekiranya negara-negara Arab membekalkan mereka walaupun dengan senjata ringan dan peluru, ia akan menjadi lebih berguna daripada kemasukan tentera Arab selepas itu.

Aku saksi peristiwa yang berlaku dalam tempoh itu. Ketika itu, aku berada di Ramla, empat kilometer dari bandar Lod. Namun, aku tidak tahu bagaimanakah keadaannya sekarang. Orang Arab tidak lagi menjadi satu pasukan selepas kehancuran Tentera Penyelamat yang diketuai oleh seorang pegawai berbakat bernama Fawzi al-Qawuqji kerana kekurangan senjata. Orang Arab juga mengosongkan Jaffa sebelum penjajahan Inggeris tamat disebabkan kehabisan peluru.

Sebelum itu, pada 15 Mei aku begitu sibuk memindahkan para pejuang yang tercedera dari hospital-hospital di Jaffa ke Ramla dengan menggunakan ambulans kerana takut dibunuh

Yahudi apabila mereka memasukinya. Jaffa hampir tidak berpenghuni ketika itu, walaupun menurut pembahagian kawasan yang ditetapkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu, Jaffa milik Palestin. Jaffa merayu kepada Jawatankuasa Tentera Liga Arab supaya menghantar senjata, tetapi permohonan ini mendapat tentangan oleh anggota yang tidak menyukai Jaffa atau golongan yang menyatakan bahawa senjata telah cukup tetapi mereka tamak. Apabila persetujuan telah dicapai, nasi telah menjadi bubur. Segala-galanya sudah terlambat.

Apabila jam berbunyi menunjukkan pukul 12 malam, saat pertama, hari 15 Mei, 1948 Yahudi mengisytiharkan penubuhan negara Israel. Pengisytiharan ini diiktiraf oleh Amerika Syarikat secara langsung yang mendahului pengiktirafan Soviet. Tiga Organisasi ketenteraan Israel, *Haganah* (Organisasi Separa Tentera Yahudi), *Stern* (Organisasi Pejuang Kebebasan israel) dan *Irgun* (Organisasi Ketenteraan Israel) sangat tersusun dan dilengkapi senjata yang canggih berbanding dengan Arab yang masih kelam kabut. Setiap wilayah mempertahankan wilayah masing-masing dengan tentera dan senjata yang dimiliki. Wilayah milik Palestin semakin mengecil. Ramla dan Lod yang dahulunya aman telah dikepung. Tentera-tentera Arab yang mengumumkan penyertaannya untuk mempertahankan Ramla masih jauh. Ramla terpaksa mempertahankan wilayahnya sendiri dengan hanya 82 orang pejuang bagi mematahkan serangan pihak Yahudi setiap malam. Ini menyebabkan kekalahan yang besar. Sembilan orang tahanan yang cedera telah datang mendapatkan rawatan di hospital kami dan kami memberikan rawatan yang terbaik sebagaimana yang ditetapkan oleh Islam. Aku mempunyai banyak cerita berkaitan dengan peristiwa yang berlaku ketika itu, tetapi aku tidak ingin memanjangkan bicaraku tentangnya.

Satu peristiwa yang aneh telah dirakamkan oleh Mohamed Hassanein Heikal, dalam bukunya mengenai rundingan rahsia antara Arab dengan Israel, iaitu pada 21 Mei 1948, Golda Meir telah menyamar dan memasuki Jordan dengan berpakaian Badwi dan bertemu dengan Raja Abdullah bin Hussein, Raja Jordan (datuk kepada Raja Hussein). Perjumpaan itu bertujuan meyakinkan Raja Jordan supaya tidak menyertai peperangan bersama tentera Arab. Raja Jordan meyakinkannya bahawa tenteranya tidak akan melepasi sempadan yang ditetapkan. Ketika tentera Arab (dikenali sebagai Tentera Jordan ketika itu yang dipimpin oleh pegawai Inggeris yang bernama Glubb Pasha) telah memasuki Kota Lama Jerusalem dan tentera Mesir pula bergerak dari selatan menuju ke Semenanjung Gaza, mereka tidak bertindak terhadap penduduk haram

Yahudi ketika melewati kawasan mereka. Bahkan mereka hanya meneruskan perjalanan. Akhirnya penduduk haram Yahudi menjadi duri dalam daging yang menyukarkan mereka ketika berundur. Kumpulan ini hampir-hampir memusnahkan mereka ketika mereka dikepung di Faluja (Tentera ini disertai oleh Jamal Abd al-Nasser, Kamal al-Din Hussein, Maarouf al-Khudari dan pegawai lain kemudiannya yang mencetuskan Revolusi di Mesir).

Pertempuran itu pada umumnya menyebelahi bangsa Arab. Malangnya, mereka menerima tekanan asing supaya menerima gencatan senjata selama sebulan. Sebenarnya gencatan senjata itu bencana buat bangsa Arab. Dalam masa sebulan itu, tentera Israel dilengkapi senjata.

Semasa gencatan senjata, angkatan tentera Jordan yang dilengkapi kereta perisai dan meriam datang ke Ramla di bawah pimpinan seorang pegawai bernama Idris Bek. Penduduk Ramla bergembira. Jika dahulu Ramla mempertahankan wilayahnya sendiri dengan hanya memiliki lapan puluh dua senapang, maka bagaimana selepas ketibaan kereta kebal, senjata dan tentera profesional. Berpuluh-puluh ribu keluarga yang telah berhijrah dari bandar Ramla kembali semula kerana keselesaan mereka berada di bawah lembayung keamanan yang diberkati. Pertahanan Ramla diberikan semula kepada para pejuang dan tentera berpengalaman. Gencatan senjata berakhir, pertempuran bermula sekali lagi, dan kumpulan pejuang dikejutkan dengan penarikan diri tentera Jordan. Kejatuhan Lod dan Ramla menyebabkan tajuk-tajuk di muka akhbar Mesir dan Arab bertukar daripada tajuk “Konflik Pembahagian Negara” kepada “ Isu Pelarian”.

Yahudi membenarkan wanita, kanak-kanak dan warga tua meninggalkan tanah air selepas hak mereka dirampas dan selepas kempen keganasan dilakukan yang menyebabkan penduduk melarikan diri.

Aku berhasrat meninjau tempat itu, tetapi aku tidak dibenarkan memasuki Ramla ketika dalam perjalanan pulang. Oleh itu, aku berkhidmat di hospital baharu kami di Sekolah (al-Farandaz) yang terletak di bandar Ramla supaya aku dapat berkhidmat membantu pelarian yang mengalami penderitaan, kesengsaraan dan kematian.

Salah seorang pemimpin perjuangan yang bernama Kazem menyatakan kesediaan beliau menyerang Ramla kepada ketua tentera Jordan dengan syarat tentera Jordan hendaklah memasuki

Ramla selepas berjaya ditawan. Pegawai tentera itu enggan, bahkan mengugutnya, jika beliau melakukan serangan.

Keadaan kini semakin teruk. Di Mesir, tumpuan diberikan untuk menarik balik tentera secara aman. Gencatan senjata kedua diisytiharkan dan Israel telah menguasai kawasan yang melebihi pelan pembahagian negara yang diputuskan. Bahkan, sejak bermula gencatan senjata, tenteranya telah meneruskan kemaraan dan merampas padang pasir Naqib. Di lokasi itu, dibina bandar Eilat yang merupakan akses ke Laut Mati.

Dalam rundingan gencatan senjata, Israel telah berunding secara berasingan dengan negara-negara Arab untuk memeterai Perjanjian Damai Rhodes. Bagi mereka, Palestin tidak wujud.

Tentera yang dikalahkan itu ialah tentera yang berbahaya. Bahaya makin meningkat apabila diketahui bahawa kekalahannya berpunca daripada sebab politik. Pemimpin tentera menyatakan bahawa mereka menyertai peperangan tanpa persediaan. Ancaman mereka lebih jelas apabila pegawai dan tentera menyedari bahawa kumpulan ini membawa senjata yang rosak dalam peperangan. Senjata itu akan membunuh pembawanya. Mereka mendapati terdapat banyak kekeliruan dalam spesifikasi senjata kerana pembekal dan ejen daripada syarikat-syarikat yang diketuai oleh raja Mesir dan pemimpinnya lebih berminat kepada keuntungan daripada keselamatan pejuang. Ihsan Abdul Quddus merakamkan insiden ini dalam tulisan artikel terkenalnya "Aku Dituduh". Beliau telah dituduh, lalu mencabar kerajaan untuk menghukumnya. Ini ditambah pula dengan sikap raja yang keji dan rendah nilai serta etikanya sehinggakan mana-mana pihak pun tidak berani berhadapan dengannya.

Semua ini telah mencetuskan Revolusi 1952 dan menyebabkan pengisytiharan Mesir sebagai Republik serta pemansuhan undang-keluarga Muhammad Ali, yang telah berlangsung selama147 tahun. Antara tujuan Revolusi ialah pembebasan Palestin. Selepas tempoh pemerintahan yang singkat oleh Komander Muhammad Najib, kepimpinan republik bertukar kepada Jamal Abdul Nasir. Antara kebaikan pemerintahan Abdul Nasir ialah beliau menghapuskan monopoli senjata dengan menggalakkan pembelian senjata daripada kumpulan negara komunis untuk menguatkan ketenteraan seperti yang dihasratkannya. Oleh yang demikian, berakhirlah penguasaan Britain terhadap Mesir. Apabila Amerika Syarikat menarik pelaburan untuk membina Empangan Aswan,

Terusan Suez dinasionalisasikan dan pihak Soviet Union menggantikan Amerika dalam hal tersebut. Mesir telah berjaya membinanya sendiri.

Nasionalisasi Terusan Suez menjadi satu tamparan hebat kepada Britain dan Perancis, justeru dua negara ini berkonspirasi bersama-sama dengan Israel dan melancarkan serangan terhadap Mesir yang dikenali sebagai Serangan Tiga Pihak pada tahun 1956. Bulganin, Menteri Pertahan Rusia telah membuat ugutan bahawa London dan Paris merupakan sasaran pelancaran misil Rusia. Presiden Amerika Syarikat, Eisenhower (yang terlibat dalam peperangan di Amerika Syarikat), tidak berpuas hati terhadap kedua-dua musuhnya itu dan tidak memberi mereka bantuan ketenteraan dan menyebabkan berlakunya pengunduran. Britain dan Perancis telah mengalami kekalahan teruk dan kedudukan mereka berpindah daripada kelas pertama ke negara kelas kedua. Isreal pula telah memperoleh kebebasan belayar di Teluk Aqabah walaupun tidak diketahui penduduk Mesir sehinggalah selepas 11 tahun, iaitu pada tahun 1967.

Walaupun Mesir ketika itu telah memulakan usaha pembentukan angkatan tentera yang besar dan ini telah mendapat sambutan daripada rakyat sama ada dari aspek tenaga dan harta benda, sehingga Jeneral Amer berbangga bahawa Mesir memiliki kekuatan ketenteraan yang terbesar di Asia Barat. Walaupun demikian, ketiadaan demokrasi dalam sistem pemerintahan, ketidakwaspadaan terhadap kerosakan yang berlaku dan pemupukan perasaan takut terhadap manusia mewujudkan ketidakstabilan di Mesir walaupun dengan kewujudan senjata dan peralatan perang. Oleh itu, Mesir telah kalah dalam peperangan pada tahun 1967. Kita tidak mahu merincikan peristiwa ini.

Abdul Nasir mengisytiharkan, “Tanah yang dirampas secara paksa, tidak dapat ditawan semula melainkan secara paksa juga”. Dengan itu, bermulalah Peperangan Atrisi tetapi beliau meninggal dunia ketika peperangan berlaku, maka Sadat mengambil alih dan mengharungi Perang Yom Kippor pada tahun 1973. Perang ini menunjukkan bahawa Israel bukanlah kuasa ketenteraan yang tidak boleh ditewaskan seperti yang dijangka. Bahkan kita boleh mengalahkannya dan sesungguhnya keimanan merupakan senjata yang ampuh dalam peperangan. Amerikalah yang memiliki kuasa pengimbang ke arah yang dikehendakinya.

Oleh itu, Sadat yakin bahawa dia cuma ada satu pilihan, iaitu menjalinkan hubungan dengan Amerika Syarikat. Dia pun lalu menerima pelawaan untuk melawat Israel dan

menandatangani Perjanjian Damai Kem David. Arab harus sedar bahawa dengan terkeluarnya Mesir dari Liga-Arab, mereka tidak lagi memiliki pilihan ketenteraan. Sepatutnya Sadat mendapatkan syarat-syarat yang lebih baik dalam perjanjian itu, tetapi malangnya beliau tidak mengendahkan pandangan penasihat-penasihat beliau.

Berdasarkan apa yang berlaku sekarang dalam isu Palestin, jika mereka menyertai rundingan, nescaya mereka akan memperoleh keuntungan yang banyak berbanding dengan apa yang diusahakan mereka sekarang. Mungkin juga, jika Arab semua bersatu dan melakukan rundingan, nescaya mereka akan mendapat keuntungan yang lebih banyak. Semasa aku menulis perkara ini, perjanjian damai sedang dijalankan. Negara-negara Arab telah menjadi porak-peranda kerana mewujudkan hubungan dengan Israel. Perpaduan Arab semakin retak sejak Iraq menyerang Kuwait, dan tidak ada lagi entiti yang dinamai kesatuan Arab.. Rakyat Palestin dapat memperoleh keuntungan politik apabila tercetusnya percikan semangat intifadah tetapi belum mencapai tujuan yang dikehendaki secara praktikal. Rakyat Paletin terpaksa mengiktiraf Israel dan mengadakan rundingan dengannya.

Kesetiaan rakyat Palestin bukan lagi kepada tanah airnya kerana tanah airnya sudah tergadai, tetapi untuk mencari rezeki daripada orang Yahudi. Apabila Yahudi menutup pintu sempadan, rakyat Palestin akan memprotes. Israel telah memanipulasi falsafah Parti Buruh,iaitu "antara tanah air dengan keselamatan selain kami akan menguasai dari Laut Mediterranean hingga teluk melalui penguasaan ekonomi" dan Parti Likud, iaitu, "Yahudi tidak akan mengundurkan diri dari Palestin dan menggunakan kekerasan untuk membina Israel Raya".

Sehingga tahap ini, aku tidak mampu menduga apa yang akan berlaku selanjutnya. Walau bagaimanapun, di sana terdapat perkara yang aku tidak mahu diabaikan oleh negara-negara Arab ketika mengusahakan perjanjian damai, iaitu paksi-paksi strategi yang tersusun dalam politik Israel.

Paksi yang pertama ialah penjajahan secara halal dirangka untuk menghapuskan rakyat Palestin jika mampu. Mereka bimbang jika kadar kelahiran orang Arab lebih tinggi berbanding dengan Yahudi kerana ia merupakan ancaman dari sudut demografi. Yahudi bukan seperti tentera Salib. Tentera salib mempunyai tanah air mereka sendiri, tetapi Yahudi berniat untuk kekal di Palestin. Mereka bukan sahaja ingin mengusir penduduk Palestin, memaksa mereka tunduk kepada

Yahudi, merobohkan rumah-rumah mereka, bahkan Yahudi juga cuba membawa masuk Yahudi dari seluruh pelosok dunia untuk mendominasi profesion pekerjaan di Palestin yang merupakan sumber kehidupan penduduk Palestin. Ahli-ahli politik dan pemikir Yahudi seperti Profesor Ben-Zion Dinur, telah berkata, “Negara kami tidak mampu menempatkan dua bangsa”.

Contohnya Yuri Livni (Penasihat Hal Ehwal Arab) berkata, “Kita akan mengurangkan bilangan orang Arab kepada sekadar sekumpulan pemotong kayu dan pekerja restoran”. Contohnya, Syib Dawod berkata, “Sama ada untuk membina negara Israel Raya atau negara Arab Raya”.

Paksi kedua ialah penjajahan peluasan. Peta dari Nil hingga Euphrates masih wujud di Knesset, parlimen Israel. Dua garisan berwarna biru di bahagian atas dan bawah bendera Yahudi melambangkan Sungai Nil dan Euphrates. Golda Meir ditanya tentang sempadan negara Israel menurut pandangannya. Dia berkata, “ketika kami sampai di sempadannya, kami akan memberitahu kamu”. Ben-Gurion pula berkata, “Yahudi bercita-cita untuk membina negara yang meliputi selatan Lebanon, selatan Syria dan Jordan serta Semenanjung Sinai”.

Penjajahan ini juga merupakan penjajahan perkauman. Dalam satu kenyataan sebelum, Rafael Eitan, Jeneral Ramatkal, Angkatan Pertahanan Israel berkata, “Sesungguhnya sesiapa yang menuduh penduduk kulit putih Afrika Selatan bersifat perkauman maka dia merupakan pembohong. Sebenarnya orang kulit hitam yang ingin menguasai minoriti orang kulit putih sebagaimana orang Arab ingin menguasai kami. Apabila negara Afrika mengundi resolusi Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bahawa Zionis dianggap rasis pada tahun 1975 (resolusi yang telah dilihat keputusannya), Begin, Perdana Menteri Israel mengeluarkan komentar , “Bagaimanakah mungkin orang yang masih tinggal di atas pokok mampu memerintah dunia?”

Sifat perkauman sebenarnya memang wujud antara sesama bangsa Yahudi. Yahudi Ashkenaz ialah Yahudi Eropah berkulit putih. Mereka mendakwa bahawa mereka lebih mulia daripada Yahudi Shepardi walau pun golongan Shepardi ini merangkumi 70% daripada bangsa Yahudi. Menurut sistem pendidikan dan pembiayaan pendidikan Israel hanya 70% daripada mereka dibenarkan melanjutkan pelajaran di universiti dan 30% sahaja dibenarkan bergraduasi.

Yahudi Euthopia pula merupakan golongan bawahan dalam masyarakat Yahudi, sehinggakan ketika menderma darah, darah Yahudi Euthopia dibuang begitu sahaja. Apabila peristiwa ini diketahui, maka Yahudi Euthopia berasa kecewa, ditindas dan didiskriminasi. Yahudi Ortodoks juga berfatwa bahawa Yahudi Konservatif dan Reformis tidak termasuk dalam bangsa Yahudi.

Penjajahan yang zalim tidak memerlukan bukti. Meskipun demikian, kami ingin juga mengemukakan bukti daripada pihak mereka sendiri. Prof. Judah Magnes, Rektor Universiti Hebrew berkata, "Yahudi melampaui batas dalam menuntut keadilan. Aku tidak bersedia untuk menerima keadilan bagi Yahudi dengan menzalimi bangsa Arab." Prof. Benyamin Cohen, pensyarah di Universiti Tel Aviv pula berkata, "Yahudi merupakan bangsa yang sering ditindas, mengapa mereka pula perlu menindas?". Ramai sekali yang turut sependapat dengan beliau. Di Amerika Syarikat terdapat dua pergerakan Yahudi yang besar, pertama "Keamanan Kini" dan "Antara Tanah air dengan Keamanan". Mereka menentang kezaliman terhadap rakyat Palestin dan berpandangan bahawa rakyat Palestin perlu diberi tanah air mereka dan Yahudi perlu hidup berjiran dengan mereka secara aman. Golongan seperti ini amat ramai sekali.

Penjajahan ini merupakan penjajahan terorisme. Aku mempunyai senarai yang panjang mengenai keganasan yang telah dilakukan oleh kerajaan Israel berbanding dengan apa yang dilakukan oleh individu Yahudi. Aku ringkaskan bicaraku di sini kerana ruang di sini adalah terhad.

Seterusnya...

Apakah lagi selepas ini dan apakah lagi yang mampu kita lakukan selain berasa lemah dan kehilangan?

Pertamanya kita hendaklah tidak merasakan kekalahan ini dalam diri kita walau bagaimanapun situasi politik, ketenteraan dan ekonomi. Kita hendaklah sentiasa menetapkan dalam hati bahawa kita tidak pernah kalah dan lemah.

Perkara utama yang diingini oleh musuh ialah kita menerima secara psikologi kekalahan dan kesakitan ini sehingga ia diterima dan menjadi lumrah dalam hidup. Perkara yang paling ditakuti musuh ialah rakyat percaya bahawa peluang dan harapan masih wujud.

Hal ini tidak mudah terutamanya apabila media dan sistem pembelajaran telah dimanipulasikan oleh pihak musuh dan generasi baharu telah membina satu kefahaman baharu tentang realiti hari ini lalu menerimanya.

Kedua, kita mestilah mampu untuk memuhasabah diri kita dan memahami isu ini dengan jelas. Dalam jangka masa yang panjang, kita melihat isu ini dari satu sudut pandang sahaja dan bukan dengan melihatnya dari semua dimensi. Kita tidak pula memahami konteks sesuatu peristiwa. Bagi kita cukuplah dengan sekadar jawapan pada satu soalan daripada dua soalan, maka tidak peliklah jika kita salah dalam perhitungan.

Soalan pertama, Adakah kita mempunyai hak? Jawapannya jelas dan mudah, Ya, kita memiliki hak.

Soalan kedua: Adakah kita layak menerima hak tersebut? Di sini kita tidak dapat mengemukakan jawapan yang baik seperti mudah. Betapa banyaknya kesalahan, dosa, kegagalan dan pengkhianatan yang telah kita lakukan dalam menyelesaikan isu Palestin ini dari awal hingga akhir. Jika manusia itu tidak layak menerima haknya, maka dia juga tidak akan menerima keadilan. Sudah menjadi sunnatullah dalam pergolakan ini, setiap makhluk akan menerima haknya.

Allah berfirman yang bermaksud : "Sesungguhnya Allah mempertahankan orang yang beriman" , maka mengapakah Allah tidak mempertahankan kita? Allah juga berfirman yang bermaksud : "bahawa menjadi hak kami, menolong orang mukmin", lalu mengapakah Allah tidak menolong kita?

Kita tidak seharusnya menaruh syak wasangka pada janji Allah, tetapi kita harus menaruh keraguan itu pada pihak lain. Kitalah pihak itu! Apakah ciri-ciri tersebut kita miliki? Adakah kita tergolong dalam kalangan orang beriman? Sesungguhnya kita telah memisahkan isu ini daripada pandangan Islam dan kita hanya mengehadkannya kepada negara-negara Arab sahaja. Bahkan, terdapat juga sebahagian daripada kita yang sewenang-wenangnya mengehadkan isu ini kepada kawasan Palestin. Jika begitu, tanggungjawab kita hanyalah untuk menggerakkan proses perdamaian, membina hubungan yang baik dengan mereka dan membiarkan kita diperkotak-katikkan.

Mengapakah pada masa yang sama, kadangkala kita menyerahkan urusan kita kepada pihak berhaluan kiri dan kemudian pihak berhaluan kanan, kita mengadakan demonstrasi dengan penuh semangat atau negara kita menyediakan protes berturutan di luar negara dan ucapan palsu di dalam negara?

Pertolongan Allah pasti tertegak, hanya menunggu masa untuk diturunkan kepada orang yang berhak menerimanya. Sesungguhnya mereka yang bersemangat tentang isu Palestin, rohaninya kosong, Islamnya lemah dan akhlaknya runtuh seolah-orang orang yang ingin menaiki kereta api di pertengahan jalan, tetapi kereta api hanya membuka pintunya di stesen. Musuh pula mewujudkan perbalahan antara kerajaan dengan rakyat sehinggakan perbalahan itu menjadi satu kelaziman dalam hidup. Sebenarnya, itu salah.

Hasilnya, permusuhan hanya berlaku sesama kita, bukan antara kita dengan musuh, dan asyik sibuk dengan persengketaan dalaman dari pihak luar. Aku berharap agar wujud kesedaran dalam kalangan pemerintah dan rakyat. Mereka bersetuju berdamai selama 10 tahun atau tertakluk pada persetujuan bersama (tanpa memansuhkan politik pembangkang kerana pembangkang ialah perkhidmatan negara dan bukan perang) dan tumpuan diberikan kepada usaha menyelesaikan isu Zionis, tanpa menjerut diri dengan peperangan kerana ia seumpama memusnahkan sistem imunisasi dalam diri.

Tidak syak lagi bahawa Amerika Syarikat masih menjadi faktor penentu dalam perjuangan rakyat Palestin. Sungguh menghinakan bahawa setiap kali satu pencerobohan atau keganasan dilakukan Zionis, pemimpin-pemimpin kita tidak merayu kepada Allah, tetapi kepada Amerika Syarikat. Kemudian, wakil mereka pergi ke Amerika Syarikat untuk bertemu presiden Amerika dan memohon Amerika supaya memainkan peranannya bagi menghentikan pencerobohan dan keganasan itu.. Setiap kali itulah, Amerika berkata sama ada secara jelas atau kiasan, “Gandakan usaha kamu tetapi Aku sentiasa bersama Israel , dan aku sentiasa membantu Israel dalam apa jua keadaan dan aku mempertahankannya untuk menghadapi segala ancaman politik mahupun ketenteraan. Aku tidak akan memberi tekanan kepadanya dalam apa jua cara, dan satu-satunya penyelesaian yang kami tawarkan adalah dengan membiarkan konflik ini kepada dua pihak yang bertelagah.” Dengan demikian, usaha kita ini hanyalah umpama mencurah air ke daun keladi.

Kita tidak perlu menegaskan lagi bahawa hubungan antara Amerika Syarikat dengan Israel berteraskan kepentingan. Ada golongan berkata, "...tetapi kepentingan Amerika di negara kita lebih banyak berbanding dengan kepentingannya di Israel". Setiap kali kita mengingatkan perkara in dalam surat kita kepada Amerika, Amerika membalas dengan menyatakan bahawa kepentingan kami di negara anda tidak mempengaruhi sokongan kami terhadap Israel, bahkan kadangkala kami dapati anda mendahului kami dalam mempertahankan kepentingan itu. Jadi apakah yang mendorong kami untuk menukarkan keputusan politik kami? Oh Tuhan! Punca utama perkara ini ialah kejahilan dan kekurangan kita dalam mengenali diri. Mereka yang tidak menghormati dirinya sendiri, mengapakah dia perlu dihormati orang lain? Sesungguhnya kita golongan yang merdeka tetapi mentaliti kita mentaliti seorang hamba. Israel itu sendiri merupakan ciptaan Amerika dan Amerika tidak akan mampu menyekatnya lagi. Bukankan Israel pernah menyerang kapal perisik USS Liberty di Laut Mediterranean dalam peperangan tahun 1967 sedangkan Amerika Syarikat juga merupakan sekutunya.

Bukankah berlaku beberapa kes, perisik Israel mengintip Amerika seperti dalam Kes Pollard? Bukankah perisik Israel menghasut polis Amerika untuk mendapatkan laporan sulit beliau tentang keselamatan? Bukankah Israel juga mengawal pilihan raya Amerika sehinggakan calon-calon pilihan raya pasti akan melawat Israel dan memakaikan kippa Yahudi di kepalanya? Bukankah kita melihat presiden Israel lebih banyak bertindak daripada Presiden Amerika, seolah-olah Israel yang membantu Amerika dan bukan Amerika yang membantu Israel.. Kes-kes seperti ini banyak sekali dan aku tidak mahu menyebutnya satu persatu.

Antara perkara yang menjadi keanehan ialah Amerika sebenarnya mempunyai kepentingan di negara kita dan kita boleh memberi tekanan kepadanya, tetapi apabila berhadapan dengannya kita menjadi lemah umpama merpati yang dilemparkan ular kepadanya. Hanya dengan melihat ular, merpati tidak mampu bergerak. Amerika bijak melaga-lagakan antara kita, dan kita pula terlalu mudah terpedaya dengan muslihat mereka.

Sekiranya para pemerintah disebabkan oleh faktor peribadi terutamanya dan juga faktor politik dan ekonomi berasa berat hati untuk berkonfrantasi dengan Amerika atau memberikan tekanan terhadapnya (Semoga Allah merahmati Faisal bin Abdul Aziz yang berperanan dalam pemboikotan petroleum pada tahun 1973. Pemboikotan ini mungkin berhasil tetapi telah

ditamatkan oleh Anwar Sadat), namun rakyat boleh melakukan pelbagai tindakan selagi tidak melanggar peraturan atau memalukan pemerintah dengan syarat mereka memiliki secebis keimanan, kesedaran dan harga diri. Sesungguhnya politik Amerika mementingkan duit. Apakah yang akan berlaku jika orang Islam di dunia menahan diri daripada menghisap rokok keluaran Amerika? Nescaya Amerika akan merasakan bahawa rakyat mampu bertindak dan memberi tekanan kepadanya. Amerika akan lebih menghormati jika kita berupaya melakukan dengan lebih jauh lagi, iaitu dengan memboikot kereta keluaran Amerika, Coca Cola, McDonald, Kentucky dan produk-produk Amerika yang lain. Gandhi telah bertindak seumpama itu terhadap Inggeris di India. Kami pun telah bertindak terhadap Inggeris semasa zaman penjajahannya. Ibuku memboikot pakaian dan produk Inggeris serta membeli produk tempatan walaupun kurang gah. Ketika itu aku masih kecil dan merasakan ibuku bermaruah tinggi dan aku ialah kanak-kanak yang menjaga maruah negara dan harga diri.

Aku tidak benci akan Amerika dan bukan juga musuhnya. Bahkan, aku memilih untuk menjadi warganegara Amerika. Mungkin juga khidmat yang boleh kusumbangkan kepada Amerika ialah aku membetulkan langkahnya ke arah keadilan, mencegah kezaliman dan membina nilai dan akhlak yang menjadi asas sesebuah tamadun, yang merupakan sebahagian daripada ajaran Islam.

Sesungguhnya zon Perdagangan Bebas Islam (wahai muslimin) bahkan zon perdagangan bebas Arab sebagai langkah pertama (wahai Arab) membolehkan kita berdikari, tetapi seperti musuh kita yang membahagikan kita kepada negara-negara yang mempunyai sempadan geografi dan politik, kita juga memecah-belahkan diri kita kepada kumpulan-kumpulan kecil. Setiap kumpulan hanya mengambil berat sesama mereka sahaja. Mereka tidak mampu berdikari, lantas meminta bantuan daripada negara barat. Seandainya mereka saling tolong menolong, pastinya mereka tidak lagi memerlukan negara-negara lain.

Sesungguhnya Mesir tidak mengambil berat akan penanaman gandum tetapi memberi perhatian pada tanaman strawberi kerana strawberi ini memberi pulangan dolar yang besar. Gandum pula diimport dari Amerika dengan murah. Secara zahirnya, Mesir memang untung, tetapi sebenarnya Mesir terjajah kepada Amerika yang membekalkan makanan ruji kepada mereka.

Sifat berdikari yang aku maksudkan bukan hanya dari aspek makanan dan pakaian, tetapi juga dari aspek keselamatan. Usaha untuk mewujudkan Zon Industri Ketenteraan Arab telah digerakkan. Malangnya, usaha ini tidak diteruskan kerana hubungan yang wujud antara kita(negera-negara Arab) tidak berteraskan hubungan kerana Allah dan kerakusan kita untuk "memakan" antara satu sama lain. Akhirnya Allah membalas sifat pentingkan diri sendiri dengan perpecahan dan kemunduran, maka berlakulah serangan yang kejam terhadap Kuwait.

Jika inilah keadaan kita, maka kita perlu mengubahnya. Sekurang-kurangnya untuk kita kekal berada di sini. Ancamam baharu telah melanda kita, iaitu kemasukan ekonomi Israel ke negara kita. Golongan yang inginkan kekayaan pasti akan membantunya. Serangan ekonomi ialah permainan dan kepakaran Yahudi sejak dahulu lagi. Mereka menyediakan kemudahan kepada yang ingin membina kesedaran masyarakat seperti pemberian pendidikan percuma di beberapa buah negara supaya dapat membentuk pemikiran baharu dalam generasi yang akan datang.

Inilah cabaran yang menanti kita dan kita perlu menghadapinya, kita telah berjanji dengan Allah untuk berusaha dan bukan hanya menunggu hasil. Kita perlu berusaha sedaya upaya. Jika kita menyempurnakan usaha kita, pasti Allah akan menunaikan janji-Nya. Kita pasti akan menang. Allah telah berfirman yang bermaksud: "Kami pasti memenangkan golongan yang beriman".

Tatanan Dunia Baharu

Mantan Menteri Luar Amerika Syarikat, James Baker mengumumkan penggubalan Tatanan Dunia Baharu ketika tercetusnya peperangan teluk, keruntuhan komunisme dan kejatuhan Kesatuan Soviet.

Setelah berlalu beberapa ketika, isu ini terbongkar sedikit demi sedikit. Pada awalnya, kami menjangkakan bahawa sistem ini merupakan Tatanan Dunia Baharu dan pelbagai negara terlibat

untuk merangkanya tetapi sangkaan kami ternyata meleset. Sistem ini sebenarnya ialah Tatanan Dunia Baharu ciptaan Amerika Syarikat. Kenyataan ini semakin terbukti selepas itu.

Pada permulaan ini, kami ingin menegaskan bahawa keruntuhan komunisme bukanlah petanda baik kepada sistem kapitalis barat. Hakikatnya, sistem komunisme telah runtuh terlebih dahulu. Jika petanda-petanda yang berlaku sekarang masih berterusan, nescaya sistem kapitalisme yang wujud sekarang akan berakhir dengan keruntuhan juga.

Perkara yang berlaku dan akan berlaku itu bukan terjadi secara tiba-tiba, bahkan telah dijangka oleh sarjana dari timur dan barat sama ada Islam ataupun bukan Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana komunisme dan kapitalis berteraskan material dalam mentadbir urusan manusia. Padahal unsur spiritual merupakan unsur yang lebih berharga dan penting serta membezakan manusia daripada makhluk lain.

Berdasarkan prinsip materialistik, manusia terbahagi kepada dua fahaman yang kontradik. Dua fahaman ini wujud natijah perbezaan pandangan tentang hubungan antara individu dengan masyarakat. Kedua-dua fahaman ini percaya bahawa kepentingan individu bertentangan dengan kepentingan masyarakat. Fahaman komunisme mengutamakan kepentingan masyarakat sehingga menafikan kepentingan individu. Individu tidak mempunyai hak pemilikan harta yang menyebabkan individu itu kehilangan motivasi untuk produksi dan kreativiti. Semua itu adalah untuk kepentingan masyarakat. Namun, bukankah masyarakat itu ialah gabungan individu? Tidak hairanlah bahawa fahaman ini menatijahkan masyarakat yang kecewa dan tertindas.

Kapitalisme pula merupakan fahaman yang bertentangan dengan komunisme. Fahaman ini terlalu cenderung kepada hak dan kebebasan individu serta memberikan kebebasan mutlak yang melahirkan sifat individualistik tanpa mengendahkan kepentingan umum. Falsafah kapitalis memfokuskan pertambahan demi pertambahan dalam pemilikan tanpa titik noktah. Mereka tidak mahu percaya bahawa perbuatan itu hanyalah khayalan kerana pemilikan harta tanpa had di dunia yang terbatas itu adalah mustahil. Minda pendukong fahaman kapitalisme sentiasa berusaha untuk merealisasikan falsafah fahaman ini. Oleh itu, pasaran tempatan berkembang di seluruh dunia sehingga negara dunia ketiga. Mereka mendapati negara dunia ketiga merupakan tempat yang paling sesuai bagi mereka memonopoli dan mencekik darah tanpa sebarang ancaman.

Bagi menyegerakan misi mereka di negara dunia ketiga, mereka telah membina gaya hidup yang negatif dengan menjadikan kemewahan sebagai satu keperluan dan menjadikan masyarakat berbelanja untuk barangan import berlipat ganda melebihi barangan tempatan.

Situasi ekonomi di negara dunia ketiga semakin gawat. Namun demikian, golongan kapitalis tidak mahu rakyat negara dunia ketiga ketika ini hilang kuasa membeli. Oleh itu, mereka menyediakan perkhidmatan pinjaman dan bantuan kewangan dengan syarat mereka masih berkuasa memonopoli. Semua ini dilakukan sama ada secara langsung atau di belakang tabir, seperti dengan mewujudkan Tabung Kewangan Negara, Bank Negara dan sebagainya.

Malang dan sedih sekali bagi negara dunia ketiga seperti negaraku. Dari sudut realitinya, semakin banyak pihak kapitalis memperuntukkan kewangan, semakin bertambahlah kemiskinan dan berlipat ganda pula hutang negara.

Ini berlaku kerana bantuan kewangan yang diberikan disertai terma dan syarat. Antaranya, faedah pinjaman yang tinggi, pelantikan pakar-pakar dari Amerika Syarikat dengan bayaran gaji yang membebankan dan bayaran gaji diambil daripada hutang yang diberikan, barangan yang dibenarkan untuk dijual hanyalah bangan keluaran Amerika, penggunaan kapal kargo Amerika dan projek yang dilaksanakan perlu mendapat kelulusan Amerika. Negara yang boleh meminjam daripada Amerika dan membayarnya tanpa terma dan syarat hanyalah Israel.

Parahnya, pinjaman yang diberikan menggugat secara langsung kepentingan rakyat. Antaranya, modal yang dibelanjakan untuk sesuatu projek hanya memberikan pulangan keuntungan yang sedikit. Dalam tempoh rundingan pula, rakyat kerugian disebabkan bayaran tukaran asing. Ini menyebabkan generasi akan datang yang sepatutnya mewarisi kemajuan dan kemewahan, akan mewarisi hutang bertimbun-timbun yang gagal dilunaskan negara.

Golongan kapitalis ini kejam dan tidak berperikemanusiaan. Mereka mengaut keuntungan untuk diri mereka dan bukan untuk negara. Oleh itu, kemiskinan yang dahsyat masih lagi terdapat di negara terkaya di dunia dan juga masih terdapat golongan gelandangan. Mereka telah memindahkan sebahagian besar industri mereka ke negara dunia ketiga kerana tenaga kerja yang murah, hak-hak pekerja tidak wujud, keselamatan pekerja tidak diendahkan, persatuan pekerja tidak dibenarkan serta kos produksi murah. Namun demikian, harga produk tidak diturunkan. Ini menyebabkan ramai rakyat Amerika kehilangan pekerjaan dan menganggur.

Bagi memastikan situasi ini berkekalan, maka perjanjian dibuat antara pihak pemerintah dan pelaksana dengan pihak penjajahan baharu. Pihak pertama perlu memastikan situasi ini berkekalan, manakala pihak kedua dengan sokongan pihak pertama perlu menjamin keselamatan jika berlaku ancaman, termasuk ancaman ketenteraan.

Dengan yang demikian, pihak pertama memiliki kekuatan dan keberanian. Aku telah mendengar berita tentang sebuah negara hampir sahaja menandatangani kontrak yang besar dengan Eropah, tetapi hanya dengan satu panggilan telefon sahaja, negara tersebut telah menukarnya kepada Amerika.

Antara produk utama yang dikeluarkan oleh golongan kapitalis ialah senjata. Senjata ini membawa kemusnahan dan bukannya kemakmuran. Terdapat negara yang sanggup membelinya dengan harga berpuluh-puluh billion. Golongan kapitalis menjual senjata tanpa mengira kaya mahupun miskin, semata-mata kerana mencari keuntungan. Oleh itu, negara tidak sunyi daripada peperangan. Jika kamu perhatikan, senjata yang digunakan oleh kedua-dua belah pihak yang berperang dihasilkan oleh syarikat yang sama.

Menurut jangkaan awal, selepas berakhir peperangan dingin dan keruntuhan Kesatuan Soviet sebagai pesaing Amerika, belanjawan dan industri tentera berubah kepada tujuan keamanan

serta penduduk akan menjadi lebih optimis dan gembira. Aku pernah dilantik sebagai jawatankuasa dalam persatuan yang dikenali sebagai Pakatan Agama Untuk Memerangi Perlumbaan Senjata. Persatuan ini telah berkali-kali mengadakan mesyuarat dan memutuskan usul untuk menyelesaikan isu ini. Aku pernah menyuarakan bahawa kita tidak akan memperoleh keamanan pasca kejatuhan komunisme, tetapi kita kembali kepada masalah yang wujud sebelum kewujudan komunisme.

Ekonomi ke arah keamanan tidak wujud.

Semua tidak mahu perkara ini terjadi!

Aku pernah membaca buku yang sangat penting dan jelas yang berjudul *Report From Iron Gate*. Iron Gate secara literalnya bermaksud pintu besi tetapi di sini, ia merupakan nama sebuah kampung yang terletak berdekatan dengan New York. Kerajaan Amerika telah mengadakan mesyuarat bersama pasukan penyelidik terpilih selama dua tahun setengah untuk mengkaji dan melaporkan isu kebolehwujudan keamanan. Laporan ini akan menjawab dua persoalan, iaitu adakah keamanan boleh diwujudkan? dan adakah keamanan diminati oleh komuniti?

Laporan itu berjaya ditulis, namun salah seorang ahli pasukan (seorang profesor di Universiti di Amerika) tidak dapat menyimpan rahsia dapatan laporan ini. Dia telah meminta rakan kepercayaannya supaya menerbitkan laporan itu tanpa mendedahkan identitinya.

Pasukan ini mengkaji situasi yang akan terjadi jika wujud keamanan secara berterusan. Dapatan laporan menunjukkan bahawa situasi itu sukar dicapai tetapi tidak mustahil dan ia tidak memberi keuntungan kepada nasionalisme. Pasukan ini telah membandingkan antara kelebihan sistem keamanan dengan sistem peperangan. Mereka mendapati sistem peperangan lebih menjamin kemaslahatan negara... "Sesungguhnya sistem peperangan lebih berfungsi secara dinamik demi kestabilan masyarakat kita. Walaupun terdapat gantian yang mampu melaksanakan fungsi ini, tetapi sistem peperangan perlu dikekalkan dan ditambah baik." Buku ini telah menjadi bualan hangat ketika ia mula diterbitkan, tetapi suasana kembali tenang setelah berlalu beberapa ketika.

Selain itu, peperangan perlu berlaku secara berterusan. Laporan ini juga mencadangkan jumlah manusia yang perlu dibunuh setiap tahun. Industri persenjataan kekal wujud... Industri yang menggunakan 10% sumber alam setiap tahun.

Pakatan antara perindustrian dengan ketenteraan termeterai.

Belanjawan untuk pertahanan negara sentiasa bertambah.

Suara-suara bantahan semakin tenggelam selepas Amerika berjaya memajukan sistem persenjataannya dan mewujudkan peperangan yang tidak mengorbankan rakyatnya...atau hampir-hampir tidak mengorbankan rakyatnya.

Golongan kapitalis tidak berhati perut. Mereka bukan sahaja mengeluarkan bom peledak kepada golongan miskin, bahkan mereka juga mencipta racun tiruan dan sisa nuklear. Peliknya bahan DDT yang sering digunakan sebagai racun perosak telah diharamkan Amerika sejak dahulu lagi. Namun begitu, produksinya masih berterusan untuk tujuan eksport ke Negara Dunia Ketiga.

Peliknya, Amerika melancarkan kempen anti merokok di negaranya secara intensif sejak akhir-akhir ini kerana rokok berbahaya kepada kesihatan dan amalan yang merugikan. Kempen ini menjejaskan syarikat pengeluar rokok, lalu mereka amat berharap agar diberi kelonggaran untuk membekalkan rokok kepada Negara Dunia Ketiga. Negara ini seolah-olah dihuni oleh golongan yang lalai. Aku berdoa kepada Allah agar saudara seIslamku tidak tergolong dalam golongan yang lalai.

Masalah Populasi Penduduk

Isu utama yang amat diberi perhatian oleh pembuat dasar dan perancang politik di Negara Dunia Pertama ialah isu pertambahan populasi penduduk. Mereka menjelaskan bahawa pertambahan penduduk ini telah menyebabkan pertambahan keperluan kepada sumber alam. Majoriti pertambahan bilangan penduduk ini berlaku di Negara Dunia Ketiga. Negara Dunia Pertama menuduh Negara Dunia Ketiga tidak bertanggungjawab dan sepatutnya Negara Dunia Ketiga perlu menyelamatkan dunia daripada kehancuran ini.

Oleh yang demikian, kerajaan Barat menumpukan perhatian kepada keperluan untuk mengurangkan kadar kelahiran di Negara Dunia Ketiga. Aku masih ingat pada satu masa pada zaman Jamal Abdul Nasir, ketika itu berlaku konflik antara Mesir dengan Amerika Syarikat. Amerika Syarikat telah menghentikan pembiayaan projek dan kajian di Mesir sehinggakan jurnal saintifik dilarang masuk ke Mesir. Walaupun begitu, terdapat satu projek yang dikecualikan, iaitu Program Kawalan Kelahiran. Aku dapat merasakan usaha barat yang begitu bersungguh-sungguh untuk tujuan ini. Begitu juga persidangan demi persidangan diadakan demi melatih dan meyakinkan doktor-doktor tentang kepentingan isu ini. Bahkan mereka mengerahkan profesor Arab Muslim yang berkerakyatan Amerika supaya menghadiri persidangan-persidangan ini dan memomokkan keharusan pengguguran bayi dan ia tidak diharamkan dalam agama Islam. Aku bersyukur kepada Allah kerana penyebaran dakwaan bahawa Islam mengharuskan pengguguran bayi menemui kegagalan.

Aku merupakan doktor yang pakar dalam bidang Obstetrik dan Ginekologi dan pada masa yang sama, aku amat mementingkan ajaran agama Islam. Sepanjang menjawat profesion itu, aku menjelaskan pelbagai cara untuk menjarakkan kehamilan kepada ibu-ibu yang aku rawat. Aku juga amat menyedari ancaman bahaya yang besar kepada kesihatan ibu yang terlalu kerap bersalin dan aku juga mengetahui statistik yang menunjukkan perbezaan antara pertambahan dalam kekerapan bersalin dengan pertambahan jarak masa antara tempoh bersalin.

Selain itu, aku mengikuti konsep sistem dunia, terutamanya Tatanan Dunia Baharu yang baru diumumkan- tentang keperluan untuk mengehadkan pertambahan penduduk di Negara Dunia Ketiga (termasuk negara Islam), sehinggakan beberapa orang ahli politik mendesak supaya pemberian bantuan daripada Amerika dikaitkan dengan kejayaannya dalam mengehadkan pertambahan penduduk. Terdapat juga percubaan untuk membentangkan isu pengguguran bayi dalam Persidangan Populasi Penduduk yang diadakan di Kaherah, Mesir tetapi tidak berjaya. Persidangan tersebut merupakan usaha sama antara al-Azhar dengan Vatikan.

Walaupun wujud kebenaran dalam kenyataan bahawa pertambahan populasi penduduk memberikan impak yang negatif kepada Negara Dunia Ketiga kerana perkembangan ekonomi tidak mampu menampung populasi penduduk yang bertambah, tetapi pembacaan dan

pandanganku merumuskan bahawa kenyataan ini tidak tepat secara holistik dan tidak boleh digeneralisasikan.

Aku mendapati bahawa terdapat sisi pandang yang lain dalam isu ini tanpa mengaitkannya dengan perkembangan ekonomi negara dunia ketiga. Pengalaman di Eropah telah membuktikannya. Begitu juga Persidangan Populasi Penduduk yang diadakan di Bucharest, Romania pada tahun 1974 memutuskan bahawa perkembangan ekonomi menyebabkan pengurangan kadar kelahiran dan bukan pengurangan kadar kelahiran merupakan faktor perkembangan ekonomi. Kemiskinan dan peningkatan kadar kematian anak memaksa keluarga untuk menambah bilangan kelahiran untuk menjamin keturunan keluarganya. Secara psikologinya, penduduk yang hidup dalam situasi yang tidak aman secara tidak sedar, terarah kepada penambahan anak sebagai langkah untuk menjamin kelestarian keturunannya.

Aku juga mendapati terdapat serangan demografi di beberapa wilayah yang bertujuan mengubah bilangan majoriti kepada bilangan minoriti dan mengubah bilangan minoriti kepada bilangan majoriti. Serangan ini berlaku di Timur Tengah.

Aku juga berpendapat bahawa sikap menyalahkan Negara Dunia Ketiga dalam isu ini dan memaksa negara-negara itu menyelesaikannya sendiri merupakan satu kezaliman. Sesungguhnya Amerika contohnya, merupakan 6% daripada penduduk dunia, akan tetapi menggunakan 30% daripada sumber alam. Oleh itu, keadilan dalam agihan satu perkara yang penting dan tidak mungkin dibiarkan begitu sahaja.

Paul Ehrlich dan Anne Ehrlich dari Fakulti Biologi, Universiti Stanford berkata bahawa seorang bayi yang lahir di Amerika menggunakan sumber alam dan menjejaskan alam sekitar bersamaan dengan seratus kelahiran bayi di Bangladesh (Majalah *National Geography*, petikan daripada Micheal Henderson dalam bukunya berjudul “Harapan untuk Satu Perubahan”).

Mutakhir ini, kajian berkaitan dengan Keamanan Nasional Amerika bernombor 200 yang bertajuk: (Kesan Pertambahan Penduduk Global tTerhadap Keamanan Amerika Syarikat dan Kepentingan Luarnya) telah tersebar. Kajian ini merupakan satu dokumentari rahsia yang tersingkap setelah tamat tempoh yang ditetapkan (Arkib Negara. Fail Kajian Keselamatan Negara bil 200 r.j 273) Aku telah membacanya dan terkejut dengan kandungannya. Penerangan dalam

dokumen tersebut menyatakan bahawa sesungguhnya faktor populasi penduduk mencetuskan api revolusi dan merangsang pengekalan atau sekatan kepentingan ekonomi asing. Kadar kemiskinan, pertambahan bancian penduduk dan peningkatan peratusan pemuda (yang merupakan ciri-ciri Negara Dunia Ketiga) menuntut peningkatan kemajuan dan semakan semula syarat-syarat pelaburan asing. Bahkan populasi penduduk juga membawa kepada perkembangan ketenteraan, jika negara itu berpandangan bahawa profesion ketenteraan dapat menyekat masalah pengangguran.

Jurnal Hal Ehwal Luar Negeri, keluaran Musim Panas, tahun 1991, iaitu sebuah jurnal yang, penting, telah menerbitkan artikel Dr. Nicholas Eberstadt yang diarahkan oleh Persidangan Tentera Amerika mengenai “Rancangan Jangka Masa Panjang”. Artikel itu menyatakan bahawa lapan orang datuk dan nenek di Barat hanya akan mempunyai 3-5 orang cicit selepas berlalu 3 generasi, tetapi di Afrika dan Timur Tengah, bilangan cicitnya menjangkau tiga ratus orang. Artikel ini memberi amaran bahawa Negara Dunia Pertama pada hari ini akan mempunyai jumlah penduduk yang paling sedikit pada masa akan datang dan ini mengancam sistem politik dunia dan mengurangkan kekuasaan.

Oleh itu, isu ini mempunyai dimensi politik dan ketenteraan yang penting. Bahkan bagi mereka kedua-dua dimensi ini lebih penting.

Sungguh malang sekali, perkara ini juga mempengaruhi bidang perubatan. Jurnal *World Health Forum*(No. 14,1991, halaman 105) memuatkan artikel Dr Gene Martin yang bertajuk: “Adakah Machiavelli lebih sesuai dijadikan panduan kepada doktor daripada Hippocrates?” Hippocrates semenjak tamadun Yunani dahulu merupakan bapa perubatan...pengasas bidang perubatan yang masih diterima guna sehingga sekarang di seluruh dunia. Beliau terkenal dengan contoh teladan, sifat kemanusiaan dan belas kasihan kepada pesakit serta kesungguhan dalam perkhidmatannya, manakala Machiavelli pula ialah tokoh dalam bidang politik di Itali yang menulis pada zaman abad pertengahan sebuah buku bertajuk “Pemerintah”. Buku itu menerangkan maklumat berkaitan dengan seni dalam politik dan tipu daya politik untuk kepentingan individu.

Dalam artikel ini, beliau mendedahkan beberapa pandangan perubatan kontemporari yang menyatakan bahawa antara lain cara penyelesaian isu populasi adalah dengan mengabaikan

program suntikan imunisasi di negara dunia ketiga. Apabila kanak-kanak tidak mengambil suntikan imunisasi, mereka akan mati ketika masih kecil. Sebaliknya jika diberi suntikan imunisasi, mereka akan hidup dan akan menggunakan sumber alam. Kemudian mereka menghadapi kebuluran dan akhirnya mereka akan mati juga. Oleh itu, mengapakah kita tidak menyelesaikannya dari awal?

Kebanyakan perkara ini disembunyikan daripada pengetahuan penduduk Amerika...dan kami telah berusaha sedaya upaya menjelaskan hal ini kepada penduduk dan membuka mata mereka. Isu ini amat penting kepada rakyat Amerika dan kemaslahatan mereka. Hal ini tidak akan berubah sekiranya tiada orang yang berusaha untuk mengubahnya.

Amerika tidak pernah berubah keadaannya daripada yang lebih baik kepada yang lebih buruk tetapi keadaannya berubah daripada yang buruk kepada yang lebih baik. Lazimnya, golongan kapitalis tidak bertaubat daripada kesalahan diri selagi tiada yang menyedarkannya. Penentunya yang terakhir ialah rakyat. Merekalah yang boleh berkata kepada ahli politik, “Sama ada aku mengubahnya atau kamu meletak jawatan.” Rakyat memiliki kuasa mengundi. Merekalah yang memilih ahli politik. Mereka boleh berkata,“Sama ada kamu membuat perubahan ataupun kami menjatuhkan kamu”. Sesungguhnya politik seperti sebuah perniagaan yang tertakluk pada bekalan dan permintaan pelanggan. Sekiranya rakyat memilih ahli politik yang bersih baik maka politik akan menjadi bersih. Namun begitu, hal ini bergantung pada kesedaran masyarakat dan ia merupakan satu proses yang panjang tetapi tidak mustahil untuk dicapai di Amerika disebabkan wujudnya kebebasan. Walaupun pandangan yang sebaliknya kuat, namun memberi kesedaran kepada rakyat Amerika lebih mudah daripada kebanyakan rakyat lain. Maka berlumbalah wahai para pelumba kebaikan.

Citra Tatanan Global Islam Baharu

Semenjak berdekad-dekad lamanya, cendekiawan Islam menyebarkan idea mereka bahawa fahaman komunisme dan kapitalisme akan menemui jalan mati, sama ada secara cepat (seperti yang menimpa fahaman komunisme) atau lambat (seperti yang akan berlaku pada fahaman kapitalisme). Mereka mengkaji dengan teliti sistem global yang berteraskan prinsip dan nilai

Islam. Ini bukanlah bermaksud bahawa orang Islam bercita-cita untuk memerintah dunia dan menjadikannya sebagai agenda mereka. Amat jauh sekali. Orang Islam masih belum berjaya memerintah diri mereka di negara mereka sendiri. Ini juga bukan bermaksud bahawa mereka melakukannya disebabkan ingin menunjukkan kehebatan idea dan keseronokan falsafah. Namun demikian, orang Islam juga sebahagian daripada dunia yang berkembang pesat.

Mereka dan penduduk dunia lain umpama penumpang kapal. Jika kapal itu karam, maka semuanya akan lemas dan sebaliknya jika kapal itu selamat berlabuh, maka semuanya akan selamat. Kini, sarjana tahu dan yakin bahawa kapal itu sedang menghala ke lautan yang berbatu dan akan menempuh badai yang kencang. Penumpangnya pula sedang merosakkan dan melubangkan kapal itu.

Oleh itu, transformasi perlu dilakukan. Mereka mendapati inti pati ajaran Islam mampu mentransformasikan umat. Jangan engkau zahirkan Islam sebagai satu agama dan pegangan akidah. Sebaliknya, gambarkan petunjuk Ilahi yang diimani oleh penganut agama samawi dan pemilik fitrah yang sahih. Oleh itu, menjadi satu kewajipan untuk mempersembahkan ajaran Islam kepada umat manusia yang tercari-cari penyelesaian atau penyelesaian masalah umat. Ini pasti akan menggembirakan umat Islam dan bukan Islam walaupun terpaksa disembunyikan identiti Islamnya. Aku nyatakan di sini ajaran Islam yang utama secara ringkas:

Pertama: Zat yang paling tinggi bukanlah manusia, tetapi manusia itu tertakluk pada Yang Maha Tinggi, iaitu Allah SWT. Manusia diciptakan di dunia ini untuk mentadbirnya dengan peraturan yang ditetapkan oleh penciptanya. Manusia adalah salah jika ia menyangka bahawa nilai ilmu yang diperolehnya atau kehebatan yang dimilikinyalah yang membolehkannya bertindak seperti Tuhan. Oleh itu, manusia perlu beriman kepada Allah. Jika tidak, manusia akan merasionalkan setiap perlakuannya, mengubah keburukan kepada kebaikan atau kebaikan kepada keburukan. Manusia lazimnya sentiasa terpengaruh dengan hawa nafsunya. Allah berfirman dalam Surah al-Furqan :43 yang bermaksud : "Nampakkah (Wahai Muhammad) keburukan keadaan orang yang menjadikan hawa nafsunya Tuhan yang dipuja lagi ditaati?"

Kedua: Kekuasaan dan Pemilikan ialah hak Allah. Allah Yang Maha Pencipta ialah yang berkuasa dan memiliki segala-galanya. Kekuasaan kita untuk mentadbir dan mewujudkan keamanan hanyalah kekuasaan sampingan. Sebarang aktiviti untuk memperoleh sumber kekayaan

dibenarkan dengan syarat pemerolehannya berlandaskan syariat. Menjaga hak Allah yang Maha Kuasa merupakan tuntutan syarak. Jika golongan kapitalis mempunyai hak dan tanggungjawab, maka pastinya manusia pun mempunyai tanggungjawab dan kewajipan. Allah yang memperuntukkan rezeki orang fakir dalam harta orang kaya bukan setakat dengan sedekah malah sememangnya hak yang sedia maklum (zakat). Melakukan pekerjaan yang menguntungkan ialah satu tuntutan kepada setiap yang mampu, dan memberi jaminan kepada yang tidak mampu juga hak yang dituntut. Apabila bertembung antara kepentingan umum dengan kepentingan peribadi, kepentingan umum perlu diutamakan.

Bukanlah penyelesaian yang betul apabila menggantikan pekerjaan kepada pengangguran. Kehidupan bukanlah satu kerehatan dan bukan juga hanya untuk mencari kesenangan hidup. Masyarakat saling memerlukan antara satu sama lain. Duit dapat menghasilkan produk dan produk juga boleh menjana duit tetapi duit semata-mata tidak boleh menjana duit. Justeru, riba amalan terlarang.

Ketiga: Perpaduan umat manusia. Manusia berasal daripada asal-usul yang sama. Jantina, warna kulit, umat dan individu bukanlah asas perbandingan. Orang kaya tidak wajar mengabaikan orang miskin dan orang yang kuat pula tidak wajar mengabaikan orang yang lemah. Setiap orang tidak boleh menzalimi yang lain dan memberikan kebaikan kepada orang tertentu sahaja. Prinsip-prinsip ini tidak boleh diterapkan melalui penguatkuasaan undang-undang semata-mata, tetapi juga melalui sistem pendidikan yang berfokus, tarbiah solehah dan pemberian contoh teladan yang baik.

Keempat: Mengekang nafsu. Inilah perbezaan antara manusia dengan haiwan. Sekiranya nilai ini hilang daripada manusia, jadilah dia seperti haiwan. Slogan "Jadilah diri kamu sendiri" perlu diubah kepada "Jadilah seperti yang sepatutnya kamu jadi". Pendidikan dan media massa di Barat kini menyebabkan keruntuhan nilai yang amat dahsyat dan membawa kepada pelbagai kecelakaan. Allah berfirman dalam Surah al-Qasas :50 yang bermaksud : "dan tidak ada yang lebih sesat daripada orang yang menurut hawa nafsunya dengan tidak berdasarkan hidayah petunjuk dari Allah".

Kelima: Peperangan dan keamanan. Kita telah menjelaskan bahawa syarat peperangan dalam Islam adalah untuk mempertahankan Islam daripada musuh atau memerangi kezaliman. Peperangan merupakan satu penyelesaian sesudah ketiadaan cara lain. Antara adab peperangan

dalam Islam pula yang perlu dijaga ialah tidak membunuh orang awam serta merosakkan flora dan fauna, melayan tawanan dengan baik dan berhenti berperang sekiranya ada peluang untuk berdamai.

Sesungguhnya Perang Dunia Pertama tidak menyasarkan orang awam. Selepas itu, peralatan perang canggih telah dicipta. Syarat serta adab peperangan dalam Islam tidak dihiraukan lagi. Oleh itu, tindakan terbaik ialah tidak mencetuskan peperangan sebagai satu cara untuk menyelesaikan pertikaian. Peperangan perlu dielakkan dengan penuh iltizam. Pemikiran yang bertamadun perlu merangka cara penyelesaian lain, seperti mewujudkan badan kehakiman antarabangsa yang bebas tanpa campur tangan politik, berusaha melakukan gencatan senjata secara lebih meluas. Jika manusia tidak bersepakat dalam perkara ini, maka mereka perlu menanggung akibatnya yang amat perit.

Keenam: Alam sekitar. Orang fakir dikekang kesusahan lalu mereka terpaksa melakukan sesuatu untuk menjamin keperluan makanan, membeli senjata dan menjelaskan hutang mereka. Mereka tidak melihat cara lain melainkan dengan menjual sumber alam yang dimiliki. Berapa banyak hutan telah ditebang untuk dijual kayu-kayannya. Pokok-pokok di hutan yang mengambil masa puluhan tahun untuk tumbuh semula sedangkan tumbuhan ini membekalkan oksigen kepada bumi dan menjaga lapisan ozon.

Orang kaya pula diselubungi sifat sombong dan tamak. Mereka bersikap melampau dalam menggunakan sumber alam dan meningkatkan kemampuan industri mereka, lalu mereka mengeksploitasikan sumber alam dan mencemarkan bumi kita dengan sisa industri, radioaktif dan racun kimia. Ini semua menipiskan lapisan ozon. Benarlah hipotesis “Sains menyebabkan manusia membunuh diri mereka sendiri”. Perkara ini berlaku ketika keadaan aman sejahtera, bagaimanakah pula keadaannya pada masa peperangan?

Pelbagai penyelesaian telah dirangka tetapi dunia tidak mengendahkannya kerana wujud golongan tamak yang hanya inginkan kekayaan segera tanpa mengira risiko pada masa hadapan. Mereka berebut-rebut untuk berhutang daripada masa hadapan tetapi mereka tidak mengendahkan seandainya generasi akan datang tidak mampu membayarnya. Mereka bersuka ria hari ini, tetapi generasi masa hadapan akan menanggung kesusahan.

Dalam menghadapi keadaan ini, pergerakan reformis politik seperti pergerakan *Greenpeace* dan *Peace Now* sebagainya telah muncul. Suaranya dan pengaruhnya semakin didengari sedikit demi sedikit, akan tetapi pihak yang berkepentingan lebih berpengaruh dan hebat kedudukannya.

Walaupun pergerakan yang memfokuskan penjagaan alam sekitar masih baharu, namun yang menariknya, kita dapat melihat dengan jelas saranannya dalam Al-Quran dan Hadis. Kita nyatakan di sini beberapa contoh :

1. Firman Allah SWT dalam Surah al-Rum:41 yang bermaksud : "Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia".
2. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah:60 yang bermaksud : "dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi".
3. Firman Allah SWT dalam Surah al-Qasas:77 yang bermaksud : "dan janganlah Engkau melakukan kerosakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan".
4. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah:11 yang bermaksud : "dan apabila dikatakan kepada mereka: "Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi", mereka menjawab: "Sesungguhnya kami orang yang hanya membuat kebaikan".
5. Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf:85 yang bermaksud : "dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi sesudah Allah menjadikannya (makmur teratur) dengan sebaik-baiknya".
6. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah:205 yang bermaksud : "kemudian apabila ia pergi (dengan mendapat hajatnya), berusahalah ia di bumi, untuk melakukan bencana padanya, dan membinasakan tanaman-tanaman dan keturunan (binatang ternak dan manusia)".
7. Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf:31 yang bermaksud : "dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau batas".
8. Firman Allah SWT dalam Surah al-An'am:141 yang bermaksud : "Makanlah daripada buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau

menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan)”.

9. Firman Allah SWT dalam Surah al-Qamar:28 yang bermaksud : “dan khabarkanlah kepada mereka, bahawa sesungguhnya air (telaga mereka) terbahagi di antara mereka”.
10. Firman Allah SWT dalam Surah Hud:116 yang bermaksud : “dan orang yang tidak melarang itu telah menitikberatkan segala kemewahan yang diberikan kepada mereka dan jadilah mereka orang yang berdosa”.
11. Firman Allah SWT dalam Surah al-Isra’:27 yang bermaksud : “Sesungguhnya orang yang boros itu ialah saudara-saudara Syaitan”.

Hadis pula meletakkan kaedah yang umum berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud : ﴾Tidak ada mudarat dan tidak boleh melakukan kemudaratan﴿.

Hadis juga menjelaskan pedoman dalam isu ini seperti dalam sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: ﴾Sesungguhnya Allah Maha Indah dan sukakan keindahan, bersih dan sukakan kebersihan﴿, ﴾Kebersihan itu sebahagian daripada iman﴿, ﴾...dan berikanlah hak kepada jalan﴿, ﴾...dan mengalihkan sesuatu yang menyakiti di jalan merupakan satu sedekah﴿, ﴾Bersihkan kebun-kebun kamu﴿, ﴾Takutlah tiga perkara yang mendapat laknat: membuang air di teduhan, di sumber air dan di jalan yang dilalui oleh orang ramai﴿, ﴾Sesiapa yang menjaga diri daripada kejahatan maka ia akan dipelihara﴿, ﴾Makanan untuk seorang cukup untuk dua orang dan makanan untuk dua orang cukup untuk empat orang﴿, ﴾Sekiranya kamu mendapat berita tentang penyakit taun di kawasan kamu, jangan kamu hampirinya. Sekiranya kamu berada di sekitarnya dan kamu dijangkiti penyakit itu, maka janganlah keluar dari tempat itu﴿, ﴾Berjimatlah (dalam menggunakan air untuk berwuduk) walaupun kamu berada dalam sungai yang mengalir﴿, ﴾Janganlah salah seorang daripada kamu membuang air dalam air yang bertakung﴿, ﴾Tidaklah seorang muslim yang menanam pohon atau menanam tanaman, lalu dimakan burung, manusia atau haiwan, kecuali dia akan mendapatkan sedekah keranananya﴿, ﴾Janganlah biarkan api di rumah kalian menyala ketika kalian sedang tidur﴿, ﴾Sekiranya datang hari kiamat dan di tangan kamu terdapat benih yang sedang bercambah, jika kamu mampu menanamnya sebelum berlakunya kiamat itu maka tanamlah﴿ dan ﴾Jangan ditebang pokok dan jangan berburu burung dalam lingkungan 4 batu di Lembah Waj (berdekatan Taif) sesiapa yang melakukannya akan dihukum dan siapa bertaubat, bawalah dia kepada Rasulullah dan tanyalah pendapat baginda SAW berkenaan hal tersebut﴿.

Islam bukan sahaja prihatin akan isu kerosakan alam sekitar, bahkan Islam juga amat prihatin akan isu kerosakan akhlak. Keruntuhan akhlak dalam kalangan umat manusia telah mewujudkan satu industri yang besar. Industri ini dipromosikan, diiklankan, dipasarkan dan dimomokkan dengan bayaran gaji yang lumayan. Industri ini telah mencapai kejayaan yang besar dan meruntuhkan akhlak sertan nilai masyarakat terutamanya golongan muda-mudi. Apa yang terbayang dalam khayalan, menjadi tontonan yang biasa di panggung wayang atau televisyen atau di majalah, surat khabar dan buku-buku. Selain itu, kewujudan taman tema, kelab, konsert, universiti, sekolah, kurikulum pendidikan juga mempengaruhi keruntuhan akhlak dan nilai. Isu ini juga melibatkan pemimpin-pemimpin gereja dan juga pemimpin politik pada peringkat tertinggi.

Ketika buku ini ditulis, terdapat seorang wanita yang melaporkan kepada mahkamah mengenai presiden Amerika Syarikat yang melakukan gangguan seksual terhadapnya. Rakyat Amerika bebas bersuara kerana mereka dilindungi oleh perlembagaan. Suatu perkara yang sukar difahami, sesiapa yang meracuni orang lain akan dijatuhi hukuman penjara tetapi sesiapa yang meracuni akhlak, dilepaskan tanpa pengadilan.

Dalam Islam, akhlak dan nilai diadili oleh undang-undang. Oleh itu, tugas utama ialah membina peribadi muslim dan memantapkan hubungannya dengan Allah SWT.

Penutup

Seandainya Umat Islam memahami apa yang sedang berlaku di dunia dan mengetahui hala tuju dunia sekarang ini nescaya mereka tidak akan mampu berpeluk tubuh dan tidur lena.

Jurang antara golongan maju dengan mundur semakin ketara meluas. Kita tidak mampu mendakwa bahawa kita telah maju kerana kemajuan itu adalah subjektif. Apabila kita telah maju sedepa ke hadapan dan pada waktu yang sama orang lain telah maju sebatu ke hadapan, maka dalam situasi itu, kita sebenarnya telah ketinggalan di belakang.

Sesungguhnya Negara Dunia Pertama telah merangka pelan untuk abad ke- 21 seumpama sistem perladangan. Mereka ialah pemiliknya dan negara-negara lain ialah umpama binatang ternakan yang diperlukan petani dan hamba pada zaman feudalisme.

Inilah cabarannya. Adakah kita mengerti?

Aku berharap agar khalayak pembaca tidak menuduhku sebagai seorang yang pesimis dan pendokong pesimistik. Tuduhan itu tidak benar sama sekali.

Oleh itu, aku tidak hanya mengkritik peristiwa yang berlaku dalam kehidupan kita sehingga merosakkan kita semua. Aku meyakini bahawa penyelesaian tidak mungkin tercapai tanpa dikenal pasti punca dan faktornya terlebih dahulu.

Mengagungkan kejayaan silam tidak mendatangkan keuntungan kepada diri sendiri dan hanyalah umpama menangisi peristiwa yang telah berlalu, selagi kita tidak berusaha untuk memahami situasi semasa dan bekerja keras untuk mengecap kejayaan pada masa hadapan.

Tindakan pertama yang perlu dilakukan oleh umat Islam ialah mengetahui dan memahami fakta-fakta yang berkaitan serta berinteraksi dengan fakta-fakta itu. Kita perlu mempelajari peta dunia (maksud di sini bukannya keadaan geografi) dan menentukan status quo kita kerana kita tidak akan sampai ke destinasi jika kita tidak tahu di manakah titik mulanya.

Jika jalan itu sukar dan jauh, maka kuatkan semangat dan jadikan cabaran yang dihadapi sebagai motivasi buat diri kita. Perkara pertama dan utama ialah niat. Niat tempatnya di hati. Kita niatkan untuk memahami kelemahan kita dan tidak mahu berdiam diri tetapi bukan untuk menyombong, bahkan untuk meminta maaf dan memohon keampunan Allah..

Kita berniat untuk bermuhasabah dan membetulkan diri kerana sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu melainkan mereka mengubah nasib mereka sendiri.

Kita berniat untuk kembali kepada Allah dengan sebenar-benarnya dan dengan sepenuh kemuliaan. Niat sebegini lebih baik daripada hanya bersemangat, berteriak-teriak, menunjuk-nunjuk dan berperang tanpa niat yang betul. Niat sebegini menjadikan kita bersikap mendahulukan Allah daripada hawa nafsu kita.

Berwaspadalah, wahai kaum muslimin! Janganlah kamu berasa lemah apabila melihat kekuatan musuhmu. Sesungguhnya keagungan itu milik Allah dan pesuruh-Nya serta orang yang beriman. Syaratnya ialah kamu mesti menjadi orang beriman!

Sesungguhnya tamadun metarial musuh kamu yang gah bukanlah perkara yang luar biasa tetapi ia hanyalah hasil daripada kewujudan bahan mentah, minda dan harta. Kamu sebenarnya memiliki lebih daripada mereka dan hanya menunggu masa untuk digerakkan.

Sesungguhnya rakyat yang miskin dan lemah telah berjaya bangkit sehingga digelar sebagai *harimau ekonomi*. Antara mereka ialah umat Islam seperti di Malaysia yang telah berjaya mengeksport bunga ke Belanda dan mikrocip komputer ke Amerika Syarikat. Semoga Allah melindungi Malaysia daripada segala bala bencana.

Oleh sebab tamadun musuh-musuh kamu bersifat metarialistik, maka roh mereka terpesong daripada rahmat dan pedoman Allah. Tamadun mereka bak bangunan yang didirikan tanpa asas yang kukuh. Apabila bangunan itu semakin tinggi mencakar langit maka semakin mudah ia jatuh menyembah bumi.

Kita sebagai umat Islam tidak terkecuali daripada membina tamadun, menggunakan sumber yang membawa kemajuan dan mengaplikasikan ilmu untuk tujuan itu, tetapi Islam telah menetapkan asas sesuatu tamadun dan pembangunan. Allah telah mengutus Nabi Muhammad SAW sebagai rahmat kepada sekalian alam dan kita diamanahkan khazanah "rahmat" ini selepas kewafatan baginda SAW. Justeru, wajiblah ke atas kita mentadbir urusan kita dengan rahmat ini dan menyampaikan rahmat ini hanya kerana Allah. Rahmat yang terbaik ialah mempamerkan teladan yang baik.

Perkara ini akan berlaku dengan izin Allah SWT tetapi Allah bersifat Maha Penyabar. Perkara ini tidak dapat berlaku secara terburu-buru. Semoga dengan rahmat-Nya dan kemurahan-Nya, Allah memberi kita peluang untuk memperoleh ganjaran-Nya hasil sumbangan kita dalam

perkara ini. Jika kita tidak mempedulikan perkara ini, nescaya satu golongan yang cinta akan Allah dan Allah juga cinta akan mereka yang akan menyahut tuntutan ini. Jika kita melaksanakan tuntutan ini, kita akan termasuk dalam golongan tersebut, *In sya Allah*.

Hanya kepada Allah, kuserahkan kesudahan segala urusan

Segala puji hanya untuk Allah, tuhan sekalian alam.

Komentar Penerbit

Mengapakah kami menerbitkan karya ini?

Pengarang: Pemikiran dan manhaj beliau

merupakan santapan kepada minda Arab Muslim

Manusia memiliki prinsip. Prinsip bertunjangkan idea. Idea pula berkait dengan manhaj.

Prof. Hassan Hathout merupakan insan yang mempunyai prinsip, idea dan manhaj. Beliau mempunyai misi dan rasa bertanggungjawab untuk melaksanakannya. Beliau telah berjanji untuk melaksanakannya dan tidak akan berhenti walaupun seketika.

Pada awal kehidupannya, Hassan telah mendengar seruan akal dan tanggungjawab terhadap negara, lantas beliau mengabaikan seruan hati dan perasaan beliau.

Setelah berjaya menghabiskan pengajiannya dalam bidang kedoktoran, Hassan melibatkan dirinya dalam medan perang, iaitu dengan merawat dan menjaga pesakit.

Pada awal zaman mudanya, iaitu setelah Hassan bergraduat daripada Fakulti Perubatan, beliau segera berkhidmat di medan perang. Beliau merawat orang yang cedera dan mengubati orang sakit.

Ketika berkhidmat di medan jihad menentang musuh, beliau telah berkahwin dengan wanita yang memahami misi dan matlamat beliau. Isteri beliau ialah rakan semasa belajar. Isteri beliau sentiasa menggalakkan beliau untuk terus teguh menunaikan tanggungjawab sehingga hari ini.

***

Prof. Hassan telah memilih profesion yang lebih mulia, iaitu doktor. Beliau berkata,

"Aku bersyukur kepada Allah kerana aku telah memilih untuk menceburi bidang perubatan. Bidang yang tidak akan disesali sesiapa yang menceburinya. Bidang ini bukan hanya memberi keadilan dalam rawatan, bahkan memperkasakan sifat belas kasihan dalam diri doktor. Doktor akan merawat kawan dan lawan, yang jauh dan dekat serta juga askar yang cedera sama ada pihak pejuang ataupun musuh."

Pesakit mengunjungi doktor semata-mata untuk mendapatkan rawatan dan belas kasihan. Oleh itu, sikap memberi keadilan kepada pesakit telah bertukar kepada sifat belas kasihan. Mereka merawat pesakit dengan penuh belas kasihan. Sesungguhnya, belas kasihan Allah melebihi keadilan Allah. Bahkan, belas kasihan Allah juga melampaui kemarahan-Nya. Manusia merupakan wasilah kepada sifat belas kasihan Allah. Aku merasakan bahawa sifat belas kasihan ini merupakan ganjaran kepada manusia. Ganjaran bukan sahaja dalam bentuk duit dan harta.

***

Kita kembali semula kepada misi pengarang karya ini. Misi dakwah kepada agama Allah SWT. Misi ini telah menyebabkan beliau menempuh pelbagai dugaan, namun beliau tidak berasa lemah dan hina, bahkan dirinya semakin bertambah kuat dan kental serta keazaman beliau semakin meningkat. Bertitik tolak dari situ, Hassan mengambil keputusan untuk meninggalkan profesion dalam bidang perubatan ketika berada di Kuwait dan berpindah ke negara lain yang lebih memerlukan, iaitu Amerika Syarikat. Perpindahan ke tempat baharu merupakan lumrah pendakwah di jalan Allah.

Kebanyakan medium yang wujud pada hari ini tidak memainkan peranannya dan meninggalkan impak. Beliau yakin bahawa kebebasan merupakan titik mula kerana tohmahan utama golongan ateis dan sekular kepada golongan beragama ialah golongan beragama menyekat kebebasan. Beliau menegaskan bahawa tuduhan itu salah dan berkata: "Lihatlah pada diri sendiri dan bertanyalah, "Mengapakah Allah SWT menjadikan dan memuliakan manusia?" "Mengapakan Allah SWT menciptakan alam untuk kemudahan manusia?" "Mengapakah manusia dimuliakan dengan memikul amanah?" Jawapannya ialah Allah SWT telah mencipta manusia dan sifat-sifat yang diperlukan mereka. Allah SWT berkata: Wahai manusia, beramallah dan kelak setiap amalan kamu akan dihitung. Kamu perlu bekerja tetapi aku akan menghisab kamu.

Kita tidak mampu membayangkan kewujudan hisab tanpa kebebasan memilih, kebebasan beramal dan kebebasan membuat keputusan. Manusia tanpa kebebasan akan menyebabkan hisab itu tidak wajar dilakukan. Manusia yang memilih dan Allah membantunya dalam membuat pilihan, sama ada jalan yang benar ataupun jalan yang sesat.

Pegangan agama itu mestilah bermula daripada hakikat ini dan berteraskan prinsip ini. Manusia itu fitrahnya bebas. Dalam sesebuah masyarakat Islam, terdapat hukum syariah, manakala dalam kalangan masyarakat bukan Islam pula terdapat undang-undang sivil. Kadangkala manusia itu beriltizam dengan undang-undang sivil, namun mereka masih terjebak dalam maksiat dan dosa. Mereka tidak akan terlepas daripada hisab Allah.

Kebanyakan pendakwah tidak memahami bahawa hakikat manusia ialah kebebasan. Seorang pendakwah apabila berperanan sebagai diktator...mengubah dengan tangan dan lidahnya, seorang anak mengkafirkan ayah atau gurunya atau seseorang merosakkan sesuatu majlis dengan menggunakan khizir sebenarnya tidak memahami prinsip asas agama.

Agama berpaksikan kebebasan. Makhluk dihisab kerana mereka melakukan sesuatu secara bebas.

Seorang pendakwah tidak mempunyai sebarang hak untuk menyakiti orang yang silap. Namun, dia haruslah mengajaknya dengan hikmah dan contoh teladan yang baik. Inilah yang wajib menjadi manhaj dakwah. Allah berfirman kepada Rasulullah SAW dalam Surah al-Ghasyiah:21-22 yang bermaksud : “Oleh itu berikanlah sahaja peringatan (wahai Muhammad, kepada manusia, dan janganlah berdukacita kiranya ada yang menolaknya), kerana sesungguhnya engkau hanyalah seorang rasul pemberi ingatan. Bukanlah engkau seorang yang berkuasa memaksa mereka (menerima ajaran Islam yang engkau sampaikan itu)”. Firman Allah dalam Surah al-Baqarah :256 yang bermaksud : “Tidak ada paksaan dalam agama (Islam)”

Kebebasan merupakan kehendak Allah kepada makhluknya. Oleh itu, kita mesti menghormati hak kebebasan manusia. Kita perlu berbuat baik sesama manusia bukan memukul dan melakukan keganasan kepada mereka. Para pendakwah sebenarnya perlu menyantuni hati manusia. Peranannya ialah membuka kunci jiwa kerana setiap jiwa mempunyai kunci. Kewajipan seorang pendakwah ialah bersifat lemah lembut ketika menyampaikan dakwahnya dan memahami

bahawa kasih sayang merupakan faktor utama kejayaannya. Hal ini demikian kerana apabila manusia menyayanginya maka mereka akan mendengar kata-katanya dan suka akan dakwahnya.

Prof. Hasan menjelaskan, : “Islam berada di puncak keagungan dan kesempurnaan, namun umat Islam pula berada dalam kelemahan. Jika dalam dunia ini terdapat muslim yang mempraktikkan ajaran Islam maka seluruh dunia akan memeluk Islam. Islam bukan sekadar untuk Timur Tengah dan bukan juga hanya untuk orang Arab bahkan Islam merupakan rahmat kepada seluruh alam.

Oleh itu, tanggungjawab kita adalah untuk mengubah alam mengikut pandangan dunia terhadap kita sebagai orang Islam. Aku menyeru kepada sesiapa yang menganggap dirinya pendakwah supaya sentiasa melazimkan logik al-Quran. Sesiapa yang merasakan dirinya tidak mampu disukai, tidak usahlah dia berdakwah dan hentikanlah kejahatannya terhadap Islam.”

***

Prof. Ustaz Hassan Hathout berpindah ke negara baharu. Beliau giat menyampaikan dakwah Islam dengan penuh rasa cinta dan keimanan. Manhaj beliau telah meninggalkan impak kepada pendengar, sama ada melalui siaran televisyen mahupun kuliah atau seminar yang diadakan.

Hassan telah menerbitkan sebuah buku yang bertajuk *Reading Muslim Mind* dalam bahasa Inggeris. Buku ini didedikasikan kepada khalayak pembaca barat. Dalam buku ini, beliau menjelaskan hakikat agama yang suci ini dari aspek prinsip dan nilainya. Buku ini telah mendapat sambutan menggalakkan daripada kebanyakan pembaca Amerika Syarikat. Mereka kagum akan hakikat Islam dan peranannya dalam menyusun atur masyarakat, hubungan manusia dengan penciptanya dan juga sesama saudara Islam.

Buku tersebut telah dicetak sebanyak tiga kali. Malah karya beliau juga akan diterjemahkan ke bahasa Perancis dalam masa terdekat ini, *In sya Allah*. Melalui pertemuan dengan Prof Ustaz Hasan Hathout, kami berkata kepada beliau:

Betapa khalayak pembaca Arab Muslim menginginkan sebuah karya yang menjelaskan hakikat agama Islam yang suci seperti buku *Reading Muslim Mind*. Prof. Hassan menyahut

permintaan kami dengan penuh semangat, lantas beliau mula menulis buku yang seperti yang diminta, iaitu buku yang sedang berada di tangan anda semua kini.

Tujuan kami menerbitkan buku yang dicetak ikhlas kerana Allah adalah untuk menyajikan idea Prof. Hassan, tokoh yang telah menyerahkan jiwa raganya untuk perjuangan Islam. Perjuangan beliau dalam mempertahankan Islam diabadikan dalam dua buah karya beliau:

1. Buku berjudul '*Reading Muslim Mind'* yang ditujukan kepada khalayak pembaca barat.
2. Buku berjudul '*Hādhā alqā Allāh*' yang dengan sukacitanya kami sajikan untuk khalayak pembaca Arab muslim.

Prakarsa kedua oleh Prof. Hassan Hathout adalah dengan memberikan royalti penjualan buku kepada pengurusan Pusat Islam di Los Angeles, Selatan Carlifonia sebagai wakaf pendidikan Islam untuk membina Sekolah-Sekolah Islam Contoh kepada anak-anak orang Islam di Amerika Syarikat. Beliau yakin bahawa misi pendidikan kepada anak-anak di sekolah ini tidak mengurangkan kepentingan peranan masjid dalam mendidik anak-anak nilai dan kefahaman agama mereka yang suci.

***

Kami amat mengharapkan buku yang berada di tangan khalayak pembaca ini menjadi cahaya yang menerangi dan menyinari jalan umat Islam. Semoga buku ini menjana manfaat dan merealisasikan hasrat kami untuk berkhidmat demi Islam dan menjadi sumber hidayah kepada penganutnya.

Ghanīmah Fahd al-Marzūq

Nombor Akaun dan Alamat Bank :
Waqf Endowment Fund/Education Fund
Ceders Bank

444 South Flower Street

14 th. Floor

Los Angeles, California 90071, USA

Nombor Akaun : 1010620866

Nombor ABA : 122041523